KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA RASMI
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI KE-14
[PERASMIAN SIDANG DEWAN]

ISI KANDUNGAN

HARI PERTAMA PERSIDANGAN
20 SEPTEMBER 2021 [ISNIN]

PERKARA	MUKA SURAT
KEHADIRAN AHLI-AHLI DEWAN	
BACAAN DOA	
I. TITAH UCAPAN KDYMM TUANKU SULTAN KEDAH	1

HARI KEDUA PERSIDANGAN
21 SEPTEMBER 2021 [SELASA]

PERKARA	MUKA SURAT
KEHADIRAN AHLI-AHLI DEWAN	
BACAAN DOA	
I. PEMBENTANGAN KERTAS – KERTAS DEWAN	10
II. PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT [Pertanyaan No. 1 hingga Pertanyaan No. 6]	11
III. UCAPAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH	32
IV. PERBAHASAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH	33

HARI KETIGA PERSIDANGAN
22 SEPTEMBER 2021 [RABU]

PERKARA	MUKA SURAT
KEHADIRAN AHLI-AHLI DEWAN	
BACAAN DOA	
I. SAMBUNGAN PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT [Pertanyaan No. 7 hingga Pertanyaan No. 12]	76
II. SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH.	99
III. PENGGULUNGAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH	148

HARI KEEMPAT PERSIDANGAN
23 SEPTEMBER 2021 [KHAMIS]

PERKARA	MUKA SURAT
KEHADIRAN AHLI-AHLI DEWAN	
BACAAN DOA	
I. SAMBUNGAN PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT [Pertanyaan No. 13 hingga Pertanyaan No. 19]	151
II. SAMBUNGAN PENGGULUNGAN USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH	174
III. MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG PENGAWALAN SEKOLAH AGAMA ISLAM (KEDAH DARUL AMAN) 2021	228
IV. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN SARAAN KERABAT DIRAJA (PINDAAN) 2021	229
V. PEMBENTANGAN LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN	236
VI. TANGGUHAN SIDANG DEWAN	238

JAWAPAN KEPADA PERTANYAAN DEWAN
MENGIKUT PERATURAN 22(6)PERATURAN-PERATURAN
MESYUARAT DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH

1. PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

2. PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS

PENGACARA MAJLIS

(Mengumumkan YB. Tuan Juhari Bin Bulat, Speaker Negeri Kedah Darul Aman masuk ke Dewan Mesyuarat)

YB. SPEAKER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula. Kita mulakan dengan bacaan doa.

I. DOA - SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

YB. TUAN SPEAKER

"Sukacita saya maklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah telah memberi perkenan untuk menyampaikan titah ucapan sempena Perasmian Pembukaan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat melalui sidang video dari Istana Anak Bukit.

TITAH UCAPAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SEMPENA ISTIADAT PERASMIAN PEMBUKAAN SIDANG DEWAN NEGERI MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEMPAT DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH KE-14 PADA HARI ISNIN, 20 SEPTEMBER 2021.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan keizinan dan limpah kurnia-Nya, walaupun ketika ini Negeri Kedah sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menghadapi pandemik COVID-19, Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Kedah yang ke-14 dapat dilangsungkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pada 18 Ogos 2021 yang lalu, hujan lebat dengan kuantiti air yang luar biasa telah menyebabkan berlakunya bencana kepala air di kawasan sekitar Gunung Jerai di Daerah Yan dan beberapa kawasan di Daerah Kuala Muda. Bencana ini telah mengakibatkan kemusnahan besar kepada harta benda awam dan persendirian serta turut mengorbankan 6 nyawa.

Tragedi yang malang ini adalah satu ujian kepada mangsa terlibat. Dalam hal ini, Beta dan Tuanku Sultanah Kedah ingin menzahirkan ucapan takziah kepada semua keluarga mangsa yang terlibat. Beta berdua mendoakan agar mereka cekal dan tabah dalam menghadapi dugaan ini.

Beta amat berbesar hati atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan melalui bantuan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang telah bersetuju untuk menyalurkan peruntukan berjumlah RM 78 juta bagi tujuan pemulihan.

Beta turut ingin menzahirkan penghargaan kepada semua agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, serta para sukarelawan yang telah terlibat dalam memberi sumbangan merangkumi tenaga, wang ringgit dan bekalan makanan.

Sehingga kini Beta dimaklumkan bahawa kerja-kerja pembersihan rumah di kawasan yang terlibat masih lagi diteruskan oleh pelbagai pihak. Ini adalah bertujuan untuk meringankan beban mangsa. Kerukunan dan ukhwah yang ditonjolkan ini adalah selari dengan prinsip Keluarga Malaysia.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Dalam tempoh 18 bulan yang lalu, pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada struktur sosioekonomi Negara Malaysia secara amnya dan Negeri Kedah secara khususnya. Penutupan sektor ekonomi yang berlarutan menyebabkan ramai yang telah hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Desakan ekonomi yang dihadapi oleh rakyat ini telah menyebabkan mereka dihimpit pelbagai masalah sosial.

Beta menyeru agar Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Mamanda Menteri Besar memikirkan langkah sewajarnya bagi mengatasi masalah ekonomi dan tekanan emosi rakyat. Jika ketika ini rakyat marah dan melontarkan pelbagai kritikan, anggaplah itu sebagai lumrah dan cabaran.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Anas Bin Malik. Rasullullah Sallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda, “Sesungguhnya Allah ketika menciptakan penyakit, diciptakan juga penawarnya. Maka, berubatlah kamu”.

Menyahut tuntutan hadis ini, Beta berharap agar kadar vaksinasi di Negeri Kedah dapat dipertingkatkan dan imuniti kelompok berjaya dicapai dengan kadar segera.

Beta difahamkan kadar vaksinasi di Negeri Kedah telah mencapai peratusan melebihi 50 peratus. Walaubagaimanapun, Beta menyeru agar prestasi ini dipertingkatkan lagi bagi membolehkan sektor ekonomi dan sosial dapat dibuka secara sepenuhnya lebih awal.

Justeru, kerajaan perlu memikirkan langkah sewajarnya. Kelompok yang kurang capaian internet untuk mendaftar vaksin dan golongan warga emas yang tiada kemudahan pengangkutan perlu diberi perhatian.

Kerajaan juga perlu bijaksana untuk berhadapan dengan individu berfahaman anti-vaksin yang berisiko menggagalkan usaha untuk mencapai imuniti kelompok. Maklumat tidak tepat dan berita palsu yang dapat memesongkan pemikiran rakyat perlu segera ditangani.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Beta menghargai usaha Mamanda Menteri Besar serta seluruh kepimpinan kerajaan yang telah membantu rakyat dalam tempoh yang sulit ini.

Beta difahamkan sejumlah RM 32.4 juta telah dibelanjakan dalam usaha membantu rakyat sepanjang pandemik COVID-19. Perbelanjaan ini melibatkan pelbagai bantuan seperti bakul makanan, pinjaman perniagaan, bantuan tunai serta bantuan perubatan.

Beta percaya dengan komitmen Mamanda Menteri Besar serta seluruh anggota Kerajaan Negeri Kedah, hasrat untuk mengatasi pandemik ini pasti akan berjaya diharungi. Beta turut menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua petugas barisan hadapan. Mereka ini adalah perwira kita.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Beta dimaklumkan Kerajaan Negeri kini sedang merangka satu perancangan pemulihan ekonomi yang akan dibentangkan dalam Sidang Belanjawan akan datang, sebagai persediaan Negeri Kedah menempuh endemik COVID-19 kelak. Beta berharap perancangan ini sedikit sebanyak akan memberi sinar harapan kepada seluruh rakyat Negeri Kedah.

Menyedari hakikat kita akan melangkah ke fasa endemik, Beta turut menyeru satu perancangan teratur dan jelas dapat diambil oleh Kerajaan Negeri dalam hal ehwal melibatkan aktiviti keagamaan. Prosedur Operasi Standard perlu disemak semula agar lebih menyeluruh dan lebih sesuai dengan situasi endemik. Beta berkehendak syiar Islam di bumi Kedah ini terus subur dan bersemarak.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Prestasi pelaburan Negeri Kedah bagi suku pertama tahun 2021 adalah yang terbaik di Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 43 bilion. Ini telah membuktikan perancangan kerajaan telah membuahkan hasil.

Beta yakin dengan terlaksananya Projek Berimpak Tinggi yang dirancang seperti Kedah Rubber City, Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone yang merangkumi Kedah Science & Technology Park dan Kota Perdana, Sidam Logistics, Aerospace & Manufacturing Hub, Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim, Lebuh Raya Koridor Utara serta pembesaran Kulim Hi-Tech Park, bakal meletakkan Negeri Kedah di landasan yang betul kearah pengukuhan sektor ekonomi dan pelaburan di masa hadapan.

Dalam kita giat melaksanakan segala pembangunan negeri, Beta ingin ingatkan agar setiap perancangan, perundingan dan kerjasama yang dibuat perlulah sentiasa meletakkan kepentingan negeri mengatasi kepentingan yang lain.

Tahniah Beta ucapkan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri di atas kejayaan merencanakan agenda ekonomi dan pelaburan di Negeri Kedah. Selaras dengan prospek ekonomi negeri yang semakin pesat, Beta menyeru kepada jentera pentadbiran agar lebih bersiap siaga khususnya kepada para Pegawai Tadbir Negeri Kedah yang menjadi nadi jentera pentadbiran di Negeri Kedah.

Sekiranya ada keperluan untuk menyusun semula gerak kerja dan menambah kemampuan jentera pentadbiran negeri maka lakukanlah dengan segera.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Beta dimaklumkan Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang dirangka dengan kerjasama pelbagai pihak telah pun dilancarkan dan mula dilaksanakan. Perancangan pembangunan yang baik adalah apabila dirancang secara tersusun berdasarkan fakta dan angka. Begitu juga dengan tempoh sesebuah perancangan perlulah melihat kepada matlamat yang besar dan tempoh yang panjang agar tumpuan tidak dibazirkan dengan pelaksanaan program dan projek yang tidak terarah.

Selain itu, perlulah diingatkan bahawa sesebuah perancangan pembangunan sekiranya tiada kesinambungan dan sering berubah-ubah adalah tindakan yang merugikan sumber dan tenaga.

Beta perkenan agar Pelan Pembangunan Kedah 2035 didukung oleh semua pihak sama ada di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan serta lain-lain pihak berkaitan yang berada di Negeri Kedah untuk dilaksanakan dengan serius bagi tempoh 15 tahun bermula tahun ini hingga ke tahun 2035. Semoga visi untuk menjadikan Negeri Kedah Sejahtera dan Berdaya Huni dapat dicapai.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Syarikat Berkaitan Kerajaan atau *Government Linked Company (GLC)* merupakan pendukung terpenting aspirasi pembangunan sosioekonomi dan pelaburan Negeri Kedah. Beta menyeru agar semua GLC di Negeri Kedah dapat ditransformasikan melalui penstrukturan yang lebih konstruktif dan telus.

Penekanan harus diletakkan kepada perancangan strategik dan pelan perniagaan GLC yang lebih selari dengan iklim ekonomi semasa. Dunia sedang berubah kearah ekonomi yang lebih liberal dan terbuka. Sekiranya GLC masih terus bergantung kepada projek dan ihsan kerajaan, Beta berpandangan ianya tidak berdaya maju dan mampan.

Kerjasama dalam bidang yang dijangka menjadi 'spearhead' dalam arus ekonomi semasa seperti teknologi hijau, *artificial intelligence,* infrastruktur 5G dan ekonomi digital wajar diterokai.

Selain itu, pemilihan kepimpinan tertinggi sesebuah GLC perlu diberi perhatian khusus. Individu yang menyandang posisi utama hendaklah dikalangan yang berwibawa dan berwawasan. Kepakaran, pengalaman serta pengetahuan yang luas perlu dijadikan merit pelantikan kepimpinan tertinggi sesebuah GLC.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Negeri Kedah kaya dengan hutan simpan, gunung-ganang yang megah, dan pulau-pulau yang indah. Kita perlu pelihara agar anak cucu kita dapat menikmatinya kelak.

Tidak dapat dinafikan arus pemodenan kadang kala memaksa kita berkompromi dalam soal memelihara alam semulajadi. Namun, Negeri Kedah boleh berevolusi. Negeri yang maju amat menitik beratkan ekonomi yang mampu menambah nilai kepada sumber alam.

Langkah kerajaan mendapatkan pengiktirafan Pulau Langkawi sebagai UNESCO Global Geopark dan kawasan sekeliling Gunung Jerai sebagai Geopark Kebangsaan adalah satu langkah yang menambah nilai kepada sumber alam. Usaha perlu diteruskan agar khazanah alam terpelihara dan ditambah dengan nilai ekonomi.

Beta berasa sukacita di dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035, Kerajaan Negeri turut merancang untuk merealisasikan sebahagian kawasan tadahan air Ulu Muda sebagai Taman Negeri dan membangunkan Pulau Langkawi menjadi sebuah Pulau Rendah Karbon.

Untuk melaksanakan segala usaha ini, koordinasi yang cekap diantara pelbagai jabatan dan agensi diperlukan. Gerakkanlah koordinasi ini secara terpimpin.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sektor pelancongan yang berasaskan kepada pergerakan manusia amat terkesan apabila pandemik COVID-19 melanda dunia. Malah impaknya amat membimbangkan. Ini mengakibatkan ekonomi setempat serta rantaian nilainya lumpuh. Pulau Langkawi dan kawasan pelancongan lain di Tanah Besar Kedah tidak terkecuali terjejas. Kejayaan yang telah dicapai, dalam sektor pelancongan di Negeri Kedah perlu dikekalkan keberadaannya di pentas dunia.

Beta sukacita apabila Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan Pulau Langkawi sebagai destinasi perintis bagi program Gelembung Perjalanan atau lebih dikenali sebagai '*Travel Bubble'*.

Walaupun inisiatif ini diberikan kepada pelancong tempatan yang sudah lengkap divaksin sahaja, namun Beta amat yakin inisiatif ini akan menjadi perintis kepada pembukaan lebih banyak lagi aktiviti pelancongan di Negeri Kedah.
Kerjasama dan persediaan rapi diperlukan bagi membolehkan program ini dijayakan. Kemudahan pelbagai infrastruktur yang sedia ada hendaklah dibuat penambahbaikan di samping aktiviti promosi pelancongan yang bersasar perlu digerakkan.

Usaha-usaha ini bukan hanya dikhususkan kepada Pulau Langkawi sahaja bahkan perlu diperluaskan ke destinasi pelancongan di Tanah Besar Kedah sebagai persediaan pembukaan secara menyeluruh di masa hadapan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kebersihan dan kekemasan adalah perkara asas utama yang perlu dititikberatkan dalam kehidupan seharian. Sewajarnya perkara ini perlu diberi perhatian yang serius lebih-lebih lagi melibatkan tahap kebersihan di kawasan perbandaran ibu negeri.

Sebagai ibu negeri dan pusat pentadbiran utama kerajaan, Bandaraya Alor Setar perlu sentiasa bersih dan kemas agar imej negeri terpelihara.

Beta berharap jalan-jalan di bawah selenggaraan Kerajaan Persekutuan yang ditumbuhi rumput dan lalang diselenggara dengan lebih kerap.

Tahap kebersihan dan kekemasan di Bandaraya Alor Setar perlu secara konsisten berada pada tahap terbaik selari dengan status Alor Setar sebagai sebuah bandaraya dan ibu negeri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sesebuah Negara tidak akan terlepas dari kemelut, pergolakan dan krisis. Hal seumpama ini adalah lumrah dalam ketamadunan manusia.

Namun, sejarah mengajar kita terdapat dua pengakhiran sesebuah tamadun apabila berhadapan dengan cabaran. Pertama, mereka gagal mengatasinya dan musnah ditelan zaman. Kedua, mereka berjaya mengatasinya dan menempa lembaran baharu sejarah.

Kemelut dan pergolakan politik di peringkat pusat yang berlaku mutakhir ini telah berjaya diharungi. Namun, kita perlu sedar dengan pelantikan kepimpinan baharu melalui proses rundingan tertutup bukanlah satu penyelesaian mutlak. Ini hanyalah langkah kecemasan dalam menghadapi masalah yang lebih besar.

Tempoh sehingga sebelum pilihanraya seterusnya adalah satu tempoh yang kritikal dan memerlukan kesepakatan semua pihak khususnya ahli-ahli politik untuk menangani masalah kesihatan dan ekonomi yang melanda.

James Freeman Clarke, seorang tokoh Amerika Syarikat pada kurun ke-19 ada menyebut, “A politician thinks of the next election; a stateman, of the next generation”.

Beta menyeru kepada semua ahli politik untuk merenung kata-kata ini. Negara dan Negeri Kedah pada tempoh genting ini memerlukan ahli politik yang berjiwa besar dan meletakkan masa hadapan negara dan negeri melebihi kepentingan parti dan peribadi. Lebih tepat lagi ahli politik yang berjiwa NEGARAWAN.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Sebelum mengakhiri titah ini, Beta ingin berpesan. Pepatah melayu ada menyebut, “bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya”.

Perkara yang dibincangkan di dalam dewan ini akan memberi kesan kepada rakyat di luar. Jadi jangan sia-siakan persidangan kali ini tatkala rakyat dan negeri dilanda kesulitan.

Bahaslah segala yang menjadi keutamaan dan bahas secara bijaksana. Biar paluan gendang di dalam dewan ini iramanya tersusun, barulah hala tuju negeri coraknya tertib.

Beta mendoakan perjalanan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah ke-14 berjalan dengan sempurna serta dilindungi kesihatan dan keselamatan semua. Semoga persidangan pada kali ini membawa faedah kepada seluruh rakyat dan Negeri Kedah Darul Aman.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,

Beta dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri Kedah ke-14.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

"Patek-Patek sekalian, Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Persidangan ini dengan penuh hormat dan takzimnya Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas perkenannya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyampaikan Titah Ucapan Sempena Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Keempat Belas".

Sekian, terima Kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.00 pagi esok.

[Dewan disambung semula pada jam 9.00 pagi]

YB. TUAN SPEAKER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahirobbil A'lamin Wassolatu Wassala Muala Asyrofil Anbiya Iwal Mursalin Wa'ala Alihi Wasohbihi Ajma'in.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula.

TUAN SETIAUSAHA - DOA

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, mantan Bentara Dewan, Encik Mohd Radzi bin Abdul Hadi telah meninggal dunia pada 27.3.2021. Oleh yang demikian, Yang Berhormat yang beragama Islam diminta membaca Al-Fatihah dan yang bukan Islam secara bertafakur. Al-fatihah. Terima kasih. Dimaklumkan YB. Encik Mohd Radzi bin Md Amin, ADUN Pedu, tidak dapat hadir pada hari ini kerana berada di hospital untuk rawatan jantung. Yang ketiga, atas permintaan KKM, Sidang DUN kali ini cuma akan bersidang dari jam 9 Pagi dan tamat sekitar jam 1.00 tengahari. Ahli-Ahli Yang Berhormat diminta memakai 'face mask' dua lapis dan kalau boleh, memakai juga 'face shield' sepanjang berada dalam dewan. Saya kalau pakai dia jadi kelabu, nak baca tak boleh. Yang keempat, atas kekangan masa, cuma 12 orang Yang Berhormat akan berpeluang membahas ucapan menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah. Ketua pembangkang dan ketua 'back bencher', akan diberi seorang 30 minit manakala ADUN-ADUN lain seorang 20 minit. Amatlah diharapkan semua dapat mematuhi masa yang ditetapkan. Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA

Pembentangan Kertas-kertas Dewan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah.

YB. TUAN SPEAKER

Dengan hormatnya, dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah untuk membentangkannya.

I. PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS DEWAN

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan ini saya pohon membentangkan Kertas-kertas Dewan seperti yang telah diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kertas Dewan Bilangan 01 tahun 2021, Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Kertas Dewan Bilangan 02 tahun 2021, Penyata Kewangan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Kertas Dewan Bilangan 03 tahun 2021, Penyata Kewangan Lembaga Biasiswa Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Kertas Dewan Bilangan 04 tahun 2021, Penyata Kewangan Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Kertas Dewan Bilangan 05 tahun 2021, Penyata Kewangan Negeri Kedah Darul Aman bagi tahun 2019.

Kertas Dewan Bilangan 06 tahun 2021, Penyata Kewangan Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Kertas Dewan Bilangan 07 tahun 2021, Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. [Majlis Bandar Raya Alor Setar, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Majlis Perbandaran Langkawi, Majlis Perbandaran Kulim, Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Majlis Daerah Baling, Majlis Daerah Pendang, Majlis Daerah Yan, Majlis Daerah Sik, Majlis Daerah Padang Terap dan Majlis Daerah Bandar Baharu]

Kertas Dewan bilangan 08 tahun 2021, Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah di atas Laporan Ketua Audit Negara tahun 2017, Aktiviti Jabatan, Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Siri 2.

Kertas Dewan bilangan 09 tahun 2021, Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA

Sesi pertanyaan-pertanyaan mulut.

II. SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT.

YB. TUAN SPEAKER

Pertanyaan mulut. Silakan soalan pertama.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker. Saya pohon jawapan kepada soalan nombor 1.

1. YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI
[ADUN ALOR MENGKUDU]

Pohon dinyatakan:-

a) Berapakah jumlah pendapatan sebenar hasil kerajaan negeri pada tahun 2020 dan 2021 (terkini) berbanding anggaran bajet?

b) Sila beri jumlah pecahan jenis hasil berbanding anggaran bajet.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman dan Ketua Pembangkang, saya mengucapkan terima kasih di atas soalan yang pertama. Bagi soalan (a), jumlah pendapatan sebenar hasil kerajaan negeri bagi tahun 2020 dan 2021 sehingga bulan September berbanding anggaran bajet. Bagi menjawab soalan ini, sukacita saya menjelaskan bahawa jumlah terimaan sebenar hasil Kerajaan Negeri Kedah sehingga Disember tahun 2020, berjumlah RM560,656,682.76 berbanding anggaran hasil di dalam Bajet 2020 sebanyak RM701,942,656.00. Peratus pencapaian adalah 79.9%.

Manakala jumlah terimaan sebenar hasil kerajaan negeri sehingga 19 September 2021 berjumlah RM558,997,539.09 berbanding anggaran hasil dalam Bajet 2021 sehingga akhir tahun adalah RM720 juta. Peratus pencapaian setakat ini adalah 77.64%. Tahun 2021 masih lagi berbaki 4 bulan dan kerajaan menjangkakan terimaan hasil sekurang-kurangnya RM40 juta lagi dapat dikutip dan jumlah terimaan hasil 2021 dijangka dapat mengatasi terimaan hasil 2020.

Yang Berhormat Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, sukacita kerajaan memaklumkan jumlah terimaan hasil sehingga 19 September 2021 adalah sebanyak RM558.99 juta. Jumlah terimaan ini melebihi jumlah terimaan hasil sehingga bulan September 2020 dibandingkan dengan 2020 sehingga bulan September sebanyak RM397.06 juta dan September 2019 sebanyak RM476.46 juta. Bagi jawapan soalan (b), jenis-jenis hasil yang kerajaan negeri kutip ialah hasil cukai iaitu kutipan hasil cukai tanah, cukai hiburan dan royalti. Hasil bukan cukai iaitu bayaran lesen, pendaftaran urusniaga tanah, permit, bayaran perkhidmatan, perolehan dari jualan barang-barang, sewaan, faedah dan perolehan dari pelaburan serta denda dan hukuman. Terimaan bukan hasil pula meliputi pulangan balik perbelanjaan dan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan seperti yang ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia, iaitu pemberian berdasarkan penduduk, pemberian bayaran 50% senarai bersama, pemberian bayaran 10% kos perkhidmatan, pemberian pertambahan hasil dan pemberian khas Pulau Pinang.

Berikut pula adalah terimaan mengikut jumlah pecahan jenis hasil. Bagi tahun 2020, hasil cukai dianggarkan RM322,112,472.00. Terimaan sebenar adalah RM244,100,100.55 iaitu 24% lebih rendah daripada anggaran. Bagi hasil bukan cukai dianggarkan sebanyak RM235,494,914.00 terimaan sebenar adalah RM139,770,636.06 iaitu 40% lebih rendah daripada anggaran. Terimaan bukan hasil dianggarkan sebanyak RM144,335,270 terimaan sebenar adalah RM176,785,949.15 iaitu lebihan sebanyak RM32,450,679.15 ataupun 22.48% melebihi anggaran. Bagi tahun 2021 sehingga 19 September 2021, terimaan hasil cukai adalah RM253,256,882.42 berbanding Bajet Tahun 2021 adalah sebanyak RM314,378,510.00 iaitu 19% lebih rendah daripada anggaran. Hasil bukan cukai adalah RM202,938,871.02 berbanding Bajet Tahunan 2021 adalah RM245,891,040.00 iaitu 17% lebih rendah dari anggaran. Manakala terimaan bukan hasil adalah RM102,801,785.65 berbanding Bajet 2021 sebanyak RM159,730,450.00 iaitu 35.6% lebih rendah dari anggaran. Terimaan yang rendah untuk dua tahun berturut-turut ini disebabkan oleh kesan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh negara dan seluruh dunia. Kerajaan telah melaksanakan perintah kawalan pergerakan semua pejabat-pejabat kerajaan dan sebahagian besar aktiviti ekonomi telah terhenti. Antaranya, kuari ditutup, aktiviti pembalakan dan kilang kayu tidak dibenarkan, aktiviti hiburan dan taman tema tidak dapat beroperasi.

Sekian YB. Tuan Speaker.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Terima kasih Yang Amat Berhormat Jeneri. Soalan tambahan saya, memang apabila dilihat daripada 'figure' yang diberi tu, memang ada kesan daripada covid ni akibat daripada sekatan-sekatan aktiviti ekonomi yang tidak dapat dilaksanakan menyebabkan kutipan cukai menurun, kalau saya lihat di sini, hampir 20%, 2021. Makna kata, pendapatan yang kerajaan negeri dapat daripada sumber lain, kalau dilihat kepada keseluruhannya itu, 70% yang dah dapat dicapai pada ketika ini, makna kata ada RM40 juta lagi mungkin dijangka. Walau bagaimanapun, kita lihat 'overall', hasil tu boleh tidak menjejaskan walaupun covid, secara 'overall' lah. Saya nak tanya kerajaan negeri, adakah bagi 2021 ni, oleh kerana keperluan kepada peruntukan covid ni, bantuan kepada rakyat ni telah pun disebut oleh Tuanku dalam titah ucapan, sejak daripada pada mula dulu RM32 juta, 'overall' lah, daripada yang lepas. Adakah kerajaan negeri dengan pendapatan yang dijangka meningkat secara 'overall', masih ada lagi dak untuk tahun ni, dan berapa anggaran dijangka untuk boleh dikeluarkan lagi? Kerana kita sedia maklum bahawa rakyat yang di bawah tu, bagi sekali bantuan tak cukup jugak, dia duk tak habis lagi covid tu, dia duk harap lagi. Jadi, ada lagi kah peruntukan 2021 yang YAB. Jeneri akan isytiharkan untuk diberi lagi kepada penduduk dan apakah bentuk bantuan yang akan diberi tu? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kalau di Parlimen, soalan tambahan ni depa tak lebih seminit, jadi marilah kita tiru Parlimen, kita tiru ja. Tanya soalan tambahan tak lebih seminit. Silakan Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Memang untuk covid ni memang tak pernah kita jangka perkara ini akan terjadi dan kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat melihat 'track record' kita, setiap kali PKPD dilaksanakan, kita akan bekalkan bakul-bakul makanan juga bantuan wang tunai kepada penduduk yang dikenakan kawasan PKPD. Untuk kawasan PKP sahaja, sejak dilaksananakan PKP 3.0 pada bulan Jun, kita telah menyediakan bakul-bakul makanan yang jumlahnya seperti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam, untuk bantuan akan datang, kita sentiasa menyediakan bakul-bakul makanan dan untuk program bulan Oktober ini, kita akan sediakan pinjaman mudah untuk para peniaga sebanyak RM1,000,000 yang kadar maksimun adalah RM5,000 dan kita menjangkakan kita dapat berikan kepada satu pemohon RM3,000 untuk memulakan semula perniagaan kecil-kecilan yang terhenti akibat PKP dan juga PKPD. Bagi bakul-bakul makanan, YB. Alor Mengkudu, di PKOB kita sentiasa sediakan bekalan untuk bantuan kepada rakyat yang terputus bekalan makanan. Sekian.

YB. TUAN SPEAKER

Ish! Saya tak dan perasan sapa bangkit dulu tak tau?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Tadi pembangkang, kerajaan pulak la.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan kerajaan!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Baik, terima kasih kepada YB. Tuan Speaker. YB. Speaker, Yang Amat Berhormat dan semua Ahli Dewan, daripada jawapan yang telah pun disebut oleh Yang Amat Berhormat menunjukkan pendapatan kerajaan sentiasa boleh selari dengan bajet yang telah pun diletakkan dan covid ni tak pernah dihadapi sebelum ini. Cuma kita nak tau daripada pihak kerajaan sendiri, bila disebut pada tahun lepas, pendapatan terimaan kerajaan RM560,000,000. Pada tahun ini, setakat September kita telah pun mencapai RM558,000,000 maknanya lebih kurang lagi RM2 juta nak menyamai pendapatan tahun lepas ataupun terimaan tahun lepas dan boleh jangkaan Yang Amat Berhormat mencapai tambah lagi RM40 juta. Jadi, bagaimanakah kerajaan menghadapi saat ini di samping kita tau rakyat terjejas, sudah pasti pendapatan kerajaan juga dijangka terjejas. Jadi, apakah formula kerajaan negeri untuk membuat pencapaian dalam usaha untuk terimaan kerajaan kekal mengikut bajet yang telah pun dibuat? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Sungai Limau. YB. Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan sekalian, yang pertama, jika kita tidak dapat menambahkan hasil, kita harus mengurangkan perbelanjaan. Inilah yang sedang dibuat oleh kerajaan untuk sentiasa berjimat cermat. Akibat daripada covid ini juga, banyak program-program biasa yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak dapat dijalankan. Sebahagian daripada perbelanjaan akibat tidak dapat melaksanakan program-program ataupun 'ceremony-ceremony' ini, kita simpan. Alhamdulillah, dengan berkat kerjasama pegawai-pegawai dan juga Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, kita sentiasa mengambil perhatian untuk meminimakan perbelanjaan yang ada dan kita dapat buat simpanan yang agak banyak. Yang ni lah yang diviralkan baru-baru ini, kita ada simpanan sampai lebih RM600 juta, satu rekod pencapaian yang terbaik bagi Negeri Kedah bagi waktu ini. InsyaAllah, kita sentiasa berikhtiar untuk menambahkan lagi pendapatan kerajaan melalui kutipan-kutipan tunggakan contohnya, sejak sekian lama kerajaan tidak membayar premium bagi tanah lapangan terbang. Alhamdulillah, tahun ini dapat jugak bayaran. Ini kita pi cari tunggakan-tunggakan, bayaran-bayaran belum dijelaskan. InsyaAllah, akan ada lagi tanah-tanah yang besar yang belum dijelaskan premium, kita akan usahakan kearah itu. InsyaAllah tuan-tuan, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kedudukan kewangan kerajaan walaupun kita menghadapi Covid-19 sentiasa kukuh dan sentia kita berusaha untuk dikukuhkan dari semasa ke semasa. Pada masa ini, InsyaAllah kita ada cukup wang untuk berbelanja bagi menghadapi kemelut yang sedang melanda dunia, InsyaAllah. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 2!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, saya mohon jawapan kepada soalan nombor 2.

2. YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR
[ADUN JITRA]

Mohon dinyatakan di mana syarikat Risen Energy mengumumkan secara rasmi bahawa ia akan melabur RM42 bilion untuk bina kilang pembuatan panel solar di Taman Industri Tinggi Kulim.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABDUL RAHMAN BIN KU ISMAIL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, jawapan kepada soalan nombor dua ialah pengumuman secara rasmi mengenai pelaburan Risen Energy bernilai RM42.2 billion di Taman Teknologi Tinggi Kulim dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kanan MITI pada 9 Jun 2021 melalui 'press release' mengenai nilai pelaburan untuk suku tahun pertama 2021, juga kepada 24 Jun 2021, telah diadakan satu 'video conference' antara Perdana Menteri ketika itu, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Kanan MITI dan Xie Jian, Chairman Risen Energy mengenai pelaburan Risen Energy sejumlah RM42.2 billion. Kemudian selepas itu, MITI membuat 'statement' yang dibuat oleh Perdana Menteri. Saya nak baca sedikit 'statement-statement' yang dibuat oleh Menteri Kanan MITI pada 9 Jun 2021 yang berbunyi begini dengan izin, "in term of recipient of approve investment in the manufacturing sector, Kedah registered the highest level of investment with RM42.4 billion, RM2 billion more because other investment, followed by Sabah RM4.3 billion, Selangor RM4.4 billion, Melaka RM3.4 billion and Johor RM1.7 billion". Ini satu kenyataan rasmi yang dibuat oleh Menteri Kanan MITI. Kemudian, pada 24 Jun, ini dikuatkan lagi selepas itu, diadakan satu 'video conference' pada 24 Jun 2021 di antara Yang Berhormat Perdana Menteri ketika itu, Menteri Kanan MITI dan Mr Xie Jian, Chairman Risen Energy iaitu "The Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin welcome Risen Energy decision to invest in Malaysia and noted significant contribution of greeting over 3,000 employment opportunities with 800 managerial technical and supervisory position including 500 engineers". Itu jawapan saya kepada soalan nombor dua, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Yang Berhormat Tuan Speaker, kalau dilihat soalan saya, saya tidak tanya apa pengumuman yang dibuat oleh kerajaan tetapi yang saya tanya ialah apa pengumuman yang dibuat oleh syarikat. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, dan saya rasa Yang Berhormat Guar Chempedak pun lebih arif dalam hal ini dan daripada pengalaman saya sendiri, syarikat besar yang tersenarai dalam bursa saham di negara masing-masing, ataupun di bandar-bandar besar masing-masing, pusat-pusat kewangan, bila dia membuat satu pelaburan yang melibatkan jumlah yang begitu besar, berbanding dengan pendapatan syarikat itu sendiri, dia perlulah membuat pengumuman rasmi di dalam media di negara dia sendiri memaklumkan kepada pemegang-pemegang saham mereka dan pemerhati-pemerhati pelaburan ataupun syarikat mengenai pelaburan tersebut, mengenai perbelanjaan wang yang besar itu. Saya ingat dulu sewaktu saya menjadi Pengerusi KTPC, kami ditegur oleh dua syarikat sebenarnya, satu daripada Jerman dan satu lagi daripada Jepun, untuk patuh kepada 'non-disclosure agreement' (dengan izin) yang telah kami tandatangani, tidak boleh membuat pengumuman selagi syarikat tidak mengeluarkan kenyataan media. Saya lihat laporan media termasuklah daripada Reuters, bertarikh 24 Jun 2021, (dengan izin) tajuknya ialah "Malaysia says China Risen Energy to invest 10 billion dollars in new facility, "Malaysia says". Maksudnya MITI sepertimana Yang Berhormat sebutkan tadi ataupun kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu. Ini menimbulkan sedikit kegusaran pihak saya, adakah benar angka RM42.23 billion ringgit ini kerana ia melibatkan tanah sebesar 48 ekar, kalau dibahagikan jumlah pelaburan dengan jumlah kawasan, RM880 juta seekar, satu angka yang begitu menakjubkan. Kalau benar, memang Alhamdulillah. Tetapi, dalam sektor teknologi tinggi pada ketika ini, saya ingat tujuannya adalah untuk mengurangkan kos perbelanjaan dan meningkatkan pendapatan, sebaliknya saya lihat dalam kes ini pula, perbelanjaan yang begitu luar biasa tetapi hasilnya saya belum nampak lagi. Jadi, semua pengumuman-pengumuman yang telah dibuat sepertimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Guar Chempedak tadi datangnya daripada kerajaan Malaysia ataupun daripada agensi seperti MIDA tetapi tidak daripada syarikat. Jadi, tu yang menimbulkan kebimbangan saya dan saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Guar Chempedak sedar dengan perkara ini dan apa yang boleh dibuat untuk memastikan angka itu bukan satu angka yang palsu?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABDUL RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Speaker…..(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada permintaan, dibenarkan untuk orang yang bercakap buang sekejap dia punya mask kerana suara yang kita keluarkan tak berapa jelas. Jadi, untuk orang yang nak bercakap tu buka sekejap, satgi pakai balik. Silakan!

YB. DATO' WIRA DR KU ABDUL RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebagai 'respond' kepada soalan nombor 2 oleh YB. Jitra tadi, saya faham dan saya juga maklum apa yang ada dalam pemikiran YB. Jitra. Satu laporan dalam Majalah Industri PV, 21 Julai 2020, syarikat Risen Energy mengumumkan pengumuman tentang pelaburan Risen Energy di Malaysia bernilai RM1.41 billion sama dengan 2.2 duit Chiina lah dan untuk mengeluarkan 3 gigawatt solar module ataupun solar cell, dua-dua sekali. Itu apa yang diumumkan oleh pihak Risen Energy pada bulan Julai 2020. Dan saya sendiri sebenarnya bila saya dengar RM42.2 billion ini, saya pon terkejut juga macam YB. Jitra terkejut, kita semua terkejut, YAB. Menteri Besar pun terkejut. Saya berjumpa dengan orang MIDA, sebelum tu pun saya dah tahu perkara ni, saya kata, "macam mana boleh jadi sampai banyak tu, tak bolehkah dipecahkan mengikut tahun dan sebagainya ya". Tapi, selalunya kita ni negeri mana sekali pun, sama juga untuk seluruh negara kita Malaysia, nilai pelaburan kita untuk industri terutamanya 'manufacturing', 'point' rujukan kita adalah MIDA, MITI. Kita tak boleh rujuk kepada tempat-tempat lain, agensi-agensi lain ataupun orang-orang lain yang buat pengumuman. Betul, Risen Energy buat pengumuman di Xing Zheng, Julai 2020, tapi apa yang diumumkan oleh MITI, MIDA itu adalah satu pengumuman rasmi bagi pelaburan negara kita Malaysia. Full stop! Dan disambut pulak, kalau kita katakan mereka mungkin bimbang tentang kedudukan mereka sebagai sebuah syarikat awam, dalam 'video conference' dengan Perdana Menteri yang saya sebutkan tadi, Chairman of the Board Risen Energy, dia ada dalam video tu. Dia bersama dengan Menteri Kanan MITI dan kalau kata dia 'worry' dengan jumlah pelaburan sebanyak itu dan telah diumum awal lagi kurang daripada jumlah itu, tentu Chairman Risen Energy takkan sanggup untuk membuat 'video conference' bersama Perdana Menteri dan Menteri Kanan MITI. Itu ja 'point' dia dan saya nak perjelaskan sedikit mengenai di mana datangnya RM42.2 billion ini.

Tadi YB. Jitra sebut pasal tanah, tanah ni mungkin lebih besar lah. Tapi sebenarnya, dia beli tanah sejumlah 48.773 ekar di Taman Teknologi Kulim dan projek ini adalah projek yang mengambil masa 15 tahun, 3 fasa. Saya tanya lah MIDA, "why not" (dengan izin) pecahkan lah. Tahun depan sikit, tahun depan sikit takdaklah sekaligus kita dapat banyak, lagi untung Negeri Kedah ni tiap-tiap tahun duk tinggi. Ambil sekali RM42.2 billion, kita rugi lah. Tapi, itulah MIDA kata yang dimohon oleh Risen Energy. Risen Energy memohon untuk melabur RM42.2 billion dan jumlah itu bukan sahaja melibatkan jumlah pelaburan yang selalu disebut-sebut tapi juga termasuk care packs. Care packs pun masuk dalam tu, material cost pun masuk dalam tu, salary, wedges, overhead dan lain-lain semua masuk dalam tu sebab tu dia tinggi. Jadi, bagi pihak MIDA dan MITI apa yang dipohon oleh Risen Energy itu diluluskan pada 9 Januari dapat lessen dia 2021. Saya nak sebutkan di sini, fasa-fasa ini ialah pada fasa 1 iaitu 2021-2025 ialah RM13.196 billion bahagi 5 dapat lah setahun berapa. Saya suka macam tu lagi sebab tiap-tiap tahun nampak Kedah naik. Tapi, sekaligus ni kita rugi. Sungguhpun kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t ini pencapaian yang terbesar pernah dicapai oleh mana-mana negeri dalam Malaysia mengenai pelaburan. Kita sebagai wakil rakyat semua ADUN tak kira belah sana dan belah sini, kita bersyukur banyak-banyak dan sama-samalah kita menyokong projek ini.

Kemudian, fasa yang kedua iaitu 2026 – 2030, RM14.52 billion dan seterusnya 2031 - 2035 RM14.52 billion. Dia sampai 2035 ni elok lah, Rancangan Pembangunan Kedah 2035. Elok-elok. Exactly! Jadi, InsyaAllah dengan pelaburan yang sebesar ini dan juga pelaburan-pelaburan lain, Kedah akan mencapai tahap negeri maju pada tahun 2035 yang sakan datang. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 3!

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kesian dekat saya la no, KPI saya jumlah soalan yang dapat dikemukakan. Kita dah setengah jam dah, kita baru 2 soalan jadi saya berubah ke nombor 3 dan KKM bagitau mai tak boleh buka 'mask'. Jadi, saya tarik balik lah, YB. Guar Chempedak pakai balik 'mask'. Soalan nombor 3!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Bismillahirrahmanirrahim Yang Berhormat Tuan Speaker, mohon jawapan kepada soalan nombor 3.

3. YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA
[ADUN KUALA KETIL]

Terbaru kerajaan ada mengeluarkan kenyataan berkaitan 'smart' sawah berskala besar (SMART SBB).

Pohon penjelasaan pihak kerajaan berkaitan isu ini.

a) Penglibatan pengusaha padi di Kedah.

b) Keluasan tanaman padi.

c) Adakah ianya telah diperhalusi di peringkat pesawah, agensi dan pertubuhan bukan kerajaan?

d) Kebaikan dan keuntungan kepada kerajaan dan petani- petani.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker, rakan-rakan Ahli Dewan. Kepada YB. ADUN Kuala Ketil yang bertanyakan soalan. Terbaru kerajaan ada mengeluarkan kenyataan berkaitan SMART Sawah Berskala Besar (SBB). SMART SBB pohon penjelasan pihak kerajaan berkaitan isu ini. Untuk soalan (a) penglibatan pengusaha padi di Kedah. Program SMART SBB ini merupakan program yang dirangka oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) pada awal tahun 2021.

Pelaksanaan program ini dapat mengatasi isu saiz ladang yang tidak ekonomik serta peladang yang berusia dengan matlamat asasnya untuk meningkatkan pengeluaran padi negara. SMART SBB ini menekankan konsep penyatuan pengurusan tanah secara perladangan kontrak (contract farming) yang melibatkan peranan pihak-pihak seperti di Jadual 1. Peranan yang pertama adalah MAFI menetapkan dasar pelaksanaan (subsidi output, benih padi sah) dan sebagainya. Peranan pihak kedua agensi kerajaan, Penyelaras program dari segi pengairan, infrastruktur, libaturus bersama pesawah dan pemantauan.

Yang ketiga Syarikat Peneraju SPV Contract Farming, pembekal perkhidmatan, pertanian kontrak dengan petani dan pembiaya kewangan/ modal projek. Yang pihak keempat adalah petani dan peserta yang akan menyerahkan pengurusan tanah kepada syarikat peneraju untuk diusahakan dan mereka juga akan terlibat sebagai operator bagi aktiviti-aktiviti terpilih berdasarkan persetujuan bersama dengan peneraju. Keluasan tanaman padi. Sehingga tempoh masa semasa pihak BERNAS selaku syarikat peneraju telah mengemukakan hasrat untuk melaksanakan program projek SMART SBB di Kawasan MUDA. Kedua-dua pihak masih dalam peringkat rundingan untuk mendapatkan keluasan yang dipersetujui oleh pesawah dan juga Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) berkaitan untuk menyertai projek ini.

Pihak MAFI telah menetapkan keluasan pelaksanaan projek SMART SBB kepada sesebuah syarikat peneraju adalah 100 hektar. Penetapan had keluasan ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan seterusnya membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa. Projek dijangka mula dilaksanakan pada Musim 2/2021. Libaturus Bersama Pihak Berkepentingan di peringkat kementerian, penerangan dan perbincangan bersama agensi berkepentingan telah dilaksanakan meliputi isu dasar dan juga kepentingan secara makro. Manakala di peringkat pelaksanaan, agensi bersama dengan syarikat peneraju akan mengadakan sesi libaturus secara berterusan bersama pesawah dan pemain industri lain bagi membincangkan berkenaan prosedur kerja terlibat, perjanjian dan pelaksanaan projek. Kelebihan SMART SBB adalah seperti berikut. Mengatasi cabaran semasa dalam industri tanaman padi seperti bersaiz luas usaha yang tidak ekonomi, peladang berusia serta kekurangan penglibatan golongan muda dalam aktiviti penanaman padi. Meningkatkan produktiviti tanaman padi melalui pengurusan berpusat dan juga mencapai kecekapan ekonomi berskala. Ketiga meningkatkan pendapatan pesawah dan yang keempat adaptasi teknologi terkini pertanian menjadi lebih mudah dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti seperti mekanisasi, automasi, agronomi, Internet Of Things (IoT) dan sebagainya. Terima kasih Tuan Speaker.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Lunas. Yang Berhormat Tuan Speaker, melihat daripada jawapan yang diberikan Yang Berhormat tadi tu ialah ia akan melibatkan penyerahan pelan tanah kepada operator dan melibatkan setiap operator lebih kurang 100 hektar. Jadi, saya nak bertanya soalan tambahan saya, adakah perlaksanaan SMART SBB ni adalah mengambil contoh daripada mana-mana negara ataupun konsep di mana-mana negara luar untuk diperkenalkan dalam negara kita?

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih YB. Kuala Ketil. Jadi, YB. Kuala Ketil bertanya mengambil contoh dari mana-mana negara yang telah melaksanakannya. Kerajaan sedar bahawa industri….(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Lunas, Tuan Speaker!

YB ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Ya, Tuan Speaker. Minta maaf Tuan Speaker. Kerajaan sedar bahawa industri tanaman padi negara berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran. Dalam menjamin 'security' makanan negara seperti saiz ladang yang tidak 'economic', kurangnya penglibatan belia dan juga peladang berusia. Justeru, kaedah penanaman padi berskala besar mula dilaksanakan di dalam negara di bawah project National Key Economic Area (NKEA) EPP 10 Projek Pemacu Pertanian bermula tahun 2011 di Kawasan MUDA. Perlaksanaan juga dibuat di kawasan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) yang lain. Walau bagaimanapun, pembangunan industri ini ditambah baik dengan melibatkan peranan pihak swasta di dalam pengurusan aktiviti tanaman padi melalui projek SMART SBB yang mula diperkenalkan pada awal tahun 2021. Model ini akan mengetengahkan konsep Perladangan Kontrak (Contract Farming) mengikut kesesuaian setempat bertujuan meningkatkan kekecapan pengurusan ladang serta penggunaan teknologi.

Jadi, antara contoh negara lain yang kita boleh ambil adalah di negara Vietnam. Konsep ni telah dilaksanakan oleh Special Purpose Vehicle (SPV) iaitu Lock Troy Group. Sebuah syarikat yang menguasai rantaian pengeluaran padi dengan luas usaha mencapai 30,000 hektar setahun. Loct Troy Group telah membangunkan piawaian pengeluaran padi lestari. Sustainable Rice Production yang menyemaikan tema seperti pengurusan ladang, pengurusan air, pra perancangan dan pengurusan nutrien, pengurusan perosak bersepadu, penuaian dan pasca penuaian, kesihatan dan keselamatan serta hak pekerja. Perlaksanaan kaedah ini telah membantu mengubah lanskap penanaman padi di Vitenam. Yang kedua contoh ialah di Australia. Penanaman padi di kawasan pengairan Murrumbidgee yang sememangnya memiliki size ladang yang besar, 160 hektar hingga 225 hektar berdasarkan laporan Farming System In Murrumbidgee Irrigation New NSW, kawasan penanaman padi merupakan antara kawasan pertanian terbaik di Australia yang dilengkapi dengan pembangunan tanah dan infrastruktur yang baik. Untuk maklumat tambahan kepada Dewan, untuk musim projek SMART SBB ni InsyaAllah akan dijalankan pada musim 2/2021 ini yang akan melibatkan InsyaAllah 50 hektar, 16 orang peserta di Kampung Teluk Bulang, PPK A4 Batas Paip, Kuala Kedah dan 50 hektar, 14 orang peserta di Kampung Selarong Panjang, PPK C4 Kangkung. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Yang Berhormat Speaker, saya nak tanya sikit pencerahan daripada YB. Lunas. Apa beza dia SMART SBB dengan Program Pengurusan Tanaman Padi Bersepadu iaitu di bawah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dengan Petronas yang diperluaskan di beberapa negeri?

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih YB. Kubang Rotan. Perbezaan, Projek Pertanian Padi Bersepadu yang disebutkan tadi antara NAFAS dan Petronas, itu juga adalah melibatkan peserta-peserta seramai 68 orang, tapi pengurusannya dibuat sekata. Maknanya semua petani-petani menjalankan aktiviti pertaniannya mengikut jadual yang telah ditetapkan, pembajaan yang telah ditetapkan, racun yang telah ditetapkan yang dikawal selia oleh seorang jurulatih yang sangat-sangat profesional yang mendapat pengiktirafan di peringkat Malaysia dan juga dunia yang mengawal selia projek penanaman ini. Kawasan itu adalah kawasan yang di luar pengairan MADA di luar pengairan yang tidak ada sistem pengairan yang baik tetapi boleh mencapai, hasil telah pun dikutip baru dipotong baru-baru ini dan 'average' purata per hektar adalah antara 6.5 ke 7 tan. Itu juga antara model yang sedang dijalankan yang melibatkan Petronas, NAFAS dan beberapa syarikat pengeluar input pertanian. Terima kasih YB. Kubang Rotan.

YB. TUAN SPEAKER

Ok, soalan nombor 4!

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

Dagang Pak Malau dagang berlipat,
Mohon jawapan soalan nombor empat.

4. YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI
[ADUN TANJUNG DAWAI]

Sila nyatakan perkembangan terkini berkaitan 5 projek menaik taraf Loji Rawatan Air.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih YB. ADUN Tanjung Dawai. Perkembangan terkini lima (5) Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air di Negeri Kedah adalah dalam fasa pembinaan di mana pihak kontraktor telah dilantik bagi kelima-lima projek tersebut sedang melaksanakan kerja-kerja awalan projek. Secara umumnya, kesemua projek telah dimulakan pada Mei dan Jun 2021. Projek-projek ini dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2023 dan 2024. Ringkasan seperti yang dinyatakan Projek Menaik Taraf LRA Pelubang, milik tapak 20.05.2021 siap kerja 15.05.2024. Untuk naik taraf LRA, Jenung Baru, Pendang tarikh milik tapak 06.06.2021 siap kerja 02.12.2023. LRA Bukit Selambau 06.06.2021 tarikh milik tapak, tarikh siap kerja 02.12.2023. Projek Menaik Taraf LRA Sungai Limau, Baling 02.05.2021 tarikh milik tapak. Tarikh siap kerja 28.10.2023 dan Projek Naik Taraf LRA Lubuk Buntar Lama, 02.05.2021 siap kerja 27.05.2023.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan!

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan tambahan daripada saya, tahniah diucapkan kepada pihak kerajaan negeri atas usaha yang dilakukan sehingga 5 projek yang tertangguh sebelum ini dapat dimulakan. Soalan saya ialah berkaitan dengan loji rawatan air di Tupah yang terlibat dan terkesan dengan banjir kepala air baru-baru ini. Jadi, dimaklumi bahawa loji rawatan air di Tupah itu membekalkan air kepada 9,000 akaun, satu jumlah yang agak besar dan masalahnya loji rawatan air itu bila hujan air takdak, kemarau memang air takdak, bila hujan lebat pun air takdak juga. Jadi, berdasarkan kepada kunjungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, menteri-menteri dan pelbagai-bagai yang telah pun dijanjikan, saya ingin mewakili penduduk Tanjung Dawai khususnya dan juga DUN Guar Chempedak, Singkir masuk Guar Chempedak, pakai paip yang sama. Apakah yang akan dilakukan di Loji Rawatan Air Tupah itu bagi menyelesaikan masalah air dalam tempoh yang segera sebelum projek Loji Rawatan Air di Bukit Selambau dapat digunakan? Terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BT YAACOB

Terima kasih Yb Tanjung Dawai kerana soalan tambahan tersebut. Untuk rekod, kawasan yang menggunakan air daripada Loji Tupah itu….(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Tuan Speaker!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Ya, Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk rekod kawasan tersebut akan mendapat air daripada Bukit Selambau. LRA Bukit Selambau, Kuala Muda yang kita jangka akan siap pada 02.12.2023. Walau bagaimanapun, sempena lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 6 September yang lepas, Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan Loji Tupah dapat dinaiktaraf secepat mungkin. Ini merupakan sejumlah Ringgit Malaysia 35 juta tambahan untuk kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, kerajaan ingin menyegerakan pembinaan Loji Tupah. Kalau ikut 'timeline' yang diberikan oleh Kementerian Luar Bandar, ia akan hanya dapat dilaksanakan bermula tahun 2023. Jadi, kerajaan sedang 'renegotiated' (dengan izin) YB. Tuan Speaker untuk mempercepatkan proses permulaan tersebut agar ia dapat dinikmati dengan segera oleh pengguna-pengguna di Kawasan Tupah dan Merbok tersebut. Itu sahaja.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 5!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Assalam YB. Tuan Speaker, pohon jawapan untuk soalan nombor 5.

5. YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY
[ADUN BUKIT SELAMBAU]

a) Setakat mana keberkesanan program yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negeri dan Integrasi Nasional untuk mengeratkan perpaduan kaum, agama, budaya dan kepercayaan di Negeri Kedah?

b) Adakah program berkenaan berkesan untuk menyatukan perpaduan masyarakat yang berbilang kaum di Negeri Kedah?

YB. TUAN SPEAKER

YB. Sidam!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Bukit Selambau. Untuk soalan nombor 5 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Selambau. Tak nampak pula…

YB. TUAN SPEAKER

YB. Sidam, boleh dak 'you' padatkan jawapan dia?

YB. DR. ROBBERT LING KUI EE

Padatkan? Ok, sat saja 3 minit saya rasa. Untuk jawapan (a) Sejak negara kita dilanda pandemik Covid-19 bermula Mac 2020, Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Kedah tidak lagi menjalankan apa-apa program-program secara pertemuan bersemuka. Namun demikian, sekiranya ada keperluan untuk mengadakan kursus, bengkel, taklimat dan sebagainya maka ia dijalankan secara maya sahaja. Umum mengetahui bahawa kehidupan sejagat telah berubah kepada norma-norma baharu kehidupan misalnya kerajaan sendiri telah memperkenalkan tatacara bekerja daripada rumah ringkasnya BDR dalam usaha mengekang Covid-19. Berdasarkan rekod penilaian keberkesanan program sebelum berlakunya pandemik Covid-19, secara dalaman jabatan ini ada membangunkan suatu kaedah yang dinamakan 'Penilaian Program Perpaduan Atau Ringkasnya PPP'. PPP merupakan suatu mekanisme penilaian bagi pelaksanaan program terkawal terhadap peserta yang boleh dikenal pasti.

Skop penilaian adalah merujuk kepada dua elemen utama iaitu individu dan masyarakat. Penilaian yang dilaksanakan adalah menjurus kepada cara bagaimana kelompok masyarakat menguruskan diri meraka dan berkongsi kehidupan dengan orang lain. Proses penilaian adalah dengan mengedarkan borang kajiselidik kepada peserta-peserta program (Pra dan Pasca program). Penilaian dan analisis seterusnya dibuat dengan mensasarkan 'baseline' PPP tidak melebihi skala 2.2 daripada 4 yang dikategorikan sebagai baik. Bagi Negeri Kedah, pencapaian PPP bagi individu ialah 1.61 manakala bagi masyarakat pula ialah 1.68. Ini menunjukkan bahawa program-program yang dijalankan oleh jabatan mampu mengeratkan perpaduan kaum, agama, budaya dan kepercayaan pelbagai kaum di Negeri Kedah.

Untuk jawapan (b), Program-program yang dianjurkan oleh JPNIN Negeri Kedah antara lain menjurus kepada matlamatnya untuk mendidik masyarakat tanpa mengira agama, bangsa, warna kulit dan keturunan supaya mencintakan perpaduan. Memelihara, mengekal dan meningkatkan perhubungan kaum ke arah perpaduan nasional. Mempromosikan persefahaman dan keharmonian antara agama bagi seluruh lapisan rakyat. Menjalankan apa-apa aktiviti wacana perpaduan dan usaha-usaha merapatkan perhubungan kaum. Melaksanakan langkah-langkah intervensi dalam mengurus hal-ehwal perpaduan negara dan integrasi nasional. Usaha-usaha ini dijalankan dengan menggerakkan jentera-jentera perpaduan seperti berikut. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) serta cawangan-cawangannya iaitu jiran wanita; jiran muda; jiran usia emas; dan tunas jiran. Tabika perpaduan menerusi Jawatankuasa Pemuafakatan Tabika Perpaduan (JPTP); Taska Genius Perpaduan menerusi Jawatankuasa Pemuafakatan Taska Genius Perpaduan (JPTGP);Kelab-kelab rukun negara di sekolah rendah dan menengah; dan Sekretariat Rukun Negara di Institusi Pengajian Tinggi (Awam dan Swasta).

Berdasarkan laporan kajian rasa selamat ('feel safe') separuh tahun pertama 2021 Negeri Kedah yang bertujuan untuk menilai tahap rasa selamat komuniti dalam kawasan Skim Rondaan Sukarela (SRS), sebanyak 43,885 orang daripada 53,297 orang iaitu 82.34% menyatakan rasa selamat mereka. Ini membuktikan bahawa program-program jabatan ini adalah berkesan untuk menyatukan perpaduan masyarakat yang berbilang kaum di Negeri Kedah. Sekiranya tidak berlaku Pendemik Covid-19, peratusan ini akan lebih tinggi daripada dapatan masa sekarang ini. Sebenarnya peratusan ini banyak di dorong oleh kesan-kesan negatif akibat penularan Pandemik Covid-19 misalnya peningkatan kes kehilangan pekerjaan akibat penutupan premis-premis perniagaan, masalah ekonomi diri serta keluarga dan tekanan emosi dalam mengharungi kehidupan masa depan. Oleh itu saya menyeru dari segenap lapisan masyarakat agar terus berdoa dan bersabar serta terus mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan agar permasalahan pandemik ini dapat di turunkan kadarnya sehingga ke suatu tahap paling rendah atau terhapus terus agar kita dapat kembali hidup seperti sebelum Mac 2020. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bukit Selambau!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YB. Tuan Speaker, kita tau pada ketika ini kita berhadapan dengan covid dan ada program-program macam PKPD, PKP dan sebagainya yang menyekat pergerakan masyarakat. Dalam situasa macam ni, rakyat berada dalam keadaan stress dan tertekan kerana mereka tak dapat pergi kerja dan sebagainya. Apakah mekanisme yang YB. Sidam berfikir yang boleh menyatukan, mengeratkan silaturahim perpaduan melalui mekanisme-mekanisme yang bakal dilaksanakan. Terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Yang Berhormat Bukit Selambau, YB. Tuan Speaker, saya akan menyeru kepada semua rakyat Malaysia, kita pun faham juga situasi yang sekarang memang ada yang takdak pekerjaan takdak pendapatan. Saya rasa kerajaan negeri 'even though' Kerajaan Pusat kita 'willing' (dengan izin) untuk bantu semua dari lapisan, prihatin untuk bagi tunai untuk tolong dia bagi bakul-bakul makanan. So saya rasa setakat ini semua ada, kita cakap aman dan harmoni la. Yang pertama saya rasa kita kena menyeru semua ahli-ahli politik kalau boleh untuk 'sit down together' (dengan izin) untuk bantu rakyat yang susah. Itu saja, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 6!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Assalamualaikum. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, saya merujuk soalan nombor 6.

6. YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT
[ADUN SUNGAI LIMAU]

Pohon dinyatakan:-

a) Apakah status Projek Berimpak Tinggi Negeri iaitu KXP, Kedah Rubber City (KRC), SBEZ dan lain-lain?

b) Apakah penambahbaikan yang telah dilakukan oleh kerajaan baru pimpinan YAB. Jeneri terhadap projek yang telah lama dirancang ini?

c) Bagaimanakah projek ini mampu membawa perubahan kepada negeri dan rakyat Kedah?

YB. TUAN SPEAKER

YAB. Menteri Besar! YAB. Jeneri, jawab soalan nombor 6!

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, panjang jawapan ni YB. Tuan Speaker, banyak projek.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Status projek impak tinggi negeri iaitu KXP, Kedah Rubber City (KRC), SBZ dan lain-lain. Berikut adalah status terkini projek impak tinggi di Negeri Kedah, pertama sekali KXP. Perjanjian usahasama di antara KXP AirportCity Holding Sdn. Bhd. (KXP) dan pihak pelabur, ECK Development Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 2 Ogos 2021. Dalam perjanjian tersebut, sebuah Syarikat Tujuan Khas (SPV) akan dibentuk bagi membolehkan usahasama bagi pembangunan KXP dapat dilaksanakan. Majlis Perancangan Fizikal Negara yang bersidang pada 27 Oktober 2020 telah bersetuju secara dasar dengan cadangan pembangunan Lapangan Terbang KXP dengan lapan (8) nasihat perlu dipatuhi dan kini pihak KXP dalam tindakan untuk memastikan nasihat dipatuhi.

Untuk proses pengambilan tanah, permohonan pewartaan seksyen 8 akan dikemukakan oleh pihak BPEN, setelah kerajaan negeri menerima peruntukan mencukupi dari pihak pelabur untuk proses menandatangani penubuhan SPV syarikat telah memberikan jaminan bank sebanyak RM1 billion dan syarat yang kita letakkan untuk proses pengambilan balik tanah di bawah seksyen 8 kerana seksyen 4 akan tamat pada bulan Januari 2022. Permohonan untuk dibuat pengambilan tanah di bawah seksyen 8 mesti dikemukakan sebelum pada itu.

Sewaktu menandatangani perjanjian penubuhan SPV, kita mensyaratkan syarikat ini mendepositkan kepada kerajaan 125% daripada nilaian awal JPPH bagi tanah-tanah tersebut dan anggarannya ialah RM2.1 billion. Tetapi syarikat ini memberikan komitmen akan mendepositkan RM6 billion kerana pada syarikat ini, jika mereka tidak ada RM6 billion mereka pun takkan dapat melaksanakan projek ini. Jadi, itulah janji ataupun komitmen yang diberikan oleh rakan usaha sama yang akan terlibat bersama kerajaan negeri dalam SPV yang akan ditubuhkan.

Kedah Rubber City Pembangunan infrastruktur dilaksanakan secara berfasa yang melibatkan Fasa 1 seluas (500 ekar) dan Fasa 2 (700 ekar). Kerja-kerja infrastruktur Fasa 1 sedang giat berjalan di kawasan seluas 60 ekar dan telah sedia untuk menarik pelabur. Peratusan siap keseluruhan Fasa 1 ialah sebanyak 57% dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2022. Komitment pelaburan setakat ini adalah sebanyak RM1.55 bilion dengan 2,630 peluang pekerjaan telah diterima daripada dua (2) syarikat pelabur. Para pelabur ini dijangka akan memulakan operasi di KRC seawal suku keempat 2023 selepas semua infra yang berkaitan terutama elektrik dapat dibekalkan kepada KRC. Kota Perdana sebahagian daripada Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone (SBEZ). Untuk makluman, pihak NGSB kini dalam proses mendapatkan Permohonan Kebenaran Merancang Pindaan sebahagian kepada pelan yang telah diluluskan Majlis Perbandaran Kubang Pasu (MPKP) di atas sebahagian lot Kota Perdana.

Pihak syarikat selaku pemaju jugak kini dalam proses melaksanakan kerja-kerja pembersihan tapak dan kerja tanah mengikut peruntukan dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MPKP dan NGSB juga sedang dalam usaha untuk membina sebuah ‘water treatment plan’ di Kodiang seperti yang telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam Pembentangan Bajet 2021 Kerajaan Persekutuan.

Kedah Science And Technology Park proses reka bentuk terperinci sedang dijalankan dan pembangunan Fasa 1 dijangka bermula pada Disember 2021. Alhamdulillah, Kedah Science Technology Park ni kita merayu semula supaya peruntukan itu disalurkan selepas ditolak oleh kerajaan sebelum ini akhirnya permohonan itu dah diterima dan kita dapat balik lah apa yang hampir terlepas daripada tangan kita. Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing Hub (SLAM). Kerja-kerja awalan sedang dilaksanakan dan kerja-kerja infrastruktur dijangka bermula pada suku ketiga tahun 2022.

Soalan (b), antara penambahbaikan atau perubahan yang dilakukan oleh pemimpin kerajaan negeri yang ada sekarang adalah menstrukturkan semula proses perancangan agar lebih cepat untuk dilaksanakan proses pelaksanaan. Selain itu, pembaharuan yang dibuat adalah dengan memberi penekanan kepada pembangunan infrastruktur utiliti luaran yang menjadi sokongan kepada pembangunan Projek Berimpak Tinggi di mana pada dahulunya kurang diberi perhatian. Sebagai contoh utiliti elektrik, bekalan air terawat dan gas. Hal ini adalah selari dengan Pelan Pembangunan Kedah 2035 (KEDAH 2035) melalui Teras 1: Kemakmuran Ekonomi Strategi 1 iaitu Melaksanakan Projek Berimpak Tinggi serta memperkasakan infrastruktur sokongan Projek Berimpak Tinggi. Dengan adanya infrastruktur utiliti sokongan yang lengkap, proses menarik masuk pelaburan dijangka akan lebih lancar dan lebih pesat.

Soalan (c), Projek Berimpak Tinggi merupakan 'game changer' negeri yang bertujuan untuk mengubah landskap ekonomi negeri secara signifikan. Projek seperti KXP, SLAM dan Kota Perdana bakal meletakkan peranan Negeri Kedah ke peringkat yang lebih tinggi di peringkat serantau dan global. Peranan ketiga-tiga projek ini adalah untuk merealisasikan wawasan negeri sebagai Hub Logistik Serantau memandangkan kedudukan negeri yang terletak dalam lingkaran Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) perlu dimanfaatkan. Manakala, projek seperti KRC dan KSTP akan memperkasakan lagi sektor industri berteknologi tinggi yang dijangka mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dalam bidang profesional serta turut dijangka menyebabkan proses pemindahan ilmu dan kepakaran berlaku kepada warga tempatan.

Melihat kepada situasi iklim perubahan ekonomi global dan momentum sektor yang mendapat tempat semasa tempoh COVID-19, Projek Berimpak Tinggi seperti Kota Perdana, KSTP, SLAM dilihat dapat memastikan hala tuju pembangunan industri di negeri terus kekal relevan memandangkan projek-projek ini dirancang dengan tumpuan diberikan kepada sektor-sektor berteknologi tinggi, sains, penyelidikan, digital dan logistik. Selain itu, secara amnya Projek Impak Tinggi bakal mewujudkan peluang pekerjaan kepada graduan profesional di Negeri Kedah dan mengurangkan kadar migrasi keluar para graduan dengan anggaran peluang pekerjaan dijana seperti berikut. KSTP peluang pekerjaan dijangka 23,244 dalam tempoh 15 tahun. Kota Perdana SBEZ 21,000 dalam tempoh 20 tahun. Kedah Rubber City 15,000 dalam tempoh 15 tahun. Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) 18,000 dalam tempoh 30 tahun. Sidam Logistics, Aerospace & Manufacturing Hub (SLAM) 24,000 dalam tempoh 30 tahun. Sekian, Yang Berhormat.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Baik! Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat atas jawapan yang telah pun diberikan status projek-projek yang sebahagian besarnya telah pun dicanang sejak 2014 tapi tak boleh untuk nak 'take off' (dengan izin).

Alhamdulillah, harini kita nampak projek itu akan dilaksanakan. Pertamanya dengan impak yang besar perubahan kepada negeri dan rakyat, kita melihat bahawa perkara ini juga mendapat tekanan dari negeri jiran. Adakah Yang Berhormat dalam usaha untuk kita nak projek ini berjalan, cemburu negeri jiran ataupun musuh-musuh politik itu dapat kita atasi? Perkara yang kedua, dengan perubahan-perubahan ataupun penambahbaikan yang direncanakan di peringkat negeri, adakah perubahan yang dibuat mampu untuk melonjakkan Kedah lebih jauh lagi khususnya dalam mencapai negeri maju, InsyaAllah. Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Limau, Yang Berhormat Speaker, bagi menjawab soalan ini, kita sedia maklum bahawa projek atau program yang telah diumumkan ini kurang menggembirakan. Tetapi kerajaan negeri sentiasa memberi jaminan kepada jiran-jiran. Kita tidaklah menjadi pesaing, kita adalah rakan yang akan saling melengkapi kepada infrastruktur yang ada di jiran-jiran kita termasuk Pulau Pinang. Saya faham Pulau Pinang bimbang tentang saingan KXP kepada Lapangan Terbang Bayan Lepas tetapi umum mengetahui usaha untuk melebarkan lagi, meluaskan lagi Lapangan Terbang Bayan Lepas tidak dapat dilakukan atas faktor kekurangan tanah. Mereka perlu membuat ‘reclamation’ ataupun tambun laut dengan satu ‘runaway’ dan satu ‘taxiway’. Pakar-pakar penerbangan telah memberi pengesahan bahawa kadar maksimum penumpang yang dapat dikendalikan oleh Lapangan Terbang Pulau Pinang adalah 12 juta pada waktu ini. Pada sebelum covid 2019 mereka mengendalikan 7 juta. Maksimum untuk ‘single runaway single taxiway’ adalah 12 juta. Dibuat unjuran pada tahun 2028 bilangan pengguna lapangan terbang akan meningkat lebih dari 20 juta dan KXP lah akan menjadi pelengkap kepada keperluan infrastruktur lapangan terbang di Bayan Lepas. Kita bukan pesaing, kita adalah pelengkap.

Yang kedua, projek-projek yang kita umumkan untuk infrastruktur negeri kita. Projek (TAPS) umpamanya, Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) yang kita umumkan kita akan buat 14 kolam TAPS di sepanjang Sungai Muda. Ini mendapat bantahan yang meluas oleh Pulau Pinang khususnya jurucakap mereka di PBA termasuk KXP ni pun PBA juga jadi jurucakap. Saya faham strategi yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin politik Pulau Pinang ialah, jika pemimpin politik yang bercakap, mereka bimbang persepsi ini ialah isu politik jadi mereka gunakan jurucakap daripada sebuah GLC. Kita faham ini adalah wakil ataupun jurucakap bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Walaupun begitu, kita sebagai jiran yang baik daripada dulu-dulu pun, saya ingin tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Pulau Pinang adalah tanah Kedah yang dipajak. Pulau Pinang bukanlah sebauh negeri yang wujud dengan sendirinya. Dia adalah dalam sejarah negara kita ini sejak 1786, 1800, 1839, Pulau Pinang adalah sebuah negeri tanahnya dipajak daripada Kedah. Jadi, sejarah ni perlu diingat jangan kita pajak tanah orang pastu kita duk marah-marah pulak tuan tanah yang kita pajak tu. Kan Yang Berhormat Speaker? Tak patut la cakap macamtu.

Jadi, kita akan sentiasa mengekalkan kebaikan yang kita ada di Kedah ini InsyaAllah jiran kita akan selamat. Ini lah Islam anjurkan kepada kita, kalau kita hidup senang jiran kita susah, di akhirat esok Tuhan tanya kita tentang jiran kita. Kita nak jadi insan yang baik, negeri yang baik, muslim yang baik kita akan pastikan jiran kita tenang, senang dan bergembira berjiran dengan kita dan kalau kita ada jiran yang jahat, hari-hari hingaq kat kita, cakap yang bukan-bukan, tuduh yang bukan-bukan, buat andaian yang pelik-pelik, tentulah kita ada hak untuk kita pertahankan diri kita dan kita memberi komen-komen balas. InsyaAllah, kita tak pernah lah cakap pelik-pelik, cuma bahasa orang Kedah ni biasalah kan Kubang Rotan? Bahasa Kedaaah… takkan orang Pulau Pinang tak faham. Tapi oleh kerana orang Pulau Pinang tu pun 'pelet' dia pun teruk sangat, payah nak reti, dia jadi payah nak faham. Kita cakap elok saja. InsyaAllah, saya beri jaminan Pulau Pinang akan aman selagi dia berjiran dengan Kedah dan Kedah dipimpin oleh rakan-rakan yang ada dalam Dewan ni. Boleh jawab 'teqa' tu?

YB. TUAN SPEAKER

Boleh! Boleh! Boleh!

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Soalan yang kedua ialah…..

YB. TUAN SPEAKER

Eh! Takdak soalan kedua dah!

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Ada….dia ada 2 soalan. Penambahbaikan untuk melonjak ekonomi negeri. Saya telah menegaskan berkali-kali bahawa apabila kita mengeksploitasikan sepenuhnya sumber-sumber yang kita ada dengan kedudukan tata letak Negeri Kedah dari segi geopolitik geososial, sekarang ini kita Kedah pada suatu ketika adalah sebuah kerajaan yang paling besar di rantau ini. Kita pernah menjadi sebuah negara, negeri industri melebur besi terbesar di dunia. Kedudukan kita paling strategik yang kita baca dalam sejarah Gunung Jerai menjadi panduan kepada pelayar-pelayar dari seluruh dunia berlabuh dan berdagang di sini. Atas strategik itulah kita kena bangkit semula sebagai sebuah bangsa yang kuat menggunakan seluruh kekuatan yang kita ada baik dari segi tata letak kita, geografi kita, 'human resource' kita, keperibadian kita dan kesungguhan para pemimpin yang memimpin negeri ini untuk meletakkan kembali Kedah di tempat yang betul selari dengan kedudukan nilai-nilai sejarah dan unjuran yang kita akan dapat buat pada masa depan. Penting untuk Kedah dengan segala kekayaan dan keupayaan ini mempunyai pemimpin dan rakyat yang bersatu padu untuk kita melonjakkan negeri ini sekali lagi menjadi pemimpin kepada dunia di rantau ini. Inilah komitmen yang sedang kita usahakan InsyaAllah, saya harap komitmen ini mendapat sokongan negeri, pemimpin-pemimpin politik dan rakyat negeri Kedah. Sekian, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Jitra, satu minit saja YB. Jitra, soalan!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, saya ingin bertanya dengan YAB. Jeneri mengenai tanah yang disebut tadi pengambilan untuk KXP. Dilaporkan tadi oleh YAB. Jeneri bahawa ada jaminan bank berjumlah RM1 billion yang telah dibayar. Setahu saya untuk pengambilan tanah, ianya mestilah satu deposit dalam bentuk tunai dan kita dengar bahawa pihak ECK sejurus setelah menandatangani perjanjian tersebut dengan kerajaan negeri telah juga menandatangani satu perjanjian dengan Syarikat Ivory Properties untuk pembangunan taman perumahan di sekitar kawasan KXP itu dan daripada situlah wang itu didapatkan. Jadi, saya ingin bertanya, adakah ini satu penukaran dasar oleh kerajaan negeri untuk menerima deposit dalam bentuk jaminan bank?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Yang Berhormat Speaker, terima kasih YB. Jitra. Jaminan bank yang dimaksudkan oleh saya tadi ialah deposit yang kita perlukan sebagai komitmen untuk menandatangani perjanjian penubuhan SPV, untuk deposit proses pengambilan balik tanah masih kekal 125% tunai. Sebab itulah kita sebutkan tadi mesti mendeposit sekurang-kurangnya RM2.1 billion untuk dimulakan proses pewartaan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 pindaan 2000. Sekiranya selepas tempoh masa yang ditetapkan berdasarkan perjanjian itu, syarikat ini gagal mendepositkan mengikut kehendak yang dipersetujui dalam perjanjian, perjanjian ini terbatal dengan sendirinya. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, walau bagaiamanapun kita berjaya juga menyelesaikan 6 soalan mulut dan kita akan berpindah ke fasa lain. Silakan Setiausaha Dewan.

SETIAUSAHA DEWAN

Usul Ucapan Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah.

III. USUL UCAPAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah untuk mencadangkan usul tersebut.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya pohon mencadangkan satu usul yang berbunyi seperti berikut;

Bahawa Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang mempersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, ucapan yang berbunyi "patik-patik sekalian, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman di dalam persidangan ini dengan penuh hormat dan takzimnya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas perkenannya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyampaikan titah ucapan sempena Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang ke-14. Sekian, terima kasih"

YB. DATO' WIRA KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Urusan seterusnya Tuan Setiausaha!

SETIAUSAHA DEWAN

Perbahasan di atas usul menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar.

IV. PERBAHASAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SECARA DASAR

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, perbahasan di atas Usul Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah saya mohon kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat agar menumpukan ucapan-ucapan Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri Kedah sahaja. Saya juga berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak mengulangi perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Dato' Speaker, peraturan mesyuarat Dato' Speaker. Saya panggil Dato' ya sebab saya menghormati kerusi yang di atas. YB. Tuan Speaker, YB. Tuan Speaker telah umumkan pagi tadi bahawa masa telah pun dihadkan sehingga 1.00 tengah hari sahaja. Ini menyebabkan apa yang termaktub dalam Peraturan Meyuarat 12(1) itu dikendurkan. Maknanya kita boleh sebenarnya dalam peraturan mesyuarat di mana kita boleh mesyuarat dengan izin hinggalah 4.30. YB. Dato' Speaker, rakyat di bawah sana amat mengharapkan wakil-wakil rakyat yang jarang-jarang sekali berjumpa, ini kita ada mesyuarat ni jumpa, saya jumpa YB. Jeneri, saya jumpa YB. Guar Chempedak saya keluarkan apa jugak yang ingin disampaikan oleh rakyat kepada orang-orang yang berada kuasa hari ini iaitu YB. EXCO dan YAB. Menteri Besar. Jadi, kalau kita hadkan masa hingga 1.00 saja maknanya kita telah pun tidak memberikan peluang kepada wakil-wakil rakyat. Tak semestinya pembangkang juga di sana untuk tidak menyuarakan pandangan mereka. Isu yang Dato' Speaker selalu sebutkan ialah KKM telah menasihati! KKM telah menasihati! Peranan KKM sebagai pegawai kerajaan ialah dia menasihati kita tapi yang membuat keputusan dalam Dewan bukan Menteri Besar bukan Ketua Pembangkang. Mana-mana Dewan termasuk dalam Parlimen, kuasa yang ada di tangan orang yang paling berkuasa ialah Speaker. Sebab itu, bila sampai saja waktu Speaker masuk dalam Dewan kita akan bangun, Speaker duduk baru kita duduk. Maknanya kedudukan Speaker itu orang yang kita anggap dalam Dewan ini sebagai bos kita. Bos saya bukan MB, bos saya juga bukan Ketua Pembangkang. Bos saya waktu ini ialah YB. Speaker! Sebab itu YB. Speaker boleh halau saya tetapi MB tak boleh. Maknanya apa yanng Dalam peraturan mesyuarat, kalau saya 'loqlaq', YB. Speaker boleh halau saya. Tetapi MB tak boleh. Maknanya apa yang telah diperuntukkan dalam peraturan mesyuarat ini makna bos kita ialah Tuan Speaker.

Jadi untuk itu, saya nak merujuk isu ini kepada Speaker supaya membenarkan wakil-wakil rakyat kita berucap bukan menghadkan kepada 6 sebelah sini, 6 sebelah sana, bagi peluang lah kepada semua orang bercakap seperti juga Dato' Speaker, di Parlimen. Kami ada 222 orang, 2 meninggal tinggal 220 tetapi KKM, saya duduk dalam jawatankuasa sebagai Ketua Whip, berbincang dengan Dato' Tan Sri DG, dia mati-mati tak bagi, dia kata, "tak boleh lah bersilat macam-macam lah" tapi akhirnya Speaker kata, "no! This is my decision!" 'Decision' saya ialah, "kita akan mesyuarat hingga pukul 7.30 petang".

Saya ingat YB. Jitra ada di sini, YB. Anak Bukit ada disini, boleh 'confirm'kan. Itu ialah keputusan yang bukan dibuat oleh KKM. Kita 'policies makers' kita 'decide', "we call the shot, we don't listen to them", kita terima 'advice' dari mereka. Lagipun Dato' Speaker, kita semua dapat dah 'second dose', semua 'second dose' dan hari-hari pulak kita kena ludah dalam ni. Kita tau, dan kalau lah saya ingat di Parlimen, YB. Jitra boleh 'confirm' jarak di antara kami lebih dekat dari ini. Tetapi setiap kali akan ada paling minima 80 orang Ahli Parlimen yang berucap dan berada dalam Dewan. Yang ni jauh ni Dato' Speaker, kami dekat lagi. Tetapi kami akan pastikan apa juga yang dinasihati oleh Dato' Speaker akan kita dengar. Jadi saya mohon YB. Speaker, 'you're my boss'. You ada 'castro injustice impassility' untuk itu, bos tak payah 'refer' kat orang lain, bos buat 'concern' sendiri untuk membenarkan kita semua berucap dan kalau pendek, pendekkan masa. Terima kasih Dato' Speaker

YB. TUAN SPEAKER

Ok, terima kasih. Bersemangat la bila depa kata depa sokong Speaker, bagi semangat kat Speaker. Rupanya saya duk ingat, Speaker ini mempunyai kuasa penuh macam tu. Rupanya dak! Dia ada lagi satu kuasa yang kata Persidangan ni hanya setakat pukul 1.00, yang KKM pun menyokong setakat pukul 1.00. Jadi, kuasa yang ada pada Speaker ialah mesyuarat daripada 9.00 pagi sampai pukul 1.00. Ha tu, pasaipa kita duk mesyuarat sampai pukul 4.00 pukul 5.00 boleh? Itu jika YAB. Menteri Besar memohon untuk lanjut ke pukul 4.30 atau 5.30. Jadi, kuasa Speaker ni takat pukul 1.00 saja lah. Jadi, diringkaskan cerita kita guna kuasa Speaker kita mesyuarat sampai pukul 1.00. Abang Gurun no?

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Tuan Speaker, peraturan mesyuarat. Ok, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga merujuk kepada perkara-perkara 12, juga perlu dibaca bersama perkara 11 ialah Sidang DUN ini merupakan teras kepada sebuah negeri Berdaulat, Demokrasi dan Raja Berpelembagaan. Jadi, undang-undang tubuh ni dah letakkan Penggal Dewan dan Mesyuarat memang ada. Jadi, kita bukan nak bincang Sidang Dewan ni perlu ada ka tak perlu ada. Sidang Dewan memang perlu ada demi kemaslahatan 2.1 juta penduduk Kedah. Jadi, yang saya minta YB. Tuan Speaker ialah benda ni boleh dirancang, boleh diatur, boleh ditambah hari dan sebagainya supaya titah Tuanku ini dalam Sidang Dewan adalah perkara tetap setiap tahun dan titah Tuanku ini merupakan satu perkara yang mustahak dan berfaedah kepada orang ramai. Jadi, biarlah 100% Ahli Dewan ini boleh berbahas atas pentingnya titah Tuanku ini yang mana 100% ni YB. Tuan Speaker, kalau BBC 100% nya 10 orang, 100% untuk pembangkang 13 orang, itu jumlah 100%. Dan kalau lah tiba-tiba Tuan Speaker nak ambik 60%, 60% daripada BBC adalah 6 orang, 60% kepada blok pembangkang adalah 8 orang, itu matematik yang betul.

Jadi, saya minta supaya kepentingan ini diberikan keutamaan kerana dalam ini disebut Persidangan ini adalah bagi faedah orang ramai dan mustahak. Melainkan dalam hal ini, kalau kuasa Tuan Speaker di hadkan oleh Menteri Besar yang mengnggapkan perkara ini tidak penting dan tidak mustahak itu kami akur.

Tapi rakyat perlu tau, ini penting dan mustahak untuk jaga kerana ketika ini malapetaka Covid-19 telah pun mengambil nyawa 1,688 rakyat Kedah dan telah pun menjangkiti 126 ribu. Jadi, saya rasa ini perkara penting, mustahak dan boleh dibincangkan. Kalau nak lanjut masa kalau dirasakan berfaedah dan mustahak, saya minta dipertimbangkan supaya dibenarkan perbahasan kepada 100% 10 dan 13 Ahli Dewan. Terima kasih, Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Itu yang terbaiik… tapi seperti yang Ahli-Ahli Yang Berhormat termaklum, kita ni dalam suasan covid. Jadi walaupun covid, kita buat juga bukan tak buat langsung. Jadi, marilah kita bercakap denga isi-isi penting sahaja, jangan melaluuuttt… banyak sangat. Saya rasa 'point-point' tu boleh dikirim kepada wakil yang nak berucap tu. Jadi, bila kita berucap nanti janganlah ulang 'point' yang sama. Jadi, banyak juga isi-isi yang boleh kita kemukakan dengan 6 orang daripada wakil sebelah kiri 6 orang sebelah kanan. Jadi, saya rasa biarlah kita bersidang secara harmoni kita terima lah dulu dan kita berdoa lah supaya masa-masa depan covid ini kurang dan kita akan bersidang seperti biasa. Boleh no?

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Speaker! Tentang tadi bila Tuan Speaker pilih untuk 60% tu saya minta dikira 60% BBC 6 orang 60% blok pembangkang 60% daripada 13. Kita ambillah kalkulator kira tengok. Bukan 6, minta diberikan perhatian. Supaya samarata, 60% dan 60%.

YB. TUAN SPEAKER

Kalau bukan 6 berapa?

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Dia 8 orang!

YB. TUAN SPEAKER

8 kita kena balik pukui 3 lah. Dia masa tau, bila jumlah sorang bagi, sekian masa dia pakai. Nak kurangkan tempoh berucap?

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Itulah YB. Tuan Speaker, saya sebutkan tadi….

YB. TUAN SPEAKER

Boleh! Kalau nak kurangkan tempoh berucap daripada 20 minit kepada 15 minit kita boleh tambah orang. Tapi kata tak lajak pulak dalam 15 minit.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Haritu pakat takmaaauu…. Kurang.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Itulah, kita mohon budi bicara Tuan Speaker, sekiranya terhad itu terpulang kepada YAB. Menteri Besar sekiranya dia menganggap ini tidak faedah dan tidak mustahak, itu kami terpaksa terima. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Saya rasa macam setuju dah 6 orang 6 orang. Kalau nak tambah 8, saya terpaksa kena perkurangkan minit dia, 15 minit. Kalau setuju nak jadi 15 minit, 'no problem'!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

15 minit bagi semua lah 13 orang boleh berucap.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, tadi YB. Tuan Speaker berkata kena tiru Parlimen, awal-awal pagi tadi ada sebut dah kena tiru Parlimen. Parlimen harini bersidang sampai 7.30 malam dan kita sekarang menghadapi keadaan di mana sekolah nak buka, Tuan Speaker. Budak-budak yang tak kena vaksin, kebanyakan guru pun tak divaksin ataupun tak cukup vaksin, dibenarkan bersekolah. Tetapi kita dalam Dewan yang mulia, Dewan paling tinggi dalam negeri kita ni tak boleh bersidang sampai pukul 4.30. Saya tak faham Tuan Speaker kecuali kalau ada apa perkara-perkara yang di sebelah sana tak mau dedahkan tak mau bincang, tak mau benarkan kami, 10 bulan tak bersidang, tak boleh duduk bersidang nak bincang perkara-perkara penting melibatkan nyawa manusia. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Speaker, kita mesyuarat sampai jam 1.00 menepati peraturan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan dan kita dinasihati oleh KKM, mereka 'frontliner' yang telah berusaha hampir 2 tahun untuk melawan covid ini dan melihat ada bahaya yang mungkin berlaku dengan faktor varian baru di Kedah dan sebagainya beserta nasihat mereka yang tidak ada kepentingan politik. Jadi, perkara itu diterima oleh YB. Speaker, suatu untuk kita menjaga diri kita semua dan juga daripada terkena covid dan sebagainya. Jadi, nasihat yang diberikan tu, semua kita pakat nak cakap, kita telah ditaklimatkan untuk masa tempoh berapa jumlah dan sebelum ni pun dah dipersetujui, tiba-tiba harini dibangkitkan semula. Jadi, saya cadang untuk kita teruskan sepertimana yang telah pun diberikan nasihat oleh KKM.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Ketua Pembangkang, YB. Alor Mengkudu untuk membahas titah ucapan. Silakan!

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahirobbil A'lamin Wabihi Nasta'in Wassolatu Wassalamu'Ala Asyrofil Anbiya' Iwal mursalin. Audzubillahiminasyaitonirrojim, وَاَمْرُهُمْ شُوْرٰى بَيْنَهُمْ As-Syura' Ayat 38, ***"iaitu urusan mereka nanti dimusyuarahkan di antara mereka".***

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Exco-Exco, ADUN-ADUN dan juga pembangkang, ketua-ketua jabatan yang hadir pada Sidang kali ini. Pertama, saya nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang untuk saya berucap membahaskan titah ucapan Kebawah Duli Yang Mulia Tuanku Sultan Kedah ketika merasmikan Sidang Dewan kali ini pada pagi kelmarin dan untuk mukadimah ucapan saya untuk saya tidak ketinggalan iaitu nak ambil kesempatan bagi pihak rakan-rakan daripada pembangkang nak mengucapkan takziah kepada keluarga Encik Mohd Radhi MMK atas kepulangan ke rahmatullah. Semoga keluarga bersabar menghadapi musibah ini dan beliau di antara pegawai yang cukup dedikasi dalam menjalankan tugas di MMK. Yang kedua, oleh kerana masa itu begitu mencemburui, saya cuba untuk mengawal masa. Saya sebenarnya bersimpati dengan ADUN-ADUN, sebagai Ketua Pembangkang, anak-anak buah dan juga ADUN-ADUN yang tidak berucap dalam Sidang Dewan kerana tugas hakiki, ADUN sebenarnya tugas hakikinya adalah berucap di Dewan, menghadiri Mesyuarat Dewan itu tugas hakiki. Kalau dia tidak hadir, kalau tak silap saya berturut-turut dua penggal, dia akan digugurkan kalau tanpa alasan, itu penting.

Jadi, Dewan ini sebenarnya satu institusi yang sangat penting. Dengan sebab itu, dalam Perlembagaan Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah dinyatakan megenai kedudukan Dewan ini. Dalam susunan kerajaan dia merupakan yang tertinggi meluluskan undang-undang, meluluskan kewangan begitu tinggi sekali dari yang meluluskan ni ialah mereka-mereka yang diberi mandat oleh rakyat. Dengan sebab itu, saya lihat di negara-negera lain kerana dah tiada urusan kerajaan sangat, banyak duk tengok news, berita-berita antarabangsa, CNN ka ataupun BBC ka ataupun tengok di Europe News ka mana ka. Sidang Parlimen mereka diteruskan semasa covid, tidak diberhentikan, betapa pentingnya. Congress America ka Senate America ka ataupun House Of Commons di UK, Parlimen Eropah di Singapura negara jiran. Parlimen itu penting memerlukan dasar, jadi mereka terpaksa sidang. Kalau takleh sidang, makna kata kerajaan tak boleh mengambil satu tindakan. Bahkan mereka membawa bil-bil, rang undang-undang khusus untuk meluluskan pembelanjaan khas untuk covid.

Sebagai contohnya kita di Kedah ni, oleh kerana tidak ada peruntukan, dah belanja banyak dah covid maka pihak kerajaan merasakan perlu minta tambahan sebab dia mengikut 'head' tak boleh kita 'save'kan belanja pasai tak buat projek, maka kita ambil tak boleh kerana bajet ni mesti mengikut peruntukan khas. Tapi duit ada, bukan kata duit takdak. Sebab kita tak boleh nak belanja kerana covid. Jadi, boleh membuat satu peruntukan khas sepertimana yang dibuat di Dewan Senate, Dewan Congress America, berapa billion mereka terpaksa lulus, pada asalnya takdak, mereka kena buat Sidang. Tetapi mereka mengikut SOP, penjarakan dan saya lihat ada sidang-sidang yang mereka buat secara 'hybrid' di House Of Commons di London, Westminster.

Dalam Dewan itu nampak tak ramai tetapi mereka mengikut sidang secara online, berucap secara online jadi sidang itu tidak ramai la kita nampak. Jadi, begitu pentingnya sekali Sidang ini. Tetapi di Malaysia ni kita ni pelik, kita tak suka pada Sidang hingga sampai Parlimen ini digantung kerana buat darurat. Bila buat darurat, disebut Parlimen tidak bersidang, jadi tak bersidang dan kita di DUN turut sama tidak bersidang, sehingga rakyat sangat tidak berpuas hati. Sekarang ini kan rakyat jika tidak puas hati dia boleh masukkan dalam media dan semua orang boleh baca, dekat istana pun boleh baca. Betapa tekanan untuk mengadakan Sidang Parlimen itu penting sehingga darurat itu tidak disambung oleh Duli Yang Maha Mulia Di Pertuan Agong. Walaupun kerajaan memohon untuk menyambung, tidak dibenarkan dan dititahkan supaya diadakan Sidang serta-merta!.... (YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Alor Mengkudu…

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Sat..habis tajuk sat! Habis tajuk sat lagi saya bagi! Bagi habis tajuk bab ini dulu, saya bagi!... (YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Saya nak tanya bab tu lah.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Duduk dulu! Faham kut peraturan! Jadi, itu dari segi kepentingan Sidang. Walaupun ada nasihat-nasihat daripada KKM, tetapi kerajaan membuat keputusan. Saya tidak berfikir keputusan membuka sekarang ini KKM. KKM tidak setuju untuk membuka Langkawi. Kalau nak ikut KKM, 'very strict' sebab mereka tanggung. Tetapi kerajaan buat keputusan oleh kerana tekanan ekonomi, ambil kira juga dalam masalah. Jadi, tidak semua. Itu dalam bab ini. Silakan!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Alor Mengkudu. Tadi, dalam ucapan YB. Alor Mengkudu ada menyebut "kerajaan memohon untuk menyambung darurat." Perkara itu perlu diperbetulkan, pada waktu itu kerajaan tidak buat cadangan untuk darurat disambung. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya ingat YB. Sungai Limau jawab bagi pihak Kerajaan Pusat. Sungai Limau tak tau kot, sebanarnya mereka nak sambung. Sebab apa? Lepas-lepas sambung, jatuh kerajaan tu bila Parlimen mula bersidang. Memang tau dah matlamat kerana kerajaan tidak stabil. Mula buat Parlimen saja, ermm… tengok apa yang berlaku kepada politik. Takkan dia nak biar tak mau sambung, kalau boleh pilihan dia nak sambung. Tak betul tu YB. Sungai Limau kata tu. Mungkin kenyataan rasmi sebenarnya yang nak.

Seterusnya, saya nak menyebut dan mengambil perhatian mengenai titah ucapan Tuanku kelmarin. Dalam saya ikuti dalam Dewan ni, penggal keempat dah ni. Yang kelmarin sangat luar biasa. Sangat luar biasa kerana begitu banyak sekali teguran yang dibuat oleh Tuanku Sultan. Jarang sebenarnya sebab titah Tuanku ni selalunya memaklumkan tentang perjalanan kerajaan kerana Tuanku ni sebahagian daripada kerajaan, mengetuai kerajaan, penaung kepada kerajaan. Tetapi ucapan kali ini berbeza, ucapan titah berbeza. Banyak teguran yang saya kira kelmarin kita tengok secara positif yang dituju kepada pentadbiran pada kerajaan sendiri, tuju kepada pentadbiran, pentadbiran pun ditegur, Ahli-ahli politik yang terakhir. Ahli politik tu kita lah. Ertinya betapa Tuanku sangat mengikuti perkembangan yang ada selain daripada Ketua Kerajaan YAB. Jeneri mengadap Tuanku, Tuanku juga mengikuti apa yang berlaku. Saya nak ambil beberapa teguran yang patut kita ambil perhatian sebab kita duk bahas titah Tuanku kan.

Pertama mengenai vaksinasi. Tuanku di muka surat 3, para 4, para 5 sebut pasal vaksinasi dalam 50%. Saya menjangkakan bahawa peratus dia masih rendah YAB. Jeneri, peratus hat Kedah ni rendah dan serta langkah-langkah yang perlu dipertingkatkan disebut di sini, dalam ayat tu. Kita terimalah hakikat pasaipa Kedah tu dia jadi macam tu, sedangkan peratus jangkitan di Kedah pada ranking ketiga tak silap kedua, kematian pun tinggi. Tetapi vaksinasi yang kita capai masih rendah dan tidak pernah berlaku istana mengeluarkan satu kenyataan media. Jarang! Sepanjang ingatan saya, istana tak pernah keluar kenyataan media ni. Apa-apa benda yang hendak diberikan pendapat, nasihat adalah secara langsung kepada ketua kerajaan kerana ketua kerajaan jumpa tiap-tiap minggu kan, biasanya lah. Jarang diberi satu kenyataan media tetapi dalam 'chapter' baru Malaysia ni, istana sudah mula mengeluarkan kenyataan media. Bukan pasal Tuanku kita, Istana Negara pun keluar kenyataan media. Dulu tak berlaku, banyak pulak kenyataan media dikeluarkan. Sehingga kenyataan media yang dikeluarkan oleh raja-raja mempertikaikan jawapan kerajaan seperti contoh di Parlimen baru-baru ni menimbulkan satu krisis, menyanggah satu kenyataan yang dibuat oleh seorang menteri bahawa tidak bermaksud demikian.

Jadi, kalau berbalik kepada kita, kenyataan media yang dibuat oleh istana ni bagi saya 'serious'. Media saya ingat sebulan lepas, tetapi apabila mari ucapan, disebut lagi. 'that's mean very serious' lah, Tuanku tengok 'serious' lah. Bahawa satu tindakan yang tuntas, perlu diambil, negeri sendiri perlu tengok satu strategi dia, tak boleh lah national saja buat satu keputusan dan SOP, MCO ataupun Perintah Kawalan PKP bahawa Kedah ni perlu ada satu strategi tersendiri yang perlu dibuat oleh kerajaan negeri. Dalam isu ni, kami pihak sebagai pembangkang ni 'check and balance', bukan kerja duk mengkritik saja. Kita sentiasa bersedia untuk berkejasama berbincang. Ini isu rakyat, bukan ada kepentingan politik seperti YB. Sungai Limau duk sebut tu, bila-bila pun politik. Tak! Tak sepanjang masa YB. Sungai Limau, tak sepanjang masa main politik ni pun. Kepentingan rakyat perlu diutamakan. Panggil kita berbincang, kita hadir untuk tengok apakah sebenarnya yang perlu dilakukan, pendaftaran kita masih rendah. Saya nak maklumkan bahawa ada di kalangan YB. kita seperti YB. Pengkalan Kundor, dia sukarelawan pi jadi Doktor. Berapa banyak YB.-YB. kita jadi sukarelawan di pusat PPV tu duk tolong sebab KKM tak cukup kakitangan, itu jelas. Nak daftar,nak tolong tak cukup, pi bagi. Saya sebut tu kerana jangan ada pihak kerajaan kata, "takkan pandai cakap saja tapi tak buat apa"? Dak! Sebenarnya kita buat tapi dalam lingkungan had yang kita ada lah. Kita tak boleh nak pi sampai jadi kerajaan pi arah DO tu tak boleh lah. Tak sampailah peringkat tu tetapi takat mana ruang yang kita ada bantuan, PPV dan sebagainya sebenarnya kita bersama-sama. Silakan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Terima kasih YB. Alor Mengkudu, YB. Tuan Speaker. Saya bersama dengan rakan-rakan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Kedah terutamanya PKD Kota Setar berada di bawah. Saya kira isu vaksin YB. Alor Mengkudu, isu Kedah masih rendah dan harini kalau tidak silap saya nombor tiga dari bawah dengan angka dos yang kedua sekitar menghampiri 60%. Pada awalnya adalah isu bekalan vaksin sebab dua kementerian berbeza. MOSTI yang membekalkan vaksin kepada Kementerian Kesihatan. Tetapi pada akhir-akhir ini saya ingat isu utama adalah tidak ada 'empowerment community'. Apabila saya turun, apabila kita buka untuk 'walk-in' maka kita tidak mencapai tahap yang kita nak. Jadi, 'empower the community' ni adalah tugas kerajaan negeri. 'Empower the community' ni adalah tugas orang-orang yang berada di bawah. Bermula dengan penghulu, bermula dengan JKPP, bermula dengan ketua-ketua masyarakat untuk membelai, untuk memastikan bahawa komuniti itu apabila dibuka vaksinasi walk-in kita tidak ada cukup peserta. Jadi saya kira, kegagalan sekarang masih tidak mencapai tahap yang kita nak disebabkan oleh 'empowerment' di peringkat komuniti itu tidak berlaku. Adakah YB. Alor Mengkudu bersetuju dengan saya?

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Yang BerhormaT, boleh tambah sikit?

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya bersetuju dan sebahagian daripada ucapan tu masuk dalam ucapan saya lah.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Yang Berhormat….nak tambah sikit boleh?

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Tambah lagi? Masa tu lah. Boleh! Sat saja, pendek!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Speaker dan YB. Ketua Pembangkang, saya ingat kita sudah mula gerakan untuk vaksin, tapi sekarang masalah…..(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Derga, saya dengar macam 'astronaut' bercakap oo…

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Ok! Ok! Saya setuju dengan apa yang dicakap oleh YB. Alor Mengkudu. Sekarang ni apa masalah yang kita nampak ialah ramai juga yang 'bedridden', yang duk dalam rumah, yang sakit terlantar, seperti yang dititah oleh Tuanku memang ada yang capaian internet tiada, termasuk yang takdak 'handphone'. Jadi, I ingat kerajaan patut betul-betul gerakkan semua pejabat daerah dan semua jawatankuasa dan sebagainya pergi kepada rakyat, bukan lagi tanggu, bukan lagi buka PPV kerana sudah menjadi lebih. Adakah YB. Alor Mengkudu bersetuju?

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya ingat saya bersetuju dan ambil kerana kalau saya kupas akan menjadi panjang (sambil ketawa). Ya, sila!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan YB. Alor Mengkudu. Cuma saya ingin baca sedikit suntingan daripada titah Tuanku, "Baginda bertitah agar jumlah vaksin dapat dibekalkan dengan jumlah yang lebih banyak oleh Kerajaan Persekutuan agar Kedah dapat mencapai imuniti berkelompok dengan lebih awal serta sektor ekonomi dapat dipulihkan dengan lebih cepat". Sistem yang kita buat sekarang ni, bagi saya kerajaan negeri hanya mengguna pakai, contohnya tak menekan bersungguh-sungguh Kerajaan Persekutuan untuk dapat vaksin dan kedua dari segi sistem ekonomi tu, tadi Yang Berhormat Jeneri bagitau, Yang Amat Berhormat Menteri bagitau kata RM1 juta sahaja untuk PKS sedangkan saya rasa RM1 juta terlalu sikit. Sepatutnya kita dengan adanya pandemik ini kita kena buat satu tindakan atau polisi keputusan yang lebih besar untuk membantu rakyat di bawah.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Alor Mengkudu, ada 11 minit lagi!

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Terima kasih. Saya ingat saya dah masuk bab lain saya ingat Yang Amat Berhormat Jeneri akan buat PR yang lebih lah dengan Kerajaan Federal untuk mendapatkan vaksin yang lebih kalau tak mencukupi lagi lah. Yang kedua disebut oleh Tuanku adalah mengenai semak semula SOP, muka surat 5 para 1. SOP ni dah lama dah duk pakai SOP tu, kita pun semua tau SOP dengan PKP la apa semua, tetapi dia tidak pun mengurangkan. Jadi, Tuanku tegur benda ni jangan la lama pakai, kena cari juga strategi baiki bagaimana ini perlu kepada suatu pemikiran kepada Kedah. Kadangkala SOP yang dibuat di masjid, masjid ni tak boleh la lama sangat tak boleh sembahyang Jumaat. Masalah tu! Harap nak kena semak juga di masjid ni, dia tak boleh. Kalau lah SOP di masjid dah ada penjarakan, boleh sembahyang 50%, kalau dibenarkan dah ok dah, ni dah tinggai berapa puluh orang saja, 40, nak pi sembahyang pun tak boleh kita kena ada kad. Saya pi pun depa tahan. "takleh YB. sebab YB. takdak kad". Jadi kalau jumlah tu sikit, sedangkan kita nak berdoa di masjid. Jumaat ni sebenarnya satu benda bila lama ni kerinduan ni takleh lari la kita takleh nafi sapa pun. Walaupun tak rajin sangat duk pi jemaah, tapi bila mai Jumaat ni sampai lama sangat takleh pi pun dah jadi satu 'pyschology impact'. Jadi, hat tu disebut oleh Tuanku dalam situasi dah nak pi kepada 'endemic' ni dah nak kena tengok dah YAB.Jeneri hat di masjid ni memang aduan rakyat ni sudah macam terlalu tekanan. Tekanan untuk orang pergi ke masjid, pi orang hambat balik. Jadi, kita kena tengok balik lah tajuk SOP tu. Ya…YB. Sungai Limau ja..takdak ADUN lain ka nak Tanya?

YB.USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Daaakk…..saja lah, kita adik beradik kan? Cuma adakah YB. Alor Mengkudu setuju untuk kita lebih kempen maksudnya satu bukan sekadar jumaat, tapi ahli kariah semuanya kita memberikan penekanan untuk solat fardhu yang biasa pun untuk pakat hadir ke masjid. Sebab kalau duk fokus Jumaat saja memang jumlah pakat nak pi. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Hat Jumaat tu dah wajib, hat biasa tu lebih baik lah, memang digalakkan. Saya nak sebut di negara-negara lain, saya tau ni soal ijtihad, macam di Singapore dia buat dua kali Jumaat, dua 'round'. Habis satu, dia masuk kali kedua takut orang berhimpun. Nuu… duk berhimpun penuh di luar nak sembahyang takleh. Jadi, saya ingat perkara tu pihak kerajaan dan bila Tuanku sebut tu Tuanku pun dapat maklum balas daripada rakyat betapa begitu sekali perasaan rakyat untuk pergi ke masjid hari Jumaat. Kalau hari fardhu tu terbuka pun kadang-kadang tinggal berapa saf saja, tambah waktu Subuh tu lagi lah kan. Tu biasa lah tu. Sampai pukui berapa? 7 minit lagi dah? Allahuakbar.

Yang ketiga adalah teguran perlaksanaan pembangunan Negeri Kedah. Muka surat 5 para 3. Hat ni adalah apabila keputusan-keputusan membuat pembangunan ni mesti ada sebab kut, Tuanku memperingatkan bahawa dalam membuat perancangan tu nak kena jaga kepentingan tu. Kepentingan negeri mestilah diutamakan. Jadi, nak pastikan supaya isu saya pikiaq ini isu integriti, ini isu kadangkala bukti takdak tetapi persepsi. Persepsi ni pun hat rakyat sokong tak sokong ni persepsi bukan ada bukti pun. Bukti ni payah jugak nak cari kan. Dia sokong kita ka tak sokong kita ka persepsi saja. Duk dengar orang duk kata dia ni baguih, baguih la kalau orang kata tak baguih, tak baguih la, ia persepsi. Jadi, ini adalah satu peringatan penting sebab nak pastikan supaya perlaksanaan pembangunan ini akan berjalan lancar. Macam YAB. Jeneri sebut nampak banyak projek-projek mega yang nak dilaksanakan tu. Dan setakat rekod di Kedah ni bagi saya tidak memberangsangkan dari segi kemajuan. Ambik Rubber City lah, berapa tahun dah Rubber City ni. Ini bukan bercakap lapangan terbang KXP, KXP tu berapa 'billion'? Rubber City baru kecik ja, tak besar mana, tapi dia punya perlaksanaan sampai la. Elektrik macam dulu dah sebut macam mana boleh terlepas pandang, takdak di situ. Nak buat pengambilan tanah pun ambik masa panjang. Jadi, dalam kes pelaksanaan ini adalah perlu dilihat secara yang lebih baik lah. Sila! Pendek ya, masa suntuk.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Jadi, YB. Alor Mengkudu sebut seolah-olah kerajaan yang ada sekarang ni macam dah lama, macam banyak tahun dah. Sebut berkaitan dengan projek-projek tu. Tengok rekod dengan tempoh yang sekejap, kita dah gerakkan. Jadi, saya rasa mungkin YB. Alor Mengkudu lupa kut kerajaan sebelum ni.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Yang Berhormat, minta sekali nanti YB. Alor Mengkudu jawab boleh? Mintak sekali boleh?

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Cepat! 'Direct! 'Direct to the question'!

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Tadi Yang Berhormat Alor Mengkudu sebut berkenaan dengan projek KRC. Jadi, soalan saya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa projek ni sebenarnya bukan dimulakan masa kerajaan hari ini, tapi, dimulakan masa kerajaan terdahulu. Satu! Yang kedua, adakah Yang Berhormat sedar dan pi tengok bahawa projek sekarang sedang pesat membangun sebanyak lebih 57% sedang berjalan. Kemudian yang ketiga ialah pengambilan tanah sebenarnya sedang di peringkat akhir dan sebelum ni masa kerajaan 22 bulan tidak buat apa-apa dan perancangan ini sedang dan telah dibuat sekarang di peringkat akhir pengambilan tanah untuk laluan 'cable' elektrik untuk pencawang utama TNB projek KRC.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Ok, saya faham..YB. terlibat dalam pembangunan. Erti pembangunan, perancangan satu-satu projek ni memakan masa lama, itu satu realiti. Kalau dulu ni tak mula baru la nak mula, tak akan dapat dia punya tahap tu. Jangan nafi kata satu projek ni kesinambungan. Dan apabila kita bercakap pasai kerajaan, kerajaan tu kerajaan la, siapa pi duk situ dia kerajaan lah. Jangan pulak saya duk sini, pi duk kerajaan, oh! No! No! saya takmau ambik tanggungjawab. Tak boleh! Kita kerajaan, kerajaan lah. Itu politik, boleh la cakap macam tu. 'When you sign the agreement' (dengan izin) kerajaan lah kena kesinambungan lah. Itu biasa, siapa pi duk situ macam tu la.

Jadi, mengenai Pelan Pembangunan 2035 saya difahamkan akan dibentangkan pada mesyuarat yang akan datang. Ini juga sebab saya nak ingatkan kerajaan, dulu pernah, dulu! Dulu! Bukan baru-baru ini, pernah dah dibentangkan Kedah Maju 2010, sebenarnya kata maju ni, Malaysia ni 2020. Jadi, mungkin satu pelan ke satu pelan. Tetapi daripada dulu hingga sekarang saya cakap ni kerajaan, jangan duk sana kata "kami baru jadi kerajaan". Jangan cakap macamtu! Saya mengatakan bahawa banyak buat pelan tapi akhirnya Kedah ni tercorot miskin sampai ke la. Duk tak berubah, duk yang kedua yang ketiga di bawah berkapita. Jadi, dengan sebab itu Tuanku sebut muka surat 6 para 34, buat projek tu biarlah terarah, janganlah tak terarah. Muka surat 6 ambil dia punya apa yang disebutkan begitulah juga dengan tempoh sebuah perancangan. Ni isu perancangan. Perancangan sedap… Saya ni dah nak hujung dahni. Taktau nak masuk pilihanraya lagi ka dak…….(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Alor Mengkudu, ada seminit lagi. Sila buat 'landing'!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Ok. Begitu jugak sebuah perancangan perlulah melihat kepada matlamat yang besar dan tempoh panjang agar tumpuan tidak dibazir dengan pelaksanaan program dan projek yang tidak terarah. Ada makna, jadi ambil perhatian. Satu lagi, saya nak perabis hat Tuanku saja, hat lain saya takmau sebut dah. YB. Tuan Speaker, sikit lagi hat Tuanku. Pasai GLC ni, GLC kita ni di antara yang tak baik sebenarnya. Saya duk tengok daripada dulu kerajaan ka bila ka, mungkin dulu ni takdak yang rugi tapi banyak syarikat GLC yang rugi, ada GLC nak bayar gaji pun takdak duit, EPF pun tak bayar. GLC kita sebenarnya berat sebab tu Tuanku sebut di sini pilihlah CEO yang betul-betul kompeten, jangan kerana kawan, jangan kerana itu. Kompeten tu pun kerana dia boleh jaga kepentingan kita. Ya lah, dia duduk CEO, apa-apa sikit ni kut ada peruntukan keraian ka apa senang la. Tetapi, hat tu pun takpa la sikit-sikit, tapi kena tengok sebab ini di sentuh oleh Tuanku supaya masalah isu CEO, saya nak berhenti dah sikit lagi. Iaitu isu yang 'direct' kepada pentadbiran ni yang satu, Tuanku tak sebut lagi benda lain. Pasai kebersihan, sebenarnya benda lain banyak lagi dalam isu pentadbiran ni.

Sampai jalan pun rumput tak potong Tuanku sebut dalam ucapan 'very shameful' lah bagi saya. Isu potong rumput takkan Tuanku kena sebut dalam titah, tak boleh sampai macam tu. Dah memang dalam protokol daripada lapangan terbang, rumput dengan pokok tak terjaga, YAB. Jeneri mungkin itu dah terlalu bawah sampai nak pikiaq pun takdan. Tapi hari-hari kita tengok duk lalu tengok ishh! Apa nak jadi? Dalam protokol jelas akta protocol, jangan cakap lah.

Akhir sekali, akhir dah! Baginda sebut pasai krisis politik, ni panjang disebut tapi saya nak sebut sikit ja. Rakyat tengok ahli-ahli politik, ni hat politik la bukan pentadbir. Teruk ahli-ahli politik ni. Rakyat tengok! Ucapan dia, cakap sat bohong sat dak apa semua, yang agama cara agama, yang nasionalis cara nasionalis, yang cara liberal cara liberal. Banyak masalah sampai apa cerita, Perdana Menteri sampai bertukar kali ketiga dalam satu penggal. 'It's wrong!' rakyat tengok. Ini Tuanku sebut. Saya harap ahli-ahli politik, kita tak boleh, dan ada hadis pun, ada orang bagi hadis dekat saya la, baik tak baik negara ni, ada hadis mai hantar dekat saya tak sempat baca. Umara' ni ahli politik yang ada kuasa lah. Memang ahli politik, Perdana Menteri, Menteri, MB , EXCO semua tu hat tu memang ahli politik. Tapi ahli politik ni dan Tuanku ambik code itu, ahli politik ni duk kira menang. Daripada hat orang putih duk sebut dia bukan kira pa. Saya ingat kita perlu ahli politik yang baik. Sebenarnya negara perlu ahli politik yang baik, bukan ahli politik dolak-dalih, bercakap lain. Ucapan ni di rakam, ucapan dulu duk pi ceramah sana sini tu di rakam bukan tak rakam. Rakyat bawa keluar balik. Dulu you kata macam mana sekarang you kata macam mana. Dulu you janji apa, sekarang you buat apa? Apa yang you buat yang you janji tu. Tu tak kira lagi SD-SD semua. SD ni mesti ditunaikan. Harini SD lain, esok SD lain. Tak jahanam ahli politik ni, nak jadi apa dengan ahli politik ni? Jadi, saya ingat setakat itu saja YB. Tuan Speaker. Saya dengan ini menyokong usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan untuk titah Perasmian Sidang DUN kita. Terima kasih. Asssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Alor Mengkudu. Saya jemput YB. Sungai Limau. 30 minit!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Bismilllahirrahmanirrahim. Asssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah wassolatu wassala muala rasulillah, waála alihi wasohbihi waman walah. Subhanakala ílmalana ma 'allamtana innaka antassami úlálim. Wala haulawala khuwwa tailla billa hiláli yilázim, 'ammabaq. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat di Sidang Mesyuarat, pegawai-pegawai seterusnya sidang hadirin hadirat yang dikasihi sekalian. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama membahaskan usul menjunjung kasih atas limpah pekenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah menyampaikan titah ucapan Perasmian Sidang DUN kita pada kelmarin Mesyuarat Pertama Penggal Keempat DUN Kedah Kali Yang Ke 14.

Izinkan saya untuk membaca sepotong ayat Al quran;

Audzubillahiminasyaitonirrojim;

Walau anna ahlal-qurā āmanụ wattaqau lafataḥnā 'alaihim barakātim minas-samā`i wal-arḍi

Sadaqallahul Azim

"Dan jika ahli penduduk sesebuah kampong/negara beriman dan bertakwa kepada Allah s.w.t, nescaya Allah akan buka pelbagai keberkatan limpah kurnianya daripada langit dan juga bumi".

Yang Berhormat Speaker, izinkan saya untuk mulakan ucapan ini untuk menzahirkan dan merakamkan ucapan takziah sepertimana yang disebut oleh Berhormat Alor Mengkudu tadi, untuk mewakili pihak kerajaan kepada saudara Radhi yang telah pun meninggal dunia dan juga untuk ucapan takziah kepada seluruh mangsa yang terlibat dalam fenomena kepala air di Gunung Jerai yang melibatkan 6 orang yang terkorban. Marilah sama-sama kita membacakan Umul Quran dan hadiahkan kepada mereka dan yang bukan Islam kita bertakafur seketika. Al-fatihah.

Yang Berhormat Speaker, Tuanku Sultan telah memulakan titah ucapakan kelmarin dengan menzahirkan ucapan takziah dan juga telah menggambarkan kepada kita bencana kepala air yang berlaku di Gunung Jerai melibatkan DUN Guar Cempedak, DUN Gurun dan DUN Tanjung Dawai yang merosakkan harta benda awam dan kerugian yang besar serta mengorbankan 6 nyawa. Izinkan saya untuk menyorot seketika kepada kita peristiwa yang berlaku pada 18 haribulan yang lalu berdasarkan maklumat Jabatan Pengairan Saliran (JPS), pada hari tersebut Stesen Hujan Gunung Jerai merekodkan bacaan komulatif 281mm dan bagi Stesen Hujan Kampung Singkir Genting bagi bacaan komulatif sebanyak 172 mililiter direkodkan. Bacaan hujan yang turun dalam tempoh 8 jam ini bermula sejak 11 pagi boleh digambarkan seperti purata hujan tempoh sebulan yang mengakibatkan banjir besar dan juga dipanggil aliran puing ataupun debris serta banjir runtuhan yang berlaku di Gunung Jerai. Maka, kejadian hujan yang 'extreme' ini telah menyebabkan fenomena kepala air yang dikenali sebagai aliran puing ataupun aliran debris dalam geosains dan mengakibatkan keruntuhan serta banjir lumpur di kawasan sekitar Gunung Jerai dan kita boleh lihat selepas daripada kejadian ini, sebanyak 69 parut runtuhan di Gunung Jerai yang telah pun dijumpai dan ia bukanlah kerana pembalakan sepertimana yang telah pun di war-warkan sejurus selepas kejadian ini dan saya pun melihat di facebook YB. ADUN Gurun. Dia takdak, mungkin satgi dia boleh jawab kut. Masih mengaitkan banjir yang berlaku, runtuhan yang berlaku itu kerana pembalakan. Kalau orang Kuala Lumpur, orang Port Dickson, orang lain-lain kita boleh tau sebab mereka tidak berada di Kedah , tak berada di kawasan Gunung Jerai tetapi apabila disebut oleh YB. ADUN Gurun sendiri maka ia suatu yang mengecewakan kita kerana ia bukan berpunca daripada pembalakan.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Sungai Limau. Tadi YB. Alor Mengkudu ada sebut tentang ahli-ahli politik yang Tuanku sebut jangan bohong dan sebgainya. Adakah kenyataan yang dibuat oleh YB. ADUN Gurun berkaitan dengan pembalakan menyebabkan kepala air baru-baru ini, adakah termasuk sepertimana yang dipesan oleh Tuanku.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB.Sungai Limau, sikit pencelahan. Saya sama-sama berada di lokasi banyak kali lah. Dan daripada pemerhatian saya, runtuhan tu bermula daripada atas. Bermakna betul lah jumlah air yang banyak tadi tetapi daripada atas dia sampai mungkin saya sebut tadi ke 'second layer' bahagian yang kedua, itu saya lihat ada beberapa aktiviti. Satunya, aktiviti lama yang sama-sama kita maklum iaitu kuari batu dan juga kuari besi. Yang kedua, saya dapati ada beberapa penerokaan lama tanam durian ni. Jadi, 'second layer' hat tu, tapi betul lah mai daripada atas jumlah hujan yang besar, runtuh dah atas tu tapi kalau ada 'support' di bahagian bawah tu masih kuat dan mungkin tidak seteruk itu. Pandangan YB. Sungai Limau.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Baik! Terima kasih kepada YB. Tanjung Dawai dan YB. Pengkalan Kundor atas soalan. Gunung Jerai ni telah pun diiktiraf ataupun diletakkan sebagai hutan simpan sejak lebih daripada 40 tahun yang lepas. Dan pada tahun 2018 ia telah pun diangkat sebagai National Geopark ataupun Geopark Kebangsaan yang bila pengiktirafan ini, maka kawasan Gunung Jerai itu sendiri terpelihara daripada pembalakan. Maka, perkara ini telah pun disyarahkan banyak kali, kenyataan daripada Jabatan Hutan sendiri menyebut bahawa tiada pembalakan di Gunung Jerai. Jadi, ia merupakan suatu fakta dan saya harap mungkin lepas ni YB. Gurun nak kena tarik balik lah apa yang di'post' di 'facebook' mengaitkan kejadian di Gunung Jerai ataupun fenomena ini dengan pembalakan. Kita telah pun menerima pelbagai bantuan, sokongan daripada NGO, daripada agensi-agensi kerajaan dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri pada malam tersebut turun untuk melihat aktiviti ataupun kejadian yang berlaku dan usaha-usaha 'rescue' (dengan izin) yang telah dilakukan oleh polis, bomba, pasukan penyelamat, maka daripada malam tersebut lagi tindakan pantas pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengarahkan untuk seluruh agensi-agensi kerajaan khususnya untuk bantu dan 'support' (dengan izin) 'team' bantuan yang telah pun dimulakan pada malam tersebut dan diteruskan pada hari-hari yang seterusnya menyebabkan kita dapat kawal ataupun membantu mangsa yang terlibat dalam tempoh yang cepat.

Di samping itu juga, parti-parti politik, mungkin parti-parti politik semuanya terlibat dalam aktiviti ataupun untuk membantu. Tetapi, di peringkat khususnya PAS Negeri Kedah, kita telah menubuhkan bilik operasi pada malam itu mesyuarat dan esoknya Pusat Kawalan Operasi Bencana di Peringkat PAS sendiri kerana pada malam tersebut, kita menerima panggilan telefon yang banyak daripada sukarelawan, daripada kawasan-kawasan, daripada negeri-negeri khususnya Jabatan Amal untuk turut serta maka kita memikirkan pentingnya untuk kita

menyelaras bantuan-bantuan ni bukan sahaja Ops Cuci, kita menyediakan makanan bermasak kepada sukarelawan dan kepada penduduk yang terlibat di peringkat awal dan juga bantuan-bantuan pasca banjir yang sumbangan-sumbangan yang hadir untuk kita urus dan YB. Pesuruhjaya PAS Negeri dalam ucapan program terakhir yang kita buat bantuan sumbangan duit dan juga barangan yang kita berikan kepada mangsa yang terlibat lebih kurang RM2.5 juta berjaya untuk dikumpulkan di peringkat parti sendiri PAS sendiri untuk kita menyampaikan sumbangan kepada mangsa yang terlibat dan saya rakamkan ucapan terima kasih mewakili dalam Daerah Yan, Gurun pun masuk, Kuala Muda, Tanjung Dawai dan juga Guar Chempedak pun secara langsung yang terlibat khususnya di Daerah Yan.

Kami rakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang telah pun turun untuk membantu mangsa banjir fenomena kepala air ini dan penghargaan khusus peringkat parti kepada Jabatan Amal yang sejak daripada hari pertama Ops Cuci dilancarkan sehingga lah hari ni pun masih lagi ada yang turun untuk menghulurkan bantuan termasuklah naik ke bukit untuk pasang Paip Air Masyarakat yang ia bukanlah merupakan skop awal penubuhan operasi kita. Jadi, kami rakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua dengan Jazakumullah khairul jazak, semoga Allah memberikan kebaikan di atas segala sumbangan yang diberikan. Ya, Sila!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sikit! Sikit pencelahan, pertama soalan saya tadi masih tidak mendapat penjelasan. Yang kedua, saya ingat semasa saya masih bersama-sama YB. Sungai Limau saya dalam PAS dulu, antara yang kita tak 'happy' apabila tidak berlaku pengasingan di antara parti dan juga kerajaan. Parti menggunakan harta-harta kerajaan dengan sewenang-wenang ataupun di sebaliknya tidak berlaku. Dan dalam konteks baru ni, mungkin disebabkan oleh situasi yang memerlukan sebegitu, tetapi saya melihat salah satu daripada pusat operasi adalah masjid Guar Chempedak tu sendiri yang menjadi pusat operasi parti bergerak di situ. Jadi, adakah ini masih kerajaan sekarang telah berbeza parti dengan kerajaan macam tu ataupun dulu macam tu, sekarang macam tu ataupun macam mana?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Baik! Terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor. Untuk makluman YB. Pengkalan Kundor, agensi kerajaan dia bergerak secara pengarahan tempat-tempat yang berkaitan yang telah pun diputuskan dalam gerak kerja pegawai-pegawai. Di peringkat parti, kita menggerakkan suatu yang berasingan dan kalau YB. Pengkalan Kundor sebut kita beroperasi di Dewan Masjid Al-Busro, sebenarnya ia merupakan Dewan Masjid dan parti kita menyewa dewan tersebut sebab dewan itu waktu pandemik covid ni sebelum ni duk buat kenduri, sewa kepada masyarakat awam dan sebagainya, takdak pendapatan. Jadi, kerana berlakunya peristiwa ini kita memohon untuk pihak masjid berikan kita menyewa kerana untuk menyelaras dan jugak menghimpunkan barangan-barangan sumbangan yang kita terima dengan keadaan yang ada, yang jauh sedikit daripada tempat kejadian. Kalau kita buat di Yan secara 'direct' maka ia akan menyebabkan kesesakan. Jadi, bila petugas dapat kita susun atur di luar daripada kawasan bencana maka ia dapat dilaksanakan dengan baik.

Baginda Tuanku juga ada menyentuh tentang pandemik covid dan juga pogram vaksin. Saya juga tertarik dengan apa yang disebut oleh YB. Alor Mengkudu sebentar tadi bahawa teguran-teguran yang telah pun diberikan oleh Tuanku Sultan dalam titah ucapan. Kita melihat bahawa ia merupakan suatu peringatan. Perkara-perkara yang untuk kerajaan negeri tidak melakukan perkara-perkara yang boleh untuk melemahkan negeri, pentadbiran dan sebagainya sebab apabila kita merujuk kepada muka surat 6 di baris atas sekali perenggan yang pertama. Tuanku Sultan menzahirkan ucapan, "tahniah kepada pentadbiran kerajaan negeri yang dipimpin oleh YAB. Jeneri atas kejayaan merencanakan agenda ekonomi dan pelaburan Negeri Kedah". Muka surat 8 dan juga muka surat 9 Baginda Sultan juga menzahirkan sukacita Baginda dengan pelancaran Pelan Pembangunan Kedah serta sukiacita Baginda pada Kerajaan Persekutuan yang telah mengumumkan Pulau Langkawi sebagai destinasi perintis bagi program "gelembung perjalanan" atau 'travel bubble' (dengan zizin).

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sungai Limau, ada pencelahan!

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

YB. Tuan Speaker dan terima kasih YB. Sungai Limau. Tadi kita perdengar YB. Alor Mengkudu dalam perbahasannya itu, ucapannya menyebut "Tuanku mengegur! Tuanku mengeur!" Nada ayat YB. Sungai Limau, berbeza, tafsiran berbeza dengan apa yang dititahkan oleh Tuanku. Jadi, saya nak pandangan daripada YB. Sungai Limau. Pandangan berkaitan titah Tuanku, adakah beza dengan apa yang ditafsirkan oleh YB. Alor Mengkudu yang awal sampai habis, Tuanku seolah-olah tak berkenan dengan kerajaan ni. Terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Baik! Terima kasih kepada YB. Tanjung Dawai. Tetapi apa yang kita sebut ini, perkara yang telah pun Tuanku sebut dalam titah ucapan. Ucapan tahniah kepada kerajaan, kepada Memanda Menteri Besar, ucapan sukacita Baginda ditulis dalam teks ucapan. Maka, itulah yang kita sebut dan Baginda pun tidak sebut "menegur" dalam teks ucapan yang telah pun dibacakan ataupun diberikan kepada kita pada kelmarin. Jadi, kita boleh semak yang kita nampak apa yang terzahir daripada titah ucapan Tuanku Sultan. Tuanku Sultan juga telah menyentuh tentang 'pandemic covid' yang telah pun melanda negara dan kita mengharapkan seluruh rakyat untuk terus fokus kepada pematuhan kepada SOP yang ditetapkan serta bekerjasama. Kita mengharapkan seluruh rakyat bekerjasama dalam menjayakan Program Vaksinasi Kebangsaan sebagai langkah kawalan dan pencenggahan kepada pandemik 'covid' ini. Banyak yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Persukutan, MKN dan juga oleh kerajaan negeri untuk kita mengekang penularan wabak Covid-19 ini dan daripada pencapaian, kita boleh rujuk dalam buku jawapan yang kita ada di muka surat 61, fakta sehingga 4 haribulan 9 yang ada pada kita lah.

Hari ni, kita telah pun 21 haribulan, maknanya lebih kurang dua minggu yang lepas. Di mana dua minggu yang lepas, bagi Kedah masih 48% untuk dos yang kedua dan kalau kita melihat kepada dua minggu yang lepas untuk dewasa, dos yang pertama ada daerah-daerah yang telah pun mencapai lebih daripada 90% dan kita yakin dalam tempoh dua minggu ini sudah pasti ada peningkatan jumlah dos yang pertama dan juga jumlah dos yang kedua. Jadi, maknanya bila jumlah dos yang pertama telah pun mencapai 80%, 90% maka orang tersebut akan menerima dos yang kedua. Jadi, InsyaAllah kita harap program yang telah pun dirancang ini, semua rakyat kita akan memberikan kerjasama untuk hadir ke PPV bagi menerima suntikan dan bagi yang telah pun menerima yang pertama InsyaAllah dia akan hadir yang kedua. Bagi yang belum menerima suntikan, tadi pun disebut oleh YB. Pengkalan Kundor mungkin ada lagi yang tidak divaksin. PPV hari ini buka 'walk-in', boleh mai terus untuk menerima suntikan ini kerana ia merupakan perkara yang diberikan 'priority' (dengan izin) oleh pihak kerajaan negeri dan juga Persekutuan. Ya.. Silakan YB. Bukit Lada.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Yang Berhormat Speaker, sedikit tambahan. Mungkin kita dapat maklumat iaitu berkenaan dengan 35,000 data daripada MySejahtera yang tidak dapat dikeluarkan. Mungkin ini satu sebab kepada peratus vaksinasi yang tidak dapat dikeluarkan. Mungkin ini satu sebab kepada peratus vaksinasi yang menyebabkan kita berasa macam sedikit, tak cukup. Mungkin 350,000 masalah data daripada MySejahtera.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sedikit YB. Sungai Limau.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Ya…Silakan YB. Pengkalan Kundor!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sikit YB. Sungai Limau. Apa yang berlaku di bawah, mengikut kefahaman saya adalah tidak berlaku 'empowerment.' Mobilisasi orang ramai yang tidak ada 'handphone' yang tidak berdaftar dengan MySejahtera untuk hadir ke PPV. Sebab apabila satu-satu PPV kita buka sampai seribu contohnya jangkaan kita, tapi kita dapat hanya 300 orang pasaipa, pasai yang 'walk-in' tu tidak hadir. 'Walk-in' ni adalah perlu kepada mobilisasi tadi, perlu kepada 'network' di bawah untuk pergi dan cari dan bawa. Jadi, saya harap bersungguh-sungguh pihak kerajaan negeri untuk memastikan bahawa ini mesti berlaku. Kalau tidak, tahap kita macamtu, yang pertama. Yang kedua, saya dapati ramai juga golongan anti vaksin yang berhujah dengan apa sekalipun, akhirnya dia takmau. Dia takpa, tapi ramai juga pengikut-pengikut dia. Jadi, ini juga saya rasa peranan kerajaan negeri untuk 'educated' untuk memberi pelajaran kepada mereka untuk memastikan bahawa mereka tampil bersama dengan 'network' tadi untuk hadir kepada PPV. Kita harap dalam masa terdekat ini kita mampu untuk berada pada tahap yang kita inginkan. Komen YB. Sungal Limau.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

YB. Sungai Limau, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Adakah kekurangan dari sudut penerima vaksin itu juga disebabkan oleh warga Kedah, anak Kedah tapi dia menetap di luar Kedah, bekerja di luar Kedah menyebabkan angka tu sikit?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Baik! Terima kasih atas soalan-soalan dan pandangan-pandangan yang diberikan. InsyaAllah kita yakin pihak kerajaan akan mengambil maklum pandangan-pandangan yang telah diberikan untuk kita laksanakan dan sepertimana yang telah YB. Bukit Lada sebut tadi, kehadiran Yang Berhormat Menteri Kesihatan baru-baru ni pun maklum ada 350,000 nama-nama yang telah disuntik cuma masih lagi belum dimasukkan ke negeri-negeri mana, daerah-daerah mana akibat sistem yang berlaku dan pandangan daripada YB. Pangkalan Kundor untuk di peringkat bawah bekerjasama pimpinan di bawah. Saya berada di Daerah Yan dan Pengerusi CITF Daerah, Yang Mulia Tuan DO, memang kita sentiasa mengadakan mesyuarat bahkan buat secara 'online' dengan JPKK untuk turut serta kempen bermula sebelum Ramadhan hari tu dan disambung sehinggalah hari ni untuk kita cuba cari mereka yang berada di kampung-kampung yang masih lagi belum divaksin dan memang lah payah nak cari tu, Yang Berhormat Pangkalan Kundor sebab takda tanda hat kena suntik. Kalau hat kena suntik buh tanda apa-apa mudah. Sebab itulah perkara itu telah pun dilaksanakan dan InsyaAllah perkara itu saya yakin akan dipertingkatkan lagi di peringkat pengurusan pentadbiran kerajaan untuk sokongan daripada pimpinan di peringkat kampung-kampung. Ya, silakan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Tuan Speaker, tambahan sikit. Padang Terap, satu daerah yang kita kira agak jauh dari pekan. Tapi, Padang Terap adalah contoh yang menggerakkan jentera di bawah sangat baik yang menjadikan hari ni Padang Terap nombor satu dari segi vaksin mengatasi Langkawi. Apa pandangan?

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Tambahan sikit Yang Berhormat. Berkenaan Padang Terap, saya di Pokok Sena, Bukit Lada…(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sungai Limau bagi dak?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Ya! Ya, sila!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Kita ingin memberi maklumat berkenaan dengan penduduk di Pokok Sena, ada yang pi vaksin di Padang Terap sebab Pokok Sena ialah satu kawasan yang tidak ada tempat yang besar sebab daerah yang takdak dewan yang besar dan sebagainya menyebabkan sedikit vaksinasi yang dapat di Pokok Sena. Jadi, orang Pokok Sena pergi ke Padang Terap, sebab itulah di Pokok Sena pun tak ramai kerana kita dah buat 5,000 baru-baru ni, yang mai dalam 1,000 sahaja. Banyak yang pergi ke Padang Terap.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima kasih kepada YB. Bukit Lada. Memang perkara-perkara itu sebab ini kali pertama kita berhadapan dengan pandemik ini, mungkin banyak perkara-perkara yang boleh kita tambah baik dan saya yakin pimpinan pentadbiran negeri, KKM semua lah 'frontliners' kita yang berusaha bersungguh-sungguh semuanya berusaha untuk menurunkan kadar penyakit dan meningkatkan kadar vaksinasi dan mungkin apa yang disebut tentang jumlah penetapan jumlah dewasa tu, fakta, angka-angka tu mungkin ada sebahagiannya yang duk di luar. Macam kita lah, YB. Alor Mengkudu pengundi luar. Kadang-kadang dalam satu tempat kita yang mengundi di luar tu mungkin 10%, 20% menyebabkan mereka mengambil vaksin di tempat mereka berada, mungkin daerah lain mungkin negeri lain. Dan perkara ini mungkin kita harap di peringkat Kerajaan Persekutuan untuk menilai balik jumlah-jumlah angka sebab kita nak mencapai kepada 80% ataupun 100% itu berdasarkan angka yang telah pun dikemukakan. Dan kita melihat di peringkat awal, Kedah ni masa awai kita jangkitan kurang, banyak vaksin-vaksin saya difahamkan hat di negeri-negeri yang ni semuanya tertumpu di kawasan Klang Valley (dengan izin), Negeri Selangor, Kuala Lumpur yang mungkin merupakan ibu negara dan juga pusat ekonomi bagi Malaysia. Kita terima lah hakikat itu dan kita melihat harini dengan vaksinasi yang dilaksanakan di peringkat Kerajaan Persekutuan, kadar penyakit di negeri-negeri khusunya di Klang Valley menurun dan kita harap di Kedah ni Kerajaan Persekutuan berikan perhatian dan dimaklumkan kepada kita Menteri baru-baru ni hadir pada hari Ahad yang lepas pun InsyaAllah jumlah vaksin itu mencukupi untuk Kedah.

Cuma kita nak kena kempen lagi rakyat yang belum divaksin yang kita taktau sapa ni untuk kita sama-sama kempen. Bahkan di peringkat Pusat Khidmat DUN, tadi pun duk sebut kita pakat bantu, kita ada sukarelawan untuk telefon mereka yang kita ada senarai di PPV telefon, "makcik nak terima bantuan", dia mohon bantuan, kita pun tanya, "vaksin dak lagi"?. Kita ada senarai di peringkat awal yang di keluarkan oleh pusat PPV yang tak hadir. Kita pun telefon untuk pujuk dan sebagainya. Perkara ini telah pun dilaksanakan oleh semua kita malahan di peringkat parti sendiri, parti-parti masing-masing, kita pun buat. Kalau Jabatan Amal, kita pun turun bantu PPV dan sebagainya. Semua perkara ini kita laksanakan, yang penting adalah kita untuk sama-sama memberikan sokongan kepada apa yang telah pun dilaksanakan dengan memberikan kesedaran kepada masyarakat dan rakyat negara kita untuk mengambil suntikan.

Yang Berhormat Speaker, pandemik 'covid' yang melanda dalam negara kita, pada hari ni kita melihat kesan secara langsung kepada ekonomi negeri, ekonomi negara dan juga paling terkesan ekonomi rakyat. Keadaan yang berlaku ini dengan PKP,PKPD, penguatkuasaan yang dilaksanakan tidak pernah dialami oleh mana-mana pemimpin sebelum daripada ni. Setahu kita lah, xzman kita hidup, kalau zaman dulu-dulu hat seratus dua ratus tahun dulu kita taktau lah.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sungai Limau, masa berbaki 2 minit lagi!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Berapa?

YB. TIMBALAN SPEAKER

2 minit!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Allahuakbar! Baik. Saya nak terus la no. Di Kedah Alhamdulillah, kita melihat pengoperasian bantuan kepada rakyat dilakukan oleh PKOB setiap daerah di gerakkan dan dibekalkan bakul makanan dan jumlah RM32.4 juta yang disebut dalam titah ucapan satu jumlah yang besar diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk bantuan-bantuan ini dan kita melihat bahawa bantuan ni mempermudahkan rakyat untuk dapatkan bantuan, tak perlu angkat bendera putih Yang Berhormat Speaker, hanya angkat telefon ataupun telefon PKOB ataupun maklum kepada pimpinan setempat InsyaAllah, bantuan akan diagihkan kepada mereka. Cara ini, lebih 'efisien' mengikut keperluan negeri kita, mungkin negeri-negeri lain kita taktau. Tapi., yang kita laksanakan di Kedah merupakan satu yang telah pun terbukti mampu untuk berikan kebaikan kepada rakyat.

Saya juga ingin menyentuh tentang projek berimpak tinggi yang telah pun disebutkan dalam ucapan titah Tuanku Sultan secara lebih khusus KXP. Tadi Yang Amat Berhormat Jeneri pun menyebut tentang status keadaan ataupun projek ini dalam usaha yang telah dilakukan walaupun telah dicanang sejak tahun 2014, YB. Kubang Rotan kan, 2014 telah pun dicanangkan untuk kita nak buat KXP ni tapi surat beranak takdak, tak pernah dibentangkan dalam Mesyuarat Kabinet, tak pernah dibentangkan dalam Majlis Perundingan Perancangan Fizikal Negara. Mai YB. Jeneri ambil alih, barulah usaha kita laksanakan dan Alhamdulillah bulan 10 kita telah pun mendapat kebenaran dengan nasihat-nasihat untuk dilaksanakan bagi menjayakan KXP ni….(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sungai Limau, masa sebenar ikut-ikut tu dah cukup, tapi saya Nampak YB. Sungai Limau tadi agak pemurah memberi laluan untuk celahan-celahan. Jadi, saya tambah lagi 3 minit!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Tambah 3 minit. Banyak mencelah, takpa, terima kasih. Jadi, kita mengharapkan semua pakat memberikan sokongan walaupun dia tak dimulakan oleh YAB. Jeneri pada hari ini, oleh YB. Jitra semasa menjadi Menteri Besar dulu, tapi kesinambungan perlu diteruskan usaha-usaha yang telah pun dilakukan oleh pegawai-pegawai sebelum ni, kajian yang telah pun dilaksanakan tak perlu untuk dibazirkan jika ia memberi manfaat kepada rakyat, maka ia mesti diteruskan dan Alhamdulillah harini YAB. Jeneri membuktikan bahawa kerajaan yang beliau pimpin mampu untuk membawa sinar baru kepada kewujudan KXP di dalam Negeri Kedah Darul Aman. Daripada KXP ni juga kita akan terima banyak manfaat selain peluang pekerjaan, loji rawatan air yang baru kita akan terima, lebuhraya baru, laluan kereta api yang baru di samping pembangunan industri berkaitan dengan penerbangan dan banyak lagi manfaat yang menguntungkan negeri dan juga ekonomi rakyat. Kami difahamkan bahawa apabila perkara ini dapat direalisasikan, pertambahan jumlah pendapatan kerajaan negeri yang baru hasil daripada cukai tanah, KXP ni boleh mencecah RM100 juta setahun. Ia merupakan suatu jumlah yang besar dan dengan jumlah ini sudah pasti banyak program-program kebajikan, pembangunan mampu dilaksanakan pada masa yang akan datang untuk kepentingan rakyat.

YB. Berhormat Speaker, saya juga mengambil kesempatan pada harini merakamkan ucapan tahniah kepada YAB. Jeneri atas segala usaha berfokus yang telah pun beliau laksanakan dalam tempoh pandemik covid tapi pelaburan kita tinggi RM43 billion, sesuatu yang tak pernah dicapai sebelum ini. Dalam pandemik covid, kita juga mampu untuk merencanakan pembangunan program-program berimpak tinggi yang dilaksanakan dan InsyaAllah kita yakin, pelaburan memberikan keyakinan kepada negeri kerana kestabilan yang berlaku di negeri dan juga urus tadbir yang baik yang dilakukan oleh ahli-ahli politik khususnya pimpinan negeri dan juga pegawai-pegawai kerajaan. Kita harap perkara ini dapat dikekalkan.

Yang terakhir, ingin juga saya bawakan beberapa perkara yang juga disentuh oleh Tuanku Sultan. Tadi pun YB. Alor Mengkudu sebut tentang kebersihan Bandar Alor Setar dan juga jalan-jalan utama Persekutuan (Federal) yang tidak diselerenggara dengan baik, lalang dan sebagainya. Kami juga difahamkan ada polisi baharu kerajaan terdahulu yang menyebabkan perkara ini berlaku. Jika benar, kita harap polisi ini dapat diubah mungkin daripada ubah ke JKR, JKR takdak bajet dan sebagainya, dikembalikan semula kepada PBT atau sebagainya. Perkara ini perlu dikaji untuk kita menambah baik kebersihan kerana kebersihan itu suatu yang melambangkan keimanan kita.

Yang keduanya, saya juga dalam beberapa Sidang DUN supaya fokus pembangunan Daerah Yan juga diberikan dalam DUN Sungai Limau, duk tengok sebelum ni Guar Chempedak, tapi, Sungai Limau ni banyak kawasan bendang. Jadi, kita harap di samping kerajaan mencari ataupun fokus pembangunan itu supaya pembelaan kepada petani dari sudut harga padi dan juga permutuan yang lebih menguntungkan petani dapat lakukan. Mungkin, pihak EXCO boleh angkat kepada pihak Persekutuan kerana petani, nelayan merupakan penggerak juga kepada ekonomi negeri dan kita nak mensejahterakan rakyat Negeri Kedah secara khusus.

Isu capaian internet, tekanan air rendah perkara ini kita mengharapkan kesungguhan daripada EXCO-EXCO yang terlibat supaya perkara yang kita bangkitkan di Dewan ini dan juga perbincangan-perbincangan yang kita buat dapat diberikan perhatian khusus. Yang terakhir, tadi Yang Berhormat Speaker ada sebut harini Yang Berhormat Pedu tak dapat hadir kerana berada di hospital, ada masalah jantung. Saya pernah cadangkan dulu semasa Kerajaan Pakatan Harapan untuk memberikan ruang ataupun pemeriksaan kesihatan percuma secara khusus kepada ADUN-ADUN ini secara berjadual supaya tak berlaku Pilihanraya Kecil ataupun kita sentiasa 'fit' untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Jadi, saya rasa itulah ucapan menjunjung kasih atas usul titah ucapan perasmian yang di aksanakan oleh Tuanku Sultan. Jadi, terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada semua. Saya menyokong usul menjunjung kasih titah ucapan. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kepada YB. Sungai Limau. Seterusnya saya persilakan kekanda saya YB. Gurun.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian pada pagi ini dalam mengucapkan junjung kasih kepada Tuanku yang telah pun merasmikan pembukaan Sidang Dewan kita. Saya nak mulakan dengan apa yang Tuanku titah di muka pertama, iaitu bagaimana Tuanku amat prihatin tentang apa yang telah berlaku di Daerah Yan baru-baru ni dan melihat banjir dan ramai juga yang telah pun menyinggung saya kononnya saya membuatkan 'facebook notes' berhubung perkara ini. Saya nak sebut Yang Berhormat Speaker, saya berpeluang menjadi sahabat kepada teman-teman yang banyak menjadi Menteri Besar. Zaman BN, zaman Pakatan Rakyat 2008, apabila Allahyarham Ustaz Azizan Bin Abdul Razak menjadi Menteri Besar dan saya terlibat dan sebahagian daripada kerajaan waktu itu. Kemudian, Pakatan Harapan apabila YB. Jitra juga menjadi Menteri Besar, sahabat saya. Sekarang ni hari ni, saya pembangkang. Yang saya nak sebut ini ialah isu balak ni jangan sapa bohong lah, jangan sapa bohong lah sebab siapa juga yang menjadi kerajaan, 'tendency' untuk menebang balak di Kedah ini ada.

Saya tak sebut kata kerajaan yang 12 bulan ini, tetapi harus ingat sesiapa juga yang menjadi kerajaan, kalau kita melihat bahawa balak itu di antara satu-satunya pendapatan kerajaan negeri, saya menganggap ini satu kesalahan yang besar kerana balak bukan sahaja harta kita tetapi juga harta generasi akan datang. Untuk tumbuh satu balak yang besar makan puluhan tahun dan ratusan tahun. Tetapi, untuk tebang balak dia mengambil masa yang terlalu singkat. Sebab itu bukan sahaja di Kedah, rata negeri-negeri yang lain termasuklah di Kelantan, di Pahang, di Terrengganu dan negeri-negeri ini mengalami banjir yang luar biasa. Sebab itu peringatan saya kepada kawan-kawan saya semua bahawa lihatlah bagaimana kita harus menjaga hutan kita kerana bencana yang akan menimpa kita di luar jangkaan kita. Itu yang pertama. Sebab itu saya takmau bincang pasal hal tu saya takmau 'argue' kerana inilah permintaan saya, sangat-sanga, sesiapa juga dari kerajaan, tolonglah, Ini aset kita semua.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

YB. Tuan Speaker, di Gunung Jerai!

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Gurun, ada celahan!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Yang keduanya ialah tentang Covid-19. Isu Covid-19 ini telah pun diperkatakan. Cuma saya nak lihat dari segi positif. Kita ada masalah, kita tahu semua orang bercakap masalah, orang nu masalah orang ni salah. Tetapi, saya nak tanya dan saya nak cadangkan bahawa di samping masalah kesihatan yang kita ada, kita juga ada masalah ekonomi masalah, 'psychology'. Rakyat yang terkepung yang kena 'lockdown' sampai dua tahun ini, dia ada masalah 'pyshocology', dia ada masalah stress yang luar biasa. Bayangkan dalam satu rumah yang bapanya tak boleh kerja, mak dia tak leh kerja, anak-anak tak pergi sekolah dalam masa yang panjang. Ini menimbulkan masalah yang luar biasa, amat luar biasa. Sebab itu kerajaan harus mempunyai perancangan. Apabila kita membuka balik ekonomi kita, saya memohonlah kepada kerajaan supaya 'think outside the box'. YB. Guar Chempedak faham maksud saya, 'think outside the box' kalau dahulu nak berniaga tepi jalan bergabagi-bagai kelulusan yang kita perlukan, kalau nak berniaga di pasar-pasar malam macam-macam yang kita perlukan. Kerajaan harus jangan saja 'reactive' tetapi harus mempunyai perancangan untuk membantu orang kita ni, orang yang telah pun hilang pekerjaan, orang yang hilang perniagaan untuk memberikan ruang seluas-luasnya kepada mereka supaya mengembalikan kehidupan kepada normal. Sebagai contoh, saya memohon supaya kerajaan meminta supaya pihak PBT mengenal pasti. PBT kenal pasti kawasan-kawasan yang boleh dibuka untuk menjadi kawasan-kawasan perniagaan pasar malam, nat dan lain. Berikan 'electricity', berikan air, berikan kemudahan-kemudahan asas supaya mereka dapat 'take off' dengan secepat mungkin dan melupai stress yang ada itu. Anak-anak yang tak pergi sekolah harus dibantu dengan pelbagai kaedah termasuklah memberikan mereka tuisyen-tuisyen, memberikan mereka berbagai-bagai. Ini ialah di antara benda-benda yang mesti kita buat dengan serta-merta.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

YB. Timbalan Speaker, boleh minta laluan?

YB. DR. SALMEE BINTI SAAD

YB. Gurun, boleh kut sekejap!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Silakan YB. Kota Siputeh.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Saya dulu kut Yang Berhormat?

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Saya bagi YB. Kota Siputeh dulu.

YB. DR. SALMEE BINTI SAAD

Saya setuju dengan YB. Gurun mengenai peniaga-peniaga pasar malam. Saya mendapat banyak aduan daripada peniaga-peniaga pasar malam ni, mintak tolong lah bagi depa berniaga, mereka terdesak sangat. Memanglah dapat bantuan daripada kerajaan dengan bakul makanan dan sebagainya tapi bayaran-bayaran sewa, pelbagai bayaran yang mereka perlu buat. Jadi, mereka mohon sangat supaya pasar malam dibenarkan.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker dan Yang Berhormat Gurun. Soalan saya ringkas ja. Yang Berhormat Gurun, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa tindakan kerajaan melonggarkan ataupun mewujudkan "gelembong pelancongan ke Langkawi" merupakan satu tindakan yang tepat dan betul memandangkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi bahawa rakyat sekarang sangat tertekan. Dan yang kedua, kerajaan sedang menimbang dan telah pun melonggarkan beberapa SOP sebagai membantu rakyat terutamanya kalangan peniaga dan rakyat marhain ini supaya mereka dapat menjana pendapatan. Adakah Yang Berhormat setuju? Terima kasih.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Satu kajian! Jadi persoalan yang timbul ini, saya nak tanya ialah siapa yang memegang data-data kerajaan tersebut. Kalau Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pelancongan, kajian itu mesti kita 'share' dengan kerajaan negeri supaya apa juga hasil daripada kajian itu hendaklah di 'immediately' serahkan kepada kerajaan negeri sebab kita tahu, kalau tidak data menjadi

data, tidak ada gunanya. Yang akan melaksanakan betul, kementerian, tetapi akhirnya yang akan mendapat faedah daripada 'result' itu ialah kerajaan negeri. Sebab itu saya mohon supaya kerajaan negeri mengambil tindakan serta-merta untuk duduk dengan pihak berwajib yang mengusulkan program itu mendapatkan data supaya kita dapat.

Yang seterusnya, saya nak bincangkan ialah tentang prestasi pelaburan Kedah. Saya ucapkan tahniah kepada YB. Guar Chempedak yang telah pun memberikan kita 'update' tadi. Cumanya saya bukan nak pesimis, saya mendoakan kita berjaya. Cuma, seperti yang YB. Guar Chempedak tahu, perancangan 'is one thing' tetapi 'to realize is another thing'. Kita rancang kita mungkin mendapat RM43 billion tetapi 'how much it can be realized' ia menjadi kenyataan seperti YB.Guar Chempedak jugak, saya masih ingat lagi telah 'complain' berkali-kali bagaimana 'Rubber City' dia, ni 'baby' dia ni, 'baby' dia ni 'Rubber City' ni. Sampai sekarang ni saya ingat YB. Guar Chempedak dah tiga kali kerajaan dah ni, tetapi masih lagi bercakap tentang 'Rubber City'. 'This is what I'm saying', 'you have good plan' tetapi bila 'come to the realization' bila sampai nak 'realize' benda tu, ini yang jadi masalahnya. Sebab tu saya mencadangkan YB. Tuan Speaker supaya kita bertuah di Kedah, kita ada KCS. 'This is the best state', ini negeri yang paling indah. Kita ada 160 orang lebih KCS-KCS kita yang mempunyai pengalaman. Bawalah mana-mana KCS pun yang tentu dia punya pengalaman perancangan, dia ada pengalaman PBT, dia ada pengalaman 'finance' dia ada pengalaman tanah, dia ada 'best officer'.

Jadi, saya minta gunakan kepakaran mereka untuk pastikan yang apa juga pelaburan yang dicancang itu mendapat 'feedback' dan mendapat 'clamentasy' daripada mereka. 'Train them!' Saya bekas Pegawai PTD, tapi berbanding dengan KCS officer ni, 'they are much better than me' sebab mereka ini tidak keluar daripada Kedah. So, saya mencadangkan supaya 'train them', latih mereka dan gunakanlah kepakaran mereka. Untuk makluman Dato' Speaker 'politician come and go', orang politik datang dan pergi. Semalam mungkin dia pegawai tentera harini dia jadi EXCO, tiga bulan lagi dia hilang jawatan. Tambah pulak keadaan sekarang ini setiap tahun Tuanku Agong akan berucap kepada Perdana Menteri yang berbeza, setiap tahun dan ini juga akan jadi pada 5 tahun akan datang. Ini akan jadi! Sebab tidak ada parti yang 'dominance'. Jadi, setiap tahun Tuanku Agong akan bertitah kepada kerajaan yang berbeza, ataupun bertitah 'speech from the different government'. Sebab itu KCS 'stay', mereka inilah tunggak kita. Kita mesti memberikan keyakinan dan kepercayaan kepada mereka. 'To lead us!' Dan sudah pasti, dengan kekuatan yang kita ada di Kedah ini, saya yakin mereka akan memberikan 'the best'. Jadi, jangan harapkan orang politik sangat lah. Orang politik 'come and go' dan itulah mereka 'super see everything else'. Isunya sekarang ni adalah bagaimanakah KCS ini dilatih? Yang pertama!

Yang kedua, dengan berapa ribu yang kita akan perlukan daripada berbagai-bagai pelaburan ini, sejauh mana anak-anak muda kita daripada UniSHAMSnya, dari AIMSnya, USMnya, ITMnya, yang keluar ribu tetapi mereka ini mesti kita 'train' supaya 'suit' dengan kehendak yang diperlukan oleh industri kita. Kalau tidak, apa yang berlaku dalam perancangan akan ke utara, apa yang universiti 'produce' kan akan ke selatan, tidak akan ada 'match'. '

Miss match' akan berlaku dan akhirnya jadilah seperti dua orang anak muda 'graduated' UKM yang kerja kutip sampah di Singapura. 'Graduated' Melayu UKM, akhirnya kerja kutip sampah di Singapura sebab universiti tak 'train' mereka. Sedangkan kita tahu apa yang akan berlaku di negeri kita, kita tahu keperluan-keperluan akademik dan sebagainya. Sebab itu saya minta supaya pihak Exco Kerajaan 'especially' yang bertanggungjawab tentang pelajaran, 'sit down' dengan pihak university, tunjukkan pihak univesiti 'this is our plan', this will happen for next 25 years' 'we want you to produce this kind of graduated' supaya 'graduated' kita 'match' dengan apa yang dikehendaki oleh industri. Silakan YB. Kubang Rotan.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker dan juga Yang Berhormat Gurun. Cuma, saya ingin tanya YB. Gurun, sekiranya perancangan Pelan Pembangunan Kedah 2035, memang dibuat sebelum-sebelum ini sudah lama, beberapa kerajaan terdahulu bukan sahaja kerajaan sekarang. Tapi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Gurun iaitu bagaimana kita melatih, mengajak 'youngster' punya KCS, KCS yang muda-muda ini mungkin ada dalam 10,15 orang di hantar ke universiti-univerisiti, saya bagi contoh Cambridge, Oxford yang telah dilakukan oleh beberapa negeri supaya mereka dapat mencapai perancangan apa yang kita nak supaya Negeri Kedah ni akan keluar daripada kelompok kemiskinan. Terima kasih.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Saya ucapkan terima kasih kepada YB. Kubang Rotan. Saya lupa isu ni. Saya 'go through' KCS punya 'list' dan saya ucapkan tahniah Sato' SS kerana hampir 60% daripada 'youngster' KCS Officer ada masters, KCS kita ada masters. Ini satu asset yang luar biasa, kita tak jumpa negeri lain. Jadi, maknanya mereka adalah asset kita. Jadi saya minta supaya berlaku 'placement.' 'Placement' ni makna 'job assignment' supaya mereka ni terdedah dengan teknologi baru, dengan 'management', baru dengan 'thinking', baru dengan 'thinking process' yang baru. That's important! Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada YB. Kubang Rotan khususnya anak-anak muda, khususnya KCS kita yang muda.

YB Speaker, saya juga nak selit sikit tentang memorandum persafahaman yang berlaku di Parlimen. Jadi, saya ingat saya tidak berlaku adil kalau tak cerita apa yang sedang berlaku di sana. Apa yang berlaku di sana di antara kerajaan, Kerajaan Keluarga Malaysia dengan Pakatan Harapan. Apa yang berlaku ialah kita menyambut baik saranan Tuanku supaya 'since fire', kita berperang siang malam, dah 3 tahun kerajaan baru naik, tumbang dan naik kita takmau tumbang lagi sebab kita 'since fire'. Masalah rakyat, masalah kesihatan dan ekonomi haruslah kita beri tumpuan. Tetapi bila kita 'since fire' tidak bermaksud kita 'surrender'. No! Macam juga dalam peperangan konvensyen kita sekarang, bila kita 'since fire', kita minta ada syarat-syarat kamu kena ikut, ada syarat-syarat kami kena ikut supaya yang menjadi mangsa bukan tentera kita, yang menjadi mangsa bukan rakyat kita.

Di antara perkara yang kita sebut sebagai 'since fire' ini, ada beberapa perkara yang mesti kerajaan lakukan. Apadia kerajaan lakukan? Yang pertamanya, kerajaan tidak akan panggil, 'call election' hinggalah Julai 2022. 'So, atleast' kita tahu tidak akan berlaku 'general election' sebelum Julai 22. Yang pertama! Yang kedua undi 18, Parlimen telah lulus, rakyat tunggu. Mesti dilakukan! Bukan sahaja 'automatic registration' tetapi mereka juga boleh jadi 'candidate' dah boleh mengundi. Dan ini mesti dilakukan pada penghujung tahun ini. Oleh kerana Federal telah bersetuju maka saya nak tanya bilakah pula kerajaan negeri mesti buat benda yang sama. Saya tahu, saya dapat baca pengumuman daripada MB yang akan dilaksanakan dalam sidang akan datang. Tetapi kena pastikan sebab ini ialah di antara konten yang kita setuju dengan 'Federal Government' supaya undi 18 ini satu yang realiti. Walaupun ada pihak kerajaan 'backvantures' mengatakan mungkin kita tak bersedia. Jadi jawapan saya kepada pihak 'backvantures' ini, kalau kamu boleh mengambil anak muda untuk menjadi seorang tentera yang pergi perang dan sabung nyawa, tidak mungkin anak muda ini yang berumur 18 tahun tidak boleh mengundi 'and choose the government'. Kalau dia boleh sabung nyawa untuk mempertahankan negara dia, tidak mungkin dia tidak boleh gunakan pen dia untuk menentukan sesebuah kerajaan yang ada.

Yang ketiganya di antara timbal balik juga ialah kerajaan juga bersetuju untuk memberikan 'treatment' yang sama kepada semua wakil rakyat kerana kerajaan ialah 'custodian', bukan milik dia, dia cuma 'custodian', dia cuma pemegang amanah. Sebab itu kerajaan telah pun bersetuju untuk memberikan apa juga peruntukan yang diberikan oleh kerajaan kepada MP-MP dia, maka itulah juga yang akan diberikan kepada MP-MP pembangkang. Jadi, saya minta lah oleh kerana Kerajaan Kedah ini sebahagian daripada rangkaian kerajaan yang baru, saya ingat elok lah mengikut contoh yang ada supaya yang dapat bukanlah kepada ADUN-ADUN, begitu juga Ahli Parlimen, bukan dapat kepada MP-MP tetapi yang dapat ialah kepada rakyat di bawah. Jadi, peruntukan yang diberikan kepada MP kerajaan akan dilaksanakan pada bulan ini iaitu semua juga MP-MP akan dapat peruntukan yang sama. Silakan YB. Suangai Lamau!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima kasih YB. Gurun. Adakah YB. Gurun sedar, kita di peringkat kerajaan negeri bila YAB. Jeneri naik menjadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita telah mulakan lebih awal peruntukan untuk pengurusan di peringkat ADUN Pembangkang juga dapat berbanding masa kami dulu jadi pembangkang takdak peruntukan ni. Jadi, kita telah pun buat perubahan lebih awal.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

YB. Sungai Limau silap kut kena 'check' balik rekod. Cumanya semasa YB. Jitra Menteri Besar, kita bagi…..(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Kekanda YB. Gurun! Kekanda YB. Gurun, masa ada 2 minit lagi!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Ya! Ya! Bagi dua minit lagi. Cumanya ketua pembangkang itu kita setuju supaya ketua pembangkang menjadi Chaiman PAC makna kita harus telus lah. Tetapi apabila YAB. Jeneri naik jadi MB, tiba-tiba 'reverse' balik, tukar. Jadi, saya rasa itu tidak berlaku di Parlimen. Parlimen masih lagi PAC Chairman tu ialah pembangkang, saya ingat elok lah. 'Last' sekali, ialah tajuk politik. Saya harap sangat di sini kita ada suasana, YAB. Jeneri, saya bukan personal, ini bukan personal. Jeneri ialah Menteri Besar, bila sebut Menteri Besar Jeneri Menteri Besar saya. Saya kawan Jeneri dan Menteri Besar kepada rakyat Negeri Kedah. Cuma YAB. Jeneri kena 'control' sikit tamper. Bila YAB. Jeneri buat 'statement', buatlah 'statement' yang agak memberikan perangsang, memberikan motivasi, memberikan harapan, memberikan inovasi supaya kami dapat sandar ke bahu YAB. Jeneri. Tapi kalau YAB. Jeneri bawa keluar 'statement-statement' yang agak gusar. Saya pi Parlimen, YAB. Jeneri orang Tanya, "eh! Menteri Besar hang macam mana harini, ok ka?" Saya kata, "ok" "Statement dia semalam teruk sangat pasaipa?" YAB. Jeneri saya orang Kedah, saya rasa cukup sayu kerana saya tau YAB. Jeneri orang yang baik. Jadi, saya mintaklah teman-teman YB. Tokai bekas Ahli Parlimen, YB. Guar Chempedak ada Phd, YB. Sungai Tiang 'lawyer'. 'These are people', kawan kita. Pakat tolong lah pakat tolong sebab imej yang YAB. Jeneri bawa melambangkan saya, melambangkan Ketua Pembangkang, melambangkan kita semua. Jadi, kadang-kadang lecehlah YAB. Jadi kita mintaklah supaya ini dapat diperbaiki.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kulim, masa dah habis YB. Kulim!

YB ENCIK YEO KENG CHUAN

Yang Berhormat Tuan Speaker, kebelakangan pemimpin kita berlaku insiden yang memberi impak yang buruk kepada negeri kita. 'I'm sorry for that' (dengan izin), Yang Amat Berhormat, walaupun ideologi politik kita tak bersama, 'we are brothers', kita masih berkawan. Pemimpin harus menjadi teladan bagi bawahannya. Di sini saya nak hadiahkan dua naskah buku kepada Yang Amat Berhormat. Tajuk buku ni 'he government principle of and Sales China'. Harap-harap Yang Amat Berhormat dapat sedikit ilham dari buku ni. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sama-sama kita tunjukkanlah teladan yang baik kepada anak cucu kita. YB. Tuan Speaker, bagaimana saya nak serahkan buku ini kepada Yang Amat Berhormat?

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Takpa, serah kemudian takpa.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Habis sesi Dewan, InsyaAllah!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Baik! Akhir sekali saya ucapkan terima kasih kepada YB. Speaker. Seperti saya katakan tadi kita bersidang untuk menjadi pemimpin kepada rakyat yang sedang mengharapkan dan kita di sini mungkin berbeza pendapat tetapi matlamat kita jelas. Berakhirnya rakyatlah yang mesti mendapat manfaat daripada apa yang kita bincangkan harini. Pasal perbezaan-perbezaan pendapat politik itu kita boleh bincang kat luar lah. Banyak benda kita bincang kat luar. Tapi dalam ini lebih lah kita cakap benda yang lebih kontraktif. Terima kasih YB. Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Gurun. Seterusnya saya persilakan YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Kedah Sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Jeneri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, semua ketua-ketua jabatan negeri Persekutuan, seterusnya sidang hadirin yang dirahmati Allah sekalian. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t dengan izinnya dapat kita kembali bersidang dalam suasana yang harmoni pada hari ini. Dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi ruang kepada Bandar Baharu untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Saya faham, sebagai seorang wakil rakyat kita sebagai perantara. Kita nak habaq suara rakyat ni macam-macam kat dalam Sidang Dewan. Tapi bukan lah kita diukur kerja kita hanya bercakap dalam Dewan. Kerja kita yang pentingnya duk di kawasan dan 'responsive' kepada semua keperluan rakyat. Tak palah tak payah gaduh dah, berapa orang nak cakap, pembangkang dan juga kerajaan.

Alhamdulillah, kita semua dapat peluang dan ada banyak medium untuk kita menyuarakan kepada kerajaan dan juga suara rakyat sekarang ni. Tadi, saya sedih bila Yang Berhormat sahabat-sahabat semua, 'argue' (dengan izin) Tuan Speaker, kehendak dan nasihat pakar kita daripada Jabatan Kesihatan yang mana kalau kita kena berhenti pukui 1.00 berhenti pukul 1.00 lah. Tak payahlah nak mintak sampai lebih, dengan 'argument' yang saya rasa tak patut. Sebab kita ni 'role model', wakil rakyat, kita kena tunjukkan teladan, kita patuh SOP dan kita hormat kepada nasihat yang pakar. Macam tadi bila Yang Berhormat Tuan Speaker bagitau sapa nak bercakap boleh buka mask boleh buka 'face mask' kerana tak jelas, tetapi bila dinasihatkan oleh yang pakar, pakai balik! 'U-turn' pakai balik! Tak juga semestinya YB. Tuan Speaker nak kena ikut ataupun 'dictert' keputusan kerana kita sekarang ni dalam masa mudarat, masa pandemik yang sekarang Kedah baru nak bergerak ke arah endemik.

Jadi Alhamdulillah, saya harini nak berbahas berkenaan dengan Ekonomi Kedah Sejahtera Yang Berdaya Huni Menuju Ke Era Endemik. Kita belum lagi habis fasa pandemik kita, kita tau dalam menuju fasa pemulihan kita perlu memetakan langkah tindakan dengan lebih jelas. Jika di peringkat Persekutuan, kita telah diwujudkan Majlis Pemulihan Negara. Saya dengan ini nak cadangkan supaya kita tubuhkan Majlis Pemulihan Negeri yang dibarisi oleh pakar ataupun panel anak-anak Negeri Kedah. Ramai yang kita ada supaya depa mai menerajui dan juga 'involve' (dengan izin) dalam Majlis Pemulihan Negeri. Kita yakin ramai 'talent professional' anak Kedah yang boleh kita kumpulkan untuk platform ini untuk bantu kita dan kerajaan merangka perancangan pemulihan ekonomi terutamanya dalam penyediaan belanjawan Kedah yang akan datang ini dan seterusnya meneroka hasil-hasil baru Negeri Kedah. Hakikatnya kita tidak boleh lagi bergerak dengan cara lama. Ekonomi dan kehidupan rakyat jangan lagi dah nak berkisar kepada bukak tutup, bukak tutup PKP, PKPB, PKPD dan sebagainya dan perubahan-perubahan regulasi SOP dan akhirnya ini yang telah meresahkan rakyat di Negeri Kedah. Kita rasa terkurung dan kita juga perlu berterima kasih, Alhamdulillah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang baru yang merasakan rakyat terkurung buat selama ni dalam ruang lingkup keluarga Malaysia yang mana telah mengumumkan berkenaan fasa yang kita akan lalui ke arah endemik seolah-olah covid ini bakal menjadi 'virus forever' (dengan izin) macam denggi, influenza, SARS, H1N1 dan kita juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah melancarkan inisiatif pemberian Kit PPC (Pakej Penjagaan Covid-19) ini kepada keluarga B40 dengan peruntukan yang banyak, RM471.6 juta. Ini adalah pendekatan yang baru bagi membolehkan rakyat melakukan penilaian risiko kesihatan kendiri bagi memastikan langkah 'self regulated SOP' (dengan izin) sebab kita ni dah dekat 2 tahun dah dididik dah dengan SOP, SOP ni walaupun duk bertukar dan sebagainya tapi kita dah tau dan seharusnya kita boleh jadi budaya dan amalan kita berkenaan dengan SOP ni dah. Pakai mask, tak boleh duduk rapat-rapat dan macam-macam lagi lah SOP yang kita tau. Dan ini kita sendiri yang menentukan 'chances and opportunity' (dengan izin) untuk kita seimbangkan antara keperluan melangsungkan kehidupan ataupun keperluan untuk terus hidup. 'Self regulated SOP'.

Saya yakin kita di Kedah boleh melakukannya dan boleh menjadi negeri pertama melakukan ini dan kita yakin juga dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Jeneri dan juga pimpinan pentadbiran dengan langkah yang bersepadu Kedah kekal menjadi destinasi prospek yang hebat bagi para pelabur. 'Establishment' (dengan izin) Kulim Hi-Tech Park dan 'track rekord' terbaik Kulim Technology Park (KTPC) sudah tentu menjadi 'selling point' (dengan izin) untuk Kedah. Sebagai contoh saya nak ambik di sini, Syarikat Aspen Glove yang telah mencipta rekod di MIDA di mana syarikat pelabur yang pertama mendapat kelulusan lesen pengilang siap sampai 'facilities' yang 'complete' dengan 'machine', dengan 'production' jalan selama 7 bulan sahaja progress. Saya bersama dengan Yang Amat Berhormat Jeneri telah menyaksikan dan saya juga berterima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Guar Chempedak dalam membantu dan merealisasikan kecekapan OAC di MPKK di PBT kita, di PBT Hi-Tech dan juga KTPC yang mana Aspen Glove telah mewujudkan peluang pekerjaan tahun ni 900 orang dan dalam masa 3 tahun seramai 3,000 orang akan disediakan pekerjaan oleh Aspen Glove ini.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ada pencelahan YB. Bandar Baharu!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berrhormat Timbalan Speaker, Yang Berhormat Bandar Baharu. Setujukah yang berhormat apabila menyatakan bahawa kejayaan pelaburan di Kedah pada hari ini berjalan dalam acuan yang betul, tepat. Saya nak 'respond' kepada kenyataan Yang Berhormat Gurun tadi, bagaimana Kedah mempunyai bilangan KCS yang mantap, hebat. Ini juga membuktikan kepada komitmen kerajaan kiri kanan kerajaan harini dengan jentera kerajaan pada hari ini. Setujukah Yang Berhormat mengatakan bahawa inilah buktinya kaki tangan kerajaan yang ada pada harini memberi sepenuhnya komitmen kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Jeneri!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih Yang Berhormat Kuala Ketil. Saya setuju kerana tanpa Kerjasama dan kerja kuat semua jentera pentadbiran di bawah Yang Amat Berhormat Jeneri, sudah pastinya kita tidak dapat merealisasikan idea-idea dan juga projek-projek ini. Ini adalah penting dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengatakan kita sebagai pemimpin, sebagai pentadbir perlu berjiwa besar dalam memastikan 'continuity' (dengan izin) idea dan perancangan yang terdahulu yang kita bawa untuk kita sambung dan kita jayakan. Dan saya juga nak ambil contoh berkenaan dengan Syarikat ATNS daripada Australia, yang akan menyediakan sebanyak 2,500 peluang pekerjaan dan juga Risen Energy akan mewujudkan 3,000 peluang pekerjaan. Tadi kita dengan YB. Guar Chempedak duk jawab soalan di mana diumumkan, bila diumumkan tapi dilapangannya Yang Berhormat Tuan Speaker, di lapangan telah siap 60% progress Risen Energy ini di Kulim Hi-Tech Park yang mana productionnya akan dimulakan pada Februari tahun depan! Kita nak habaq apa dah. 'This is a…' (cakap orang putih pulak Bandar Baharu!) Ini lah kecekapan dan juga kehebatan pentadbiran bersama dengan seluruh jentera pentadbiran kita sama ada KCSnya, sama ada Kerajaan Persekutuannya dan Alhamdulillah pelan pembesaran kawasan KHTP juga saya yakin dan percaya akan terus melonjakkan ekonomi negeri. Dengan 'connectivity' Northern Corridor Highway plannya, memang akan mewujudkan satu paksi ekonomi baru Negeri Kedah. Dan kita tahu walapun dalam waktu pandemik covid ini, MITI ada keluarkan macam-macam surat, kebenaran operasi kilang, kebenaran kepada kontraktor untuk buat kerja di tapak pembangunan yang rakyat pun tengok resah, sampai bila kena sorang dua orag kilang pun tak tutup lagi, duk telefon lah, "ni pasaipa kilang ni tak tutup lagi, kami dah histeria dahni?". Ada kilang di Kulim, Kulim Hi-Tech Park, dah kena covid berapa orang, tapi kilang tak tutup lagi. MITI bagi lagi lesen, marah MITI. Saya juga nak minta supaya MITI tengok, kalau dia bagi lesen ataupun surat kebenaran kepada pengoperasian ataupun pembinaan di tapak-tapak pembangunan, tetapi 'supply chain'nya tidak dibenarkan beroperasi, tak guna juga. Tak capai matlamat untuk kita jayakan pembangunan ni sebab 'supply chain' tu tak mendapatkan kebenaran.

Saya juga mohon supaya Yang Berhormat Guar Chempedak berbincang dengan MITI untuk mengadakan gelembong industri pula di Kulim Hi-Tech Park setelah kejayaan 'travel boble' kita di Langkawi. Buat lah gelembong industri di Kulim Hi-Tech Park kerana saya yakin Kulim Hi-Tech Park kalau kita buat gelembong industri untuk tadi Yang Berhormat Gurun kata adalah 'testing bad'. Saya yakin, kita akan menunjukkan kejayaan untuk kita sama-sama membuka peluang ekonomi yang lebih besar walaupun dalam fasa pandemik ke fasa endemik ini. Dan yang pastinya lebih hebat, idea yang baru saja tak penting, tetapi budaya dan pendekatan untuk kita sambung projek-projek yang lama. Bukan kata pentadbiran ini diukur baguihnya ada idea baru. Tapi untuk kita sambung idea-idea yang lama perancangan yang lama, sebab itu kita dah ada perancangan Kedah 2035 ini untuk kita terus jayakan dalam konteks untuk bangunkan Kedah secara keseluruhannya.

Saya ambik satu contoh yang saya sedih sangat dekat Bandar Baharu di mana satu projek LRA yang patutnya dijalankan, dimulakan pada tahun 2018 tetapi dihentikan. Sengsaranya orang Bandar Baharu tak dapat air bila projek LRA ni diberhentikan. Alhamdulillah, tahniah kepada Yang Berhormat Sungai Tiang yang telah berusaha bersungguh-sungguh bersama dengan SADA sehingga LRA ni telah dimulakan. Ini akan menyelesaikan banyak masalah bekalan air terawat di seluruh Daerah Bandar Baharu yang mana pakej ini merangkumi paip baru terus ke Relau. Takdak dah orang Relau nak tunggu tangki air SADA mai hantar air, paip baru terus ke Selama, tangka baru Sungai Taka, tangki Relau, tangki Pekan Bandar Baharu, tangki Kampung Ayer Putih, Serdang semua lah, rumah pam termasuk dalam pakej ini yang menyelesaikan banyak masalah rakyat di Bandar Baharu.

Saya juga ingin cadangkan supaya Kedah untuk pihak kerajaan melihat semula pembangunan bioteknologi melalui Kedah Bio Research Corporation sebagai sumber hasil baru kepada kerajaan. Buatlah kerjasama dengan Kementerian Sains dan Teknologi dengan bioteknologi negara yang mana sekarang ini bioteknologi negara berada di bawah Kementerian Petanian dan diharapkan akan diambil oleh pihak MOSTI dan Kedah Bio Research, Anak Syarikat Kerajaan Negeri mempunyai kekuatan di mana 61 skop agriditasi dengan pengujian makanannya, pengujian analytical makmalnya, pengujian medical devices, analisa untuk produk pertanian. Jadi, agensi-agensi kerajaan yang ada di seluruh Negeri Kedah ini buatlah kerjasama guna lah fasiliti ini dan jadikannya sebagai sumber hasil baru untuk Negeri Kedah. Dan saya suka juga untuk mencadangkan agenda teknologi hijau pada tahun 2015 itu dengan 14 strategik untuk diaktifkan semula supaya manfaat teknologi hijau dalam pertanian sektor industri dan pelancongan diteruskan. Contoh, yang diberikan dalam Titah Duli Yang Mulia Tuanku 'Langkawi Low Carbon Island'. Saya taktau dah setakat mana progress 'Low Carbon Island Langkawi' yang telah dicadangkan sejak tahun 2015 dulu dan bagaimana 'solar rooftop' cadangannya di rumah PPR untuk mewujudkan satu pendapatan baru kepada isi rumah dan bagaimana projek kaedah penjimatan utiliti bangunan-bangunan kerajaan dalam teknologi hijau.

Dalam ICT dan ekonomi digital kita tau, usaha daripada norma baru sekarang ini, kita tak boleh dah dalam pendekatan yang lama. Semua dah digitalisasikan, ekonomi digital yang mana kita bawa ke rumah semua, restoran bawa ke rumah, sekolah kita bawa mai ke rumah, masjid pun kita bawa mai ke rumah. Ramai yang tak boleh pi masjid, tak boleh solat Jumaat lagi, dibawa masjid ke rumah. Ayah atau anak yang baca khutbah, di bawa ke rumah norma baru sekarang ni. Kedai kasut di bawa ke rumah, kedai baju di bawa ke rumah, sebab semua online, semua mai di rumah. Kita tak pi dah pun, sekolah takpi, kedai takpi dan teruskanlah pembangunan e-usahawan dan e-rezeki. Kalau di Bandar Baharu tu ramai yang dapat nikmat dalam ekonomi digital ini. Contohnya Maria, whatsapp saja anak di kuala lumpur tak boleh balik takleh rentas negeri. Whatsapp saja, "Maria, Maria tolong sat hantar hadiah hari jadi kat mak aku". Sampai! Sampai, ekonomi digital. Nak kacau bubur asyura tak boleh berkumpul di masjid takleh buat program masak asyura, telefon lela. "Lela buat bubur asyura 300 bungkus, tolong buat dan sedekahkan, kongsi". Sebab tak boleh berkumpul nak kacau bubur asyura, kalau dulu seronok kacau bubur asyura. Norma baru sekarang ni. Nak order kelulut, haa.. musim-msuim covid ni kelulut adalah 'super food' yang bagus, yang baik untuk melawan covid, imunisasi. 'Contact' saja kalau kat Bandar Baharu tu Mail Lambung, ada sedia dia.

Kita tahu sekarang ni apa yang menjadi masalah kepada kejayaan ekonomi digital ini adalah connectivity, connectivity (dengan izin) iaitu infra telekomunikasi internet dan juga jalur lebar yang kita tau memang 'beyond' (dengan izin) usaha kerajaan. Ini kita kena perlukan Kerajaan Persekutuan untuk membantu kita. Dan 'quick win' (dengan izin) dengan cadangan saya untuk sama-sama kerajaan negeri 'activated' semula, semakan semula pelan Kedah Digital dan Digital Langkawi.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bandar Baharu, tinggal lagi 2 minit!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Ini penting ni Yang Berhormat Tuan Speaker, quick win ni YB. Tuan Speaker saya mohon yang mana juga saya minta untuk penambahbaikan KedahNet sebagai Network Kedah untuk menyelesaikan masalah 'connectivity' ini sebab dia merangkumi semua daerah tu Network Jalur Lebar Kedah. Dan banyakkan lagi hotspot-hotspot wifi yang mana telco Celcom, Telecom, banyak sangat pakej-pakej yang depa tawarkan. Selain kita buat 'outreach' vaksin, kita buat 'outreach' bersama dengan TELCOS untuk 'connectivity' ini kerana depa banyak pakej-pakej yang depa boleh sediakan dan pemantapan OSA di 'State Secretary In Cooperation' ini saya tengok satu usaha yang sangat baik tetapi bagilah SSI untuk menerajui banyak lagi royalty-royalty dan membuka peluang kepada syarikat-syarikat penyedia infra dan jangan terhadkan kepada 3 penyedia infra sahaja secara eksklusif.

Kepada peniaga saya mohon di Majlis Daerah Bandar Baharu, kita tau banyak dah permit-permit diberikan percuma. Tadi bagitau kata untuk pasar malam, banyak juga telah diberikan percuma bayaran tapak dan sebagainya. Saya memohon kerajaan negeri untuk membuat satu moratorium, bantuan modal one-off, bantuan 'business coaching' dan juga kalau boleh cucuk yang 'typhoid' pengendali makanan tu tak payahlah suruh depa buat dekat klinik swasta, kos sediakan di klinik kesihatan, bagi percuma kepada semua peniaga-peniaga dan penjaja.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih setinggi penghargaan kepada semua jentera pentadbiran Negeri Kedah dan 'frontiliners', wira-wira wati negara yang selama ini bertungkus lumus bertugas tanpa lelah dalam membantu kita menghadapi cabaran pandemic Covid-19. Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Pegawai Kesihatan saya Dr. Rozaimah, kepada Dr, Fauziah, Pengarah Hospital Kulim, Haji Azmi di PPV dengan Dr. Idah yang mengetuai PPV saya, Dr. Jannah, Dr. Jacinta, St.John Ambulance Kedah Selatan dan semua staff kesihatan dan juga sukarelawan yang membantu saya. Tak lupa juga peranan PKOB dan Jawatankuasa Fokus Group Daerah Bandar Baharu yang mempunyai Pengkalan Data Krisis Dan Pelan Tindakan Segera dengan segala bantuan di Daerah Bandar Baharu kepada golongan yang terjejas. "No one left behind'', kata orang Bandar Baharu, kata orang Matang Simpok, "no want left behind" untuk bantuan di Bandar Baharu dengan kesepaduan PKOB dan jawatankuasa. Nak landing dah, Yang Berhormat Tuan Speaker, nak landing dah dan saya cadangkan supaya penubuhan Pusat Agro Sains dan Teknologi di Kedah di Daerah Bandar Baharu dan kami tawarkan Daerah Bandar Baharu sebagai satu Bandar Teknologi Hijau kerana kami telah mempunyai satu pusat penyelidikan di Sungai Kecik Hilir sejak 2019 telah membuat penyelidikan untuk tenaga solar, biogas, genset, dynamometer dan sebagainya.

Kami dah mempunyai masjid daerah yang telah menjana pendapatan solar rooftop RM1,600-RM3,000 sebulan sepanjang pandemik sejak 2015 dan kami mempunyai 8 rumah sahaja asnaf yang terlibat dalam rooftop my suria sejak tahun 2017 menjana pendapatan RM250 sebulan kepada isi rumah, kami mempunyai strict lighting solar sejak 2016 dan pilih lah Bandar Baharu sebagai Pusat Agro Sains Dan Teknologi dan juga Bandar Teknologi Hijau. Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya mengakhiri perbahasan ini dua pantun daripada saya.

Sungai Kerian sumber pendapatan,
Tempat tumpuan para nelayan,
Hasilnya udang galah dan juga ikan,
Produk Bandar Baharu selain durian.

Norma baru itulah amalan,
Era pandemik penuh cabaran,
Tekadkan usaha beri tumpuan,
Dahulukan rakyat segerakan tindakan.

Bandar Baharu pohon menyokong usul menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sekian, wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bandar Baharu. Seterusnya saya persilakan YB. Jitra!

YB DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillahi robbil álamin wassola tuwassala muála asyrofil anbiya' iwalmursalin waála alihi wasohbihi ajma'in. YB. Tuan Speaker, saya juga menyertai perbahasan untuk menjunjung titah ucapan perasmian pembukaan yang telah disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah semalam. Saya sangat tertarik dengan apa yang telah dititahkan oleh Tuanku Sultan. Sebagai seorang yang pernah menjawat jawatan Menteri Besar, saya lihat bahawa titah Tuanku itu sangat sarat dengan nasihat dan teguran membina tidak hanya kepada kerajaan negeri tetapi juga kepada kita semua. Dan mengenali Tuanku Sultan melalui sesi-sesi mengadap pra Exco, saya sedar bahawa baginda sultan sentiasa prihatin soal kebaijkan rakyat Negeri Kedah ini dan hendak yang terbaik bagi negeri kita ini. Apa juga komen-komen menyentuh Kedah yang dilaporkan dalam media baik dalam akhbar ataupun di kaca tv, terus dibangkitkan kepada Menteri Besar dalam sesi-sesi mengadap pra Exco sehinggakan saya ingat banyak potongan laporan akhbar yang disampaikan kepada Menteri besar untuk diberi komen ataupun diambil tindakan. Ini biasanya berkait dengan isu-isu alam sekitar, pelancongan kebudayaan selain kesejahteraan rakyat.

Saranan Tuanku Sultan agar kerajaan negeri ini merangka perancangan yang teratur dan jelas berdasarkan fakta dan angka agar tumpuan tidak dibazirkan dengan pelaksanaan program yang tidak terarah, susun semula gerak kerja, jangan sering berubah-ubah kerana akan merugikan sumber dan tenaga. Semua teguran-teguran ini bertujuan tak lain tak bukan untuk melihat Kedah dapat tangani banyak cabaran, banyak krisis yang kita hadapi ketika ini dan mengorak langkah ke hadapan yakin dengan kemakmuran yang boleh kita capai yang kita impikan semua. Tapi, soalnya ialah bagaimana ini boleh dapat dikecapi. Yang pertamanya, pada pendangan saya ialah tadbir urus yang baik iaitu mencontohi amalan-amalan terbaik ataupun 'best practices' (dengan izin) dan belajar daripada pengalaman yang ada. Jangan kita hanya bersikap 'reactive' kepada sesuatu yang berlaku ataupun kita bertindak balas, tetapi kita mestilah bersikap 'proactive'.

Kes kepala air yang melimpah dari Gunung Jerai baru-baru ni sebenarnya boleh berlaku lagi jika hujan berpanjangan turun dekat puncak gunung. Dan kalau melebihi had takungan, nauzubillahi minzalik, pecah lagi dan melanda kampung-kampung dan taman-taman perumahan di kaki gunung. Bencana yang melanda di Yan dan Kuala Muda pada 18 haribulan ogos yang lepas, berlaku lagi pada 2 haribulan September tapi pada skala yang kecil. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ketika itu baru 2 hari mengangkat sumpah dalam jawatannya, melawat tempat kejadian dan mengumumkan peruntukan RM75 juta ringgit. Saya sedikit keliru mengenai angka itu sebab ada laporan menyatakan RM78 ada yang sebut RM75 juta.

Walaupun kerja-kerja pembaikan jabatan, naik taraf sungai, bantuan mangsa, sangat dialu-alukan tetapi kerja-kerja mitigasi perlu kita segerakan supaya tidak berulang lagi kejadian seperti itu. 'Intake' air di Tupah dan di Gurun dan fasa 1 Empangan Sabo, perlu segera dilaksanakan. Mungkin juga saya cadangkan diletakkan alat-alat pengesan atau pun 'sensor' baik oleh pihak JPS ataupun Jabatan Meteorologi supaya sekiranya jumlah air yang turun di kawasan atas Gunung Jerai itu melepasi satu had ianya akan 'trigger' (dengan izin) amaran, loceng amaran mungkin di kawasan-kawasan perumahan supaya penduduk kita boleh ambil tindakan yang sewajarnya sebelum berlakunya kejadian lagi.

Yang keduanya ialah krisis pandemic Covid-19 ini dan impaknya kepada ekonomi impaknya kepada kehidupan rakyat. Fakta dan angka yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah sangat penting supaya kita dapat membendung penularan penyakit ini. Selain mendesak Kerajaan Persekutuan untuk menambahkan dan menyegerakan jumlah vaksin untuk rakyat Kedah, kita juga perlu perbanyakkan ujian PCR ataupun RTK, dua dua pun boleh. Diperluaskan bagi memastikan kadar jangkitan yang dilaporkan itu, jangkitan positif yang dilaporkan itu tidak hanya datangnya daripada pesakit-pesakit yang bergejala yang datang jumpa doktor sebaliknya datang daripada ujian-ujian yang kita buat baik dengan PCR mahupun dengan Rtk. Selain daripada itu, kerja-kerja mengesan atau 'tracing', ini pun satu perkara yang sangat penting, ianya perlu dilakukan dan SOP kuarantin bagi pesakit positif juga perlu dikuatkuasakan. Hanya dengan pendekatan yang menyeluruh dan berdasarkan kaedah-kaedah saintifik, kita boleh buat keputusan dengan yakin mengenai pembukaan sekolah, masjid, pasar dan pasaraya tanpa kita bersikap pukul rata seperti PKPD yang dilaksanakan di Kuala Kedah baru-baru ni. Apakah tindakan kerajaan negeri untuk mengatasi masalah-masalah ini? Adakah kesemua isu-isu ini dilepas tangan kepada Kerajaan Persekutuan? Adakah selalu digunakan alasan, ini arahan MKN ataupun arahan pejabat kesihatan tanpa kita mengambil sesuatu tindakan untuk memastikan keadaan rakyat itu tidak terus melarat.

Yang ketiganya, kerajaan negeri juga perlu benar-benar menghayati keadaan rakyat sekarang ni, dan rangka strategi jangka pendek dan jangka panjang dengan dasar fiskal yang mampu ditanggung oleh negeri. Dilaporkan pada 7 haribulan September baru-baru ni bahawa Kedah mencatat simpanan kewangan tertinggi iaitu sebanyak RM635 juta. Kerajaan negeri telah dilaporkan berbelanja RM32.4 juta untuk pelbagai inisiatif bantuan rakyat semasa pandemik ini. Jumlah itu merupakan hanya 5% daripada jumlah keseluruhan RM635 juta. Saya yang pertamanya harap angka RM635 juta ini benar dan tepat dan kalau pun ianya benar, saya rasa sudah tiba masanya kerajaan negeri membuat keputusan untuk membelanjakan jumlah yang lebih besar sepertimana yang dilakukan oleh kerajaan-kerajaan negeri lain. Kita lihat kerajaan seperti Perak dan Johor telah pun mengumumkan, Melaka pun termasuk mengumumkan jumlah yang mereka boleh belanjakan untuk rakyat. Dan ini satu perkara yang perlu diambil kira secara serius oleh kerajaan negeri. Baginda Tuanku sudah pun menegur supaya kerajaan negeri ini rancang pembangunan disusun berdasarkan fakta dan angka, ini penting. Hentikan kenyataan-kenyataan yang menegelirukan seperti pampasan pembalakan 1 billion ringgit, mineral hasil bumi 43 trillion ringgit bertukar menjadi 60 billion, projek di Padang Mat Sirat Langkawi 40 billion, projek litar lumba Bukit Malut 1.3 billion, bayaran

deposit untuk pengambilan tanah KXP 1 billion, pelaburan kilang panel solar di KHTP 42.23 billion, semua billion-billion belaka. Bila banyak daripada angka-angka yang diumumkan ini akhirnya terbukti tak tepat, rakyat semakin lama hilang keyakinan terhadap kepimpinan negeri ini. Maka, saya mengulangi apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Gurun tadi hati-hati lah dalam membuat kenyataan kerana Yang Amat Berhormat Jeneri dan rakan-rakan yang lain di belah sana mewakili kerajaan ini dan mewakili Negeri Kedah Darul Aman. Jadi, ini satu perkara yang penting diberi perhatian untuk menjaga imej negeri kita ini. Pada waktu yang sama, mestilah terbuka terima kritikan, anggap lah itu sebagai lumrah dan cabaran. Ha! Itu lah yang dititahkan oleh Tuanku.

Janganlah disuruh pegawai-pegawai membuat laporan polis ugut untuk disaman dan sebagainya. Sebagai pemimpin, kita memang tak lepas daripada melakukan kesilapan. Itu saya akui. Tak mungkin kita boleh tahu semua benda, dari soal kewangannya, pentadbiran semua daerah, keadaan keselamatan, ekonomi, industri, kesihatan, pendidikan, GLC, perkembangan projek dan lain-lain lagi. Banyak benda nak kena tengok. Maka sebagai Ketua Eksekutif sebuah negeri, saya sarankan Yang Amat Berhormat Jeneri, sebenarnya tak perlu tahu secara terperinci semua perkara-perkara itu. Saya dulu pun takkan dapat tahu semua benda tapi kita boleh lah mengelilingi diri kita ni dengan pakar-pakar yang cekap dalam bidang masing-masing, pegawai-pegawai dan penasihat-penasihat ini lah yang dapat menasihati kita mengenai pelbagai perkara. Keupayaan seorang Menteri Besar untuk mendapat maklumat ataupun nasihat…. Sekejap, bagi saya habis ayat ni. Yang terbaik dari mereka inilah yang membantu untuk dibuat keputusan yang tepat untuk dilaksana. Ya sila!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Baik! Terima kasih YB. Jitra. Kita melihat dengan keadaan YAB. Jeneri yang mengetahui banyak benda, YB. Jitra kata tak perlu tau semua. Tapi dengan fokus dan apa yang diketahui oleh YB. Jitra ini lah yang menyebabkan apa yang dirancang itu, keputusan dapat dibuat dengan cekap dan cepat sehinggakan projek yang sudah banyak tahun dibincangkan, tak boleh nak direalisasikan tapi Alhamdulillah, kali ni dia mampu untuk laksanakan. Adakah itu yang YB. Jitra maksudkan tak perlu tau semua menyebabkan tergendala banyak? Silakan!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Bila seorang pemimpin buat keputusan, soal cepat atau lambat Itu bukanlah perkara yang perlu diutamakan. Yang paling penting, membuat keputusan yang tepat. Kalau nak ambil sedikit masa pun takpa, asalkan bila dah buat keputusan kita 'go with it'. Maksud saya kita akan bernekad untuk melaksanakannya. Jadi, kalau lah tergesa-gesa buat keputusan akhirnya mendapati keputusan itu silap, nak membetulkan tu lagi susah. Jadi, itu daripada pengalaman saya, mungkin YAB. Jeneri berlainan tapi saya hanya nak sampaikan apa cara saya dulu. Ya, silakan!

YB. TUAN HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Jitra, terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya rasa dalam urusan ini mungkin lah kalau pihak 'back bencher' nak puji YAB. Jeneri pun hebat lah sebab saya tengok dalam senarai Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri ni untuk bincang pasal SOP bagi tahun 2021, mesyuarat bilangan 1 pada 4 Januari, mesyuarat bilangan 2 tak jumpa dah, sampai bulan 9. Mungkin keputusan ni adalah 'single' apa nama kebolehan.

Yang kedua YB. Jitra, saya nak tanya sikit bila sebut billion-billion tadi billion-billion, trillion-trillion tu, saya rasa rakyat akan terpesona dengar tapi rasa susah sebab waktu ni waktu pandemic covid ini sesak sangat. Kebetulan macam bulan lepas bulan Ogos sahaja korban kematian di Kedah 458, mengatasi jumlah sebelum ni. Kemudian, korban kematian bulan September ni pun dah hampir mencecah 1,000 bulan ni saja dan rakyat ni ketika nak bawa keluar jenazah daripada hospital, kena bayar. Dah sesak, susah, kena bayar dan mereka ni adalah golongan B40. Jadi, apa cadangan YB. Jitra supaya golongan ini dibantu oleh pihak kerajaan?

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya bukanlah Menteri Besar sekarang ni tapi, saya telah nyatakan sebelum ni, kalau lah saya memegang jawatan itu, semua projek-projek gergasi ini saya tangguhkan dulu. Biarlah tangguh setahun dua tahun pun takpa asalkan kita beri perhatian kepada masalah yang lebih besar iaitu krisis yang melanda negeri kita ini yang mengakibatkan begitu ramai sekali rakyat kita hilang nyawa.

Seterusnya, saya masa pun tak cukup Yang Berhormat Speaker, kalau boleh saya nak teruskan. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Jeneri sudah pun mempunyai akses kepada banyak pakar-pakar yang saya maksudkan tadi. Di kalangan Pegawai-pegawai Tadbir, baik daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, Timbalan-timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, BPEN, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Daerah termasuk pakar-pakar di luar kerajaan negeri. Ini adalah pakar-pakar ekonomi, pegawai-pegawai tinggi kementerian, ramai orang Kedah, ahli-ahli korporat. Semuanya sanggup dan bersedia untuk membantu Kedah. Adakah mereka ni diminta bantuan beri nasihat? Saya lihat contoh yang kami buat pada tahun 2013, Makmal Transformasi Kedah. Oleh sebab saya mengakui saya tidak mempunyai monopoli idea yang baik, maka saya minta BPEN dan juga UUM menganjurkan satu pemukiman yang berjalan selama 4 minggu melibatkan lebih 100 orang. Mereka itu datang daripada pelbagai jabatan kerajaan, Kerajaan pusat pun ada juga, pakar-pakar ekonomi, tokoh-tokoh akademik, wakil-wakil NGO untuk bercambah minda ataupun 'brainstorm' (dengan izin). Begitu banyak sekali idea-idea bernas yang telah mereka kemukakan, dibincangkan secara terperinci dan akhirnya diterima pakai oleh kerajaan negeri. Antara lain ialah KXP, KXP tu bukan idea saya, KXP tu datangnya dari Makmal Transformasi Kedah. Adakah Yang Amat Berhormat Jeneri dan kerajaan negeri adakan sesi-sesi 'engagement' (dengan izin) seperti itu untuk dapatkan idea-idea terbaik.

Yang keempatnya, tadbir urus yang bebas daripada salah guna kuasa ataupun salah laku. Tiada apa pun yang boleh kita jayakan tanpa integriti. Lebih-lebih lagi lah dalam kepimpinan dan pentdbiran tertinggi sesebuah kerajaan. Kita dikejutkan berita pada 1 haribulan Ogos, 5 pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah ditahan oleh pihak SPRM kerana disyaki terima rasuah untuk pindah hak milik tanah secara yang tidak sah. Gejala rasuah mesti disekat di mana-mana ia berlaku. Kerajaan negeri dan Yang Amat Berhormat Menteri besar perlu ambil serius perkara ini. Pada zaman kita dulu, Kedah negeri pertama yang setuju syor Ketua Pesuruhjaya SPRM untuk tempatkan seorang Pegawai Kanan SPRM di Pejabat Menteri Besar. Adakah Yang Amat Berhormat Jeneri laksanakan? Kalau tidak, kenapa?

Akhir sekali yang nombor lima, rakyat sangat mengharapkan satu lembaran baru untuk negeri ini setelah kepimpinan kerajaan bertukar walaupun seperti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sebut dalam titah Tuanku, pelantikan kepimpinan baharu melalui proses rundingan tertutup bukan lah satu penyelesaian mutlak, ini hanyalah langkah kecemasan dalam menghadapi masalah yang lebih besar. Sudah 16 bulan berlalu sejak Yang Amat Berhormat Jeneri menjadi Menteri Besar, kenapa masih lagi ungkit hal-hal lama oleh kerajaan terdahulu tanpa idea-idea baru untuk dicanangkan demi rakyat. Titah Tuanku sebut, kenyataan James Freeman Clarke, ada satu lagi kenyataan daripada Clarke yang berbunyi, (dengan izin) “strong, convictions, precede, great, actions”. Saya syorkan kepada Yang Amat Berhormat Jeneri dan kerajaan negeri, bulatkan tekad untuk lakukan yang terbaik untuk Kedah, hentikan ‘politicking’ yang melampau, terima nasihat dan teguran dengan dada yang lapang……..(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB.Jitra, 2 minit lagi!

YB. DATO’ SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ya! Sehingga lah habis Penggal ke-14 ni sebelum PRU diumumkan. Saya melihat bahawa kami-kami yang berada di sebelah sini di dalam Dewan ni pun bersedia untuk membantu. Apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Gurun tadi memberi gambaran kesudian dan kesediaan pihak pembangkang untuk berganding bahu bersama pihak kerajaan semata-mata untuk kebaikan dan kepentingan rakyat negara dan negeri kita ini. Kalau kita boleh kurangkan ‘politicking’, tambah pula lagi politik yang bersifat toksik yang menimbulkan kemarahan rakyat. Saya yakin, banyak masalah yang kita hadapi kebanyakannya berat-berat belaka. Saya kata tadi covid, ekonomi, kehidupan, peluang pekerjaan dan sebagainya itu peluang perniagaan dapat kita atasi bersama dan setelah itu bila tibanya Dewan ini dibubar, boleh lah kita balik kepada usaha untuk menambat hati rakyat agar mereka menyokong kita sewaktu pilihanraya. Jadi, itu saja yang ingin saya sampaikan. Dengan itu, saya menyokong Usul Junjung Kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman semasa Perasmian Pembukaan Sidang DUN kali ini. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Jitra. Jam di depan kita ni 12.54, saya rasa kalau saya nak teruskan perahasan seterusnya macam tak berapa cantik lah. Ya…YB. Kuala Nerang?

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Tak dengar Yang Berhormat, boleh terus ka?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Tak! Tak! Saya tak jemput lagi! Sebab tu saya kata masa berbaki 6 minit, saya rasa kalau saya benarkan jadi tergantunglah.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Tak berapa jelas. Sambung besok ka? Saya bercakap sikit, kemudian esok sambung. Boleh na?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Mukadimah! Ya.. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Mukadimah saja! Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillahi robbil ‘alamin wassola tuwassala muala asyrofil anbiya iwal mursalin saidina muhammadin wa’ala alihi wasohbihi ajma’in. Robbish rohli sodri wayarsirli amri wahlul uddatan millisani yafkhohu khauli, ‘ammabaq.

Qalallahu subhanahu wa ta’ala ba'da Audzubillahiminasyaitonirrojim;

Walau Anna Ahlal-Qurā Āmanụ Wattaqau Lafataḥnā 'Alaihim Barakātim Minas-Samā`I Wal-Arḍi Wa Lāking Każżabụ Fa Akhażnāhum Bimā Kānụ Yaksibụn. Sadakallahul’azim.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, terima kasih beri peluang kepada saya, Yang Amat Berhormat Menteri besar Ahli-Ahli Yang Berhormat Exco, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para pegawai dan kakitangan kerajaan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Syukur Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kelmarin.

Yang Berhormat Timbalan Speaker, Alhamdulillah walaupun kita masih dibelenggu dengan pandemic covid, tetapi kita diberi peluang oleh Allah s.w.t. untuk bersidang dengan SOP yang ketat dan waktu yang amat terhad serta pembahas yang terhad. Sidang DUN adalah satu medan untuk kita Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mewakili suara rakyat untuk disampaikan di dalam Dewan yang mulia ini. Namun demikian, kita sangat menyedari bahawa di sana terbuka medan yang luas untuk kita mengutarakan dan menyelesaikan masalah rakyat.

Saya amat yakin bahawa Yang Amat Berhormat Menteri besar, barisan kepimpinan Exco, ketua-ketua jabatan, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri dan semua kakitangan kerajaan yang sangat komited dan sangat professional sentiasa memberikan ruang dan terbuka untuk berbincang. Mereka sangat prihatin untuk mendengar masalah rakyat dan sekaligus secara tuntas membantu menyelesaikan setiap aduan dan masalah rakyat dengan pantas dan bijaksana. Saya juga yakin InsyaAllah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar hari ini tentu dan pastinya telah dan akan terus melakukan rundingan menerima pandangan, pendapat terutamanya daripada jentera kerajaan, daripada pegawai-pegawai kerajaan. Cumanya, kelebihan Yang Amat Berhormat kita harini ialah dia membawa beberapa gagasan idea-idea baru dan perubahan yang tidak dibuat barangkali oleh kepimpinan sebelum ini yang menyebabkan beliau dicemburui dan barangkali termasuk jugak oleh Yang Amat Berhormat-Yang Amat Berhormat sebelum ini. Saya percaya, saya yakin InsyaAllah, pemimpin-pemimpin negara dan negeri harini bukan seperti pemimpin-pemimpin yang terdahulu. Tetapi sebaliknya mereka sangat prihatin dan sedaya upaya mereka bersikap adil kepada rakyat. Nanti sat Yang Berhormat, baru intro ni! Gear satu pun tak masuk habis lagi!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Sebab nak habis dah. Sat lagi boleh sambung esok. Sikit saja pasal ada sikit saja silap kenyataan. Bagi dak?

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Sat ya Yang Berhormat na, terima kasih. Nanti saya bagi peluang InsyaAllah, takdan hari ni kita bagi besok.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Bagi dak?

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Nak perabis muka surat ni dulu, sat lagi kita masuk muka surat yang lain pula.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Bagi lah hari ni, esok soalan esok!

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Takpa! Takpa! Esok kita kira sekali na? Buktinya tuan-tuan seperti disebutkan tadi bahawa dalam kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat hari ni diberikan beberapa peruntukan yang belum pernah diberikan sebelum ini. Peruntukan menguruskan Pusat Khidmat Wakil Rakyat umpamanya dan juga walaupun tidak banyak, ada peruntukan untuk pembangunan yang diurus selenggara oleh wakil-wakil rakyat pembangkang. Kita perhatikan sebenarnya tidak ada diskriminasi dan tekanan kepada mana-mana pihak termasuk para pegawai kerajaan yang saya difahamkan merasa selesa dengan kepimpinan yang ada pada hari ini. Dan ini sangat selari dengan 2 daripada 6 teras yang disebut dalam dasar Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua. Apa dasarnya? Dasar yang pertama ialah yang disebut Al-Hurriya, ertinya kebebasan. Yakni semua pihak bebas mengeluarkan pandangan yang boleh membawa kebaikan. Dan yang kedua adalah dasar Al-'Adalah atau adil, yakni keadilan untuk semua bangsa, merentasi bangsa, agama, status dan warna kulit.

YB. Timbalan Speaker, semua ini dilakukan demi kepentingan rakyat dan negara, yang mengatasi kepentingan politik sempit.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuala Nerang, masa sudah tamat!

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Timbalan Speaker.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pembahas-pembahas pada hari ini dan juga kepada semua yang membuat celahan-celahan bermanfaat dengan cadangan, syor dan pandangan yang baik serta puji pujian kepada semua jentera kerajaan di semua peringkat. Saya harap budaya ini merupakan satu norma baru politik perbahasan yang saya rasa sangat-sangat positif lah, memberi kelegaan kepada semua kita, ahli-ahli politik dan semua jentera kerajaan yang bertungkus lumus untuk memangunkan negeri secara bersama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.00 pagi esok.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.07 tengahari]

[Dewan disambung semula pada jam 9.00 pagi]

YB. SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula. Kita mulakan dengan bacaan doa. Silakan!

TUAN SETIAUSAHA - DOA

YB. SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kelmarin saya ada memberi makluman yang penggulungan Exco diberi masa 15 minit seorang. Tapi memandangkan kita kesuntukan masa, dalam sesi Penggulungan Exco nanti saya menawarkan masa cuma 13 minit kepada setiap Exco manakala YAB. Jeneri kita peruntukkan 25 minit untuk penggulungan. Dengan cara ini saya jangka Sidang pada 23 haribulan besok akan dapat ditamatkan sekitar pukul 1.15 tengahari.

Urusan seterusnya.

TUAN SETIAUSAHA

Sambungan kepada sesi pertanyaan-pertanyaan mulut.

I. SAMBUNGAN SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

YB. SPEAKER

Soalan nombor 7.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, saya mohon jawapan kepada soalan nombor 7 berkenaan dengan korban kematian akibat Covid di Negeri Kedah.

7. YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF
[ADUN SUKA MENANTI]

Pohon dinyatakan:-

a) Pecahan korban kematian Covid-19 mengikut bulan setiap daerah sejak Januari 2020 hingga September 2021.

b) Apakah sistem sokongan oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Assalamualaikum Warahmatullahi WabarakatuH. Bismillahirrahmanirrahim. Untuk jawapan kepada YB. Suka Menanti, beliau ingin mengetahui tentang pecahan kematian mengikut bulan dan daerah. Buh ni (face shield) tak nampak!

YB. TUAN SPEAKER

Ya…ya...saya sokong!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Sejak Januari 2020 hingga September 2021 dan sistem sokongan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Untuk jawapan kepada soalan (a) Pecahan korban kematian COVID-19 mengikut bulan setiap daerah sejak Januari 2020 hingga September 2021. Secara keseluruhannya, kematian yang didaftarkan bermula Januari 2020 sehingga Disember 2020 adalah tidak banyak sepertimana kematian yang didaftarkan pada tahun 2021. Data yang saya ada pada 2020 'in patient' 12, 'Brought In Dead' 2, itu data yang diberi kepada saya lah.

Walau bagaimanapun, bilangan dan rekod kematian akibat COVID-19 pada tahun 2020 sedang dalam pengemaskinian oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Kedah dan akan dimaklumkan setelah data tersebut selesai untuk tahun 2020.

Tetapi bilangan kematian yang disebabkan oleh COVID-19 dari bulan Januari hingga 05 September 2021 (ini data yang telah dikemaskini sehingga 5 September) adalah berdasarkan kematian yang didaftarkan di hospital di daerah adalah seperti berikut. Hospital Sultanah Bahiyah, Januari 5, Februari 2, Mac 1, Mei 71, Jun 41, Julai 128, Ogos 218, sehigga 5 September 38, jumlah semua 504. Hospital Sultan Abdul Halim, Januari 0, Februari 0, Mac 0, April 1, Mei 41, Jun 45, Julai 160, Ogos 229, September 21, jumlah 497. Hospital Kulim, Januari, Februari, Mac, April 0, Mei 6, Jun 17, Julai 71, Ogos 205, September 36, jumlah 335. Untuk Hospital Sultanah Maliha, Langkawi, Januari, Februari,

Mac, April 0, Mei 1, Jun 0, Julai 8, Ogos 24, September 2, jumlah 35. Hospital Jitra hanya bulan Mei 3, Jun 2, lain kosong, jumlah 5. Hospital Kuala Nerang, Januari, Februari, Mac, April 0, Mei 8, Jun 1, Julai 9, Ogos 41, September 14, jumlah 73. Hospital Yan, Januari, Februari, Mac, April, Mei 0, Jun 2, Julai 10, Ogos 14, September 0, jumlah 26. Hospital Sik, Januari hingga Mei 0, Jun 2, Julai 16, Ogos 13, September 1, jumlah 32. Hospital Baling, Januari hingga Mei 0, Jun 3, Julai 12, Ogos 30, September 2, jumlah 47. PKRC ILKKM Kulim, bulan Ogos 2, yang lain 0. Jumlah semua, untuk Januari ada 5, Februari 2, Mac 1, April 1, Mei 130, Jun 113, Julai 414, Ogos 776, September 114, jumlah semua 1,556.

Untuk bahagian (b) Kerajaan Negeri telah membantu keluarga mangsa dari segi pengurusan pengebumian jenazah COVID-19 yang diuruskan oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Negeri dengan mematuhi sepenuhnya garis panduan dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta pemantauan ketat oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) setiap daerah.

Kerajaan Persekutuan pula membantu dari segi sumbangan khairat kematian berjumlah RM5,000.00 / seorang daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kepada keluarga yang kematian ahli keluarganya disebabkan COVID-19. Permohonan ini boleh dilakukan oleh ahli keluarga mangsa dan dihantar terus kepada NADMA untuk diproses.

Bagi anak-anak yang kematian kedua ibubapa akibat COVID-19 dan hilang punca pendapatan isi rumah, penjaga bagi kanak-kanak tersebut bolehlah berhubung dengan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) bagi mengetahui dengan lebih lanjut jenis bantuan yang bersesuaian untuk dipohon seperti JKM. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Tokai dan terima kasih YB. Tuan Speaker. Nanti saya mohon supaya 'detail' itu diberi secara bertulis tak pa mengikut daerah kan. YB. Tuan Speaker, yang ingin saya tanyakan tentang isu ini ialah pertama kita mengucapkan tahniah kepada 'frontliner' yang bekerja keras, walaupun jumlahnya agak besar tadi, kalau kita tengok 'summary' tadi jumlah awal hingga Julai 437, Ogos saja 458 dan sampai sekarang September 793. September ni boleh pi sampai 1,000 kalau ikut jumlahnya. Kita juga berterima kasih di atas sumbangan RM5,000 yang akan diberi selepas ini. Cuma yang saya nak mohon supaya Kerajaan Negeri Kedah supaya lebih prihatin kerana mereka-mereka yang kehilangan nyawa ahli keluarga mereka ini bila nak keluarkan jenazah dari hospital ada beberapa bayaran, dia tak panggil mandi lah kan, tayamum, kafan dan keranda dan sebagainya sekitar RM1,000 ke RM1,400 sebelum dikira tentang kos perkuburan. Jadi, saya minta supaya diberikan perhatian kalau boleh kerajaan negeri menyumbang ataupun meringankan mereka ini dengan gerenti bayaran itu sebelum mereka mendapat bayaran sumbangan RM5,000 sebab rata-rata yang korban ini adalah daripada golongan B40 lebih-lebih lagi sekarang ini 580,000 keluarga M40 pun dah jadi B40 ketika ini. Yang pertama.

Yang kedua, saya ingin tahu juga apakah strategi, pendekatan Kerajaan Kedah untuk mengkaji tentang 'Brought In Dead' ini untuk kita minimakan kelompok ini. Sebab saya yakin, YB. Tokai adalah orang yang paling sensitif dengan isu virus Covid-19 ini sebab orang lain boleh melihat tetapi dia sendiri yang menanggungnya. Saya ucapkan terima kasih, saya harap diberikan perhatian sepenuhnya.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Suka Menanti dengan soalan tambahan. Yang pertamanya saya nak menafikan tentang bayaran yang dikenakan oleh hospital lah. Hospital tak kenakan bayaran, bayaran ini dikenakan oleh agensi-agensi pengurusan jenazah, nak bawa balik jenazah sebab Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, kes covid ini bila dimasukkan ke wad, mulanya dikatakan covid tetapi setelah 28 hari mereka dirawat biasanya kalau yang sihat dimasukkan ke wad biasa ataupun ICU biasa bukan ICU covid. Kalau dijemput oleh Allah s.w.t meninggal, maknanya mereka ini diberi surat pelepasan daripada jangkitan covid. Maknanya ahli keluarga boleh menguruskan jenazah tersebut biasanya selepas 28 hari. Jadi, inilah kemungkinan apabila keluarga nak ambil jenazah tersebut, agensi-agensi pengurusan jenazahlah yang meletakkan harga. Hospital memang tidak meletakkan harga. Mungkin kos-kos tersebut InsyaAllah kita boleh fikirkan di peringkat negeri untuk membantu mereka-mereka ini.

Dan yang keduanya dengan strategi 'Brought In Dead'. Kita tau statistik negara 'Brought In Dead' ini 84% yang 'Brought In Dead' ini dikaji mereka ini tidak divaksin, 'unvaccinated pandemic of Covid-19' (dengan izin) dan 14% daripada mereka ini tidak mendapat akses kesihatan ataupun tidak mempunyai sejarah pergi ke hospital, ke klinik sama ada klinik kerajaan ataupun klinik swasta. Ini maknanya peranan semua pihak lah saya rasa, dalam masyarakat, dalam keluarga, ahli keluarga kita, anggota masyarakat kita, hendak memastikan semua rakyat di Negeri Kedah ini supaya mendapat akses kesihatan, pemeriksaan kesihatan ataupun apa yang telah kita laksanakan untuk B40 untuk mereka mendapat rawatan ataupun pemeriksaan kesihatan secara berkala. Saya rasa inilah suatu benda yang penting yang perlu kita hebahkan kepada masyarakat. Terima kasih.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Speaker, ini berkaitan dengan soalan tambahan tadi. Pengurusan jenazah.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Derga!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Tak pa, ini isu penting. Minta selepas YB. Derga, YB. Tuan Speaker beri kepada orang lain juga untuk bertanya.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Derga kalau tak larat bercakap saya nak potong buang.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Spekaer, YB. Tokai, soalan tadi pasal pengurusan jenazah yang bukan muslim mereka terpaksa diuruskan oleh pihak luar. Jadi, berkenaan 'charge' tersebut sama juga beribu-ribu. Yang ni memang tak mampu ditanggung khusus oleh golongan B40. Jadi, minta YB. Tokai lihat isu ini dan saya ingat isu ini telah pun dibawa kepada YB. Lunas juga kelmarin. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Tokai tunggu sat!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Jawab sekali! Jawab sekali! Terima kasih. Terima kasih YB. Tuan Speaker, kita tau kerajaan banyak bantu berkenaan dengan covid ini, MySalam, NADMA, PERKESO, NGO-NGO menyediakan banyak fasiliti termasuklah pengebumian, kepada kita sajalah nak pilih NGO mana nak kebumi dan sebagainya beserta dengan kos. Saya nak bertanya kepada YB. Tokai berkenaan dengan pandemik ini iaitu adalah menjadi satu justifikasi yang sangat kuat bahawa kita sekarang ini di Kedah perlukan peningkatan dan juga naik taraf semua fasiliti dan juga aset-aset di hospital dan juga klinik. Jadi, untuk menyelesai dan menghadapi pandemik ataupun endemik dan sebagainya selepas ini. Jadi, apakah tindakan kerajaan ke atas pelan tindakan untuk menyediakan fasiliti ini sebab banyak dah yang tertangguh di hospital-hospital seperti Hospital Kulim, Hospital Kuala Nerang untuk kita menyelesaikan masalah kesihatan di Negeri Kedah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Soalan saya masih berkait dengan BID. BID rifleks kepada 'sapport system' yang perlu diperbaiki.

YB. TUAN SPEAKER

1 minit saja YB. Pengkalan Kundor!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Yang saya duk sebutkan semalam adalah 'enhancement' ataupun pemerkasaan di peringkat komuniti sangat-samgat penting. Yang kedua, adakah YB. Tokai sedar bahawa Julai, Ogos dan September ini daripada segi kematian dan juga BID, Kedah duduk nombor 2 dan nombor 3. Jadi, itulah gesaan saya supaya 'empowerment' tadi 'enhancement' kepada komuniti itu patut diperkasakan sungguh-sungguh untuk memastikan bahawa perkara ini tidak lagi berlanjutan pada masa hadapan. Terima kasih.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih YB. Tuan Speaker, YB. Tokai. Kita tau, nampak tadi daripada jawapan YB. Tokai di mana kes di Kedah mula tinggi pada bulan Mei dan 'spark' pada bulan Julai, Ogos macam tu lah kematian yang sangat tinggi. Saya nak tanya, adakah ini kerana bekalan vaksin di Negeri Kedah sedikit dan lambat sebelum bulan Ogos? Kita tau selepas bulan Ogos ada peningkatan yang banyak tetapi kerana kita lambat pada bulan April, Mei, Jun dan Julai dan kerana kita lambat dapatkan vaksin kepada kebanyakan penduduk dan menjadikan kes covid yang melonjak tinggi serta kematian yang banyak. Itu soalan daripada saya. Terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih kepada 4 orang soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Tak pernah lagi berlaku, ini kali pertama!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Tak adil ni! Kira tak adil ni, tak adil ni! YB. Derga, YB. Pengkalan Kundur, YB. Bakar Arang, juga YB. Bandar Baharu dan YB. Derga. InsyaAllah perkara ini akan kita bawa ke dalam Mesyuarat Negeri kerana ia memerlukan dana dan dana ini kita akan bincang dengan SFO (YB. Pegawai Kewangan Negeri) lah. InsyaAllah perkara ini akan kita bawa ke dalam mesyuarat.

Untuk YB. Bandar Baharu aset-aset, baru-baru ni pun bila Menteri Kesihatan datang, Ketua Pengarah Kesihatan datang kita telah suarakan perkara-perkara ini dan Alhamdulillah dalam masa terdekat ini beliau kata akan membekalkan selinder oksigen, yang dah bekal 2,000, akan datang 10,000 lagi. Ini antara aset-aset yang telah dijanjikan dan ada yang telah kita bawa dalam mesyuarat bersama dengan Menteri Kesihatan dan juga Ketua Pengarah Kesihatan.

Untuk YB. Pengkalan Kundor berhubung dengan 'empowerment'. Memanglah kita ada banyak agensi-agensi di peringkat mukim, peringkat kampung dan inilah yang sedang dan akan digunakan oleh pusat-pusat kesihatan di kampung untuk kita turun ke masyarakat dan kita sendiri, peranan wakil rakyat juga kita memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya menjaga kesihatan. Bukan apabila sakit saja kita perlu ke klinik, pemeriksaan kesihatan kepada mereka-mereka yang mungkin kalau sekarang ni B40, mungkin sekarang ini B40 dah bertambah dengan suasana ekonomi yang merudum sekarang ini. Inilah peranan yang perlu kita mainkan, masyarakat perlu mainkan dan juga di pusat kesihatan serta anggota-anggota lain, Pegawai Daerah, Penghulu misalnya.

Seterusnya kepada YB. Bakar Arang, saya ingat YB. Bakar Arang sendiri telah menjawab sendiri soalan yang dia tanya. Memang kalau kita lihat hari ni punya Covid Now ni, 'death per hundred peoples', 'kematian dalam 100,000 penduduk'. Kedah berada di nombor 4, atas Kedah, Sabah 7.3, atas Sabah, Johor 12.3, atas Johor, Pulau Pinang 16. Kita berharap dengan RT Kedah pada hari ini 0.88 berbanding dengan RT Kebangsaan 0.95, kita harap kita punya jangkitan akan menurun dan juga kes kematian akan menurun. Memanglah pada mulanya kita dijanjikan 260,000 dos untuk 1 minggu dalam bulan Julai, bulan Mei memang kurang, bulan Jun kurang, bulan Julai memang kita dijanjikan. Tetapi oleh kerana kes yang berlaku di Selangor, Greater Klang Valley, banyak kes, ramai kematian pada ketika itu, di pihak CITF Pusat membawa dos yang sepatutnya kita dapat dibawa ke Greater Klang Valley kerana menjadi pusat pentadbiran, pusat ekonomi, kegiatan-kegiatan ekonomi negara berkumpul di Greater Klang Valley. Jadi, kita mendapat dos yang kurang. Itulah antara puncanya, jawapan telah pun diberikan oleh YB. Bakar Arang. Terima kasih YB. Bakar Arang.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

YB. Tuan Speaker, sedikit soalan, tambah.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 8!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

YB. Tuan Speaker, ini perkara penting Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 8!

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

YB. Speaker, saya pohon jawapan untuk soalan nombor 8.

8. YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM
[ADUN AYER HITAM]

'Travel Bubble' di Langkawi dijangka bermula pada bulan September.

Pohon dinyatakan:-

a) Berapakah unjuran kemasukan pelancong domestik dan luar negara?

b) Sejauh manakah jaminan kemasukan pelancong luar negara tidak mencetuskan kluster Covid-19 yang baharu?

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

YB. Tuan Speaker, bagi menjawab soalan daripada YB. Adun Ayer Hitam berkenaan dengan 'Travel Bubble' di Langkawi, dijangka bermula dan telah pun dirasmikan pada 16 September yang lalu dan soalan berkenaan berapakah unjuran kemasukan pelancong domestik ke Langkawi. Bagi menjawab soalan (a), unjuran pelancong domestik yang akan masuk adalah seramai 200 ribu hingga penghujung tahun 2021.

Soalan (b), Sejauh manakah jaminan kemasukan pelancong luar negara tidak mencetuskan kluster Covid-19 yang baharu. Untuk makluman semua dan juga YB. ADUN Ayer Hiam, sehingga kini border masih lagi tidak dibuka untuk pelancong luar negara. Mungkin saya boleh menjawab bahawa sehingga kini tidak ada lagi jangkitan yang berlaku terhadap pelancong yang masuk ke Langkawi, yang ada hanyalah kes local, kes dalam Langkawi sahaja dan bukannya kes yang dibawa oleh pelancong ke dalam Pulau Langkawi. Terima kasih.

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

YB. Tuan Speaker, soalan tambahan saya. Sebelum tu tahniah kepada pihak kerajaan negeri yang telah menyahut seruan Kerajaan Pusat untuk membuka Pulau Langkawi sebagai pusat pelancongan di era PKP ini kerana ia merupakan satu langkah yang baik yang boleh memberi sinar baharu kepada pemain-pemain industri pelancongan di Pulau Langkawi, khususnya dan juga memberi peluang kepada rakyat yang selama ini agak 'tention' kerana terbelenggu dengan masalah PKP boleh lepaskan perasaan mereka ataupun dapat menghiburkan hati dengan suasana yang telah lama mereka terkurung.

Soalan saya YB. Tuan Speaker, esok InsyaAllah Jeti Kuala Kedah akan beroperasi semula setelah ditutup akibat PKPD. Soalan saya, sejauh manakah kesan bila kita tutup Jeti Kuala Kedah, 'income' kepada Negeri Kedah ini sebab bila kita tutup Kuala Kedah mereka akan pergi ke Kuala Perlis, Pulau Pinang ataupun ke airport dan sebagainya. Apakah kesan kepada kerajaan negeri yang boleh menyebabkan kerajaan kehilangan sumber pendapatan dan sebagainya contoh begitulah.

Yang keduanya, sejauh manakah kesan SOP yang dikenakan kepada pelancong-pelancong yang masuk ke Langkawi beberapa hari ni lah. Sebab kita rasa bila adanya SOP yang ketat menyebabkan pelancong-pelancong rasa tak selesa untuk datang ataupun terhalang untuk datang ramai-ramai. Sejauh manakah kesan itu berlaku? Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Ayer Hitam atas 2 soalan tambahan. Yang pertamanya berkenaan penutupan Jeti Kuala Kedah. Apabila diumumkan bahawa Langkawi akan dibuka pada 16 September dan pada masa yang sama diumumkan Jeti Kuala Kedah ditutup disebabkan oleh PKPD. YB. Tuan Speaker, saya pegang Portfolio Usahawan juga jadi, saya rasa agak kerugian dan juga ketirisan ekonomi orang-orang Kedah bila pelancong yang hadir untuk ke Langkawi terpaksa 'direct' ke Kuala Perlis. Apabila ditanyakan kesan, kesannya memang akan dirasai oleh penduduk dalam sekitar Kuala Kedah apabila minyak orang isi di Kuala Perlis, orang makan pun makan di Kuala Perlis, beli makanan ringan pun di kedai Kuala Perlis. Jadi, ekonomi dalam tu akan dirasai oleh orang Kuala Kedah. Alhamdulillah, bila diumumkan bahawa PKPD tidak akan disambung dan esok YB. Exco Pengangkutan akan ke Kuala Kedah untuk buka semula, kita akan dapat baliklah nikmat pembukaan Langkawi ini kepada rakyat Negeri Kedah itu sendiri. Itu untuk soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, sejauh manakah SOP yang telah pun dilakukan ataupun dibuat di Langkawi? SOP yang telah pun dibuat ini adalah satu contoh untuk dibawa ke tempat-tempat lain dan kejayaan SOP ini adalah sebagai salah satu perintis kepada tempat-tempat lain yang akan dibuka. Saya tengok, tidak ada lagi jangkitan yang pertama yang dibawa ke Langkawi dan kejayaan di peringkat saringan di KLIA, 5 orang terpaksa ditunda perjalanan apabila disahkan positif, ini sangkut di tempat saringan, belum lagi sampai ke Langkawi. Makna kata SOP yan diterapkan ini amat baik dan juga pihak polis di Pulau Langkawi menjalankan 'checking' dan pematuhan SOP dengan cukup baik sehingga kini.

Untuk makluman juga, apabila kejayaan Langkawi dalam dalam dua tiga empat hari ini dilihat positif, maka kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Menteri Pelancongan telah mengumumkan bahawa 1 Oktober ini akan buka di tempat-tempat peranginan yang lain seperti Melaka dan sebagainya. Ini adalah salah satu contoh yang baik SOP di Langkawi. Terima kasih, Assalamualaikum.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker dan YB. Kuah. Soalan saya, 'RoadMap Kedah' selepas pasca Covid-19 yang melanda, kerajaan negeri ini masih lagi menguruskan peralihan dari Fasa 1 ke Fasa 2, kita masih lagi di Fasa 1.

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk melihat 'RoadMap' selepas pasca Covid-19 ini yang akan dibawa ke Fasa 2, Fasa 3 dan Fasa ke 4.

Yang keduanya adalah bantuan 'one/off' kepada peniaga-peniaga terutama yang melibatkan pelancongan, 'travel agency' dan sebagainya. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih YB. Kubang Rotan atas 2 soalan tambahan juga. Yan pertamanya berkenaan 'RoadMap'. Apabila kita tengok kejayaan pembukaan ataupun telah diumumkan pembukaan Langkawi makna kata ini adalah salah satu 'signal' bahawa pelancongan akan dibuka dan mungkin dalam masa terdekat nanti rentas negeri juga akan dibuka. Maka ketika itu, segala perancangan, 'RoadMap' yang telah pun dibincangkan sebelum ataupun sekarang ini kita akan melihat kembali dan kita akan buat untuk pelancongan di sebelah tanah besar Negeri Kedah ini.

Yang keduanya bantuan one/off. Seperti yang diumumkan oleh YAB. Jeneri berkenaan peruntukan RM1 juta, itu juga termasuk untuk pemain-pemain industri kita. Sekiranya peruntukan itu tak cukup maka kita akan buat permohonan semula bergantung kepada keadaan kewangan semasa kerajaan negeri. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 9!

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

YB. Tuan Speaker, pohon jawapan soalan nombor 9.

9. YB. ENCIK YEO KENG CHUAN
[ADUN KULIM]

Kerajaan Negeri Kedah telah mengagihkan lebih 100,000 bakul makanan sejak Mac tahun 2020 melalui mekanisme pengagihan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).

Pohon dinyatakan:-

a) Jumlah bakul makanan atau peruntukan yang diterima oleh PKOB di setiap daerah di Negeri Kedah.

b) Kandungan dan kos kepada setiap bakul makanan.

c) Jumlah panggilan yang diterima oleh PKOB semasa PKP.

d) Berapakah jumlah permohonan yang ditolak dan alasannya?

YB. HAJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua. Terima kasih YB. Kulim, terima kasih YB. Tuan Speaker. Soalan pertama, Kerajaan Negeri Kedah telah mengagihkan lebih 100,000 bakul makanan sejak Mac tahun 2020 melalui mekanisme pengagihan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB). Pohon dinyatakan; (a) Jumlah bakul makanan atau peruntukan yang diterima oleh PKOB di setiap daerah di Negeri Kedah. Untuk jawapan (a)Kerajaan telah memutuskan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Negara termasuk Negeri Kedah bermula dari 1Hb.Jun,2021 hingga kepada peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula Julai 2021 sehingga kini.

Dalam mengoperasikan keputusan tersebut, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah (JKM) telah membuat persediaan awal untuk penyaluran bakul makanan kepada semua Ketua Isi Rumah (KIR) serta penduduk yang terkesan dengan perintah kawalan pergerakan tersebut. Peruntukan bagi pengagihan bakul makanan tersebut adalah daripada Kerajaan Negeri Kedah dengan menggunakan peruntukan yang disalurkan kepada JKM Negeri Kedah melalui perbelanjaan sedia ada diluluskan pada Tahun 2021.

Bantuan ini disalurkan kepada mereka yang memerlukan dan terkesan akibat daripada penularan pandemik COVID-19 dalam tempoh pelaksanaan PKP dilaksanakan. Dalam melaksanakan agihan bakul makanan ini, JKM bekerjasama dengan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Ikatan Relawan Rakyat (RELA) melalui penyelarasan agihan di PKOB Daerah.

Untuk jumlah bakul makanan dan peruntukan disalurkan di kawasan PKPD melalui PKOB tahun 2020. Pertamanya Daerah Kota Setar sebanyak 5,000 bakul makanan, tarikh PKPD iaitu 11hb. 9.2020 hingga 25hb.9.2020 dengan peruntukan berjumlah RM250,000.00. Untuk Daerah Pokok Sena iaitu Kluster Penjara, 706 bakul makanan disediakan, tarikh PKPD pada 20 Oktober 2020 dengan jumlah kesluruhan RM70,600.00. Untuk daerah yang ketiga Daerah Kuala Muda iaitu Amanjaya sebanyak 4,863 bakul makanan disediakan dan tarikh PKPD 28.8.2020 hingga 27.9.2020 dengan peruntukan berjumlah RM486,300.00. Jumlah keseluruhan bakul makanan yang disediakan dalam tempoh PKPD seanyak 10,569 bakul makanan dengan jumlah RM806,900.00.

Bagi jumlah bakul makanan dan peruntukan kerajaan negeri disalurkan kepada penduduk melalui PKOB sehingga September tahun 2021, pertamanya Daerah Langkawi jumlah perolehan 6,500 bakul makanan dengan kadar seunit RM50.00 dengan nilai sebanyak RM326,000.00 dengan jumlah agihan sebanyak 5,998 agihan yang berjumlah RM299,900.00. Untuk daerah yang kedua iaitu Baling, jumlah perolehan iaitu 8,250 dengan jumlah satu kadar iaitu RM50.00 dan jumlah peruntukan yang diperuntukkan RM412,500.00 dan jumlah agihan yang telah dibuat iaitu 7,826 jumlah agihan dan peruntukan yang telah diperuntukkan sebanyak RM393,800.00. Untuk Dareah Pendang, 5,500 perolehan dengan kadar sunit iaitu RM50.00 dengan jumlah nilai sebanyak RM275,000.00 dengan jumlah agihan sebanyak RM5,148.00 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM257,400.00. Untuk Daerah Yan sebanyak 7,000 perolehan dibuat….(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kayu Hitam, boleh tak YB. Bukit Kayu Hitam nyatakan perolehan saja? Jadi, ringgit-ringgit tu fahamlah kalau perolehan tu banyak ni…..

YB. HAJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Ok, untuk Daerah Yan tadi, jumlah agihan yang kita buat 6,658 bakul dengan peruntukan RM332,700.00. Saya boleh bagi semua secara 'detail' dalam ni, kalau nak suruh saya habaq satu-satu. Ok, kalau nak ikutkan keseluhan jumlah perolehan yang kita buat iaitu 79,500 bakul makanan dengan peruntukan berjumlah RM4,275,000.00.

Untuk soalan (b), kandungan dan kos kepada setiap bakul makanan. Untuk jawapan itu, untuk makluman semua, kandungan setiap kos bakul makanan. Yang pertamnya kita sediakan beras 5 kg. atau setara kuantitinya satu unit, keduanya minyak masak 1 kilogram atau setara dengan kuantiti, satu unit juga, gula pasir 1 kilo atau serata, tepung gandum 1 kilogram setara dengan 1 unit, biskut cream craker atau setara 1 unit, teh 100 gram jenama Boh atau setara 1 unit, kopi 100 gram jenama Kapal Api dan setara 1 unit, susu tin jenama Teko dan setara 1 unit, sardin 400 gram jenama AAA ataupun setara 1 unit. Kadar bakul makanan adalah RM50.00 untuk setiap bakul makanan.

Untuk jawapan (c), jumlah panggilan yang diterima oleh PKOB semasa PKP, ringkasan laporan, Pusat Kawalan Operasi Bencara (PKOB) Negeri Kedah bagi setiap daerah sehingga 12 September 2021 terutamanya Daerah Kota Setar kita telah menerima aduan sebanyak 18,150 aduan, Daerah Kuala Muda 16,760 aduan, Kubang Pasu 5,217 aduan, Kulim 5,381 aduan, Langkawi 8,914 aduan, Baling 6,429 aduan, Sik 9,941 aduan, Pendang 6,969, Padang Terap 1,339 aduan, Yan 7,140 aduan, Bandar Baharu 3,469 aduan, Pokok Sena 2,915 aduan. Jumlah keseluruhan adalah 92,216 panggilan aduan yang telah diterima.
Untuk jawapan (d) Berapakah jumlah permohonan yang ditolak dan alasannya? Untuk makluman semua, permohonan yang diterima berkaitan aduan bakul makanan di PKOB Daerah dan Negeri telah disantuni oleh JKM dengan penyaluran bekalan kepada mereka yang benar-benar terkesan akibat PKPD. Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Di sini saya dapat aduan pesakit covid….(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Tuan Speaker!

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

YB. Tuan Speaker, saya dapat banyak aduan pesakit Covid-19 yang kuarantin di rumah susah dapat bakul makanan dari PKOB. Saya sarankan, yang kuarantin perlu dapatkan

teruslah 'kasi, janganlah tanya soalan sampai ke bulan. Dapat banyak aduan tentang permohonan susah nak hubungi PKOB seperti PKOB di Daerah Kulim. Hanya satu line saja 04, di sini saya cadangkan, tambahlah satu handphone line. Dengan handphone line ini pemohon boleh sampai mesej dan maklumat boleh sampai dan petugas PKOB pun dapat maklum balas. Saya cadangkan tambahkan khidmat smart phone line. Terima kasih.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Soalan tambahan, lebih kurang sama.

YB. TUAN SPEAKER

Kalau sama tak payah lah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tapi berbeza.

YB. TUAN SPEAKER

Ha, berbeza. Nanti bagi dia jawab yang YB. Kulim dulu. YB. Pengkalan Kundor, kita rai YB, Kulim dulu. Silakan YB. Bukit Kayu Hitam!

YB. HAJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Kulim di atas soalan tambahan. Setelah kita menjalani PKP dari semasa ke semasa dan penambahbaikan yang telah kita ambil di pusat PKOB di daerah, jadi Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat telah mengenal pasti masalah-masalah yang telah diajukan oleh penduduk semasa tempoh dibuat. Jadi, untuk mengatasi masalah itu kementerian pun telah melantik satu NGO di bawah kementerian iaitu Skuad Prihatin Negara yang mana telah mengagihkan bakul-bakul makanan ini untuk menampung aduan-aduan yang telah disampaikan kepada pusat PKOB yang tak mampu PKOB menghantarnya. Kita faham berkenaan masalah itu kerana PKOB ini dia ada beberapa orang staf sahaja sukarelawan daripada APM, JKM dan anggota-anggota yang bekerja secara sukarela. Jadi, kita menampung kerja-kerja itu bila penambahbaikan mesyuarat bersama menteri telah diadakan untuk kita strukturkan balik macam mana kita nak bagi rakyat yang terkesan itu menerima segala bentuk makanan dan kita tubuhkan Skuad Prihatin Negara.

Alhamdulillah, kalau kita tengok di setiap daerah kita selain daripada bantuan bakul makanan disediakan di PKOB iaitu 92,216 bakul makanan ini kita telah pun menerima bantuan agihan makanan daripada JKM iaitu daripada PERMAI sahaja berjumlah 66,281 bakul makanan. Bakul makanan daripada ADUN-ADUN juga kita dapat sebanyak 4,735 kesemua.

Untuk bakul makanan NGO-NGO lain kita ada 37,720 bakul makanan dan untuk JKM setiap penerima sumbangan JKM dia dapat juga bakul makanan daripada JKM iaitu kita namakan bakul PERMAI sebanyak 104,960 bakul makanan disediakan. Jadi, kalau kita tengok di sini jumlah keseluruhan di Negeri Kedah selain daripada kita campur dengan PKOB dan NGO-NGO yang lain, kita telah pun menerima dan telah menyalurkan bakul makanan sebanyak 317,524, jumlah keseluruhan termasuklah yang ADUN bagi, NGO, bagi, JKM bagi dan lain-lain lagi. Ini satu jumlah yang besar kalau kita target tadi cuma 100,000 tetapi pengagihan bakul makanan dibuat dalam tempoh PKP oleh kerajaan dan pihak NGO-NGO adalah sebanyak 317,524 bakul makanan.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bukit Kayu Hitam, depa tanya tadi line PKOB tak cukup. Boleh tambah ka?

YB. HAJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Untuk makluman YB. ADUN Kulim juga, setelah kita mendapat aduan, setiap PKOB itu ditambahkan lebih kurang dua atau tiga line untuk setiap daerah….(YB. Bandar Baharu mencelah)

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya rasa berkenaan dengan PKOB ni kita kena bagi satu penghargaan kepada PKOB yang diuruskan oleh semua Pegawai-pegawai Daerah. Tentang bakul makanan banyak sangat dah dan terlalu cukup. Kalau boleh pihak kerajaan sediakan satu insentif tambahan kepada semua petugas-petugas PKOB ini dan terima kasih juga kepada kerajaan yang memberi dana khas kepada PKOB bukan saja bakul makanan, untuk beli pampers, untuk beli susu dan sebagainya yang diuruskan oleh PKOB. Dan line-line telefon, untuk kuarantin tadi sebenarnya dah ada dah PKOB dengan pengkalan data bersama dengan Klinik Kesihatan, siapa kuarantin, siapa HSO automatik dah PKOB akan hantar, tak payah dah nak telefon-telefon dan tak perlulah line tambahan….(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bandar Baharu nak tanya ka nak habaq ka?

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Saya ingin bertanya kepada YB. Bukit Kayu Hitam untuk kerajaan menambahkan insentif khas kepada semua petugas PKOB bukan saja line, bukan saja bakul makanan, insentif khas kepada semua petugas PKOB termasuklah APM dan seterusnya untuk belanjawan yang akan datang.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Speaker, yang nak tanya saya, dia jawab apa.

YB. TUAN SPEAKER

Dia tanya juga tu. Silakan YB. Pengkalan Kundor!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya nak tanya sebahagiannya telah dijawab oleh….(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Tuan Speaker! Tuan Speaker!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Tuan Speaker, saya nak tanya, sebahagiannya telah dijawab oleh YB. Bandar Baharu tetapi tak betul. Contoh data, yang disebut tadi oleh YB. Bukit Kayu Hitam yang berhak menerima adalah mereka-mereka yang terkesan dan mereka-mereka yang memerlukan. Jadi, saya nak tanya data tadi data dari Kementerian Kesihatan iaitu data kuarantin. Sebagai contoh, bila saya turun di DUN saya, DUN Pengkalan Kundor majoriti daripada mereka-mereka yang dikuarantin tu tak dapat. Baru-baru ini saya turun, seorang individu, 'single parent' duduk rumah sorang-sorang, dia keluar merata, pakai gelang pink. Saya kata, "pakcik, pasal apa?". "Saya nak makan apa?" Dia kata. "Saya nak makan apa, habaq kat saya, saya nak makan apa?" Saya kata, "pasal apa?" "Pakcik dah berapa hari duduk sorang-sorang tak dak sapa yang bagi kat saya ni, nasib baiklah hari ni YB. Pengkalan Kundor datang". Daaakkk! (seluruh Ahli Dewan bersorak). Saya nak sebut data, ribu-ribu duk sebut tadi betul. Tapi, adakah mereka yang betul-betul memerlukan yang dapat? Itu yang saya nak tanya…(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. nak tanya ka nak habaq ni? Soalan dia?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Terima kasih. Soalan dia data.

YB. TUAN SPEAKER

Data! Nanti sat YB. Bukit Kayu Hitam, ada lagi tu, ringkas!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik, YB. Tuan Speaker dan YB. Bukit Kayu Hitam. Penyelarasan dari sudut data di peringkat daerah-daerah antara PKOB dan Kesihatan telah pun dilakukan untuk bantuan dan penyelarasan dengan JPKK dan Penghulu. Adakah perkara ini dilaksanakan di semua daerah-daerah kerana kami di Yan, Alhamdulillah Pengerusi PKOB Tuan DO menyelaras semua bantuan ini dengan JPKK, dengan Penghulu, dengan semua agensi supaya maklumat dan data itu dapat diselaraskan. Jadi, mohon penjelasan.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Bukit Kayu Hitam! Goreng sekali.

YB. HAJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan terima kasih kepada YB. ADUN Bandar Baharu, YB. Sungai Limau, YB. Tokai dan rakan-rakan yang lain. YB. Pengkalan Kundor, minta maaf (sambil ketawa) yang menanyakan soalan tambahan. Untuk pengkalan data yang akan kita kemaskini, yang bertanya mengenai talian yang agak sukar, satu aplikasi KedahCare telah dilancarkan untuk penambahbaikan aduan-aduan daripada PKOB setiap daerah untuk memudahkan permohonan bakul makanan melalui 'online'. Kalau kata dah call PKOB tu tak jawab, kita buat KedahCare ni jadi tak perlulah call PKOB ni dan maklumat adalah secara 'online' boleh dapatkan detail nama untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan.

Jawapan untuk YB. Bandar Baharu, kerajaan telah pun meluluskan insentif khas sebanyak RM200 sebulan diberi kepada petugas-petugas yang bertugas di PKOB. Selain itu, saya nak maklumkan bahawa Zakat juga, kita tak menidakkan Jabatan Zakat. Lembaga Zakat Negeri Kedah menyediakan program bakul makanan 'food bank', telah pun memberi kepada 578 buah masjid sebanyak 30 setiap bulan dengan jumlah sebanyak RM13,340.00 bakul makanan. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 10! Tak mai. Soalan nombor 11!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, sya mohon jawapan soalan nombor 11.

10. YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR
[ADUN JITRA]

Mohon dijelaskan rasional kerajaan negeri meneruskan aktiviti pembalakan di Ulu Muda. Adakah ini bukti Kerajaan Negeri Kedah tiada inisiatif lain untuk menjana ekonomi negeri?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, ingatkan takdan dah soalan nombor 11 ni, dan jugak (sambil ketawa), ingat terlepas dah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih YB. Jitra. Rasional kerajaan negeri meneruskan aktiviti pembalakan di Ulu Muda. Adakah ini bukti Kerajaan Negeri Kedah tiada inisiatif lain untuk menjana ekonomi negeri. YB. Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang dikasihi sekalian, kerajaan negeri hanya meneruskan sahaja aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Ulu Muda bagi kawasan yang telah dikeluarkan lesen pembalakan sebelum daripada ini. Dalam hal ini, tindakan menghentikan aktiviti pembalakan oleh syarikat-syarikat pembalakan yang telah dilesenkan dan telah membayar sebahagian ataupun sepenuhnya premium yang dikenakan akan memberi implikasi undang-undang kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, keputusan kerajaan negeri untuk meneruskan aktiviti pembalakan di Hutan Simpan Ulu Muda adalah tertakluk kepada syarat-syarat tambahan yang diperkenalkan kemudian. Yang pertama sekali, pembukaan pembalakan tahunan adalah berdasarkan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang telah ditetapkan dalam RMK-12, Catuan Tebangan Tahunan bagi Negeri Kedah telah ditetapkan oleh Majlis Tanah Negera, 4,200 hektar setahun. Walaupun kita ada kelulusan di Ulu Muda saja, 25,000 hektar kelulusan 2014 hingga 2020 sebelum kerajaan ini beralih, 25,000 hektar tapi lesen tebangan hanya akan dikluarkan bagi seluruh Negeri Kedah tidak akan lebih daripada Catuan Tebangan Tahunan 4,200 hektar. Kalau ambil kira semua sekali YB. Gurun, 25,000 Ulu Muda campur dengan di lain-lain lagi ada 75,000 hektar kawasan yang telah diluluskan. Kalau batal kena bayar balik duit premium ataupun kena pi mahkamah. Jadi, kita teruskan juga tapi dengan Catuan Tebangan Tahunan, 4,200 hektar. Kalau ambil hak ni saja, tebangan untuk kelulusan yang sudah ada akan mengambil masa 18 tahun. 18 tahun tak payah lulus kawasan baru dah, tebang hat tu saja.

Yang kedua, pembalakan dijalankan dengan kaedah Mesra Alam Sekitar dengan penggunaan mesin dan jentera pengusahasilan melalui sistem Log Fisher. Log Fisher ini diperkenalkan di Pahang kerana kerosakan-kerosakan mukabumi dalam kawasan pembalakan antaranya adalah kerana pembinaan jalan-jalan, nak pi ambil pokok dua tiga batang saja, jalan sampai dua tiga kilo, lebarnya pula, ha… nak pi ke pokok tu pun dia ada pokok lain lagi, dia belah jalan dulu. Oleh kerana sistem ini banyak membuka tanah-tanah, mendedahkan tanah kepada hakisan dan sebagainya, maka Jabatan Perhutanan telah memperkenalkan Log Fisher. Log Fisher ni pakai ‘tali lam’, orang kampung pakai ‘tali lam’ la ni YB. Gurun. Faham dak tak tau? ‘Tali lam’, bukan lam bomoh tu, pakai mesin macam kren tu, dia pakai tali pi tambat di pokok tu, dia tebang, dia tarik mai, jadi jalan tak payah buat. Pokok tak terbalik, pokok tak rosak. Pokok yang ditebang itu saja yang ditarik pergi ke matau. Log Fisher diperkenalkan di Pahang tetapi kosnya tinggi, tapi kita tak dak pilihan, daripada kita benarkan dibuat sistem konvensional buka jalan jadi macam tulang ikan. Ada satu jalan utama, kemudian ada jari lagi nak pi ke pokok, itu akan merosakkan alam sekitar. Kita kata nak teruskan, guna Log Fisher. Alhamdulillah, dalam 2 lawatan saya ke Ulu Muda sistem Log Fisher telah pun digunakan. Jadi, pembukaan jalan tak banyak.

Yang ketiga, menambah dan menetapkan Zon Penampan terhadap alur air dan alur sungai. Kalau zon penampan sebelum ni berapa zon dari sungai 20 meter kita suruh tambah jadi 40, yang tu tak boleh tebang, tak boleh usik. Kalau lebar sungai 20 meter, zon penampannya sekali ganda. Di tepi-tepi aliran sungai tidak berlaku tebangan dan aliran tanah tidak masuk ke aliran untuk mengeruhkan keadaan. Dalam pada itu, usaha memperkasakan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri telah menggariskan pelbagai inisiatif di dalam "Pelan Pembangunan Kedah 2035" seperti pembangunan projek-projek berimpak tinggi dan perbandaran baharu yang lestari dan mampan.

Iniasitif-Inisiatif sebegini juga akan memberi impak ekonomi yang positif khususnya dari segi peluang pekerjaan kepada rakyat. Keadaan ini akan menyumbang kepada peningkatan hasil pendapatan kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing melalui kutipan cukai tanah dan cukai pintu dengan wujudnya kawasan industri serta perbandaran baharu di Negeri Kedah tanpa bergantung kepada hasil daripada aktiviti pembalakan. Saya harap aktiviti pembalakan ini akan menjadi hasil terakhir kerajaan negeri pada masa akan datang, InsyaAllah.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada YAB. Jeneri, sepertimana yang kita tahu dalam soal pembalakan ini ada 2 jenis kelulusan. Satu kelulusan untuk konsesi dan satu lagi lesen yang dikeluarkan. Saya lihat kenyataan yang telah dibuat oleh YAB. Jeneri pada bulan Julai tahun ini bahawa ada 75,000 hektar yang telah dikeluarkan kelulusan dan daripada kenyataan itu, sebentar tadi YAB. sebut 25,000 hektar di Ulu Muda dan laporan tadi 22,000 hektar, ada beza 3,000 hektar, saya tak tau ke mana dan 50,000 hektar lagi dikatakan di luar Ulu Muda. Saya ingin tahu pecahan yang mana yang lulus, yang mana yang lesen di antara tahun 2014 dan 2020 sepertimana yang dinyatakan oleh YAB. Jeneri dan sebelum itu dan sebelum 2014 kerana saya nak pastikan apakah yang dimaksudkan oleh YAB. Jeneri, adakah kesemua kelulusan-kelulusan termasuk lesen dikeluarkan hanya dalam tempoh 2014 hingga 2020 sahaja?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, untuk 'detail' seperti yang diminta oleh YB. Jitra saya mohon besok saya bekalkan jawapan kawasan yang 'detail'. Yang saya maksudkan tadi ialah 75,000 hektar itu telah diberi kelulusan, sebahagiannya telah dibayar premium 100% dan sebahagiannya telah dibayar 50%, sebahagiannya dibayar 25%. Kalau nak batal kena pulangkan balik premium, kalau dia tak mau terima, dia kata kita pi mahkamah sebab kami dah buat kelulusan, modal dah kami keluar, kawasan dah kami servey, pokok dah kami tanda.

Kelulusan yang kedua adalah kelulusan tebangan, itu yang saya sebutkan tadi CTT. Setiap tahun lesen tebangan hanya boleh dikeluarkan seluas 4,200 hektar sahaja. Untuk kelulusan konsesi, 75,000 hektar seluruh Negeri Kedah. Kawasan yang 'detail' saya akan bagi besok YB. Jitra, pohon notis sikitlah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 12!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Pohon jawapan soalan nombor 12.

12. YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD
[ADUN BUKIT LADA]

Senaraikan aktiviti yang berjaya dilaksanakan di bawah portfolio pembangunan insan di dalam suasana pendemik ini?

YB. DATO' USTAZAH SITI ASHAH BINTI GHAZALI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, seterusnya YB. Bukit Lada. Soalan, aktiviti yang berjaya dilaksanakan di bawah portfolio pembangunan insan di dalam suasana pendemik ini. Pembangunan insan adalah antara strategi utama kerajaan negeri untuk membangunkan Negeri Kedah dalam Pelan Kedah 2035 melalui Teras 4, 'Keseimbangan Modal Insan dan Bakat', pelbagai program/aktiviti telah dirancang. Namun, dengan kekangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pelbagai program yang telah dirancang dan disesuaikan untuk dilaksanakan. Di antara program ketika PKPP pertamanya iaitu Kursus Kemantapan Jati Diri Anak Muda iaitu untuk melahirkan tema Kepimpinan Generasi Al-Qawiy. Yang kedua, program dilaksanakan adalah Program Semarak Ar-Rayyan. Semarak Ar-Rayyan ini program yang secara fizikal ketika PKP iaitu kita mentadabbur Surah Al-Gujrat kerana Surah Al-Gujrat ini kesesuaian iaitu tunjuk ajar ingatan kepada masyarakat. Di antaranya apabila menerima berita-berita daripada penyampai berita hendaklah tabayyun dulu.

Yang kedua, hubungan di antara kekeluargaan ukhwah. Program Semarak Ar-Rayyan ini dilaksanakan di Daerah Langkawi, Daerah Pokok Sena, Daerah Kubang Pasu, Pendang, Kulim dan Sik. Apabila terlibat dengan PKP, Program Semarak Ar-Rayyan ini diteruskan dengan Semarak Al-Furqan kerana Ar-Rayyan ini digunakan untuk bulan Ramadan, kerana Ar-Rayyan ini nama satu pintu syurga untuk orang yang berpuasa. Selepas daripada puasa, kita gunakan Semarak Al-Furqan iaitu nama Al-Quran. Semarak Al-Furqan ini dilaksanakan dengan maya, tidak dengan secara fizikal iaitu di Parlimen Kota Setar, Daerah Kuala Muda, Parlimen Jerlun dan Daerah Baling. Itu program yang dapat kita laksanakan iaitu Semarak Ar-Rayyan dan juga Semarak Al-Furqan.

Program seterusnya Program Pembangunan Jati Diri bersama warga KEDA. Yang ini kita laksanakan juga iaitu di KEDA Batu 13, Pokok Sena. Program pembangunan insan yang kelima ialah Program Pembangunan Insan Tekno, Usahawan Tahfiz, Pusat Pengajian Maahad Tahfiz Daerah Sik dengan kerjasama IKM MARA, Sik.

Yang seterusnya program bersiri, Webinar, Vaksin Rohani iaitu program sedang berjalan, sekarang ini setiap hari Khamis jam 3.00 petang melalui aplikasi Zoom, Google Meet dan juga FB Live bermula dari 5 Ogos yang lalu. Besok ada, besok ada program itulah, Webinar, Vaksin Rohani.
Yang ketujuh, program yang dilaksanakan pembangunan insan adalah Kapsul Rohani. Kapsul Rohani dalam Slot Feminar Radio KedahFM iaitu setiap Jumaat pukul 12.15 sehingga 12.45. Kapsul Rohani akan disiarkan berkala oleh pihak DJ setelah disiarkan pada hari Jumaat.

Yang kelapan, Program Malam Generasi Pewaris Malaysia Sejahtera iaitu 30 Ogos yang lalu sempena Hari Kemerdekaan diadakan secara maya di FB dan juga zoom. Itulah sebahagian daripada program pembangunan insan yang sempat dilaksanakan secara fizikal dan juga maya dalam suasana pandemik covid ini. Sekian, terima kasih.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Soalan tambahan saya ialah yang pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada….(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Tuan Speaker!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

YB. Tuan Speaker…

YB. TUAN SPEAKER

Ish! Saya ajar ni pun lama dah, 2 tahun dah saya ajar tak ‘qhab’ lagi no!?

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Tak ‘qhab’ no? YB. Tuan Speaker, InsyaAllah, saya mengucapkan tahniah kepada Pembangunan Insan walaupun dalam keadaan PKP ini dapat melaksanakan program yang begitu banyak dan saya mengharapkan program-program ini dapat diperkasakan lagi dan adakah program ini menyeluruh kepada semua sama ada peringkat umur dan sebagainya?

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

YB. Tuan Speaker, soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Nak bagi YB. Kota Siputeh ka? YB. Pengkalan Kundor muka dia keluar tv banyak dah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Bukan! Penting, saya dulu Exco Pembangunan Insan. Jadi, sangat 'relevent'.

YB. TUAN SPEAKER

Ha, silakan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Dalam keadaan covid hari ni, saya rasa banyak insan yang 'down', 'mentally down' daripada segi kesihatan mental. Bukan sahaja nak bangunkan insan tetapi kesihatan tidak berapa baik daripada segi mental tadi harus dibina dahulu, saya rasa. Sangat-sangat penting saya rasa sekarang ini apabila masjid ditutup dan seumpamanya keadaan kesihatan mental menurun dan saya rasa fokus di zaman covid ini adalah memberi fokus kepada perkara ini dahulu. Nak bersama pun tak pa, yang tu ok tapi ini saya rasa patut diberi fokus. Data-data ada dengan Jabatan Kesihatan Negeri Kedah semua ni, jadi saya mengharapkan yang itu YB. Tuan Speaker.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Sekali boleh kut YB. Tuan Speaker, sekali?

YB. TUAN SPEAKER

YB. Merbau Pulas jawab! Kita nak masuk…

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Boleh gabung sekali?

YB. TUAN SPEAKER

Ha..Bolehlah!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Ok, terima kasih YB. Tuan Speaker…

YB. TUAN SPEAKER

Hat tu yang nak bagi tu…(seluruh hadirin ketawa)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

YB. Merbau Pulas, saya nak bangkitkan isu anak-anak kita yang mengikuti PdPR di rumah sewaktu pandemik ini. Jadi, mereka banyak dengan handphone lah, dengan peranti kan. Baru-baru ini menurut laporan SUHAKAM pada Mei 2021 terdapat 250% kanak-kanak kita terlibat dengan pornografi. Jadi, apa peranan Bahagian Pembangunan Insan untuk membantu pelajar-pelajar kita ini supaya mereka tidak terlibat dengan video-video lucah dan sebagainya yang boleh mengganggu pembelajaran mereka? Sekian, terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH SITI ASHAH BINTI GHAZALI

Terima kasih soalan tambahan. Pertamanya daripada YB. Bukit Lada…. (YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Tuan Speaker!

YB. DATO' USTAZAH SITI ASHAH BINTI GHAZALI

Ya, YB. Tuan Speaker. Nantilah kita panggil YB. Dato' Speaker, InsyaAllah.

YB. TUAN SPEAKER

YAB. Jeneri, depa kata bagi Dato' senang nak panggil depa kata (seluruh hadirin ketawa).

YB. DATO' USTAZAH SITI ASHAH BINTI GHAZALI

InsyaAllah, 'coming soon'! Yang dipersoalkan daripada YB. Bukit Lada iaitu disebut tadi sasaran yang telah kita buat. Kalau Program Generasi Al-Qawiy ini adalah kepada generasi anak muda yang berusia 19 hingga 25 tahun yang kita buat. Saya tambah, Semarak Ar-Rayyan ini kepada seluruh masyarakat masa itu sebab dalam Program Semarak Ar-Rayyan itu kita bagi anugerah kepada anak muda, anugerah kepada lelaki dewasa, wanita dewasa yang mengimarahkan kampung itu dan masjid itu. Itu terlibat secara langsung lah.

Yang seterusnya apabila Program Webinar, disebut oleh YB. Pengkalan Kundor dan juga YB. Kota Siputeh. Program Webinar ini ada tajuk-tajuk dia. Kalau tajuk untuk anak-anak PdPR ini ada tajuk dia dan ada juga tajuk yang diberi untuk kesihatan mental, "Risau Pun Ada, Stress Pun Ada, Nak Buat Lagu Mana?" Ini tajuk dia, dah pun berlangsung. Boleh dilihat dalm FB Pembangunan Insan iaitu telah dibicarakan oleh Professor Datuk Noraznizar Bin Ishak iaitu Professor Pusat Pengajian Psikologi Gunaan Dasar dan Kerja Sosial UUM, ini dah ada. Kalau untuk PdPR pun ada, di sini disebut iaitu motivasi kepada guru, tajuknya "PdPR Oh PdPR, Otak Segar Hati Pun Tak Tawar", pun dah berlangsung kita dah buat untuk anak-anak. Bermakna pelbagai peserta yang hadir ni pelbagai lapisan masyarakat yang ada sebenarnya.

Seterusnya kalau besoknya, besok adalah “Mai Nak Habaq Bagaimana Nak Hadapi Covid” oleh Ustaz Mohd Nizam iaitu pensyarah UUM juga. Ini di antara sebahagian yang kita telah rancang, telah buat dan Program Webinar ini akan seterusnya sampai ke hujung tahun, setiap minggu boleh dilihat dan didengar dalam Radio KedahFM iaitu dalam Slot Femina. Setiap program pembangunan insan ini yang terlibat secara langsung adalah dengan Maahad Tahfiz iaitu Program Bersama dengan Maahad Tahfiz di Sik iaitu pembangunan insan kita adakan…(pakai mask ni dia rasa macam tak berapa selesa lah YB. Tuan Speaker), iaitu program pembangunan insan melalui Program Tekno Usahawan Tahfiz ini dengan kerjasama Majlis Amanah Rakyat (MARA), dengan Majlis Agama Islam Daerah Sik iaitu antara kursus yang ditawarkan kepada anak-anak Maahad Tahfiz Al-Tarbiah Al-Islamiah Al-Wataniah iaitu seramai 10 orang. Kursus yang ditawarkan ialah Kursus Pendawaian Elektrik, 1 fasa, Kursus Penyelenggaraan Penyaman Udara. Ini adalah di antara yang kita bagi selain daripada Maahad Tahfiz ini menghafaz Al-Quran, mereka juga akan mendapat kemahiran-kemahiran yang mereka boleh berada dalam masyarakat untuk mereka mendapat pendapatan ekonomi pada masa depan. Wallahu’alam, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Kita telah selesai dengan soalan pertanyaan mulut. Kita cuma berjaya hari ini selesai 5 soalan sahaja, kelmarin 6 soalan. Jadi, kita kurang satu soalan hari ini. Tak pa lah, yang penting kita dapat menyampaikan apa yang kita nak tanya. Cuma yang saya duk tengok la ni, orang tanya sikit saja, yang kita piiii….Kodiang, Kuala Nerang apa semua nu. Orang nak tanya nak pi Alor Merah saja pi kut mana? Kalau boleh orang tanya nak pi Alor Merah kut mana, jawab pi Alor Merah sudah lah, toksah pi Kodiang, toksah pi Kuala Nerang. Na? Hat tu teguran orang tua-tua lah kepada semua.

Silakan Setiausaha!

TUAN SETIAUSAHA

Sambungan Perbahasan Usul menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar.

III. SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan kepada yang bercakap 5 minit sahaja kelmarin, silakan 15 minit lagi.

YB. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, wassolatu wassalamu 'ala rasulillah waman tabiáhu wanasorohu waman walah. Wayarsirli amri wahlul uddatan millisani yafkhohu khauli 'amma ba'.

YB. Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Semua pihak diajak bersama-sama dengan kerajaan pada hari ini bagi menangani masalah secara bersama yang melibatkan kepentingan bersama yang meliputi isu kesihatan, keselamatan, ekonomi, pendidikan, agama, sosial dan sebagainya….(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kuala Nerang! Kuala Nerang! Nanti sat nak tengok apadia?

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Kelmarin ni YB. Kuala Nerang kata nak bagi saya tanya pagi ni hat bercakap kelmarin.

YB. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Sat gi! Sat gi! Sat gi Yang Berhormat, ni baru…

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Bagi ya? Sat gi bagi ya?

YB. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

InsyaAllah! InsyaAllah! Saya bagi, jangan bimbang!

YB. TUAN SPEAKER

Dia baru pasang enjin ja Yang Berhormat.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Ha…Tak pa!

YB. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Dan saya akan cuba lajukan sebab masa yang terhad kepada saya, InsyaAllah. Sebenarnya tindakan ini amat selari dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa pemimpin-pemimpin politik hendaklah berjiwa besar dengan meletakkan kepentingan negeri dan negara mengatasi kepentingan diri. Dan saya percaya apa yang dijawab oleh YAB. Menteri Besar tadi menunjukkan bahawa beliau dan kepimpinan hari ini meletakkan kepentingan negeri di mana apa yang telah diluluskan oleh kerajaan sebelum ini berhubung dengan isu balak umpamanya yang disebut bahawa 18 tahun lagi tebang baru habis kelulusan hat dulu dan saya difahamkan, kalau silap YAB. tolong betulkan, ada projek yang diluluskan pembalakan pada 1hb. Mei 2020 tetapi YAB. mengangkat sumpah pada 17hb. Mei 2020. Jadi, ini menunjukkan bahawa sebenarnya bukan isu kerajaan hari ini tidak ada inisiatif untuk melakukan perkara mendatangkan sumber kewangan kepada kerajaan negeri sebaliknya melanjutkan apa yang telah dilakukan oleh kerajaan terdahulu yang mana yang baik. Yang mana yang baik bermanfaat kepada kerajaan negeri pada masa yang sama menjaga kepentingan rakyat, menjaga alam sekitar dan seumpamanya seperti yang disebut oleh YAB. tadi. Jadi, saya mengajak diri saya dan juga kepada semua rakan-rakan ahli politik supaya kita sama-sama menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menjadi ahli politik yang berjiwa negarawan dan juga kita kasih sayang kepada negeri dan negara kita. Silakan YB. Alor Mengkudu.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Terima kasih. Nak bagi kat sapa?

YB. TUAN SPEAKER

Bagi dekat YB. Jitra dulu, dia loncat….

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Dekat YB. Jitra dulu? Hat saya hat kelmarin.

YB. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Dah janji! Dah janji! Bagi hat janji dulu. Saya bagi laluan kepada YB. Alor Mengkudu.

YB. TUAN SPEAKER

Oh! YB. Alor Mengkudu dulu.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Hat kelmarin. Terima kasih YB. Kuala Nerang. YB. Tuan Speaker, saya duk ikut rakaman dua tiga kali takut saya silap, tapi saya dah tengok pagi ni mengenai yang disebut kelmarin oleh YB. Kuala Nerang iaitu YB. Kuala Nerang memaklumkan bahawa YAB. Jeneri sebagai Menteri Besar dengan gagasan-gagasan yang baru ini satu benda yang mengkagumkanlah…..(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

1 minit saja YB. Alor Mengkudu!

YB. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Laju sikit! Laju sikit! Dia ambil masa ni!

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Jadi, BBC nak puji Menteri Besar saya tak kisah itu. Tapi bila BBC kata, "menimbulkan kecemburuan YAB.-YAB. sebelum", saya ikut rakaman itu. Ertinya, Menteri Besar-Menteri Besar yang sebelum ini, bukan seorang, Menteri Besar yang sebelum ini cemburu dengan kejayaan, kebolehan YAB. Jeneri ini. Berapa orang Menteri Besar yang duk cemburu sangat ni? Ramai kah Menteri Besar yang cemburu?

YB. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih. Saya faham soalan!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Yang kedua…. (YB. Kuala Nerang mencelah)

YB. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Ringkas sikit dah ambil masa saya 2 minit ni. YB. Speaker….

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Yang kedua, apakah kriteria yang kata cemburu tu, apakah dengan tanya soalan tu bermaksud cemburu kah? Itu soalan saya.

YB. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Baik, terima kasih. Ini bukan soalan besar dan perlu kita bahas dalam Dewan ini. Saya ingat nanti YAB. boleh jawab. Saya tak perlu jawab soalan itu.

YB. Speaker, sepertimana yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya kita berbahas secara bijaksana dengan menggunakan peluang Sidang ini…..(YB. Tuan Speaker)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kuala Nerang, YB. Jitra nak minta boleh?

YB. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Nanti saya bagi, InsyaAllah. Nanti saya bagi, kalau tidak nanti YB. Speaker potong saya, saya tak sampaikan hasrat rakyat di Kuala Nerang. Sidang ini digunakan sebaiknya untuk mengemukakan isu-isu besar, isu-isu utama, maka saya mengambil peluang untuk membincangkan 4 isu utama. Yang pertama ialah rahsia kerajaan hari ini mencatat pelaburan yang tinggi. Yang kedua, kerajaan prihatin dan berkebajikan. Ketiga, projek berimpak tinggi di Kuala Nerang, Padang Terap dan terakhir, isu tempatan. Saya berharap YB. Speaker bagi peluang kepada saya untuk menjelaskan 4 perkara ini dalam masa yang tinggal berapa minit?

YB. Tuan Speaker yang pertama, saya mewakili rakyat dalam DUN Kuala Nerang dan DUN Pedu, mewakili sahabat saya yang tak boleh hadir pada hari ini, mudah-mudahan beliau cepat sembuh, merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.a.w serta merakamkan sekalung penghargaan dan tahniah kepada YAB. Menteri Besar dan seluruh kepimpinan Negeri Kedah di atas kejayaan melakar sejarah menerima pelaburan tertinggi di Malaysia dalam sektor pembuatan bagi suku pertama 2021 dan diluluskan oleh MIDA dan RM42.3 billion ini merupakan satu angka yang saaangat besar dan jaaauh meninggalkan Selangor yang maju, yang cuma hanya mencapai RM5 billion pada suku pertama 2021. Ini merupakan kejayaan yang besar, yang diluar jangkaan sama sekali yang dicapai oleh YAB. Menteri Besar dan kepimpinan hari ini dalam tempoh tahun pertama pentadbiran beliau. Ini tidak termasuk pelaburan tambahan ataupun pelebaran kepada sektor perkilangan 8 syarikat sedia ada yang telah diluluskan oleh MIDA berjumlah RM88 juta.

YB. TUAN SPEAKER

Juta? Juta ka?

YB. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Ya, tambahan. YB. Speaker, rahsia kejayaan ini YAB. Menteri Besar telah jawab. Apadia? Pertama, bersungguh-sungguh. Yang kedua ialah cekap dan cepat, pantas, tangkas bertindak.

Dan ini swajarnya menjadi contoh kepada kita ahli-ahli politik dan juga para pegawai kerajaan dan saya mengucapkan tahniah sekali lagi kerana melihat kejayaan ini hasil daripada kerjasama erat antara ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan yang bersikap professional yang memberikan hubungan kerjasama yang sangat baik kepada kepimpinan hari ini sehingga menyebabkan datang pertolongan Allah s.w.t melalui pelabur-pelabur yang yakin percaya kepada kepimpinan hari ini lebih-lebih lagi bertambah percaya bilamana YAB. selalu sebut, "tidak ada wang bawah meja, tidak ada komisen, tidak ada ganjaran untuk mendapatkan sesuatu projek". Sifat dipercayai ini adalah satu ciri yang sangat penting yang mesti ada kepada kita semua para pemimpin dan juga sebuah kerajaan. Sebab, selain daripada pelaburan yang berbentuk material, nilai dipercayai inilah yang sebenarnya merupakan pelaburan yang sangat besar yang kita miliki dalam aspek 'nonmaterial'. Dengan nilai percaya inilah saya yakin InsyaAllah kita akan terus membangun, maju dan beroleh keberkatan daripada Allah s.w.t. Rasulillah Sallallahu 'Alaihi Wassalam digelar "Al-Amin" dalam peristiwa perletakan Batu Hajarul Aswad kerana baginda dipercayai oleh penduduk Mekah pada ketika itu. Alhamdulillah, kita hari ini bersyukur kerana dikurniakan pemimpin-pemimpin, pengurus-pengurus dan pegawai-pegawai yang tidak berdendam, tidak rasuah, sebaliknya beramanah dan berhemah dalam berbelanja.

YB. Speaker, semua nilai, sikap dan amalan yang baik sebenarnya itulah yang telah diajar dalam Islam dan ia terangkum dalam satu kalimah pendek iaitu "Taqwa" yang saya selalu sebut dalam Dewan ini. Maka amat benarlah apa yang disebut oleh Allah s.w.t dalam surah Al-Talaq;

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ۝٢ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ
لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُۥٓ ۚ إِنَّ
ٱللَّهَ بَٰلِغُ أَمْرِهِۦ ۚ قَدْ جَعَلَ ٱللَّهُ لِكُلِّ شَىْءٍ قَدْرًا ۝٣

"Dan sesiapa yang bertakhwa kepada Allah s.w.t nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar serta memberikan rezeki daripada jalan yang tidak terlintas di hatinya".

YB. Speaker, perkara kedua, "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua". Silakan Yang Berhormat.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih YB. Tuan Speaker, YB. Kuala Nerang. Saya mendengar hujah YB. Kuala Nerang tadi, satu mengenai keputusan cepat, satu lagi mengenai perbelanjaan yang berhemah. Saya ingin bertanya, yang mulanya tahniah di atas simpanan yang tertinggi dalam sejarah Kedah RM635 juta yang diumumkan oleh pihak kerajaan negeri khususnya

YAB. Jeneri. Tetapi daripada RM635 juta itu, kenapa lambat untuk membuat keputusan memberi bantuan kepada rakyat? Setakat ini jumlah daripada Kedah RM32.4 juta. Saya ingin melaporkan di sini, Melaka jumlah keseluruhan untuk bantuan rakyat Covid-19 RM165 juta, Perak RM234 juta, Pulau Pinang RM171 juta, Kedah RM32.4 juta. Nak tunggu berapa lama lagi dan berapa nyawa terkorban sebelum membuat keputusan?

YB. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih. Ya, saya faham. Ini bukan jawapan yang sepatutnya diberikan oleh saya tetapi oleh barisan kepimpinan Exco ataupun YAB. Menteri Besar. Saya teruskan. Yang kedua, “Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua” “Kedah, negeri tempat orang kaya berbakti dan negeri tempat orang miskin berteduh”. “Kedah, kerajaan prihatin dan berkebajikan”. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terucap kepada YAB. Menteri Besar dan seluruh kepimpinan hari ini yang telah membelanjakan seperti yang telah disebut oleh YB. Jitra tadi RM32 juta yang telah dikeluarkan untuk membantu rakyat yang terkesan dengan covid. Bantuan yang berupa bakul makanan, berupa pinjaman perniagaan, bantuan perubatan dan seumpamanya yang telah diberikan tanpa mengira fahaman politik, tanpa mengira latar belakang agama bangsa. Semua pemohon yang telefon ke pusat kawalan operasi bencana diberikan, janji dia telefon. Yang terkesan, yang dikuarantin memang automatik, dia ada daftar, ada rekod oleh Pejabat Kesihatan Daerah akan dihantarkan bantuan kepada mereka. Di Kuala Kedah, kerajaan negeri telah mengeluarkan RM500 ribu atau setengah juta, 5,000 bakul makanan beri kepada orang yang terkesan akibat PKPD. Jadi, tak betul dan tak benar anggapan ataupun ayat yang mengatakan bahawa kerajaan gagal membantu rakyat di Kuala Kedah.

Yang ketiga secara ringkas YB. Tuan Speaker, salah satu projek berimpak tinggi di Negeri Kedah ialah Rubber City (KRC) yang sedang pesat dibangunkan di Bukit Ketapang, DUN Kuala Nerang, Padang Terap. Kita amat berterima kasih kepada kepimpinan YAB.-YAB. yang terdahulu yang telah telah mencetuskan idea dan membuka laluan jalan untuk melaksanakan projek ini. Projek yang berskala besar ini yang melibatkan keluasan 1,244 hektar InsyaAllah akan bakal memberi peluang kepada 15,000 pekerja, termasuk juga orang di Padang Terap menjelang 2030….(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kuala Nerang, ada 1 minit lagi!

YB. TUAN HAJI MUHAMMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Takdan habis ni.

YB. TUAN SPEAKER

Memang takdan!

YB. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Pasal ada pencelahan tadi, minta ehsan daripada YB. Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Tak dak!

YB. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Alhamdulillah kerajaan tak membatalkan projek, meneruskan. Jadi, menunjukkan bahawa kerajaan hari ini berjiwa besar, dan menambah baik di mana kekurangan. Hasil kerja kuat yang bersungguh-sungguh hari ini kita lihat kerja infrastruktur di KRC telah berjalan sebanyak 57%. Kerja-kerja infrastruktur dan seumpamanya sedang berjalan rancak dan urusan pengambilan tanah laluan kabel TNB juga sedang diusahakan secara bersungguh-sungguh oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri, Pejabat Tanah Kubang Pasu, Pejabat Tanah Padang Terap untuk mempercepatkan proses ini. Kita usaha, kita doa supaya berjalan lancar.

Kemudian, yang saya ingin sebutkan di sini ialah bekalan air di Loji Air Padang Sanai itu tidak cukup, ia cuma boleh tampung untuk sementara, sedikit sahaja dan kita harap Loji Rawatan Air Pelubang bila siap nanti boleh 'cover' semua.

Kedua, berkaitan KRC ini ialah 'box culvert' yang merentasi jalan utama di Carok Katok itu, ia tak mampu untuk menampung limpahan air. Jadi, kita harap ini diperbesarkan dan dinaik taraf parit atau alor sedia ada.
Berikutnya para hadirin sekalian, dalam buku "Setahun Pentadbiran" ini, cuma disebut kejayaan yang memberangsangkan dalam aspek loji rawatan air dan juga telekomunikasi. Tapi tak disebut berhubung dengan perancangan infrastruktur jalan raya di Kedah yang menjadi pemangkin kepada kelancaran dan pertumbuhan ekonomi. Jadi, saya mohon penjelasan.

Dan perkara terakhir yang keempat YB. Speaker, sedikit isu tempatan. Mohon perhatian dan segera dilaksanakan. Saya telah tulis surat kepada YB. Menteri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Exco yang berkaitan. Pertama judi online, penyalahgunaan dadah, penyalahgunaan air ketum sangat membimbangkan kita. Tolong ambil perhatian yang sangat-sangat dan atasi.

Yang kedua, selalu juga kita sebut capaian internet yang lemah yang kita harap dapat diatasi. Dalam buku ini, (sambil menunjukkan buku "Setahun Pentadbiran") disebut ada 130 menara nak dibuat. Jadi soalan saya, adakah boleh kita siapkan 130 ini sebab baru siap 37 saja. Pasal apa lambat? Rakyat duk 'complain' 'keqabat' bukit nak dapat line internet untuk PdPR.

Yang ketiga, tekanan rendah air di Kampung Moktan, Kubang Palas, Tualak, Pong, Lubuk Labi dan beberapa tempat lagi. Yang kempat, ada 7 Yang Berhormat, sikit lagi. Paip air asbestos berusia 30 tahun, kesian saya kepada orang Padang Terap nu. 30 tahun dah, kerap pecah Taman Desa Kenangan, Seri Kenangan, Kampung Baru Kuala Nerang melibatkan 400 buah rumah. Jadi, pohonlah diluluskan dan disegerakan, tukar paip asbestos ini kepada paip HDPE. Yang kelima, 8 daripada 14 buah tangki air di Padang Terap tak berfungsi. Jadi, mohon dibaiki, dikaji untuk digunakan. Yang keenam, banjir di Kampung Bendang kerana sistem saliran yang sedia ada sempit dan 'box culvert' yang sedia ada di jalan raya di depan Taman Saujana itu juga dah jadi sempit dan tak boleh nak tampung air. Nak pula ditambah dengan projek perumahan, lagilah masalah banjir kepada mereka. Yang terakhir, bekalan air bukit di Paya Terap, di Perik, di Tualak perlu dibantu. Akhirnya YB. Speaker, sekali lagi tahniah kepada Yang Amat Berhormat dan seluruh kepimpinan kerajaan negeri, para pegawai kerajaan yang telah melakukan yang terbaik dan menjadikan tidak ada sebab untuk kita menukar kerajaan pada pilihanraya umum yang akan datang.

Sekian, saya menjunjung kasih Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Tuan-tuan, kita ni dalam acara berbahas ucapan Tuanku Sultan. Jadi, kalau boleh cubalah kaitkan sikit apa ucapan tu, kita ulas di situ na?

Silakan YB. Derga!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Tuan Speaker. YB. Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, seluruh hadirin dan hadirat sekalian.

Melati kuntum tumbuh melata,
Sarang merbah di pohon cemara,
Salam muhibbah pembuka kata,
Izinkan saya mulakan bicara.

Terima kasih YB. Tuan Speaker kerana memberikan keizinan untuk saya membahaskan titah Diraja pada pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Kedah bagi Mesyuarat Penggal Ke 14 ini. Tema perbahasan kali ini ialah cabaran pengurusan pandemik ke epidemik ataupun endemik dan hidup bersama covid. Jadi, kita semua sedia maklum bahawa kesan pandemik Covid-19 yang berlarutan selama 18 bulan di Kedah telah membawa kesan mudarat kepada sosio ekonomi Negeri Kedah sehingga kehilangan nyawa dan juga kesakitan jiwa. Akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan yang berkali-kali diulangi dengan SOP yang membuatkan semua orang pening, ramai rakyat telah mengalami himpitan kewangan, ketakutan, perasaan tidak selamat, tekanan jiwa dan sebagainya. Ini pun kita tidak tentu bila nak tamat dan bila akan bertukar keadaan kita. Adakah ini hasil kerajaan yang tidak kompeten dan gagal?

Menjunjung kasih titah Tuanku saya berharap YB. Tuan Speaker dapat memberi ruang yang lebih untuk saya menyampaikan perbahasan saya yang mungkin merangkumi permasalahan semasa dan juga cadangan dalam 5 aspek utama iaitu kesihatan awam, masalah ekonomi rakyat, pentadbiran kerajaan dan PBT, isu perumahan untuk rakyat serta perubahan iklim dan kelestarian alam sekitar.

YB. Tuan Speaker, setakat 20hb. September 2021, jumlah kes terkumpul di Kedah adalah sebanyak 126,758 kes dan kadar kematian adalah 1.34% (1,688) kematian keseluruhannya. Selain itu, Kedah juga antara negeri yang mempunyai kadar penggunaan ICU yang tertinggi iaitu 97.5%. Yang lebih membimbangkan, seminggu kebelakangan ini iaitu kadar kematian di luar hospital harian atau 'Brought In Dead' yang dilaporkan di Kedah melebihi 65% secara puratanya. Sayang seribu kali sayang, Kedah merupakan negeri yang berwarna hijau tetapi dengan perintah PKP dan sebagainya, daripada hijau kita sudah bertukar menjadi merah. Yang ini sekali lagi menunjukkan betapa perlahannya dan juga kelemahan pengurusan Kerajaan Kedah di bawah pimpinan YAB. Jeneri memerangi, melawan Covid-19. Kalau kita nak gambarkannya sebagai satu peperangan, saya rasa kita sudah lama dijajah lah. Secara ringkasnya, sistem pendaftaran dan kawalan MySejahtera yang celaru, bekalan vaksin yang lambat, agihan yang tidak seimbang, kadar vaksinasi yang rendah, kaedah pengurusan yang kurang efektif dan tidak menepati sasaran….(YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Derga nak bagi ka dak?

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tindakan dan gerak kerja yang bersifat silo di antara jabatan-jabatan, kekurangan penerangan yang saheh kepada rakyat dan sebagainya telah membawa situasi masalah tersebut di atas. Ini masalah. Masalah ini menggadaikan nyawa dan jiwa rakyat Kedah. YB. Tuan Speaker, saya habiskan dulu boleh tak, nanti saya bagi.

YB. TUAN SPEAKER

Ha…Nanti dia habiskan sikit.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Nak habis 'teqa' mana?

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Habiskan untuk vaksin inilah sebab masa ini, masa suntuk.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Daaakkk…. Nak tanya, bila habis tak boleh tanya…

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tak pa! Tak pa! Duk saaatt… Tuanku bertitah agar kadar vaksinasi dipertingkatkan dan juga minta supaya pihak kerajaan memikirkan langkah sewajarnya. Jadi, saya ingin bertanya YAB. Jeneri, apakah inisiatif kerajaan selepas ini? Sebab sekarang masalah akibat daripada pandemik ini, jadi kita vaksin masalah tadi, kita ada SOP, SOP yang selalu buat orang pusing, pusing mai pusing situ, boleh kita cuba kereta tetapi pusat membaiki kenderaan tak boleh buka. Ini masalah. Tadi ada masalah dari segi pengurusan jenazah, tapi yang ni miskin dan tak dapat diuruskan. Saya temui rakyat yang mati tetapi tidak dapat diuruskan dan minta bantuan Penyelaras DUN dan Penyelaras DUN kata, "tak ada peruntukan, cari YB. lah". YB. DAP kena bayar, tak pa, itu pahala saya, boleh, kita akan uruskan. Tapi lagi ramai, kita tak mampu, kerajaan mempunyai duit RM660 juta. Apa yang digunakan duit itu? Jadi, minta kerajaan tengok balik.

Yang ketiga, masalah pengesanan. YB. Tuan Speaker, pada Jun 2021 kita nampak pendaftaran masih lagi rendah, kurang daripada 30%, maka antara ahli pembangkang ini kita telah gerakkan semua sukarelawan untuk daftar dan kita nampak pendaftaran semakin meningkat. Saya nak cadangkan supaya kerajaan tengok cara ini, sekarang kita nampak buka untuk 'walk in' pun tak dak orang nak vaksinasi. Jadi, kita patut gerakkan semua jentera kerajaan yang sedia ada bersama-sama dengan masyarakat pimpinan, NGO ka, KRT ka dan sebagainya untuk pastikan semua rakyat dapat vaksinasi. Ini satu gerakan bersama bukan gerakan silo pihak kerajaan, kita pihak pembangkang bersedia untuk bersama-sama dan kita selalu di tapak. Jadi YB. Tuan Speaker, saya rasa PPV yang besar ini tak guna dah, boleh tutup dan jimat kos, bawa kepada MOVAC yang mobil ataupun 'upgrade', tambah baik klinik kesihatan supaya menyediakan perkhidmatan sebegini dan kita kena bersedia. Yang keempat, jika berlaku endemik ataupun epidemik, apa yang patut kita buat? Itu yang penting. Satu lagi, saya ingat pemberian vaksin ini ia hanya satu penawar, bukan satu ubat. Selepas ini apa yang patut kita buat? Satu lagi kelemahan kita ialah pengesanan. Pada tempohari YB. Menteri mengatakan kita ada 523 orang yang patut dikuarantin tetapi masih berkeliaran di kawasan. Kenapa ini berlaku? Antaranya seperti yang dinyatakan oleh YB. Pengkalan Kundor, banyak yang tak dapat terima bantuan makanan, kita terpaksa cari makanan. Bukan di kawasan Pengkalan Kundor saja tetapi di kawasan Derga dan kawasan Alor Setar, ramai yang tak dak termasuk yang terkena covid. Itu yang patut kerajaan tengok. Biar saya habiskan YB. Sungai Limau, nanti saya bagi.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Dah habis baru nak bagi!?

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Nanti! Nanti! Bagi! Jadi, pada 15hb. September, DAP dengan data yang kurang kita telah menyediakan satu cadangan bagaimana untuk kita mengharungi, ini satu proposal yang diserahkan kepada kerajaan, ini "Kertas Cadangan Kawalan Gelombang Jangkitan Covid-19 Untuk Negeri Kedah". Antara cadangannya ialah bagaimana kita nak pastikan 'tracking', pengesanan 'close contact' dan kita kena adakan semula, kita kena fikirkan bagaimana kita nak kuarantin mereka. Jika tak kuarantin, sama ada bina tempat baru ka, atau hotel-hotel sekarang yang menghadapi masalah ka, motel ka, kerajaan boleh gunakan duit untuk tambah baik dan jadikan tempat itu tempat untuk kuarantin jika ada pesakit-pesakit covid pada masa endemik atau epidemik. Bila dikuarantin, saya ingat bantuan itu perlu dijalankan. Apa yang berlaku di Kuala Kedah langsung tak dak bantuan, SOP keluar lambat. Apa rakyat nak buat? Jadi, SOP adalah salah satu garis panduan yang penting untuk kita hidup selepas ini. Jadi, rakyat kena ada satu SOP saja, jangan selalu tukar SOP. Biar satu SOP untuk rakyat supaya rakyat faham bila ia berlaku, bila you kata EMCO maka apa yang patut kita buat. Bila FMCO apa yang kita kena buat. Itu saja, jelas SOP. Seperti Tuanku Sultan bertitah bukan untuk agama saja tetapi untuk semua. Kita kena hidup balik semula seperti biasa, kita tak boleh hidup seperti ini, Sidang Dewan sama juga. Tapi apa yang kita kena buat, apa yang kerajaan perlu sediakan. Apa pelan yang patut disediakan, jadi kerajaan kena proaktif, bukan dia ada autopilot, bukan masa tu harap-harap covid ini mati sendiri dan kita hidup semula. Ini tak dak. Ok, silakan, ini untuk habis covid.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik, Terima kasih kepada YB. Derga dan komitmen YB. Derga untuk menawarkan ataupun pembangkang untuk menawarkan kerjasama dan rasanya kerajaan tidak pernah menafikan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh semua parti ataupun semua sama ada ADUN kerajaan ataupun ADUN-ADUN pembangkang untuk melaksanakan kerja membantu covid. Tadi disebut kerajaan negeri gagal kerana kematian yang tinggi, tapi kenyataan daripada YB. Tokai pagi tadi menjawab, yang paling tinggi hari ini kematian di Penang. Adakah Penang pun gagal? Terima kasih.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Speaker, terima kasih di atas soalan YB. Sungai Limau. Yang penting saya 'under' Kedah, saya IC 02, saya jaga Kedah tapi Penang bukan hak saya. Untuk umat manusia, kita harap semua sama untuk pastikan kita semua selamat. Penang tak selamat, kita pun ikut tak selamat. Silakan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Derga dan YB. Speaker. Cuma begini, adakah YB. Derga bersetuju sebenarnya kita sebagai pihak pembangkang adalah untuk 'check and balance' iaitu apa yang telah dibuat oleh pihak kerajaan, 'frontliner', pegawai kerajaan, itu semua baik.

Cuma ada beberapa kita punya kelemahan dan kita cuba auditkan kerajaan kita supaya benda itu bertambah baik. Sebagai contoh apabila YB. Derga sebut tentang PKPD iaitu SOP daripada MKN lambat, selepas 4 hari, masuk hari ke 4 baru dilaksanakan. Saya rasa terkejut dengan perkara ini, PKPD di semua tempat dah berlaku banyak kali, tapi apabila berlakunya PKPD di Kuala Kedah, bila saya 'check' dengan MKN, dengan PDRM, PDRM tidak boleh membuat tindakan selagi mana tidak mendapat punca kuasa daripada MKN dan bila saya tanya MKN tidak ada keputusan. Sebab itu saya mencadangkan supaya Pengerusi MKN Negeri iaitu YAB. Menteri Besar untuk menalefon ke Putrajaya untuk selesaikan isu ini. Sebabnya, bila SOP itu tidak dikeluarkan dan PKPD telah dibuat serta sekatan oleh pihak PDRM, menyebabkan rakyat di bawah sana, oleh kerana kedai-kedai tidak dibenarkan beroperasi, lori-lori tak boleh dikeluarkan, mesin padi 'everyting'. Maksudnya, 'essential' itu yang telah berlaku di Kuala Kedah itu amat penting dan perlu diselesaikan dengan segera. Perkara itu sudah sampai hari keempat, PDRM tidak boleh berbuat sesuatu, tindakan mereka tidak ada punca kuasa. Jadi kita minta supaya kerajaan negeri semak balik dengan Putrajaya, Kerajaan Federal iaitu Kementerian Kesihatan, Majlis Keselamatan Negara dan juga PDRM di Pusat supaya pentingkan isu ini. Rakyat tak boleh makan sebab itu naiknya "Bendera Putih", bukan saja-saja depa nak naikkan "Bendera Putih". Bila saya 'check' pula, PKOB pada hari keempat makanan tak dapat lagi depa tak boleh keluar. Jadi, saya harap YB. Derga mungkin adakah YB. Derga bersetuju perkara ini supaya kita nak membantu kerajaan, nak membantu kita tulis 'statement' untuk selesaikan isu masalah rakyat. Nelayan-nelayan di laut, bertan-tan, beratus tan ikan, tentang pertanian dengan orang tak boleh keluar 'millions of money' kita rugi kat situ (dengan izin). Terima kasih YB. Speaker.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Speaker, saya cadangkan supaya ulasan YB. Kubang Rotan dimasukkan dalam perbahasan saya. Ini satu masalah, betul. Kita perlu berfikiran jauh dan semua ini perlu ditukar. Saya nak masuk bab perumahan sebelum saya masuk kepada tekanan ekonomi. Untuk perumahan ini, kita ada beberapa flat yang kita dapat aduan, Flat Tongkang Yard yang najis sudah keluar terus ke dalam longkang akibat paip rosak. Banyak kerosakan-kerosakan yang berlaku di flat ini tak dapat diselenggarakan dan diuruskan sebab PKP. Saya tidak tahu apa sebabnya tetapi perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Siling jatuh di Flat Alor Malai, 'ducting pipe' jatuh terus, nasib baik tak kena orang, boleh mati kalau kena, tapi sampai sekarang tiada pembaikan. Saya minta dan cadangkan supaya YB. Exco Perumahan untuk lihat balik masalah ini dan flat-flat yang telah lama dibina. Saya ingat dulu kita pernah cadangkan supaya adakan satu 'engineering check' untuk dia punya stuktur, adakah ia selamat lagi untuk diduduki.

Isu yang kedua ialah pemilik di Flat Setia Jaya, disebabkan oleh PKP dan memerlukan wang, mereka nak minta cagarkan kepada pihak bank tetapi tak boleh buat sebab nama mereka tidak boleh dipindah milik. Yang ini perjanjian dibuat diantara kerajaan dengan pembeli. Mereka mengatakan bahawa ini tanah rezab Melayu dan tidak boleh dipindah milik kepada bukan Melayu.

Saya minta isu ni dapat diselesaikan secara dasar di mana sebenarnya kita ada tanah-tanah rezab Melayu dipegang oleh bukan Melayu dan sekiranya ditukar milik kepada Melayu sahaja ia akan jadi 'effect' Melayu itu akan berkesan maka dia tak boleh jual lagi kepada bukan Melayu, ini untuk 'protect'. Jadi, saya cadangkan supaya semua semua Flat Setia Jaya, Charok Nau dan pembangunan perumahan awam ini supaya tanah ini dipindah milik kepada pembeli yang telah membayar semua dan berilah kelonggaran sehingga jika mereka pindah milik kepada Melayu maka jatuh balik kepada Melayu maka itu tak jadi masalah. Tapi sekarang ini mereka tak boleh pindah milik tak boleh pinjam duit, terpaksa pinjam "along". Yang kedua terpaksa pinjam along disebabkan Pejabat Tanah tak buka, tak boleh buat urusan. Saya ada bertemu dengan seorang peniaga yang terpaksa membayar gaji semua pekerjanya dengan meminjam wang daripada 36 along dan sekarang terpaksa menjual rumahnya. 36 along dia pinjam duit untuk pusingan modal sebab dia tak boleh cagarkan rumahnya kepada bank. Bank tidak boleh buat urusan di Pejabat Tanah kerana Pejabat Tanah tutup. Jadi, urustadbir yang akan kita bincangkan nanti bagaimana selepas ini sekiranya bila berlaku pandemik. Jadi, perkhidmatan kerajaan kerajaan ini menjadi satu 'essential'.

Seperkara lagi adalah dalam urusan PPR perumahan ini, seperti Tuanku Sultan bertitah supaya kita ada kesinambungan untuk program-program ini. Kenapa PPR Jerlun perlu lagi tapisan baru, kalau tak salah saya untuk memilih pembeli-pembeli sebab rumah-rumah tersebut telah siap seberapa lama dah dan sekarang rosak dan perlu buang duit untuk dibaiki semula. Ini menjadi isu kenapa jadi begitu. Biar diteruskan dengan projek tersebut yang ada. Kemudian untuk projek PPR dalam keadaan pandemik covid ini ramai yang disahkan positif dalam kawasan perumahan flat. Mereka berkeliaran dan menyebarkan di kawasan tersebut sebab tempat itu tak cukup selesa dan tak cukup besar untuk mereka kuarantin di dalamnya. Sistem kuarantin ini kena tukar dan diperbaiki.

Bab ketiga saya nak masuk…..(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Derga ada 2 minit lagi!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tambah sikit lah YB. Speaker, sebab memang isu banyak, ramai yang tak dapat bahas minta saya bawakan isu ini. Kita ada kes rumah, kita ada kes strata MBAS. Ini pun rakyat mesej minta, "YB., minta bagitau dalam Sidang Dewan kita tunggu 'strata title' dari MBAS bangunan UTC sampai sekarang tak dak cerita. Apa ceritanya?" Pindah milik pun jadi satu isu. Adakah ini disebabkan oleh pandemik? Saya ingat KPI kita ini seperti yang termaktub dalam buku "Kedah 2035" kita kena berfikir seperti yang dititahkan oleh Tuanku Sultan mungkin kita kena 're-structure' semula, kita kena tambahkan jentera kerajaan untuk susun semula supaya memenuhi hasrat rakyat. Kita kena 'service oriented' bukan lagi 'money oriented' dan kita kena 'act' keberkesanannya 'efficiency' seperti 'corporate' untuk bantu rakyat bagi memastikan negeri kita masih lagi berkaitan dengan pembangunan

ekonomi. Kita tak berharap hanya satu pelaburan kemudian nak bercakap untuk 15 tahun tetapi kita perlu pastikan ini terus menarik perhatian orang ramai. Kita mempunyai simpanan RM660 juta, kita hanya keluarkan RM30.4 juta, YAB. Menteri Besar berasa bangga dengan kutipan-kutipan hasil tetapi rakyat merana, rakyat sakit. Adakah patut kita masih menekan untuk bayar cukai, bolehkah kita tangguhkan khususnya kepada sektor-sektor yang tak boleh dibuka selama 3 bulan contohnya salon, gunting rambut nak tutup, cuci kereta pun nak tutup semua mengatakan tidak dapat meneruskan. Levi yang tinggi, cukai yang tinggi oleh PBT, cukai tanah, sewa dan sebagainya.

Jadi, saya ingat dalam bidang kuasa kerajaan, semua bayaran, lesen perniagaan, lesen iklan dan sebagainya semua boleh minta PBT untuk tengok balik supaya boleh ditangguhkan ataupun dikurangkan ataupun dikecualikan untuk tahun ini sebab langsung tidak boleh menjalankan perniagaan, hanya untuk membantu balik. Sebenarnya kita kena fikir, bila rakyat makmur saja penghuni negeri makmur, jika rakyat tak makmur, rakyat semua rugi mana cukai pendapatan kita? Jadi, itu isunya. Kita ada RM660 juta, kita difahamkan semalam dikatakan program-program tak dapat dilaksanakan sebab PKP. Kita ada bejet untuk program-program seperti ini. Sekiranya kita perlukan kelulusan Dewan, biar awalkan Sidang Dewan, tambahkan Sidang Dewan, pembangkang akan sokong sekiranya pihak kerajaan nak keluarkan lebih duit untuk bantu rakyat. Ini sama dengan Persekutuan, Persekutuan bercadang untuk menaikkan had pinjaman daripada 60% hingga 65%. Dalam keadaan genting seperti ini pinjam duit untuk bantu rakyat itu adalah tugas kita untuk pastikan rakyat semua tidak sengsara, untuk pastikan ekonomi kita akan terus meningkat. Simpan duit tak guna jika nyawa hilang.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Cadangan YB., adakah YB. bersetuju sekiranya kerajaan negeri….YB. Speaker, minta maaf. Adakah YB. Derga bersetuju sekiranya kerajaan negeri mengeluarkan untuk membelanjakan RM100 juta kepada Negeri Kedah untuk ‘estimalate’ ekonomi dan juga memerangi pandemik covid.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Speaker…..(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Derga telah lebih masa 4 minit dah.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tak dak…tadi 35 kan? 4 minit lagi, 4 minit habis dah?

YB. TUAN SPEAKER

Masa sudah tamat!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Speaker, satu saja tadi soalan tu. Saya bercadang nak RM200 juta diluluskan untuk bantuan rakyat sebab banyak lagi perkara yang perlu kita lakukan sebab pengangguran di Negeri Kedah kita ada seramai 9,500 orang yang menganggur dan mengikut MYFutureJobs, ada lebih 1 juta yang daftar. Apakah tindakan kerajaan untuk membantu penganggur-penganggur ini? Selain itu, kita ada beberapa isu dan saya berharap YB. Tuan Speaker beri masa lagi 2 minit untuk saya. Ini berkenaan dengan apa yang Tuanku Sultan titah mengenai perubahan iklim……(YB. Sungai Limau Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Mungkin boleh hantar secara bertulis kut cadangan tu.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Perubahan iklim dan penyelesaian alam sekitar yang begitu penting untuk kita tengok ke hadapan. Sebab tragedi ini berlaku di Yan, yang ini kita tidak boleh katakan luar biasa tetapi kita mahu kerajaan mengkaji apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Dari Yan menuju ke Tanjung Bendahara, saya sangat terkejut kerana monyet merata-rata, saya terfikir itu hutan ataupun kota sehingga rakyat takut bersua. Saya nak maklumkan di sini sebab satu taman di Alor Setar terdapat monyet. Adakah disebabkan penerokaan hutan menyebabkan habitat telah ditukar dan monyet tak boleh tinggal di hutan, terpaksa duduk di bandar. Bandaraya seperti teguran yang telah dititahkan oleh Tuanku disebabkan tidak ada pengendalian daripada segi lanskap, rumput dan sebagainya. Itu adalah yang penting maka saya nak ambil ayat 41 dalam surah Ar-Rom berbunyi;

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ لِيُذِيقَهُم
بَعْضَ ٱلَّذِى عَمِلُوا۟ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Yang bermaksud, *"telah nampak kerosakan di darat dan di laut kerana perbuatan manusia"*

Jadi, janganlah pula kita menjadikan sebahagian daripada yang saya sebutkan itu.

YB. Tuan Speaker, bagi saya 1 minit untuk menghabiskan semua ini. Jadi, minta PBT lihat balik semua apa yang ditegur oleh titah Tuanku. Titah Tuanku ini memang telah menyuarakan hati rakyat kita.

Jadi, saya berharap juga pihak PBT melihat balik semua daripada segi kelulusan permohonan untuk mempercepatkan serta permudahkan dan kurangkan caj pemajuan supaya kita boleh menggalakkan dan memberi peluang untuk memulakan semula bisnes kita kerana jika tidak Alor Setar akan menjadi "bandar mati" dan malam memang tak dak orang di Alor Setar.

Akhir kata YB. Tuan Speaker, saya ingin memetik mutiara kata Ahli Falsafah terkenal China, iaitu Confucius yang menyebut, "kita sebagai pemimpin mesti lebih berasa bimbang sebelum rakyat berasa bimbang", (dengan izin) "xian tian xia zhi you er you hou tian xia zhi le er le". YB. Tuan Speaker, yang ini kita perlu jaga betul-betul. Sebaik-baiknya apa yang perlu kita lakukan terbaik untuk rakyat dulu bukan untuk diri kita sendiri. Jadi, biarlah kita sama-sama turun ke bawah melihat apa yang berlaku demi kemakmuran dan kesenangan kepada rakyat.

Bunga dedap di atas para,
Anak dusun pasang pelita,
Andai tersilap tutur bicara,
Jari disusun maaf dipinta.

Sekian, patik turut menyokong usul menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Sultan Kedah. YB. Tuan Speaker, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat, 'constraint' saya masa saja, bab lain tak timbul. Jadi, saya mintak maaf lah kadang-kadang keras sikiiiit…Tapi baguslah saya dengar dengan ayat Al-Quran lah, dengan 'confucius' lah semua ada hari ni.

Silakan YB. Kuala Ketil!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahi robbil 'alamin wassola tuwassala mu'ala asyrofil anbiya iwal mursalin waála alihi wasohbihi ajma'in.

YB. Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar Kedah, Ahli-Ahli Yang Berhormat, YB. Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri, YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Pegawai Penasihat Undang-undang dan seterusnya ketua-ketua jabatan yang dirahmati Allah sekalian.

YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Derga bercakap panjang, masa cukup panjang, YB. Speaker pun bagi masa panjang. Ini membuktikan keterbukaan kita kepada kehendak-kehendak Yang Berhormat. Terima kasih YB. Speaker. Tapi saya pun hairan, sekarang ini YB. Derga cukup prihatin dengan masalah yang berlaku kepada kerajaan. Dulu dak pun.

Terlebih dahulu marilah kita bersyukur kepada Allah s.w.t atas limpah kurnia dan rahmat kasih sayangnya dapat kita dipertemukan pada Sidang kali ini, Mesyuarat Kali Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke 14. Memetik kata-kata daripada Khalifah Saidina Abu Bakar As-Sidik, *"tidak ada manfaat dari wang jika tidak dibelanjakan di jalan Allah. Tiada kebaikan dalam diri seseorang jika kebodohannya mengalahkan kesabarannya".* Kebetulan datang ke Sidang pagi ini, saya buka Radio Kedah dalam "Sentuhan Dhuha" ada 7 perkara disampaikan, saya ambil 2 perkara saja. Pertama, kita selalu bercakap tentang perkara remeh, marilah kita bercakap tentang perkara-perkara besar. Yang kedua, kita selalu mencari kesalahan orang lain, kita tak pernah nampak kesalahan kita. YB. Speaker, antara dua, boleh kut no?

YB. Tuan Speaker, Alhamdulillah, saya merumuskan titah ucapan Tuanku pada Sidang kali ini merumuskan beberapa keutamaan, saya berikan 3 keutamaan. Yang pertama, apa yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan takkala kerajaan sedang berdepan dengan isu pandemik Covid-19. Yang keduanya bagaimana usaha kerajaan menambah baik peranan dan fungsi kerajaan. Yang ketiganya kesepakan ahli-ahli politik berganding bahu untuk membangunkan negara dan negeri melebihi kepentingan peribadi. Saya akan ulaskan dua perkara tadi dalam beberapa tajuk yang saya kira ada 14 tajuk. InsyaAllah boleh habis.

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua 'frontliner' kita yang telah menyumbangkan, memberi khidmat bakti dalam menguruskan pandemik Covid-19 yang melanda negara kita ini khususnya kepada KKM, ATM, PDRM, APM dan semua yang berkhidmat secara langsung ataupun tidak langsung yang memberikan khidmat menguruskan urusan-urusan yang berkaitan dengan pandemik Covid-19. Syabas dan tahniah kepada kerajaan dalam menghadapi tempoh pandemik yang terlalu panjang sehingga ke hari ini kerajaan masih lagi mendapat pencapaian-pencapaian membanggakan khususnya dalam pelaburan yang sangat tinggi, meningkatkan bantuan seperti bakul makanan, pinjaman perniagaan, bantuan tunai serta perubatan yang mencecah hampir RM32.4 juta. Inilah merupakan usaha kerajaan yang tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak dan juga membuktikan kerjasama yang jitu khususnya daripada pegawai-pegawai kerajaan negeri.

YB. Tuan Speaker, dalam tempoh pandemik Covid-19 ini, industri pelancongan adalah industri yang paling teruk terjejas akibat dalam tempoh. Ini termasuk rantaian-rantaian kepada pelancongan itu sendiri termasuklah pengangkutan, kedai cenderahati, syarikat pelancongan malah kepada pemandu pelancong itu sendiri. Kalau di Gunung Baling di panggil "malim gunung", hat duk bawa orang naik gunung tu, yang tu pun terjejas teruk. Sektor pelancongan ataupun 'trouble bouble' di Langkawi telah dirasmikan pada 16 September. Alhamdulillah, tahniah dan syabas kita ucapkan kepada usaha Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri atas sokongan ini. Saya memetik kata-kata Menteri Pelancongan Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, "keputusan ini membolehkan pelan pemulihan pelancong dilaksanakan secepat mungkin.

Saya yakin, pembukaan pelancongan domestik yang akan dibuat secara berperingkat dalam fasa ini dapat memberikan sinar buat penggiat industri pelancongan" dan saya memetik kata-kata YAB. Menteri Besar Kedah, "tahun 2020 Langkawi telah mengalami kerugian sebanyak RM700 juta dibandingkan jumlah pendapatan pada tahun 2019 iaitu RM1.7 billion. Kerugian disebabkan oleh penularan wabak Covid-19 yang menjejaskan kesihatan awam dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi global. September 2021 sebanyak 136,000 pemberian vaksin telah diberikan kepada Langkawi untuk nak mencapai target ini. Pelan jangka pendek yang telah dilancarkan iaitu "Tourism Recovery Plan (T-REC - 2021 – 2022). Melalui T-REC ini, LADA (Lembaga Pembangunan Langkawi) dengan sokongan agensi serta pemain industri sedang mempersiapkan Langkawi untuk mengembalikan keyakinan kepada sektor pelancongan. Seterusnya LADA mengambil tindakan awal dengan melaksanakan 3 anisiatif termasuk program MySafe Langkawi, Hotline Pembukaan Semula Langkawi dan Market Place iaitu mempromosikan pakej pelancongan. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kerajaan juga telah membelanjakan satu jumlah yang besar dalam aspek sewaan dewan, sewaan khemah dan kerusi, sewaan komputer dan peralatan serta makan minum petugas yang hampir RM567,000 dibelanjakan oleh kerajaan untuk memastikan pelancongan Langkawi ini berfungsi seperti sediakala. Syabas saya ucapkan kepada kerajaan.

Pada hari ini saya nak minta perhatian daripada pihak kerajaan juga bahawa bukan setakat di Langkawi sahaja mempunyai faktor-faktor untuk pelancongan malah di seluruh daerah juga mempunyai tempat-tempat yang harus apabila dibuka semula Kedah selepas Fasa 1 mempunyai persediaan untuk menghadapi sektor pelancongan ini bergerak aktif semula. Yang pertama saya bagi contoh di Kubang Pasu kita ada Tasik Darul Aman, ada Fantasia Theme Park dan Bukit Mok Cun. Di Pokok Sena kita ada Bukit 888 dan Tapak Warisan Bukit Lorek, di Padang Terap kita ada Sembilang Agro Farm, Gunung Fakir Terbang, Pedu Lake. Di Sik kita ada Organic Paddy Farm, kita ada Tasik Beris dan kita ada Ulu Muda. Pendang kita ada Tasik Pendang, Telaga Gajah dan Bukit Perak. Sat YB. ya, bagi saya habis dulu YB. tanya. Baling…. Baling banyak sikit lah sebab tempat kita kan? Air Panas Ulu Legong, Lata Bukit Hijau, Gunung Baling, Lokasi Peristiwa Rundingan Baling, gua-gua prasejarah, Sungai Baling dan Terowong Komunis, (Terowong Komunis memang popular oooo..). Di Kulim kita ada Gunung Bintang, Tree Top Walk, arus deras. Kalau YB. Kulim dia suka jadikan Buah Kulim sebagai salah satu tarikan industri pelancongan, terima kasih YB. Kulim. Bandar Baharu ada "Duri Hitam", Farm Stay Relau, Kuala Muda ada Sungai Batu Arkeologi, Tanjung Dawai. Yan, Pulau Songsong, Pulau Bidan dan Gunung Jerai. Kota Setar ada Muzium Padi, Gunung Keriang, Pulau Payar dan Bandar Warisan serta sawah padi yang cukup luas sebagai menggamit kepada pelancongan. Ingin saya nyatakan di sini bahawa apabila kita beralih daripada Fasa 1 ini sudah tentulah lokasi-lokasi ini akan menjadi tarikan kepada pelancong dan kerajaan kena bersedia mengarahkan daerah-daerah untuk mengenal pasti bagi memastikan bahawa tempat-tempat ini boleh dihadiri oleh pelancong-pelancong. Ya…YB. Kota Siputeh.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih YB. Kuala Ketil dan YB. Tuan Speaker. Tadi ada disebut tentang pelancongan di semua kawasan di Negeri Kedah ini termasuk Bukit Mak Cun, terima kasih. Bukit Kodiang dan di Kota Siputeh sebenarnya ada pelbagai jenis bukit yang sangat cantik. Jadi, tolong masukkan sekali lah dalam pelancongan di tanah besar ini. Terima kasih kerana tolong 'promote' pelancongan di tanah besar ini.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Ok, terima kasih YB. Kota Siputeh, saya masukkan sebahagian daripada perbahasan saya.

YB. TN. HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS

YB. Kuala Ketil… YB. Tuan Speaker dan YB. Kuala Ketil, bila YB. Kuala Ketil sebut tentang pelancongan di Negeri Kedah khususnya, saya tertarik dengan perbahasan oleh YB. Kuala Ketil terutamanya tentang kesan pandemik Covid-19 kepada pemain-pemain industri pelancongan. Jadi, setuju atau tidak YB. Kuala Ketil, kerajaan seharusnya memikirkan satu tindakan, kalau perlu satu peruntukan khusus untuk kita memberikan nafas baru terutamanya kepada pemain-pemain industri pelancongan di setiap daerah terutamanya kepada yang banyak terjejas. Kalau boleh contohnya di Baling, kita nak minta supaya pihak Exco Pelancongan (YB. Kuah) beri perhatian supaya kita berikan perhatian khusus kepada pelancongan di Gunung Pulai dan juga di Gunung Baling. Apabila Gunung Pulai sudah tidak dijadikan kuari, kita minta supaya pelancongan diberikan tempat di Gunung Pulai itu sendiri. Saya minta YB. Kuala Ketil untuk bersetuju dengan saya tentang usaha ini. Terima kasih.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Setuju Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat no, panjang daripada saya berbahas lagi.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

YB. Kuala Ketil, setengah minit! Setengah minit! Saya bimbang yang disebutkan oleh 'bouble' yang kita bincang tadi bagaimana isu 'bouble travel' ini kalau boleh YB. Kuala Ketil tolong nasihat kepada YB. Kuah, ini isu besar. Kita buka 'border' ini berpandukan kepada pengalaman New Zealand dan Australia YB. Tuan Speaker. New Zealand dan Australia buka 'border' dengan syarat 'no, zero', 'zero cases' baru untuk kedua-dua negeri ini. Kita buka Langkawi YB. Kuala Ketil, kita tak tau lagi sama ada adakah penduduk di Langkawi termasuk YB. Speaker, penduduk Langkawi adakah kita tidak ada 'zero cases' baru kerana kalau kita tidak ada 'herd immunity' di Langkawi kita benarkan orang luar masuk ke Langkawi, takut-takut, kita 'check' orang yang nak masuk Langkawi, takut-takut orang kita sendiri yang akan dijangkiti ataupun kita berikan covid kepada orang yang akan masuk. Jadi, minta YB. Kuala Ketil, kita 'excited', betul 'excited', tapi padah kepada orang Langkawi ini kena jaga betul-betul. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih kepada YB. Gurun, sahabat saya yang selalu dia bercakap saya celah, saya bercakap dia celah. Itulah juga sebahagian daripada ucapan saya sebenarnya selepas ini YB. Gurun. Memang saya nak pastikan kerajaan memastikan bahawa SOP yang ketat dilaksanakan. Walaupun kita buka sektor ekonomi, sektor pelancongan, tetapi SOP ini kita tak boleh abaikan. Walaupun selepas ini kita dalam fasa endemik tetapi SOP ini tetap dilaksanakan kerana kita tak tahu, kita tak nampak musuh di sekeliling kita. Setuju YB. Gurun no?

Saya teruskan perbahasan saya. Seterusnya adalah sektor makanan, iaitu apa yang sedang dibuat oleh kerajaan hari ini dan seterusnya kerana sektor makanan adalah sektor yang penting kerana dalam waktu covid ini ia adalah merupakan 'security food'. Mana-mana negara yang mempunyai sumber makanan ia boleh 'survive' boleh ada kelangsungan kehidupan. Tetapi mana-mana negara atau negeri yang tidak ada sumber makanan dalam menghadapi pandemik ia akan terjejas teruk. Inilah yang kita nak perlu jaga kepada Negeri Kedah ini yang dikenali dengan "Negeri Jelapang Padi" sudah tentulah kita ada satu jaminan kelangsungan makanan negeri ini. Kita jadikan ia 'security food' supaya rakyat boleh 'survive', boleh berdikari, boleh meneruskan kelangsungan hidup walaupun dengan keadaan musibah yang cukup panjang. Walau bagaimanapun, saya yakin dengan kerajaan hari ini sudah mempunyai perancangan jangka panjang dalam sektor pengembangan pertanian dan juga sektor asas makanan. Saya nak ucapkan syabas hari ini kerana dalam tempoh pandemik sampai ke hari ini pun kerajaan meneruskan beberapa program berkaitan dengan pertanian.

Antaranya adalah program pembangunan industri padi, program pembangunan industri sayur-sayuran, program pembangunan industri buah-buahan, program pembangunan industri tanaman kontan dan makanan ternakan, projek industri kopi, projek industri cendawan, projek industri lebah madu dan kelulut, program pembangunan tanah terbiar, program pembangunan industri asas tani dan program pembangunan pertanian komuniti. Di samping itu juga, ada beberapa program yang ditawar kepada pengusaha-pengusaha muda, syabas juga kepada kerajaan kerana terus membantu golongan-golongan usahawan muda untuk terus berdikari dalam sektor pertanian dan asas makanan. Antaranya adalah projek tanaman, disediakan 9 projek, perikanan 5 projek, ternakan, 4 projek, industri asas tani 4 projek, pemasaran, perkhidmatan dan input sokongan pertanian, agro pelancongan dan juga agro teknologi. Ini membuktikan bahawa kerajaan hari ini cukup komited untuk membantu rakyat dalam usaha-usaha mengembang asas makanan kepada negara kita. Dengan kaedah-kaedah ataupun apa-apa tawaran yang diberikan oleh kerajaan hari ini, saya ingin nak menambah kepada usaha-usaha yang perlu ditambah oleh kerajaan untuk memastikan segala apa yang diusaha ini mencapai objektifnya.

Yang pertama ialah memperkasakan semula tempat pengumpulan hasil pertanian dan buah-buahan sepertimana kita pernah laksanakan pada 2008 dahulu kita perkasakan semula sebagai tempat kita nak kumpul buah-buahan ini untuk dipasarkan kepada orang ramai. IKS hasil pertanian seperti mengetin buah-buahan, kita ada banyak buah-buahan dalam daerah kita, kadang-kadang sampai tak larat makan. Jadi, kita kena adakan IKS-IKS untuk usaha mengetin buah-buahan contohnya buah rambutan kita tinkan dan pasarkan ke luar. Menambah baik kawasan pertanian di luar skim, di dalam setiap daerah kita ada beberapa kawasan pertanian yang di luar skim, tempat-tempat ini kadang-kadang tidak terurus, kadang-kdang bantuan JPS hanya setahun sekali untuk saliran, Jabatan Pertanian pun kadang-kadang setahun sekali. Kita minta diberi perhatian oleh kerajaan agar kawasan-kawasan ini diberi perhatian, kalau luar skim masuk ke dalam skim supaya memudahkan urusan penyaluran bantuan. Seterusnya adalah menyelenggara kawasan-kawasan pertanian sedia ada. Kita pun dapat maklumat tali air kawasan MADA ni kadang-kadang tak terurus. Jadi, kita minta juga perhatian daripada kerajaan untuk memastikan senggaraan kawasan-kawasan ini berjalan dengan baik.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuala Ketil, ada 2 minit lagi.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

2 minit lagi? Tadi YB. Speaker cakap 5 minit, kenapa 2 minit tinggal? Seterusnya YB. Timbalan Speaker, saya nak menyentuh isu tempatan iaitu isu tanah. Di Baling sahaja kita mempunyai Hutan Simpan Rimba Teloi seluas 626.60 hektar yang diterokai oleh pertanian, Hutan Simpan Gunung Inas, kita ada 215.30 hektar diterokai untuk pertanian. Saya nak bangkitkan isu ini sebab sebahagian besar rakyat Baling khususnya, saya rasa di Sik pun sama, Padang Terap pun sama. Di Baling yang tinggal di kawasan-kawasan yang diterokai secara usaha oleh orang-orang tua terdahulu, 20, 30 tahun dahulu duduk di kawasan-kawasan hutan simpan. Saya mencadangkan kepada kerajaan hari ini untuk melihat perkara ini dan kalau boleh dapat cabut keluar daripada kawasan perhutanan dan boleh diberikan hakmilik dengan mengenakan syarat-syarat tertentu, syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan tetapi sekurang-kurangnya memberi hakmilik di tempat-tempat ini kalau kita lihat sekarang ini sudah ada dewan, sudah ada surau, sudah ada air, sudah ada api, jalan pun ada tetapi statusnya masih dalam kawasan hutan simpan. Jadi masalah kepada kita untuk nak buat pembaikan, senggaraan dan sebagainya. Sikit lagi YB. Speaker, boleh na? Sebab tadi YB. Derga boleh 5 minit.

Seterusnya saya nak bangkitkan tentang isu ketelusan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat kelmarin, banyak yang membangkitkan tentang ketelusan kerajaan sampai ada yang bercakap tentang YAB. Menteri Besar kita lah macam-macam. Ada juga kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat kita berkaitan satu posting pada 10hb. September 2021 bertajuk “Kerajaan Gagal di PKPD Kuala Kedah”, dalam satu posting tu. Saya nak bercerita kepada Yang Berhormat, saya pernah duduk dalam PKPD, saya duduk dalam PKPD, Taman Desa Mutiara, bukan setakat 2 minggu, sebulan! Sebulan na? SOP ada, saya

rasa memang SOP ada, tak taulah kalau Yang Berhormat kata lewat, saya pernah duduk di situ tapi saya tak letakkan diri saya sebagai Prebet dalam tu, jangan jadi Prebet, jadi Janeral. Sebab walaupun kita ada 1,200 rumah dalam tu kita boleh bincang dengan Pegawai Daerah untuk aturkan PKOB beroperasi dengan baik, kita boleh aturkan dengan KKM untuk vaksin seluruh penduduk dalam Desa Mutiara, semua divaksin termasuk Bangla dan Myanmar apa semua dalam tu lah. Saya pun bertugas dalam tu, tapi saya tak masuklah gambar saya bertugas dalam tu. Ada orang masukkan gambar semasa bertugas, saya tak masukkan gambar. Tapi kita boleh bantu KKM di situ dan saya boleh berbincang dengan YB. Ketua Pegawai Kewangan untuk menyalurkan peruntukan kepada PKPD. Saya boleh buat! Kita boleh 'realitilize' diri kita dalam tu walaupun PKPD, kita boleh bantu. Kita boleh bantu dengan NGO-NGO untuk menambahkan peruntukan barang bakul makanan. Yang Pegawai Daerah dapat RM700 ribu tu tak habis pun, NGO yang bantu banyak. Kita boleh buat cuma kita 'realitilize'kan diri kita, jangan kita terus bagi 'statement' "kerajaan gagal!". Baru 5 hari, kita sebulan duduk dalam tu dan di rumah pun orang datang ke rumah minta duit sebab ada orang tu dah 'lockdown' sementara nak dapat kerja, minta duit kita bagi. Tetapi kita janganlah keluarkan 'statement' terbuka yang konon-kononnya kita saja…(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuala Ketil, masa sebenar sudah habis…

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Habis dah na? Yang Berhormat cukuplah, Yang Berhormat terang lama dah tadi. Ini membuktikan di sini, tentang suasana dan fungsi kita sebagai wakil rakyat sebenarnya boleh kita buat. Jangan terus kita salahkan kepada kerajaan, sebenarnya kita boleh.

Dan akhir sekali, sat lagi tak dapat pulak sebab YB. Pegawai Kewangan duk sebelah, nak cakap lah ni. Masalah pembangunan infra, kami khususnya di Baling ni kemudahan infa minta-minta lah kerajaan beri perhatian sebab masih lagi ketinggalan. Walaupun kita dah sambut merdeka 64 tahun, sebahagian besar jalan-jalan di Baling, DUN Kuala Ketil masih lagi tidak berturap, lampu-lampu jalan masih kurang, titi kampung ni masih lagi banyak yang rosak, surau-surau masih ketinggalan. Ini adalah sebahagian infra yang saya katakan yang perlu diberi perhatian. Walaupun kita buat dah banyak tetapi rakyat kata, "banyak tak cukup, nak lagi". Kita dah bagi, kalau kita tak bagi dulu, depa tak kata apa, sekarang ni kita bagi, hat sebelah dia kata, "pasal apa dia dapat aku tak dapat". Haa….jadi kena banyak lagi lah, tu yang duduk sebelah Pegawai Kewangan Negeri.

YB. Timbalan Speaker, seterusnya berkaitan "air masyarakat". Saya senada dengan YB. Kuala Nerang tadi, kita di Baling ni masih lagi menggunakan "air masyarakat". Dalam buku ni pun masih ada jawapan pada Sidang DUN yang lepas YB. Gurun (sambil menunjukkan buku jawapan Penyata Rasmi) tentang isu "air masyarakat", kita cerita pada Sidang DUN yang lepas. Orang Pulau Pinang minum air 'free' daripada air yang mengalir dari sungai-sungai di Baling tapi orang Baling duk minum air masyarakat, sebahagian besarnya air masyarakat.

Bila kita bangkitkan isu ini, tunggu LRA siap 2023, jenuh nak tunggu. Jadi, kita mohonlah kepada kerajaan untuk memberi perhatian sebagai sebahagian daripada pembangunan infra kami, Bayu, Kupang dan Kuala Ketil di Baling lah khususnya.

Saya rasa itulah yang sempat saya sampaikan hari ini. Terima kasih saya ucapkan dan akhir kata saya menjunjung kasih dan menyokong penuh titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kuala Ketil. Seterusnya saya persilakan YB. Suka Menanti.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang untuk menjunjung kasih atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah yang telah merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Ke 14.

Saya awali perbahasan saya dengan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada 'frontliners' yang telah terlibat berperang secara langsung dengan malapetaka Covid-19 ini dan juga saya ingin mengucapkan syabas kepada rakyat Kedah yang telah menunjukkan pematuhan kepada SOP melebihi 90% sepanjang tempoh PKP, PKPD, PKPP dan beberapa siri daripada siri-siri PKP ini, syabas kepada rakyat Kedah. Juga tidak ketinggalan untuk saya ucapkan salam takziah kepada seluruh keluarga korban kematian Covid-19 bagi Malaysia telah pun mencecah 24,000 pada kelmarin dan bagi Negeri Kedah telah pun mencecah 1,696 mangsa korban kematian Covid-19 yang saya ingin ucapkan takziah kepada mereka semua dan bilangannya adalah sangat tinggi. YB. Tuan Speaker, sehingga Julai 437, sepanjang bulan Ogos saja 458 dan bulan September ini akan mencecah 1,000. Setakat sekarang ini dah 799 korban Covid-19 di Negeri Kedah untuk bulan September. Apa yang saya ingin sebutkan ialah majoriti besar mereka ini saya kenal, kawan-kawan dalam Suka Menanti, Alor Setar yang saya kenal, adik-beradik, kebanyakannya adalah golongan kelompok B40 yang sangat terkesan dan sangat terasa beban dengan ujian yang tragis ini. Lebih-lebih lagi bukan saja B40, ketika Covid-19 sedang menyerang Malaysia ini, 580,000 isi keluarga yang sebelum ini adalah M40, pendapatan mereka antara RM5,000 – RM11,000 pun telah jatuh ke dalam 'group' B40. Jadi, kita dah bukan lagi M40, tergelincir hampir kepada B40.

YB. Tuan Speaker, apa yang ingin saya utarakan dalam perbahasan ini ialah trauma kehilangan keluarga dan kasih sayang mereka ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan harus semak keberkesanan program menangani trauma kematian ini. Walaupun dah ada, disebut rangkaian program tadi, saya minta disemak keberkesanannya kerana dalam masyarakat masih terlibat mereka-mereka yang kemurungan akibat daripada kejadian yang tragis ini.

Yang keduanya saya juga ingin mengajak supaya YAB. Menteri Besar dari Jeneri dan juga seluruh Kerajaan Pas Kedah untuk melihat kos yang terlibat kepada keluarga yang kematian di hospital seperti saya perbetulkan tadi bukan 'charge' oleh hospital tetapi 'charge' yang dikenakan ketika kita nak bawa keluar dari hospital. Ketika 'sesak' macam tu, agak susah dan sukar bagi mereka untuk menyediakan amaun yang mengejut itu. Akhirnya selesai juga sebab tarik sana sani, kawan-kawan pakat tolong boleh selesaikan isu itu, belum lagi termasuk kos pengebumian di tanah perkuburan. Yang berkaitan dengan korban ini juga saya ingin sebutkan seperti yang telah diperjelaskan, 80% kematian 'Brought In Dead' ini kerana mereka ini tiada kaitan dengan vaksin ataupun tak lengkap vaksinlah YB. Tokai, 1 ataupun tak lengkap ataupun 2 belum cukup 2 minggu dan sebagainya 80%. Yang itu usaha kita akan berjaya bila vaksin itu semakin meningkat dan benda itu kita boleh tengok dia punya 'decline' peratus ataupun bilangan kematian 'Brought In Dead' ini dari semasa ke semasa. Jika itu betul teori kita, akan turunlah pada bulan ini. Setakat sekarang vaksin hanya baru nak 'cross' 50% keberkesanannya belum jelas dilihat, jadi kita akan tengok ke depan.

Saya nak sebut satu lagi ialah 14% disebutkan tadi adalah kerana mereka yang 'Brought In Dead' tiada akses kesihatan ataupun sebelum ini tak menerima rawatan dengan baik. Yang ini saya rasa kerja kita, bukan kerja tiga empat orang, bukan kerja YB. Tokai seorang, saya rasa kerja kita semua 36 orang dan pegawai-pegawai untuk pastikan rakyat Kedah ini mendapat kempen kesihatan, menerima menerima rawatan mengikut kesesuaian penyakit yang mereka ada sebab ini kerja kita kerana kesihatan itu adalah hakmilik setiap insan dan juga kesihatan adalah antara dua perkara nikmat yang selalu dilupakan. Perkara ini berkaitan dengan vaksin. Vaksin ni saya tak mau sentuh sebab tadi ramai dah yang sentuh tentang bagaimana 'slow and steady'nya di Kedah ini dan akhirnya sekarang ini kita dah capai. Kalau untuk Malaysia telah pun mencapai 57.5% daripada 'population' ataupun 80% untuk 18 tahun ke atas untuk Malaysia manakala Kedah sekarang ini 45% untuk keseluruhan dan 64% untuk dewasa sahaja.

Jadi, kita sedang menuju kepada 64% dan juga 80%. Alhamdulillah, ICU kita juga, ha…ini pun kerja berat yang ditanggung oleh YB. Tokai selama ini. Alhamdulillah, semakin berkurangan tekanan kepada ICU. Saya lihat tadi laporan sekarang adalah 92%. Yang saya nak dapatkan perkembangan ini ialah bila saya lihat tentang vaksin ini khususnya YB. Tokai, jumlah 'figers' besar tadi ok dah, 18 ke atas kita hanya perlu cari sekitar 17% lagi rakyat Kedah yang belum vaksin. Nak kata tak tau sebenarnya kita boleh cari, kalau kita tanya, kita sebarkan tugas ini kepada semua orang mungkin kita boleh cari siapa 17%. Yang saya nak tanya, sekarang ini sebab kepada umur 12 sehingga 17 tahun ini adalah kelompok yang akan terlibat secara agresif dalam masyarakat di mana mereka akan keluar ke sekolah dan sebagainya selepas ini. Saya tengok di Kedah ini kalau saya bandingkan data yang ditunjukkan oleh 'Covid Now' itu, lebih kurang macam 30,000 setakat ini telah menerima 'first dose' remaja kita 12 hingga 17 tahun sekitar 1,500 sahaja yang dah lengkap 2 dos, ini proses baru. Saya sebut sebab proses ini baru, kita masih lagi berupaya untuk meningkatkan bilangan ini sebagai ingatan kita bersama.

Jadi, saya nak tanya, apakah inisiatif pihak kerajaan untuk memastikan lebih ramai segera mendaftar 12 hingga 17 tahun, saya takut ada anak ADUN pun yang tak daftar lagi, segera mendaftar dengan MySejahtera. Kemudian dah mula ada 'walk in' sekarang ini, itu bagi yang sedar dan berminat dengan vaksin. Tetapi yang saya nak bertanya ini ialah bagi mereka yang belum mendaftar, mungkin juga kurang minat, mungkin juga dihasut oleh pelbagai media ataupun maklumat yang salah itu. Jadi, apakah kempen yang akan dilakukan oleh Kerajaan Kedah untuk memastikan lebih ramai remaja ini segera mendaftar? Sebab yang sakit dan meninggal pun bukan sahaja orang dewasa dan tua-tua tetapi termasuk juga kelompok 12 hingga 17 tahun ini.

YB. DR. SALMEE BIN SAID

YB. Timbalan Speaker, terima kasih YB. Suka Menanti. Saya nak tanya tentang guru-guru yang anti vaksin ni. Apakah tindakan kerajaan untuk memastikan semua guru di Negeri Kedah ini divaksinkan? Terima kasih.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok, Alhamdulillah, terima kasih kepada YB. Kota Siputeh. Memang kita minta supaya diadakan usaha untuk memperjelaskan, memperkenalkan ataupun kempenlah supaya semua orang menerima vaksin. Termasuklah yang saya nak bertanya kepada pihak kerajaan khususnya YB. Exco Agama. Apakah fatwa di Kedah ini untuk mengambil vaksin masih lagi bersifat harus? Apakah fatwa yang dibuat sekian lama iaitu berbulan-bulan dulu ataupun dah 2 tahun bersifat harus untuk mengambil vaksin di Negeri Kedah dan kalaulah masih bersifat harus, saya ada pertanyaan daripada kawan-kawan yang terdiri daripada AJK dan pegawai-pegawai masjid ialah bagaimana cara mereka nak jawab. Bagaimanakah jawapan yang sewajarnya perlu diberikan pegawai masjid ini kepada anak kariah yang dihalang daripada masuk ke masjid jika mereka tak mengambil vaksin? Sedang kan fatwa kata harus, tapi tak bagi masuk. Setakat tak bagi duduk, makan di kedai tu boleh gagah lagi tapi tak bagi masuk masjid sedangkan fatwa tu harus. Mungkin YB. Exco Agama boleh tolong semak balik apa yang perlu dibuat.

Yang kedua berkenaan dengan masjid, tumpang dah cakap pasal masjid, YB. Exco Agama pun duk tulis tu. Saya nak bertanya, apakah ada perancangan Kerajaan Kedah untuk membuka ruang solat Jumaat ini di lebih banyak tempat supaya tidak berhimpun besar, sekarang ini 100 ke 115 itu dah cantik dah, kalau nak besarkan pun kepada 200, tapi kalau nak ramaikan lagi sembahyang mungkin perlu buka ruang di tempat lain dan sebagainya supaya lebih ramai yang dapat terlibat dalam solat ini. Itu antara yang ingin ditanyakan.

Ketiganya YB. Tuan Speaker, ialah berkenaan dengan SOP. Saya melihat ada teguran daripada Kebawah Duli yang Maha Mulia Tuanku Sultan tentang Standard Operating Procedure (SOP) yang perlu dibina dengan lebih berkesan. Bagi saya mudah saja, SOP ini adalah untuk kita kenal pasti individu positif Covid-19 dan SOP adalah untuk tutup atau 'stop' penularan. Bila kita buat SOP kerana kita nak tutup pintu penularan. Jadi, itu SOP yang harus kita buat, sebab itu mereka-mereka yang terlibat dengan SOP ini, pegawai-pegawai

dan juga pihak kerajaan yang terlibat untuk menyediakan SOP ini, mereka harus ingat sebenarnya kedudukan mereka cukup tinggi. Kalau Menteri Besar ini dia seolah-olah adalah Pengerusi kepada Jawatankuasa Fatwa SOP Negeri. Sebab membina SOP yang boleh 'stop' pintu penularan. Jadi, bila orang ikut SOP itu maksudnya dia tutup pintu penularan, kalau dia langgar SOP dia buka pintu penularan. Jadi, kita harus ingat itulah SOP yang disebut, jadi kita jangan permudahkan. Saya tak sukalah, selalu pihak kerajaan suka kata, "kita akan melonggarkan SOP". Ia bukan melonggarkan SOP, sebenarnya kita menyediakan SOP yang lebih berkesan dengan suasana yang ada. Ijtihad ini bukan buat sekali pakai 2 tahun, kena sentiasa 'tajdid', sentiasa diperbaharui supaya SOP itu benar-benar menepati syarat ataupun kehendak yang ada. Teguran daripada KDYMM Tuanku itu harus kita ambil perhatian. Kalau boleh saya menyeru supaya kerapkanlah mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri yang mengikut rekod dalam jawapan bertulis yang diberikan, untuk tahun ini takdan mesyuarat baru sekali, yang lain semuanya sesi perbincangan. Kerapkanlah mesyuarat supaya SOP itu kita boleh buat dari semasa ke semasa lebih sesuai, bukan melonggarkan SOP tetapi menyediakan SOP yang lebih berkesan. Silakan YB. Gurun.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

YB. Tuan Speaker, YB. Suka Menanti, saya nak tanya YB. Suka Menanti kalau boleh usulkan pandangan saya ini kepada kerajaan. Saya setuju supaya SOP itu dilihat kembali tapi yang saya nak bangkitkan ini ialah setujukah YB. Suka Menanti dengan saya kalau saya katakan bahawa oleh kerana kita akan bergerak kepada endemik, sedikit hari lagi pendemik 'can over', maknanya sekarang ini rakyat sedang menanti apakah tindakan kerajaan bagi membantu merancakkan ekonomi untuk kembali kepada keadaan normal termasuklah seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan dalam isu pelancongan contohnya. Sekarang ni kita nak 'relax' dah, tapi kita harus ada bantuan kewangan bagi 'generic'kan 'income' PBT dan sebagainya. Jadi, saya rasa kerajaan harus memikirkan sekarang takut esok tiba-tiba covid hilang, kita tak 'ready', oleh yang demikian kita hilang peluang dan peluang ini akan diambil oleh orang lain. Seperti pelancongan, bantu 'travel agent', bantu kawan-kawan yang hilang pekerjaan, bantu mereka yang hilang perniagaan. 'By now in the time to prepare' sebab 'the moment covid over' kita dah 'ready'. Jadi, apa pandangan YB. Suka Menanti tentang hal ini? Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Di hujung saya akan senaraikan nanti. Silakan! Ringkaskan.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan YB. Suka Menanti. Adakah YB. Suka Menanti bersetuju di mana saya sebutkan sekali lagi kita hanya belanja RM32.4 juta untuk 'estimalate' ekonomi, rasanya tak berbaloi dan kita tengok Melaka RM195 juta, Perak RM234 juta dan Pulau Pinang RM171 juta. Maka seharusnya kita bangkit balik untuk melawan covid ini dan 'estimalate' ekonomi untuk usahawan-usahawan perlu diberikan satu jumlah yang besar untuk kita kembali bangkit. Terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih kepada YB. Suka Menanti dan YB. Speaker. Apabila kita sebut bantuan kepada rakyat ini bukan hanya bantuan-bantuan daripada kerajaan negeri yang telah pun diberikan tapi kita juga nak kena maklum bantuan-bantuan daripada Kerajaan Persekutuan juga telah pun banyak diluluskan dan rakyat Kedah ini sebahagian daripada rakyat Malaysia. Jadi, bantuan-bantuan yang dilaksanakan untuk rakyat ini kita minta untuk dipertingkatkan dan setakat ini pun rasanya sudah banyak juga bantuan-bantuan yang telah diberikan. Adakah YB. Suka Menanti sedar? Terima kasih.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih. Saya akan masukkan senarai tuntutan ataupun saranan ini tentang kewangan. Sebenarnya Penyata 2019 akan menjawab tentang "kenapa kita ada duit dalam Tabung Negeri Kedah", itu akan saya sentuh jika ada masa di belakang nanti. Kemudian tentang bantuan yang telah banyak sampai tu, kalau YB. Sungai Limau rasa penduduk tempat dia dak ok, tak pa yang tu, wallahuálam. Bagi kami akan teruskan berbincang supaya benda ni masuk sebab yang penting saya cuba sebutkan tadi konsep kita bila sebut SOP tu cubalah jangan rasa susah sangat. Dulu orang nak guna komputer pun rasa pening tetapi disebab SOP yang yang mesra rakyat, komputer hat pelik pun orang boleh guna. Sebab itulah saya sokong supaya SOP ini sentiasa disemak sesuai dengan kaedah untuk tutup pintu penularan Covid-19 ini. Kebetulan pula….(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bandar Baharu nak mencelah. Kita dah berapa lama…..

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Sikit! Sikit saja. Terima kasih YB. Tuan Speaker. YB. Suka Menanti, adakah bersetuju dengan cadangan saya berkenaan dengan pewujudan Majlis Pemulihan Negara untuk kita menuju ke era endemik dan juga 'safe regulated SOP' untuk kita menuju ke era endemik ini? Terima kasih.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok, terima kasih. Yang tu nanti minta YAB. Menteri Besar jawablah. Kalau YAB. Menteri Besar tak larat tanggung, buatlah Malis Pemulihan Negeri tapi kalau boleh tanggung saya rasa jawatankuasa yang ada boleh dibawa untuk perbincangan sepenuhnya dan SOP tu saya sebutlah, kalau kami di Alor Setar ini PKP, PKPD, PKP ini dah 5 bulan lebih dah. Memang rakyat duk tunggu nak keluar jadi SOP tu kena jelas sebab selepas ini mereka akan mula keluar untuk bekerja. Tidak susah untuk kita di Kedah ini dan juga di Malaysia sebab kita tengok lebih kurang 55 negara yang dilanda malapetaka covid serius ini, kita duduk nombor 53.

Jadi, masksudnya banyak perkara kita boleh belajar daripada negara lain tentang 'success story and failure story' mereka (dengan izin). Jadi, kita harus bijak "kerana orang yang bijak belajar daripada kesalahan dan orang yang bijaksana belajar daripada kesalahan orang lain", jadi kita ambillah iktibar itu. Saya ingin ringkaskan di sini tentang SOP, vaksin dan sebagainya, saya ingin bertanya pihak kerajaan, selalu disebut tentang imuniti kelompok, boleh tak dalam Dewan ini nanti minta YB. Tokai tolong perjelaskan tentang apa maksud imuniti kelompok, apa akan kita capai dengan imuniti kelompok, berapa peratus dan sebagainya. Orang dah mula keliru, hari tu kata bila dah 50% dapat Fasa 2 tapi tak jadi. Rupanya Fasa 1 buka macam Fasa 2. Akhirnya mungkin boleh dirumuskan oleh pihak kerajaan.

Yang seterusnya saya ingin beralih sikit sahaja tentang teguran Tuanku dalam muka surat 10 berkenaan jalan-jalan yang tidak diselenggara oleh pihak kerajaan. Saya minta supaya untuk diperlihatkan baliklah oleh pihak kerajaan kerana saya melihat melalui jawapan yang diterima, tidak kurang sekupang pun peruntukan yang kita terima untuk tahun 2021 ini. Kalau tahun 2020 kita menerima RM258 juta untuk penyelenggaraan jalan-jalan di Kedah. Tahun 2021 sehingga bulan Ogos kita dapat RM172 juta, ngam-ngam sama dengan RM258 juta untuk setahun. Jadi, janganlah dipindahkan ataupun digunakan di tempat lain dulu dana ini untuk kita pastikan juga kita kena sediakan keadaan negeri kita yang akan mula menerima pelancongan lebih-lebih lagi kami di Bandaraya Alor Setar ini memang seperti teguran Tuanku itu perlu diperbetulkan. Jadi, saya minta supaya disegerakan tentang penyelenggaraan jalan ini.

Masih lagi tentang 4 kontraktor yang terlibat dengan LRA dan juga tentang BDB, saya ingin terus bertanya dulu soalan ialah pihak kerajaan cuba senaraikan siapakah sebenarnya kontraktor yang dapat dengan amaunnya dan kita dah diberitahu tempoh siap baru-baru ini dalam jawapan YB. Exco tapi tak diberitahu siapa dan apakah BDB telah bersedia melaksanakan program 'direct nego' ini? Sebab kita dah pecahkan beberapa pakej dalam dalam BDB itu supaya cepat, segera bantuan air tu boleh sampai ke Kuala Kedah dan juga ke kawasan Kodiang, tetapi nampaknya belum ada lagi. Saya ingin bertanya juga tentang projek-projek ini melibatkan pengambilan tanah yang cukup besar dan juga kos satu amaun yang besar juga lah. Dari mana dana untuk membayar pengambilan tanah ini, status pengambilan tanah dan dana untuk pengambilan tanah. Bagi nama kontraktor tadi, tolong bagitau adakah ini tender terendah ataupun kriteria kenapa tender terendah itu ditolak dalam pemilihan kontraktor itu?

Tentang bekalan air ini sebenarnya ada satu lagi projek yang jarang disebut ialah tentang projek NRW di tanah besar dan juga di Langkawi…. (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Suka Menanti, masa sebenar sudah habis, saya bagi ruang 2 minit lagi tambahan.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok, secara ringkasnya…Tak pa lah sebenarnya perbahasan saya dalam 20 soalan, nanti saya pederas soalan tu saya 'pass' kepada YB. Tuan Speaker boleh diberikan kepada kerajaan untuk menjawab.

Dalam isu ini, pertama yang saya segerakan ialah tentang pendidikan awal kanak-kanak 4, 5, 6 tahun ini bagi saya sangat penting. Jadi, saya nak tanya, usaha kerajaan sekarang ini adakah akan memaksa PASTI itu supaya berdaftar dengan kerajaan? Dulu PASTI tidak mahu berdaftar dengan kerajaan sebab masa tu mungkin dia bukan kerajaan dan saya tak mau kata lah kut-kut masa tu dia 'level'kan kerajaan ni tak boleh pakai, teruk dan sebagainya. Tapi sekarang, adakah PASTI akan dipaksa untuk berdaftar dengan kerajaan?

Seperkara lagi inign saya bangkitkan tentang Mahkamah Syariah. Saya pohon supaya pihak kerajaan berbincang supaya Mahkamah Syariah di Kedah ini juga memulakan perbicaraan kalau boleh secara 'online' kalau takut untuk bertemu tapi mungkin juga perlukan fatwa untuk mengharuskan kerana kes-kes yang melibatkan perceraian fasakh, takliq, khuluk, pengesahan nikah sempadan, poligami, tuntutan harta sepencarian, mutaah dan sebagainya tertangguh sejak 2 tahun. Yang berjalan hanyalah tuntutan nafkah dan hak penjagaan.

YB. Tuan Speaker, sebagai rumusan kepada perbahasan saya tentang 20 point ini saya ingin bawa balik kembali kepada kebajikan rakyat, menghadapi kemelut dan juga Covid-19 yang akan kita masuk fasa endemik ini, saya ingin supaya kita menghargai 'frontliner' dan rakyat Kedah yang akan memasuki fasa endemik selepas ini dengan menuntut beberapa perkara. Pertama ialah saya mencadangkan supaya penjawat awam di Kedah diganjari dengan bonus RM1,000 diberi awal dalam bulan Oktober ketika kita beralih ke fasa endemik kerana inilah persiapan untuk memasuki fasa endemik yang akan ditempuhi dengan minda normal yang baru, khususnya yang Gred41 dan ke bawah. Yang kedua, saya ingin mencadangkan supaya 'frontliners' staf Persekutuan yang berada di Kedah diberikan 'token' sekitar RM500 sebagai tanda penghargaan kerana merekalah antara yang bersama dengan kita menentang ataupun menghadapi cabaran Covid-19 ini.

Yang ketiga adalah bantuan khas kepada miskin dan miskin tegar untuk memulakan kehidupan bila dapat mula keluar bekerja mendapat pendapatan harian selepas 5 bulan berkurung, mereka harus mendapat satu insentif untuk keluar bekerja, kepada miskin dan miskin tegar.

Kelimanya, saya mohon disediakan geran khas kepada….. (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Banyak lagi ka YB. Suka Menanti? Kalau cadangan panjang boleh dilampirkan sekali.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ini tinggal 2 yang 'last'. Jadi, sediakan geran khas kepada Institut Latihan INSPIN untuk anjurkan kursus-kursus jangka pendek digital dan 'business online' yang berkaitan sebagai bimbingan bisnes fasa endemik kepada usahawan mikro kecil dan sederhana yang boleh dibantu oleh IPT yang ada di Kedah, UUM, UiTM, AIMS, Politeknik, ILP dan sebagainya.

Yang terakhirnya saya ingin perbetulkan tentang jawapan yang dikeluarkan dalam jawapan bertulis soalan nombor 94, tahun 2017 dan 2018 betul defisit, tapi perbelanjaan sebenarnya tahun 2019 pendapatan RM778 juta, perbelanjaan RM623 juta, sebenarnya surplus RM154 juta, itu adalah akaun sebenar tahun 2019 dan daripada situlah RM154 juta adalah surplus yang ada jadi harus perbetulkan jawapan dalam muka surat 146, jawapan bertulis itu YB. Tuan Speaker.

Alhamdulillah, semuanya berkisar kepada 20 persoalan yang saya akan 'pass' kepada YB. Tuan Speaker supaya dipanjangkan kepada pihak kerajaan. Saya ingin akhiri dengan ucapan ringkas iaitu;

Peduli rakyat simpati bersama,
Rakyat terbeban Covid-19 bermaharajalela,
Suka Menanti sedia bekerjasama,
Demi rakyat keadilan untuk semua.

Jadi, Kedah Darul Aman adalah Negeri Jelapang Padi, inilah bumi untuk kita bangunkan bersama. Sekian, saya menjunjung kasih di atas titah ucapan Kebawah DUli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Suka Menanti. Seterusnya saya persilakan YB. Tanjung Dawai. Cuma saya nak peringat YB. Tanjung Dawai pastikan apa yang saya whatsapp itu sempat lah.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, wassola tuwassala muála rasulillah waála alihi wasohbihi waman walah. Yang dihormati Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar, rakan-rakan Yang Berhormat, para pegawai yang dikasihi sekalian. Alhamdulillah, syukur kerana pada kali ini kita dapat mengikuti titah ucapan Perasmian Pembukaan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dan saya ingin untuk kita melihat apa yang disebutkan di dalam ucapan dan titah Tuanku bagaimana titah itu mengandungi sokongan dan dokongan serta penghargaan daripada pihak Tuanku kepada YAB. Menteri Besar dan kerajaan sekarang. Kita boleh melihat dalam muka surat kedua penghargaan Tuanku kepada Kerajaan Persekutuan di perenggan yang atas sekali, "beta amat berbesar hati atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan" dan Tuanku juga ada menyebut seperti di muka surat yang keempat, baginda menyebut,

"beta menghargai usaha Mamanda Menteri Besar serta seluruh kepimpinan kerajaan". Baginda juga menyebut, "beta percaya dengan komitmen Mamanda Menteri Besar dan seluruh anggota Kerajaan Negeri Kedah". Seterusnya di muka surat yang ke 5 Tuanku juga ada menyebut, "beta yakin dengan terlaksananya projek berimpak tinggi yang dirancang yang bakal meletakkan Negeri Kedah di landasan yang betul ke arah pengukuhan sektor ekonomi dan pelaburan pada masa hadapan. Di muka surat 6, Tuanku juga menyebut, "tahniah beta ucapkan kepada pentadbiran kerajaan negeri di atas kejayaan merencanakan agenda ekonomi dan pelaburan di Negeri Kedah dan juga memuji Pegawai Tadbir Negeri Kedah". Di muka surat yang ke 7, di atas sekali Tuanku menyebut, "beta perkenan agar Pelan Pembangunan Kedah 2035 didokong oleh semua pihak sama ada dalam pentadbiran kerajaan negeri mahupun Kerajaan Persekutuan. Seterusnya di muka surat 8 Tuanku ada menyebut di bawah sekali, "beta berasa suka cita di dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035 dengan menjadikan kawasan tadahan Ulu Muda sebagai Taman Negeri dan membangunkan Pulau Langkawi sebagai sebuah Pulau Rendah Karbon dan muka surat yang ke 9, Tuanku menyebut, "beta sukacita apabila Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan Pulau Langkawi sebagai destinasi perintis bagi program Gelembong Perjalanan.

YB. Tuan Speaker, ini adalah apa yang saya tafsirkan bahawa Tuanku memberikan dokongan penuh dan juga menghargai apa yang telah pun dibuat oleh kerajaan sekarang. Dengan 14 perkara yang disebutkan oleh Tuanku dalam titah ucapan tersebut, saya ingin untuk meyentuh beberapa perkara yang menjadi perhatian kepada pihak kerajaan terutamanya. Pertama, Tuanku telah menyebut berkaitan bercana "kepala air" baru-baru ini yang berlaku melibatkan Daerah Yan dan Kuala Muda. Kalau kita dengar cerita oran tua-tua yang masih hidup berumur 80, 90 tahun kita boleh dengar cerita pengalaman mereka dulu, peristiwa sebegitu pernah berlaku juga di Yan sehingga digambarkan ada binatang lembu, kerbau ini duk atas pokok nyoq, besar daripada apa yang berlaku. Tahun 1982 saya ingat belakang rumah ayah saya ada sungai, Sungai Bukit Batu Pahat. Peristiwa yang lebih besar daripada apa yang berlaku baru-baru ini di Tupah dan peristiwa yang berlaku di Yan dan Merbok baru-baru ini disebutkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Kedah, Perlis dan Pulau Pinang disebabkan oleh dua faktor, iaitu faktor penyumbang dan juga faktor pencetus yang melibatkan geologi dan juga keadaan tanah, sifat tanah dan juga cerun yang ada di Gunung Jerai tersebut. Dengan peristiwa kepala air ini, kita melihat seluruh rakyat di Malaysia memberikan keprihatinan bantuan dan doa bahkan lebih mengkagumkan apabila Tuanku Sultan Kedah dan Yang Teramat Mulia Raja Muda mencemar duli turun ke kawasan bencana tersebut bahkan Tuanku telah mengurniakan kurniaan peribadi baginda. Juga terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang telah pun menyalurkan pelbagai bantuan dan juga janji-janji melalui program dan projek berjumlah RM78 juta untuk mengembalikan keadaan asal yang ada di Gunung Jerai yang melibatkan Yan dan juga di Tupah.

YB. Tuan Speaker, yang kedua apa yang disentuh oleh Tuanku berkaitan Covid-19. Bagi saya Covid-19 ini antara hikmah besarnya bila berlaku dan kita hidup dalam keadaan dia berada dengan kita. Peristiwa kepala air yang berlaku baru-baru ini dalam keadaan covid masih ada yang menyebabkan jumlah mangsa yang teragut nyawa dan juga yang cedera, kurang. Kalaulah kita melihat covid ini tidak berlaku sekarang, kawasan di Titi Hayun dan

sekitarnya adalah kawasan rekreasi yang menjadi tumpuan masyarakat, mandi manda. Bahkan peristiwa 18 Ogos itu waktu cuti sekolah, tentu ramai orang yang akan pergi berkelah di situ. Ramai budak-budak sekolah yang akan buat seminar SPM dan peperiksaan lain. Bayangkan kalau peristiwa kepala air itu berlaku ketika dalam keadaan Covid-19 tidak ada, lebih parah lagi apa yang berlaku di Yan dan juga di Merbok.

YB. Tuan Speaker,…..(YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Tanjung Dawai, sedikit pencelahan YB. Tuan Speaker. Semalam saya telah bertanya kepada YB. Sungai Limau tapi masih tidak menjawab. Kalau kita pergi sekarang di Gunung Jerai, di kawasan Titi Hayun dan kawasan seumpamanya kita dapat melihat selain daripada puncak, selepas puncak kita dapat tengok runtuhan tu banyak, di atas. Kalau boleh saya bahagikan gunung itu kepada beberapa 'layer', puncak selepas itu kawasan runtuhan, tapi kawasan di tengah ini ada permukaan. Ladang durian ada di situ, kuari ada di situ selepas itu di bawah, kampung lah. Jadi, adakah selain daripada faktor-faktor tadi, faktor geosains, faktor hujan lebat tadi. Adakah juga peranan permukaan hutan di 'layer' yang tengah itu menyebabkan teruknya lagi berlaku kepala air?

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Saya rasa ia berada di bahagian bawah dan kita boleh melihat parut yang ada di Daerah Yan dan juga di Daerah Kuala Muda, Merbok ni kita boleh tengok dia berada di bahagian atas. Parut daripada kepala air itu memang jelas boleh dilihat. Kalau di Merbok 4 parut besar yang boleh dilihat dengan terang dari Sekolah Menengah Kebangsaan Merbok.

YB. Tuan Speaker, dengan Covid-19 ini kita bersidang sampai pukul 1.00 tengahari sahaja dan saya mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Dewan kerana boleh menerima apa yang telah ditetapkan oleh YB. Tuan Speaker untuk bersidang sampai 1.00 tengahari saja. Dengan mengambil iktibar daripada Persidangan Parlimen pada bulan Julai yang lalu bilamana didesak oleh pihak-pihak tertentu untuk dibuka Parlimen mengakibatkan "Kluster Parlimen" berlaku, 85 positif sehingga mengakibatkan seorang Pegawai Khas sebuah kementerian telah pun meninggal dunia akibat daripada Kluster Parlimen tersebut.

Dalam soal ini kita yakin bahawa Sabdu Zharoib untuk menghalang daripada kemudaratan berlaku dan supaya kemudaratan itu tidak berjangkit ataupun berpindah kepada pihak lain, kita yang berperanan besar di kawasan ataupun di DUN masing-masing diharapkan dapat berterusan sehinggalah habis penggal ini membantu rakyat, tidak ada kekosongan InsyaAllah. Dan saya, daripada orang-orang lama dulu sampailah sekarang, kita melihat walaupun berbeza pendapat tapi Dewan kita yang mulia ini tidak pernah tercemar dengan tingkah laku yang tidak sopan sepertimana yang diberi amaran oleh Tuanku Sultan Johor disifatkan sebagai "sangkar beruk" ketika merasmikan Sidang Dewan Undangan Negeri Johor tempohari. Tahniah saya ucapkan kepada kita semua dan juga pegawai-pegawai yang membantu urusan ini. Dengan sebab Covid-19 ini kita boleh melihat prestasi komunikasi kita

bagaimana anak-anak yang nak belajar melalui PdPR terganggu kerana liputan internetnya lemah. Dengan peristiwa ini membantu untuk kita bertindak dan moga-moga daripada 130 pencawang yang telah diluluskan dan 37 yang telah pun siap bakinya dapat disegerakan supaya dapat manfaat untuk anak-anak. Saya yakin, semua tuan-tuan yang tak dapat bercakap sama ada di pihak kerajaan ataupun di pihak pembangkang boleh 'passing' kepada kawan-kawan. Semua nak bercakap, nak sampaikan apa yang dihasratkan oleh rakyat. Tambah YB. Pedu walaupun duduk di wad hospital nu, katil saya rasa bergegar duk geram tengok siaran langsung Persidangan ni kan, di hospital sana. Tapi nak buat macam mana, dia dalam keadaan yang uzur. Covid-19 ini bukan sekadar mengganggu hidup kita bahkan dalam tempoh Covid-19 ini wabak berita palsu pun banyak, tanpa tapis tersebar dengan segera. Jadi, moga-moga kita mengambil iktibar dan apa yang disebutkan oleh Tuanku dapat untuk diambil suatu tindakan. Dengan kerajaan meneruskan bantuan-bantuan yang telah pun diberikan disambung dengan program-program seperti skim pinjaman mikro kredit untuk memudahkan perniagaan anak-anak muda untuk meneruskan kehidupan, InsyaAllah.

Seterusnya yang ketiga, berkaitan dengan prestasi pelaburan Negeri Kedah yang melebihi daripada RM42 billion, satu angka yang cukup besar dan sejarah bagi negeri kita dan bagaimana Tuanku menyebut perlu diutamakan, didahulukan kepentingan negeri diutamakan kepentingan rakyat daripada kepentingan kita secara individu. Alhamdulillah, dengan prestasi YAB. Menteri Besar dan kerajaan memimpin dengan dibantu oleh pihak pegawai tadbir kerajaan kita melihat bagaimana ia telah pun mula menunjukkan hasil dengan pantas dan cepat tindakan yang dibuat melalui mesyuarat-mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan tanpa tertangguh. Saya dimaklumkan tidak pernah tertangguh bahkan dibuat di daerah-daerah sehinggakan habis fail katanya pada bulan 4 yang lalu. Hanya pernah melakukan satu mesyuarat sekali sahaja di Kuala Lumpur, itu pun melibatkan Tuanku Sultan berada di Kuala Lumpur. Pantas dan turun dengan segera sepertimana yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat turun ke lapangan ketika berlaku kepala air. Saya masih ingat 18hb. Ogos sewaktu Asar ketika peristiwa kepala air itu berlaku bila disahkan bahawa kawasan saya pun terlibat, selepas Maghrib saya berada di Taman Tupah dan memaklumkan kepada YAB. Menteri Besar, bila dalam group kami beliau menyatakan akan turun ke Yan, saya meminta beliau langsung ke Merbok tetapi saya tunggu sampai jam 1.30 malam YAB. tak dapat turun ke Merbok dengan sebab untuk mencari dan menunggu keputusan mencari mangsa yang terkorban yang berlaku di Yan tersebut.

Jadi, saya minta di atas keprihatinan itu diteruskan dan juga keprihatinan yang telah ditunjukkan dengan permulaan projek Loji Rawatan Air (LRA) di 5 loji yang telah pun menyebabkan kita rasa yakin bahawa masalah yang telah pun bertahun ditanggung oleh rakyat dapat diselesaikan terutama kawasan saya di DUN Tanjung Dawai, yang pelik kalau kemarau memang masalah air, bila hujan lebat pun air tak dak YB. Tuan Speaker. Tiap-tiap hari orang duk sebut, "depa tutup pulak daaahhh… hujan duk broom! Broom! Broom! Ayaq tak dak". Pasal apa? Pasaaall…Loji di Tupah itu hanyalah berfungsi untuk buh klorin sahaja, tak boleh nak tapis. Bila keruh lebih dengan sebab hujan lebat, dia tak mampu nak tapis. Bila keruh kena tutup, kalau tidak air akan masuk paip dan rakyat akan menerima air keruh, tentu dia bunyi dan komen juga.

Jadi, terima kasih kepada pihak kerajaan yang berusaha untuk menyegerakan juga projek di Tupah ini bagi membantu untuk memudahkan bekalan air terutamanya di DUN Tanjung Dawai dan melibatkan sedikit DUN Guar untuk kegunaan rakyat, InsyaAllah.

Mengucapkan juga tahniah, saya yakin dengan projek-projek yang berimpak tinggi yang diumumkan oleh kerajaan meneruskan agenda pembangunan daripada kerajaan yang terdahulu tanpa mengkianati apa yang dibuat dan juga dirancang oleh kerajaan yang terdahulu dengan keupayaan membayar hutang, hutang SADA, hutang KFA dan sebagainya dalam masa yang sama pembangunan-pembangunan berimpak tinggi itu dapat dimulakan. Maka saya yakin ia juga akan memberikan kesan yang besar walaupun dalam tempoh yang mengambil masa. Syabas saya ucapkan. Saya minta dan berdoa moga-moga dengan integriti, amanah dan kejujuran kepimpinan semua, saya nak sebut pegawai YAB. Menteri Besar dan YB. Exco, ambillah gaji dan elaun, tak potong walaupun sesen pun tak pa kerana itu adalah hak yang boleh diambil tetapi jangan ambil yang bukan hak walaupun 1 sen kerana 1 sen itu akan menyebabkan akan terhumban ke dalam neraka, hati-hati. Moga-moga dengan itu akan melahirkan barokah keberkatan ***"baldatun thayyibatun wa rabbun ghafur"*** yang akan menyebabkan bukan sekadar kerajaan makmur dan juga rakyat akan merasai kenikmatan itu.

Saya juga ingin mengucapkan sepertimana yang diakui oleh YB. Jitra dengan simpanan rezab kerajaan negeri berjumlah RM635 juta diakui, moga-moga dengan ketelusan pentadbiran, kecekapan tadbir urus, tiada ketirisan, bagaimana keyakinan rakyat untuk membayar cukai dan juga perbelanjaan yang berhemah, moga-moga rezab ini bertambah dan bertambah makmur Negeri Kedah dan rakyat dapat menikmati kebaikannya. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, isu yang saya dengar baru-baru ini bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri mengejar Kerajaan Negeri isu tunggakan cukai KFA, bola yang dikatakan dari tahun 2014 berjumlah RM10 juta. Saya minta jawapan daripada apa yang saya sebutkan ini.

Seterusnya yang keempat berkaitan dengan memelihara alam sekitar. Tuanku menyebut dan saya mengucapkan syabas serta tahniah kepada kerajaan negeri kerana menutup tapak pelupusan sampah di Semeling yang benar-benar mengganggu masyarakat sekitar dan pihak Kerajaan PH dulu pun pernah berlaku dan turun tunjuk keprihatinan disambung pula oleh kerajaan ini dan keputusan kerajaan telah menutup pusat pelupusan sampah tersebut. Saya ingin mengambil peluang ini minta perhatian dan saya pernah 'record' dah kepada penguatkuasa iaitu kuari di Tupah yang sering disebut menjadi punca air di Tupah itu tidak elok walaupun ia bukan duduk di atas, tapi ia dikatakan antara punca air berkarat di Sungai Tupah.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan atas keputusan segera memperuntukkan RM4 juta untuk membuat kajian keselamatan di Gunung Jerai dan juga telah meluluskan sistem amaran awal untuk di Gunung Jerai.

Yang terakhir berkaitan dengan agama. Saya juga menyanjung apa yang dibuat oleh pihak kerajaan iaitu, silakan.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik. Terima kasih kepada YB. Tanjung Dawai dan YB. Tuan Speaker. Bila tengok YB. Tanjung Dawai nak 'landing', bila sebut Gunung Jerai ni dari berlaku bencana Kerajaan Persekutuan mengumumkan bantuan RM78 juta dan menteri-menteri pun turun, bantuan-bantuan lain khusus untuk infra. Jadi, mungkin boleh pihak kerajaan kita mohon bantuan untuk pembaikan kawasan pelancongan khususnya di Titi Hayun, itu bajet yang lain bukan infra tapi untuk mencantikkan kembali kawasan Titi Hayun.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Saya bersetuju dan menyokong cadangan daripda YB. Sungai Limau. Berkaitan dengan agama, bantuan khas guru agama sebanyak RM2.1 juta, bantuan khas untuk 224 imam masjid, seterusnya pembayaran elaun dengan menggunakan kaedah pemindahan pembayaran elektronik (EFT) kepada guru-guru sekolah agama rakyat, pegawai-pegawai masjid dan guru KAFA, memudahkan daripada pembayaran menggunakan cek ke akaun terus.

Terakhir sekali saya mengambil kesempatan untuk menyebut di kawasan kami dan saya mewakili sekali hari ini dengan pesanan daripada YB. Tuan Speaker kawasannya DUN Pantai Merdeka. Pertamanya berkaitan dengan hakisan yang berlaku di DUN Tanjung Dawai di Kampung Huma, hakisan pantai. Baru beberapa bulan lepas saya bersama dengan YB. Sidam turun melihat hakisan yang jarak dari pantai ke jalan raya sekitar 100 meter sahaja. Rumah yang duduk dekat dengan pantai tu tiap-tiap kali air naik, jadi kolam dah rumah tu. Jadi, pihak kami mengharapkan moga-moga ada tambakan ataupun dibuat tembok untuk menghalang ombak air laut naik ke darat sehingga menyebabkan kesusahan kepada penduduk sekitar.

Yang kedua, hakisan pantai juga di pantai Merdeka. Ia melibatkan satu jarak yang agak jauh yang menyebabkan kedai-kedai yang dibina oleh orang-orang kampung roboh, rumah-rumah pun dalam keadaan tak selamat, moga dapat diberikan perhatian. Seterusnya berkaitan dengan Jeti Bot Penambang di Pantai Merdeka. Sepertimana dimaklumi dan YAB. Menteri Besar pun pernah pi dah, dari Tanjung Dawai nak pi ke Pantai Merdeka kena terjun daripada bot. Orang lelaki terjun boleh gagah lagi, orang perempuan nak kena selak, nak naik bot pun kena randuk air, jadi pelancong luar tengok tak berapa nak elok. Diminta moga-moga dibuat jeti bot penambang di sebelah Pantai Merdeka.

Seterusnya titi di Pengkalan Kakap yang sering saya sebut setiap kali Dewan. Titi Pengkalan Kakap ni depan Masjid Pengkalan Kakap kerana diantara punca kepada banjir di sekitar Pengkalan Kakap di mana selepas daripada peristiwa kepala air, antara yang terlibat dalam banjir kepala air baru-baru ini ialah Kampung Padang Tok Sorah. Seluruh penduduk ataupun seluruh rumah berjumlah 77 buah semua terlibat dinaiki air.

Puncanya ialah, titi di depan Masjid Pengkalan Kakap yang bentuknya bentuk 'kok' di bawah, ada 3 lubang kok yang setiap kali bila hujan lebat menyebabkan kayu tersangkut, sampah sarap tersangkut yang menjadi punca banjir dan mangsa pertama yang akan terima kesannya adalah rumah Tok Imam sendiri YB. Tuan Speaker. Kesian Tok Imam, baru-baru ni pun habis peralatan rumah dia.

Seterusnya, saya juga ingin mencadangkan untuk Loji Merbok, loji di Bukit Batu Pahat. Kalau mengikut orang-orang lama di Merbok ini bahawa loji itu ambil air yang berada di tepi Muzium Arkeologi Lembah Bujang. Ada satu lagi cabang sungai yang airnya banyak, kalau tepi Muzium Arkeologi Lembah Bujang tu airnya sikit. Dicadangkan untuk mengambil dari cabang sungai yang lagi satu yang ada anak sungai 4 cabang yang kalau hujan lebat berlaku arus yang besar ia tidak akan mengganggu bekalan air untuk loji di Merbok itu, InsyaAllah. Jadi, Loji Merbok ini membekalkan air untuk 1,000 akaun.

Yang terakhir, saya mohon jalan mini tar ke Masjid Haji Zainuddin, ayah mantan Menteri Kewangan kita dulu, Tun Daim Zainuddin. Masjid Haji Zainuddin ni kalau kita nak pi mini tar tak elok, saya harap moga-moga diperelok mini tar ke masjid itu. Masa ada lagi ka? Yaa..sila!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Masa lebih seminit dah.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Info yang saya ada ini, Hutan Paya Laut Sungai Merbok kaya dengan spesis bakau, 42 daripada 60 spesis yang ada di situ. Adakah YB. Tanjung Dawai bersetuju Hutan Paya Laut Sungai Merbok kaya dengan spesis bakau 42 daripada 60 spesis ya. Jadi, saya harap adakah YB. Tanjung Dawai bersetuju untuk diangkat kembali sebab jika kita bandingkan dengan Bukit Bendera yang telah pun berjaya mendapat status 'biosphere reserve'.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Setuju YB. Kubang Rotan. Saya juga ingin menyambung apa yang YAB. Menteri Besar sebut berkaitan dengan Tamadun Tertua Sungai Batu. Moga-moga kita juga ada peranan untuk menaikkan dan moga-moga kegemilangan Kedah pada suatu ketika dahulu juga dapat kita teruskan di era kita, InsyaAllah.

Saya ingin menjunjung kasih dan menyokong titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan Walllahua'alam. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Tanjung Dawai. Seterusnya saya persilakan YB. Pengkalan Kundor.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar Kedah, YB. Exco Kerajaan Negeri, ADUN-ADUN, pegawai-pegawai kerajaan, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Saya juga semalam meneliti titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan YB. Tanjung Dawai tadi mengungkap beberapa perkara pujian-pujian ataupun penghargaan yang diberikan oleh Tuanku tetapi ungkapan YB. Tanjung Dawai itu dia campur Federal dengan state sekali. Hat puji state, hat puji Federal dia sekalikan, jadi nampak banyak lah. Kalau nak puji state saja, ada 4 perkara yang saya tak perlu baca kita boleh tengok semua lah, saya tak nak habiskan masa tu. Tetapi hat teguran tu YB. Tanjung Dawai tak baca, ada 7 teguran, kita buka sama-sama tengok 7 teguran, 4 pujian kepada kerajaan negeri. Jadi, inilah asas titah Tuanku yang saya rasa sesuatu yang sangat besar maknanya dan sangat serius sebagaimana yang disebut oeh YB. Alor Mengkudu, tidak pernah berlaku, mungkin dalam sejarah dan seingat saya pun tidak pernah berlaku sebegini rupa dan asas Tuanku ini sangat jelas sebab negara kita sekarang ini berada dalam suasana bencana.

Apa yang berlaku kepada kita hari ini disebabkan oleh bencana yang besar satu, krisis politik dalam negara dan yang kedua kiris kesihatan dan hat lain tu semua berpunca daripada kedua-dua krisis ini. Saya mesti sebut krisis politik sebab inilah kesan yang kita berada pada hari ini adalah kesan krisis politik yang berada dalam negara. Bermula dengan "Langkah Sheraton", berlaku lompat kianat dan sokongan kepada mereka-mereka yang lompat yang kianat yang menitikkan satu detik hitam kepada demokrasi negara. Satu penggal dah kita sekarang ini belum habis dah ada 3 PM (Perdana Menteri). Satu PM yang diberi mandat oleh rakyat tapi 2 lagi adalah mereka-mereka yang dipilih oleh Ahli-Ahli Parlimen. Ini sesuatu yang baru, berlaku dalam negara kita yang akhirnya menentukan keadaan kita pada hari ini disebabkan oleh kerajaan yang ada ini adalah kerajaan yang tidak stabil. Cuba bayangkan pimpinan kerajaan Perdana Menteri yang sebelum ini 17 bulan dia sibuk untuk menguruskan masalah politik dalaman yang akhirnya perkara-perkara besar tidak terurus dan inilah punca yang saya rasa mesti berlaku selepas ini satu 'reform' yang besar dan inilah apabila sampai kepada 3 Perdana Menteri yang akhirnya rakyat terjejas, negara terjejas. Inilah akhirnya Pakatan Harapan menyambut dengan MOU yang dijelaskan oleh YB. Gurun semalam. Itu asas. YB. Sungai Limau, saya tak izin lagi, nanti saya beritahu bila saya nak izin.

Yang kedua adalah krisis kesihatan. Ini dua, hat lain-lain tu tampilan ataupun penempelan kepada kedua-dua krisis ini. Krisis politik tadi adalah mereka-mereka yang membina dasar, mereka-mereka yang menentukan hala tuju negara dan krisis kesihatan tampil ketika krisis politik ini berlaku. Krisis kesihatan bermula dengan pendemik gelombang yang pertama. Tuan-tuan masih ingat, 25 Januari 2020 sampai 15 Februari 2020 hanya ada 22 kes dan selepas itu 'free' selama 11 hari. Ialah, api masih kecil kita senang untuk 'control' tapi pada masa itu adalah Kerajaan Pakatan Harapan.

Selepas itu gelombang kedua dan sekarang ini kita berada di gelombang ketiga. Gelombang kedua juga dapat di'control' walaupun 'base' itu tidak kosong. Macam gelombang pertama tadi selama 11 hari tidak ada kes, gelombang ketiga bermula 20 September 2020, sampai hari ini dah setahun lebih dan kita gagal. Kita kena terima hakikat bahawa negara kita gagal dan akhirnya limpahan gagal itu negeri kita juga terpaksa tanggung kegagalan menguruskan Covid-19.

Ahli-Ahli Dewan yang dirahmati Allah sekalian, punca kegagalan ini sangat 'simple'. Ketika gelombang pertama, 'team' kesihatan yang sama berjaya pada masa api kecil, tapi pada masa api besar gelombang ketiga…..(YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Boleh tanya terus kut? Baik, terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor, beri peluang minum. YB. Tuan Speaker, tadi YB. Pengkalan Kundor sebut antaranya kerana krisis politik yang berlaku dalam negara kita sehinggakan berlaku perubahan pimpinan khususnya Perdana Menteri. Adakah YB. Pengkalan Kundor sedar bahawa krisis ini bukan bermula selepas Februari 2020 tetapi semasa Pakatan Harapan sendiri pun ada usaha-usaha untuk menjatuhkan Perdana Menteri yang sedia ada menyebabkan Perdana Menteri pada ketika letak jawatan sehinggakan naik Perdana Menteri yang baru dan orang yang nak jadi Perdana Menteri tu sampai hari ni berusaha, bercita-cita sedemikian. Terima kasih.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya ingat pada Sidang yang lepas pun kita telah berbahas tentang perkara ini. Jadi, saya rasa jelas, hilang majoriti yang menyebabkan kerajaan jatuh. Kita tak payah ambil contoh 'Federal', ambil contoh negeri. YB. Jitra letak jawatan tak? Tidak, tetapi pasal apa jatuh? Pasal hilang majoriti. Pasal apa hilang majoriti? Pasal lompat! Kianat! Jelas? Jangan tanya banyak!

Isu yang sebenar saya nak cerita ialah krisis kesihatan. Pasal apa negara kita hari ini berada dalam krisis kesihatan yang paling teruk, dalam dunia kita lah yang paling panjang dalam dunia. Pasal, bermula daripada pegawai 'handle' kes, 'test', 'contact', isolate, 'support', gagal bermula di situ. Apabila berlaku 'back lock', berlaku kes yang banyak, pada masa api kecil boleh, 'team' yang sama. Nak sambung hat politik tadi ka?

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Dak! Dak! Dak!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Nanti dulu! Nanti dulu! Tak habis lagi, baru mula saja. Apabila kes banyak, berlonggok, maka pada masa itu pegawai-pegawai IK tidak lagi mampu untuk membuat 'test' pada masa yang secepatnya. Ditambah pula dengan spesimen PCR yang dihantar itu kadang-kdang 2 hari baru balik. Jadi, cuba bayang mereka yang 'back lock' tidak di 'test' ini berkeliaran dalam komuniti. Ini berlaku di rumah saya, pada masa sebelum puasa, satu majlis berbuka puasa dalam 20 orang saja pada masa itu dibenarkan. Daripada 20 orang itu hanya 5 orang sahaja yang dikuarantin termasuk diri saya yang pakai gelang, yang lain ada yang tidak dipanggil, yang tidak sempat dipanggil disebabkan 'back lock cases' tadi. Dan inilah yang berlaku sebagai contoh lain ada satu kes di Kuala Kedah satu 'family' kena, anak dia dari Kuala Lumpur, anaknya ini telah bergejala di Kuala Lumpur dan kawan kepada anaknya telah positif di Kuala Lumpur. Sepatutnya berlaku saringan di Kuala Lumpur sebelum dia balik. Tapi dia balik dalam keadaan bersimptom, menjangkiti keluarganya, habis satu keluarga. Inilah yang akhirnya pergi kepada seluruh negara yang akhirnya berlaku di institusi-institusi, berlaku di kilang-kilang akhirnya tumpah dalam kominiti. Api yang telah besar ini sangat susah untuk kita 'control' dan keseluruhan ini dia refleks hanya satu perkara iaitu kegagalan polisi sistem kesihatan awam. Staf yang sama tetapi mereka tidak mampu untuk mengendalikan apabila kes ini bertambah dan pada saya inilah perkara pertama yang patut dibuat oleh kerajaan.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Pohon mencelah. Apa komen YB. Pengkalan Kundor dengan jumlah dan angka yang ada di Negeri Selangor? Selangor ada jawatankuasa sendiri menangani covid dan antara punca kegagalan itu bagi saya ialah kita tengok jumlah ni Selangor adalah penyumbang terbesarnya.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bandar Baharu nak mencelah, Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Sikit saja. Terima kasih YB. Tuan Speaker dan YB. Pengkalan Kundor. Tadi duk cerita berkenaan dengan nostalgia, hal-hal macam mana kita tangani hat dulu, semasa kerajaan dulu. Adakah YB. Pengkalan Kundor mengakui bahawa salahnya dulu tindakan yang lambat, yang tidak tepat oleh Pakatan Harapan semasa kerajaan dulu dan apakah rancangan ataupun cadangan daripada YB. Pengkalan Kundor untuk 'moving forward', jangan habaq dah hat nostalgia-nostalgia. Terima kasih.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya benarkan YB. Gurun untuk mencelah.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

YB. Pengkalan Kundor, YB. Tuan Speaker, saya nak tanya, sedarkah YB. Pengkalan Kundor bahawa apa yang sedang berlaku di Kuala Lumpur sebab YB. Tanjung Dawai bertanya berkenaan Kuala Lumpur bahawa terdapat beberapa kementerian yang meluluskan orang yang boleh keluar, orang yang tak boleh keluar contohnya kilang-kilang urusannya semua MITI, Menteri MITI beri kelulusan, kesihatan ada Menteri Kesihatan, vaksin dibeli oleh Menteri Sains. 3 orang menteri dalam kerajaan yang ada sekarang ini ataupun Kerajaan Muhyiddin Yassin pada ketika itu tidak 'concercrant' .

Akhirnya apa yang berlaku, contohnya di Selangor kerajaan negeri tidak ada kuasa, yang ada kuasa ialah MITI, MITI bagi lulus, nak kerja 1,000 ka, 5,000 ka 6,000 boleh sebab MITI yang keluarkan surat, kerajaan negeri tak boleh. Akhirnya apa yang berlaku? Mereka inilah yang melimpah, melimpah dalam masyarakat menyebabkan merebaknya api covid ini. Apa pendapat YB. Pengkalan Kundor? Terima kasih.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya bersetuju dengan pandangan YB. Gurun dan itu sebahagian daripada jawapan saya kepada YB. Tanjung Dawai. Kalau nak jawab lagi panjang, jadi masa saya. Nanti kita jumpa lah YB. Tanjung Dawai. Ini 'fee' saya lah, bidang saya na.

YB. Bandar Baharu tidak betul sebab saya sebut tadi 11 hari. 11 hari tak dak kes dan pada masa itulah berlakunya perubahan kerajaan. Gelombang pertama 22 kes berakhir pada 15 Februari selepas itu 11 hari tak dak kes. Jadi, apa isu Kerajaan Pakatan Harapan? Kita telah menyelesaikan kes-kes ini. Kepada saya, tugas besar kerajaan sebelum ini dan sekarang yang tak stabil ini adalah untuk melihat kepada masalah ini melihat kepada sistem kesihatan awam yang utama ini. Kena tengok pasal apa jadi macam ni, pasal apa boleh 'back lock, pasal apa testing lambat, pasal apa lab tak cukup? Saya pohon, sebab akhirnya Kedah juga yang tanggung, rakyat Kedah juga. Saya pohon kerajaan segera meluluskan bajet. Inilah cadangan RM45 billion daripada bajet antaranya untuk kesihatan ini. Segerakan, dikala staf tak cukup, sumber manusia, YB. Bandar Baharu sebut tadi sebahagiannya adalah 'equipment' kat horpital. Ya, sebahagian tetapi sebahagian utamanya adalah sumber manusia tak cukup staf, takdan nak buat. Dikala 23,000 orang doktor-doktor baru ini dalam kontrak yang boleh di'terminate' bila-bila masa. Jadi, 'reform' keseluruhan sistem kesihatan negara perlu. Kita di peringkat negeri apa sangat, dasar semua ini adalah limpahan daripada dasar Kementerian Kesihatan yang duduk di Federal. Jadi, saya kira inilah perkara asas yang kita bincang hari ini yang menjadikan hari ni negara kita kalau dari segi 'cases' dalam dunia nombor 21, dari segi komulatif dalam satu minggu yang terakhir kita nombor 9 dan dari segi kes matian per 1 juta kita 'top 5' dalam dunia, dari segi BID yang tinggi, penggunaan vantilator dan ICU yang tinggi dan kes dalam konteks negara kita lebih daripada 1,000 orang sekarang. Dalam konteks Kedah telah disebut oleh rakan-rakan saya.

Ahli-Ahli Dewan yang dihormati sekalian, dalam masa beberapa bulan terakhir Julai, Ogos, September ni dah kurang sikit. Kedah menduduki 'ranking' nombor 2, 3 dan 4 daripada semua aspek per population, bukan angka saja tapi per rakyat kita, kes, satu, yang kedua kematian, yang ketiga BID (mati sebelum datang ke hospital). Dan inilah yang saya saran sangat-sangat, saya ulang tanya mencelah banyak kali supaya kena berlaku 'empowerment' di peringkat komuniti sebab ini apabila kita nak masuk ke era endemic, peranan semua mesti berlaku dan saya kira antara punca juga Kedah telah dijawab oleh YB. Bakar Arang dan juga YB. Tokai tadi, vaksin kita lambat. Vaksin dikendalikan oleh kementerian lain, MOSTI. Padahal yang telibat adalah Kementerian Kesihatan, jadi bekalan vaksin kita akhirnya lambat. Akhirnya kes-kes dalam negeri yang saya sebut tadi banyak, hari ini kita tak boleh lepas lagi Kedah ni duduk dalam PKP yang paling panjang dalam dunia. Kedah dengan Johor saja hari ni, kami di Alor Setar bulan 5 lagi PKPD, disambung dengan sekarang. Nak lepas ka tak lepas bulan depan? ICU tak berapa nak lepas lagi, kes banyak lagi. Penggunaan ICU tadi disebut, 97.5%, ventilator 77.6% di Kedah, paling tinggi dalam Malaysia dan Alhamdulillah, daripada segi vaksin kita kecap di akhir-akhir ini kita boleh potong 3 negeri yang sebelum ini kita duduk nombor 2, Sabah, Kedah dalam masa 2 minggu ini kita potong Kelantan, Perak dan Pahang. Hari ini kita boleh sedikit berbangga, data terbaru kelmarin 63.7% 2nd dose, tapi tak lepas lagi. Pasal apa? Pasal ICU dan lain-lain. Itu yang utama. Apa yang saya nak sarankan ialah….(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor, masa ada 2 minit lagi.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

SOP lah kalau macam tu, nak habis dah. SOP masjid, saya memberi cadanganlah kepada YB. Kupang. Singapore bukan 2 shif, 3 shif. Mula dengan 2 shif, 3 shif. Apa salahnya kita duk bincang, Jabatan Agama Islam cuma pelaksana sahaja tetapi polisinya datang daripada atas, Exco dan ke atas. Apa salahnya 3 shif? Apa salahnya untuk dibuka khemah-khemah di depan masjid yang covid tak boleh hidup pun di situ. Virus ni mati di luar daripada sel dan kawasan lapang, kawasan yang tidak tertutup dan tidak sesak. Jadi, saya cadangkan supaya segera buat mesyuarat. Saya pun rimas, saya ditahan beberapa kali di masjid, sembahyang waktu pun ditahan. Saya pernah sembahyang di luar masjid, di tepi tangga, sampai macam tu. Saya sedih, yang sepatutnya SOP ini segera apatah lagi nak masuk endemik, jangan tunggu nak masuk endemik, sekarang. Sebab sekarang boleh saya rasa untuk terutamanya sembahyang Jumaat dulu, di mana kita buat shif satu, yang kedua letak khemah lah di luar tu di kawasan 'open air' supaya memastikan untuk kita sama-sama boleh beribadat lah na?

Last sekali saya nak sebut, kita perlu kepada benda baru yang perlu kita 'reform'. Kedua-dua krisis ini perlukan satu 'reform', termasuk negeri. Jadi, saya menyanggah sekali lagi YB. Bandar Baharu yang dia kata tugas utama kita adalah untuk duduk dengan rakyat, memberi bantuan kepada rakyat. Ya… itu betul tetapi tugas utama kita di sini, itu polisi mereka. Segala krisis yang berlaku ini kita perlu bincang di sini.

Sebab tu kami, maslahah apabila melihat kepada perkara ini kita kata perlu bermula dengan Dewan ini tidak perlu dihadkan kepada pukul 1.00. Apa isunya, apa beza pukul 1.00 dengan pukul 3.00 atau pukul 5.00? Apa isunya dikala semua yang hadir ke sini telah di RTK? Negatif semua, yang masuk ni semua 'clear'. Jadi, apa isunya? Padahal, kita nak bincang masalah rakyat ini jauh lebih penting, nyawa rakyat, jangan buat main dengan nyawa rakyat. Kedah hampir 1,700 sekarang, angka terbaru. Jadi, sebab itu selepas ini 'reform' kita di sini kalau di peringkat Exco dia ada Jawatankuasa Tetapnya, tak boleh kekal dengan Jawatankuasa Tetap sahaja tetapi polisi, jemput kami pun tak dak masalah apa-apa. Polisi hari ini apa yang yang kita nak buat dengan isu kesihatan dalam negeri kita pada hari ini. Contohnya Faderal ya, tapi apa peranan kerajaan negeri. Jadi, kalau kita boleh membuat satu reformasi terhadap sistem termasuk daripada segi membuat undang-undang, Dewan yang tertinggi ini tempat kita berbincang untuk rakyat. Jadi, kalau kita sendiri nak had macam itu, kita nak bincang apa? Setahun dah! Jadi, selepas ini saya berharap bersungguh-sungguh YAB. Menteri Besar untuk memastikan perkara ini berlaku, bukan berlaku di Kedah sahaja, seluruh negara, di Parlimen, inilah yang perlu berlaku, reformasi kepada Parlimen ataupun transformasi kepada Parlimen.

Akhir sekali, minta maaf YAB. saya nak sebut beberapa perkara tentang…..(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor, masa sebenar dah habis. Saya bagi masa lebih seminit tu…

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Hat lebih seminit ni saya nak menegur sedikit YAB. Kalau boleh saya…..

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya bagi seminit lagi.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Secara adik beradiklah, terutamanya kematian yang kontena itu. Saya sangat tersentuhlah apabila melihat MB dan saya faham melawak itu bukan hasrat MB pun nak berkata begitu tetapi mungkin ke depan nanti 'control' sikit supaya jangan kata "hang nak bagi nama lah nak masuk kontena tu". Itu sangat tidak baik dan termasuk pegawai-pegawai sekeliling, kalau dalam 'paper' tu kata pegawai MB huru hara, pegawai macam tu juga terutamanya dalam kes Nini Siron Baktor contohnya, jangan ada pegawai-pegawai yang cuba berbohong serta fitnah dan akhirnya ini dibenarkan oleh MKN. YAB. sendiri sebagai orang nombor 1 dalam Negeri Kedah, Pengerusi MKN Negeri melanggar SOP. Leceh la kan? Sangat leceh. Jadi, …..(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor, masa lebih banyak dah ni. Saya rasa…

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sekian, terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Sungai Limau,, kita bincang di luar.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Seterusnya saja jemput YB. Bukit Lada!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamduliilahi robbil 'alamin wassola tu wassala mu'ala rasulil amin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. YB. Timbalan Speaker, YAB. Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ADUN-ADUN, tuan-tuan dan puan-puan, seterusnya pegawai kerajaan yang dirahmati Allah s.w.t sekalian.

Titah Yang Teramat Mulia Tuanku Sultan pada kali ini sangat padat, ringkas dan menyeluruh, itulah yang dapat saya sebutkan. Di awal titah baginda pada muka surat yang ke 3, Tuanku Sultan menasihati kerajaan yang dipimpin oleh Mamanda Menteri Besar agar bersabar dengan karenah masyarakat, tohmahan, kritikan, dan menganggap ia sebagai lumrah dan sebagai satu cabaran. Isu demi isu yang direka untuk menconteng arang kepada ketua kerajaan khususnya YAB. Menteri Besar sengaja diperbesarkan sesuatu yang kecil. Tidak lain dan tidak bukan ialah untuk memadamkan kejayaan, kejayaan yang dibawa oleh YAB. Menteri Besar. Kerajaan yang pantas, kerajaan yang cepat iaitulah "biar cepat asalkan selamat". Di kala pandemik ini, kita dapat mencatatkan pelaburan yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Semua orang dah sebut dah, RM42.4 juta berbanding negeri-negeri yang lain hanya RM1.7 billion dan RM4.3 billion sahaja. YB. Jitra menyebut bahawa simpanan negara RM35 juta, ini kejayaan-kejayaan yang sepatutnya kita banggakan dan ini merupakan suatu khurafat kedua yang dapat dipadamkan yang menyatakan bahawa 'lebai' ini tak pandai memerintah. Jadi, ini yang perlu kita ambil perhatian. Janganlah kita….(YB. Jitra dan YB. Suka Menanti mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Angka tu kena perbetulkan sikit Yang Berhormat, RM35 juta?

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Sikit saja! Sikit saja! Sebab topik tu. Sat gi bagi na?

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Sat! Sat! Baru nak mula…Sat gi saya bagi. Tunggu, tunggu, sat gi saya bagi. Tadi baru cakap saja, Allahuakbar! Sat gi cakap lain, baru bercakap habis taksat saja! Sat gi bercakap lah pulak tak dak masalah, saya pun takdan nak mula lagi (sambil ketawa).

Jadi, kalau boleh saya mengharapkan bahawa kita cuba pandang yang baik, kita lihat yang elok dan Alhamdulillah kita melihat bahawa MB kita ini seorang yang boleh berkhutbah di masjid, dalam ucapan boleh bercakap dalam sidang media yang begitu banyak dan jangan diambil yang 'melawak', berseloroh, biasalah kalau tuan-tuan kenal, Yang Berhormat semua kenal siapa MB kita. Beliau seorang yang suka melawak dan ada orang kampung dekat umah saya sampai hari ni dia duk marah MB, MB buat tak kenai dia sebab MB dulu seorang yang suka melawak sampailah hari ini, itu sikap dia. Janganlah kita menjadikan lawak itu sampai kita nak padamkan kejayaan yang dibawa oleh YAB. Dia pun dah minta maaf dah…sudah lah, kan? Saya rasa ini satu cara, satu usaha yang nak memadamkan kejayaan dan saya nak ulangkan kembali iaitu berkenaan kejayaan kita memadamkan khurafat yang menyatakan bahawa 'lebai' ini tak boleh memerintah sedangkan Nabi s.a.w bukan sekadar menjadi muallim, bukan sekadar menjadi guru tetapi Nabi s.a.w adalah ketua tentera, Nabi s.a.w adalah ketua negara dan Nabi s.a.w merupakan insan pertama yang mencipta perlembagaan yang bertulis di dalam dunia ini iaitu pada Tahun 622 Masihi ataupun pada 1 Hijrah. Saya melihat dan mencatat segala isi yang diutarakan oleh kebanyakan pembahas terutamanya daripada pihak pembangkang, bermula daripada YB. Ketua Pembangkang kemudian YB. Gurun, YB. Jitra dan sebagainya, Alhamdulillah cuma saya tak nampak YB. Anak Bukit saja pada hari ini dan kelmarin tak dak. Jika kita betul-betul serius untuk utarakan pandangan kenapa kita masih lagi ponteng? Dan saya melihat, semua-YB.-YB. kerajaan dan pembangkang dan saya mengucapkan tahniah kepada 2 orang yang masih kekal, YB. Gurun dan YB. Jitra. Kenapa mereka boleh hadir? Dan saya melihat YB. Tuan Speaker yang sangat hebat, dia bagi peluang kepada pembangkang. Ok, sila. Sebut Jitra bangkit terus. Sila! Sila!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Timbalan Speaker, YB. Bukit Lada, yang pertamanya tidakkah YB. Bukit Lada tahu bahawa YB. Anak bukit pun seorang Ahli Parlimen dan menunggu untuk diberi peluang berucap di Parlimen, itu yang pertama.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Dak, soalan! Soalan!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Itu soalan saya. Tidakkah YB. Bukit Lada sedar sebelum menegur macam itu. Yang keduanya, yang hadir ni ramai, tetapi yang dibenarkan berucap hanya 6 orang saja. Jadi, macam mana pula begitu?

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Ok, terima kasih. Sila! Sila! Tak dak masalah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya ingat YB. Guar Chempedak telah menjawab. Kita berbangga sebagai anak Kedah, penduduk Kedah bangga apabila Negeri Kedah nombor 1 dari segi pelaburan RM43 billion tapi saya difahamkan oleh YB. Guar Chempedak semasa menjawab iaitu sepanjang 15 tahun tetapi cara dilaporkan begitu, itu satu. Yang kedua, sudah tentu kami bukan saja berbangga tetapi itu tidak mampu untuk menutup kematian 1,700 orang akibat covid di Kedah. Jadi, itulah yang kami bercakap…..(YB. Bukit Lada mencelah)

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Soalan! Soalan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Kalau kami tak bercakap tu tak dak sapa nak bercakap dah.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Ni nak jawab ni. Oh! Tak dak soalan? Tak pa, Alhamdulillah. Cuma saya nak sebutkan tadi kalau kita betul-betul serius, kita boleh hadir dan kita boleh mencelah. YB. Jitra, kita boleh mencelah dan saya melihat apa yang diberikan oleh YB. Speaker sampai kami duk ketuk berapa kali dia buat tak dengar saja, tapi kalau pembangkang, masyaAllah! Dia boleh bagi. Saya pun seronok, dari dulu lagi YB. Tuan Speaker ketika beliau menjadi Speaker dia memang mesra pembangkang. Tahniah saya ucapkan. Ini cara, tak dak masalah, bagus. Kita melihat kita memberi ruang kepada semua untuk bercakap dan waktu inilah kita boleh kemukakan apa cadangan, apa idea tentang covid saya lihat bila tanya soalan tentang covid 4, 5 orang bangkit dan YB. Tuan Speaker bagi ruang tanya. Ini menunjukkan bahawa bukan bermakna tak boleh berucap, tak mau mai langsung. Bila tak mai bermakna kita sembang sajalah 'kemaih', tapi sebenarnya kalau betul-betul kita "nak seribu daya, tak nak pun boleh seribu dalih".

Sebenarnya kami pun kalau boleh semua nak bercakap, tapi apakan daya, akur dengan saranan KKM demi maslahah dam mudarat yang lebih. Kita pun tengok nak mai tiap-tiap hari kena ludah dulu, mana pernah orang buat kerja ni. Tiap-tiap pagi selepas Subuh saya kerja ludah, lepas ni duk teringat nak ludah tiap-tiap pagi ni. Hat ni KKM suruh ludah, ludaaahhh….Orang suruh ludah kita ludah. Jadi, ini bermakna mudarat, bila mudarat sembahyang pun hari Jumaat yang wajib 3 kali pun kita tak boleh pi, maknanya sembahyang itu perkara yang asas pun kita tak boleh buat, sebab ini kematian. *"Ad-Darurat Tubih al-Mahzurat",* darurat yang haram pun boleh makan, tapi bukanlah bermakna boleh makan semua, ermmm… "aroi ching ching, cham neng kin mot ti kin mot lau cham neng lei" (dengan izin) satu pinggan kita makan kita nak pi tambah lagi, tak boleh la… Mudarat ini hanya makan untuk nak jaga diri kita saja. Ketua Pembangkang, Jitra dan Gurun ni orang lama, depa ni kalau cakap pandai…'engle dan mengasak, tengok 'engle' mana, mengasak pada tempat yang lompong. Saya seronok dengan YB. Gurun sebab dia selalu cakap dan jangan siapa mencelah dia akan jawab dengan jawapan yang sangat hebat. Baru-baru ini saya lihat di Parlimen, bila MP Jerai tanya soalan, dia hebat, dia jawab pusing hebat. YB. Tanjung Dawai tanya lagi soalan dalam Dewan yang sama, soalan yang sama, jawab macam tu juga. Saya pun tak berani nak tanya, sebab apa? Kalau saya tanya dia boleh jawab dengan jawapan yang hebat. Cuma saya harapkan kalau boleh bagi lah suatu yang kita nak cakap tu fakta yang betul. Saya tengok sekarang ini dari tadi, sampai pukul berapa tadi masih lagi belum padam dalam FB Gurun pada 20 Ogos "Bencana Banjir Di Yan Akibat Kerajaan Negeri Bergantung Kepada Balak", itu tajuk dia, tajuk jelas! Takkan duduk jauh, dekat saja dengan Gunung Jerai ni dan Gunung Jerai ni tempat Geopark yang menjadi simpanan, takkan lah ada balak di situ. Tapi nak minta maaf sampai hari tak minta maaf, tak yah duk tanya lah tuan-tuan.

Saya melihat, Ketua Pembangkang menyenaraikan tidak kurang daripada 7 teguran Tuanku dalam titah ucapan baginda. Kawan-kawan saya duk tanya, "hari ni hang nak bawak mai menatang apa pula"? Hari tu saya bawa baju. Saya kata, "hari ni aku nak bawa kertas kosong saja", ni kertas putih ni. Tuan-tuan nak kata apa? Kalau kerajaan dia akan kata kertas ni putih, tapi pembangkang akan cari tang mana ada hitam, dia akan cari tang mana hitam ni. Cari, duk belek, silap-silap dia pi bubuh hitam tang tu lepas tu dia hentam. Tak pa! Tak pa! Tak dak masalah! Inilah yang kita harapkan ada 'check and balance' daripada pembangkang. Sebab itulah saya lihat titah Tuanku ini di awal-awal lagi menasihati kerajaan khususnya YAB. agar bersabar terima ujian, kritikan dan tohmahan. Semua orang akan cari hitam, depa tak akan sebut perkara yang baik yang kita buat, itu pembangkang, Alhamdulillah. Kita hari ini bagaikan seorang ayah menasihati anak, kalau ayah tu sayang kepada anak, dia akan nasihat banyaklah hat benda yang tak elok, "macam ni jangan buat chek no, jangan buat chek no"? Bukan kita boleh menilai 7 sultan nasihat, 4 sultan bangga. Daaakkk….seorang ayah ni kalau dia sayang anak, dia akan tengok tiap-tiap waktu dia akan nasihat ayah dia dan saya sangat kenal yang mana YAB. Menteri Besar kita ini dalam ucapan-ucapan dan cerita-cerita beliau pada kami nampak sangat keakraban YAB. Menteri Besar dengan istana khususnya Tuanku Sultan. Kadang-kadang YAB. cerita kepada kami kisah-kisah menarik menggambarkan keakraban YAB. dengan Tuanku. Kesimpulannya sangat rapat dan sangat mesra, sangat positif.

Antara kisahnya ialah "tuntong dan (koqa) kura-kura", tapi saya tak mau nak cerita saja lah. Kena tanya YAB. menatang apa cerita apa bab tuntong dan koqa ni? Maknanya kalau boleh cakap bab tuntong dan koqa dengan sultan ni kita rapat. Bila seorang yang rapat, dia nak tegur, tegurlah seorang ayah nak menegur anak. Pasal apa yang kita pilih hat negatif? Begitu juga dalam kita mencari sahabat, jangan cari sahabat yang suka mencari kebaikan kita saja, biarlah sahabat kita yang boleh menegur kita. Kadang-kadang kita pi ziarah orang yang sakit, dia kata apa, "ermmm…. ha mai re khrai romai re mai rew leaw" ni orang kampung saya, saya kena sebut juga. Sebab bila saya sebut depa kata, "seronok depa, tak dak orang nak mai tengok kami dah, dulu rapat, dulu baik, tapi hari ni tak dak sapa dah nak mai tengok kami". Jadi, kena macam tu.

Yang keduanya ialah, pembahas pembangkang nak cari alasan kata kerajaan pimpinan tak serius buat kerja. Saya tengok semua boleh kata ramai lah sebab covid ini, bagi pandangan YB. Derga macam-macam pandangan yang dikemukakan, YB. Pengkalan Kundor ni saya tak larat nak bilang 'empowerment' tadi, 'empowerment' ni tak tau berapa kali dia ulang, seolah-olah macam YB.-YB. kita ni ataupun JPKK, Ketua Kampung, mereka ni tak buat kerja. Saya pun pelik juga JPKK, Ketua Kampung kami mesyuarat ni tak tau berapa kali, tak berhenti, minta orang kampung bagi nama, turun ke kampung, saya khutbah, boleh kata tiap-tiap minggu kita khutbah habaq kepada orang kampung, bubuh dalam group, semua cari nama, saya telefon telefon JPKK ni tanya ada nama lagi dak yang tak cucuk? Semua dah cucuk dah, kita buat di Muasasah Darul Ulum baru-baru ni 5,000 dos vaksin yang disediakan. Tapi tak dak orang dah, pakat habis semua cucuk dah. Jadi, sebenarnya saya melihat kita….(YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tak dak orang tu tak betul, masih ramai lagi….

YB. USTAS SALIM BIN MAHMOOD

Tak pa! Tak pa! Saya ada pandangan, semua orang ada pandangan dan kita semua boleh bercakap. Saya jumpa doktor, saya tanya doktor, YB. Kulim mesej dalam group, dia kata "kerajaan gagal". Saya kata, "jangan kata macam tu, jangan cari alasan nak berkelahi" mesej tu saya mesej kepada doktor, saya tanya dia, "tolong bagi jawapan sat" dan saya berjumpa dengan Dr. Hanis, boleh jumpa dia duk ada di sini. Saya tanya dia, "doktor. Tolong bagi sat alasan". Dia kata, "banyak kemungkinan-kemungkinan dia kata, antaranya ialah faktor pekerja-pekerja kilang yang mereka ini cucuk sendiri dan tidak ada nama dalam MySejahtera, tak dak nama". Yang keduanya, faktor dia kata "sepertimana orang Pokok Sena dengan Kuala Nerang". Pokok Sena dengan Kuala Nerang, Kuala Nerang ramai cucuk. Gena tak ramai, orang Pokok Sena pi cucuk di Kuala Nerang dan 350,000 maklumat dalam MySejahtera yang tak dapat diupdate. Jadi, kita nak menyalahkan kerajaan, nak cari hitam boleh cari, boleh pi cucuk dalam kerta putih ni kita boleh nampak hitam. Susahkah nak ucapkan tahniah kepada YAB. Menteri Besar yang dah buat yang terbaik untuk kita?

Kita ni duk start, start tak jalan saja, vespa Haji Samat. Tiba-tiba YAB. Jeneri ambil alih, jalan terus, sebut ni tak tau berapa puluh kali dah dalam Dewan ni, KXP, KXP, KXP tapi start, start tak jalan, yang berjalan vespa Haji Samat.

YB. Speaker, saya ucapkan tahniah kepada YB. Guar Chempedak yang mantap jawapan dia. Bila ditanya nak dapat pengesahan, nak dapat daripada luar negara, daripada wakil syarikat. Bila sudah ada pengumuman daripada pihak kerajaan yang ada syarikat sendiri ada dalam tu, wakil syarikat ada, Perdana Menteri ada, Menteri MITI pun ada dalam tu, itu sudah cukup untuk menjadi suatu kebanggaan kepada kita bahawa pelaburan yang datang ke Kedah ini ialah suatu pelaburan yang sangat besar, yang kita patut bangga dengan pelaburan itu dan saya mengharapkan kita semua sebagai……(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Lada, masa tinggal seminit!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Seminit lagi no? Tudia..

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

YB. Bukit Lada, minta laluan…

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Tak pa, tinggal seminit saja, nak habis dah!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Saya tunggu lama dah. YB. Bukit Lada duk cerita pasal dalam Dewan tak cerita pasal rakyat pun saya puji dah.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Saya nak habis dah, saya puji dah, terbaik! Menang hebatlah, kalau bercakap sat lagi jadi tak elok pulak. Cakap kemaih dah, pi tambah jadi tak sedap. Jika kita pandai 'qosek' buruk orang, orang akan 'qosek' buruk kita. Orang baik, ok lah, kalau kita orang yang buat kerja hebat, buat kerja baik, tak pa lah, maka orang tak akan tengok buruk kita, tapi kita ada buruk. Ni timbul RM13 juta pulak, menatang apa pun kita tak tau, beg mahal lah, macam-macam timbul sebab kita 'qosek' buruk orang. Tutuplah aib orang nescaya Allah akan tutup aib kita.

Saya ada banyak, tetapi saya tak sempat nak sebut. Last sekali, boleh ya YB. Tuan Speaker, iaitu berkenaan dengan satu lagi tajuk ialah "melangsaikan hutang itu satu kejayaan". Melangsaikan hutang itu satu kejayaan dan saya bawa satu buku, dalam buku ini cerita bab muamalah. Disebakan YB. Kulim hadiahkan buku, saya nak hadiahkan buku ini balik kepada YB. Pengkalan Kundor dan YB. Jitra. Sat gi saya akan hadiahkan balik, biasalah orang kalau hadiah kat kita, kita kena hadiah balik kepada dia supaya boleh baca balik macam mana hukum hutang dan sebagainya yang ada dalam buku ni, Muamalah Kitab Al-Fiqh Al-Manhaji di Pustaka Darul Salam Jilid yang ke 6. Kerana dalan Quran Allah s.w.t menyebut;

فَاكْتُبُوْهُ ۗ مُّسَمًّى اَجَلٍ اِلٰٓى بِدَيْنٍ تَدَايَنْتُمْ اِذَا اٰمَنُوْٓا الَّذِيْنَ يٰٓاَيُّهَا"

Ini ayat yang paling panjang dalam Al-Quran yang Allah s.w.t berpesan kepada kita orang-orang yang beriman "***apabila kamu bermuamalah (berhutang) secara tidak tunai, sampai kepada satu waktu hendaklah kamu menuliskannya"***. Maknanya hutang ini suatu perkara yang perlu diambil perhatian, janganlah kita asyik buat hutang, orang lain tolong bayar hutang kita. Allah…sedih sangat. Kerajaan kita YAB. melalui tindakan yang berani iaitu dengan keberanian menamatkan kontrak AUI dan Taliworks yang memberi keuntungan berjuta kepada kerajaan termasuklah Kerajaan Pusat yang menghapuskan pinjaman kita RM699 juta. Ini yang dilakukan oleh YAB. Menteri Besar yang menyatakan bahawa hutang ini perkara yang perlu kita ambil perhatian, janganlah kita hanya asyik berhutang tetapi kita tidak dapat membayar hutang itu.

Saya nak mangucapkan tahniah dan syabas kepada pemain KDA FC yang berjaya melakarkan kejayaan di bawah pimpinan YAB. Menteri Besar iaitu saudara Aidil Sharin Sahak dan saudara Baddrol Bakhtiar, yang menjadi penjaring terbanyak pada musim ini walaupun kemelut hutang dan sebagainya Alhamdulillah, mereka sangat hebat dan kita mengharapkan sepertimana yang disebutkan oleh YAB. Menteri besar sebelum ini, bahawa hutang RM9.7 juta yang sepatutnya orang lain buat, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mai minta dekat MB juga dan kita harap LHDN dapat mempertimbangkan perkara ini dan mungkin YAB. dapat berbincang dengan elok lah. Ada banyak lagi tapi saya rasa itu saja, terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Bukit Lada dan saya ucapkan terima kasih kepada semua pembahas-pembahas dan juga yang membuat celahan dalam Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah.

Urusan seterusnya.

TUAN SETIAUSAHA

Penggulungan di atas Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar oleh pihak kerajaan.

IV. PENGGULUNGAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SECARA DASAR OLEH PIHAK KERAJAAN.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya persilakan YB. Sidam.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasaih YB. Tuan Timbalan Speaker,…..(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya nak ingatkan, masa yang diperuntukkan adalah 13 minit.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih. YAB. Menteri Besar, Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kedah, Ahli-Ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, tuan-tuan dan puan-puan, rakan-rakan media, hadirin dan hadirat sekalian. Salam Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YB. Timbalan Speaker di atas ruang yang diberikan kepada saya untuk mengambil kesempatan ini untuk merafak sembah menjunjung kasih ke atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tunku Sultan Kedah di atas keprihatinan yang diberikan oleh Tuanku Sultan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan.

YB. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, portfolio saya yang pertama adalah perumahan. Isu-isu yang dibangkitkan dalam soalan-soalan lisan dan bertulis yang berkaitan dengan isu PPR Jerlun, Padang Terap dan Langkawi. Pertama projek PPR iaitu program perumahan rakyat di Jerlun, Padang Terap dan Langkawi adalah di bawah pengurusan dan kendalian Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Urusan pemilihan dan pengisian peserta yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pemilihan dan Pengurusan peserta di peringkat JPN, KPKT. Yang pertama, status pembangunan PPR Ayer Hitam, Jerlun telah siap dibina pada 15 Ogos 2019 dan projek diserah kepada JPN pada 25 September 2019. Status pembangunan PPR Kuala Nerang, Padang Terap telah siap dibina pada 28 Oktober 2019 dan projek telah diserahkan kepada JPN pada 14 Januari 2020. Yang ketiga, status pembangunan yang terkini PPR Langkawi seperti berikut; Yang pertama kemajuan kerja fizikal seperti berikut, PPR Kuah tarikh siap yang ditetapkan pada 29 September 2021.

Peratusan kemajuan jadual ialah 98%, peratus kemajuan sebenar sampai sekarang 97%, cuma lewat 1% sahaja. Tentang PPR Ulu Melaka, tarikh siap ditetapkan pada 15 Ogos 2021, peratus kemajuan jadual 100%, peratus kemajuan sebenar 98%, lewat 2%. Merujuk kepada surat daripada JPN, KPKT yang bertarikh 26 Ogos 2021, memaklumkan pengisian bagi PPR Kuala Nerang dan PPR Jerlun dijangka pada bulan Oktober, 2021 tetapi ia tertakluk kepada selepas selesai urusan pinjaman bank oleh pemohon atau peminjam. Bagi pengisian PPR Kuah dan Ulu Melaka masih belum mendapat apa-apa maklum balas daripada JPN, KPKT.

YB. Tuan Timbalan Speaker, isu PPR Kuala Nerang sebanyak 286 unit rumah PPR di Kuala Nerang telah siap dibina beberapa tahun yang lalu. Sehingga hari ini ia masih belum diduduki dan punca yang menyebabkan masalah tersebut berlarutan sekian lama adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor pertama adalah penyerahan projek….. Ya, silakan!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih YB. Tuan Timbalan Speaker dan YB. Sidam. Mengenai PPR Ayer Hitam tadi, sepertimana yang telah dilaporkan oleh YB. Sidam, PPR ini telah siap dibina oleh BDB 2 bulan sebelum tarikh yang sepatutnya disiap iaitu bulan 10 tahun 2019. Ketika itu saya sendiri membawa Menteri KPKT pada ketika itu yang sekarang ini masih lagi menteri tetapi bukan lagi Menteri KPKT melawat PPR Ayer Hitam itu. Sejak ianya siap, sudah lebih setahun berlalu. Senarai pemohon telah disediakan oleh pihak Pejabat Daerah diserahkan kepada Pejabat Perumahan Negeri, dikemaskini di situ kemudian dihantar kepada kementerian. Maklumat terbaru yang saya terima daripada KPKT kerana soalan yang sama saya tanya di Parlimen, ialah 480 orang daripada senarai itu telah pun diluluskan dan ada 170 lagi yang belum, atas masalah-masalah tertentu. Selain daripada itu, katanya ada lebih 100 buah rumah yang sudah rosak kerana dipecah masuk dan dicuri barang-barang elektrik dan sebagainya. Jadi, soalan yang ingin saya bertanya ialah bila boleh dibuat penyerahan kunci rumah ini kepada pemohon-pemohon itu kerana sudah lebih setahun berlalu, rumah pun dah semakin rosak dan siapa yang akan tanggung kerja-kerja pembaikan pada unit-unit yang telah dirosakkan itu?

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Jitra. Saya faham dia banyak projek untuk menamakan berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bertarikh 22 Julai 2020 yang telah memutuskan projek tersebut diserah kepada pihak KPKT untuk menguruskan PPR tersebut termasuk PPR Jerlun. Saya tak boleh menafikan sebab dia punya sistem memang di KPKT. Bila kita masuk nama, ada sesetengah nama disingkirkan dan dimasukkan maka kita 'check' balik bersama dengan SUB Perumahan dan selepas ini kita 'filter' balik dan selepas ini KPKT yang akan pamerkan nama-nama yang layak dan selepas ini terdapat pula sistem-sistem (kita kata sistem tak betullah) tapi selepas ini ia akan masukkan balik sekali lagi dan akan submit kepada kita SUB Perumahan untuk kita tentukan nama yang ada dan kita 'confirm' balik. Kalau tidak saya pun rasa perkara yang sama juga, ada yang 'complaint' termasuk buat aduan bahawa sekeluarga 2 orang, 3 orang dapat, ada sesetengahnya yang memang betul-betul susah tidak dapat.

Sebagai kerajaan SUB Perumahan, kita 'double check' balik nama yang sebenarnya dan kita akan submit. Saya ingin maklumkan bahawa kita baru dapat surat daripada KPKT kalau tak silap kita sama juga, KPKT akan serahkan kunci dijangka pada bulan Oktober 2021 tetapi ia tertakluk kepada kelulusan pinjaman bank lah.

Untuk urusan jual beli PPR, KPKT telah melantik Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) untuk mengurus jual beli rumah tersebut berdasarkan keputusan Majlis Jemaah Menteri bertarikh 14 April 2021 melalui surat daripada KPKT yang bertarikh 30 April 2021. Selain itu sebab kelewatan adalah disebabkan situasi pandemik Covid-19 yang berlarutan yang menyebab urusan penawaran terpaksa ditangguhkan. Merujuk kepada surat JPN KPKT bertarikh 26 Ogos 2021 memklumkan pengisian bagi PPR Kuala Nerang, Jerlun dijangka pada bulan Oktober 2021 tertakluk kepada kelulusan pinjaman bank. Jabatan Perumah Negara (JPN) KPKT telah memaparkan senarai nama. Sekiranya terdapat bantahan bermula 1 September hingga 14 September 2021. YB. Tuan Timbalan Speaker, untuk makluman Ahli Dewan, Kerajaan Persekutuan melalui KPKT telah memperkenalkan skim perumahan baru kepada rakyat yang terkesan…..(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sidam, banyak lagi ka?

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

YB. Tuan Speaker, dalam buku peraturan tamat pukul 1.00, kalau nak lebih kena ada usul, tu kalau nak kena lebih lah. Itu peraturan, dia kena berhenti lah Tuan Speaker kalau tak dak usul.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya rasa YB. Sidam di helaian terakhir dah.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Habiskan! Habiskan! Besoklah sambung.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Baik. Terima kasih YB. Sidam. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.00 pagi esok.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.11 tengahari]

YB. TUAN SPEAKER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahirobbil A'lamin Wassolatu Wassala Muala Asyrofil Iwal Mursalin Wa'ala Alihi Wasohbihi Ajma'in. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula.

BACAAN DOA

TUAN SETIAUSAHA – DOA

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya, Setiausaha.

I. SAMBUNGAN PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

TUAN SETIAUSAHA

Sambungan kepada pertanyaan-pertanyaan mulut.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan No. 13. Silakan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Ketupat daun palas, pohon jawapan No. 13.

13. YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH
[ADUN PENGKALAN KUNDOR]

Walaupun bilangan kes Covid - 19 di Kedah tinggi tapi pemberian vaksin antara yang terendah.

Pohon dinyatakan:-

a) Mengapa ini berlaku?

b) Berapakah jumlah klinik dan hospital kerajaan, klinik dan hospital swasta dan PPV di seluruh Negeri Kedah yang menyediakan kemudahan vaksinasi?

c) Berapakah kos keseluruhan PPV di Aman Jaya dan Suka Menanti?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Ketupat daun nyior, ini jawapan yang nak dengor! Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker, saya harap soalan tambahan 1 saja hari ini, kelmarin sampai 4. Letih saya nak jawab.

Untuk YB. Pengkalan Kundor terima kasih di atas soalan yang dikemukakan. Pemberian vaksin bergantung kepada bekalan vaksin yang diagihkan. Sepertimana yang saya sebut semalam, pada awalnya disebut banyak tetapi oleh kerana masalah di Greater Klang Valley yang dijanjikan kepada kita itu dibawa balik sebab itulah pada awalnya naik lepas itu turun balik.

Pada peringkat permulaan PICK Negeri Kedah, bekalan vaksin yang diterima adalah sedikit tetapi meningkat semula pada bulan Julai 2021 lepas itu turun balik disebabkan oleh di Siphon ke Greater Klang Valley

Jumlah PPV yang aktif sehingga 4.9.2021 adalah sebanyak 114 buah. PPV Awam sebanyak15 buah, Special PPV (SPPV) adalah di 4 buah hospital bagi tujuan rujukan bagi mereka yang memerlukan pemerhatian khusus semasa proses pemberian vaksin (Hospital Sultanah Bahiyah, Hospital Sultan Abdul Halim, Hospital Kulim dan Hospital Sultanah Maliha), PPVGP sebanyak 60 buah dan 5 PPV Hospital swasta (PPVHS). Terdapat juga 12 PPV Klinik Kesihatan Awam (PPVKK) di 5 daerah yang beroperasi. Perincian adalah seperti PPV Awam – 15, SPPV - 3, PPVGP - 60, PPV Hospital Swasta - 5, PPV Integrasi - 3 PPV Awam Swasta – 3, PPV MEGA Sungai Petani - 1, PPV KK - 12 dan PPVMOBILE – 11. Jumla semuanya adalah 114.

Kemudian, jumlah kos yang digunakan untuk PPV Amanjaya dan Suka Menanti. Di PPV Stadium Abdul Halim, Suka Menanti ialah RM 953,117.15 manakala PPV Amanjaya Sports Arena, Sungai Petani ialah RM 24,676.75. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Tuan Speaker, soalan tambahan saya adalah Kedah dikenalpasti diantara negeri yang sejarahnya tinggi dari segi penolakan kepada vaksin. Tahun 2006, kematian difteria adalah paling tinggi di Negeri Kedah. Jadi, pada pandangan YB. Tokai, berapa peratus yang menolak vaksin dalam konteks Covid-19 ini dan apakah peranan yang telah dimainkan oleh kerajaan negeri untuk memastikan bahawa mereka-mereka yang tidak mahu menerima vaksin ini akhirnya bersama untuk menerima vaksin.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor. Alhamdulillah sejak kita mengadakan Program Outreach dan juga penerangan-penerangan di peringkat daerah melalui pemimpin-pemimpin di daerah, kita dapati jumlah yang menolak vaksin ini semakin berkurangan. Kalau tanya saya kepada statistik tu memang saya tidak ada di sinila. Kemungkinan kalau pihak apa di peringkat daerah boleh memberi, Insya-Allah saya akan kemukakan kepada YB. Pengkalan Kundor. Kita dapati statistik pemberian vaksin, makin meningkat yang dos pertama pun 80% lebih, dos kedua ini, 64%. Dos kedua ini ada 130,800 kita bagi astrazaneca. Astrazaneca ini kita bagi ikut second dose dia 9 minggu, dia kalau ikut 4 minggu hingga 12 minggu tapi kalau kita ambil yang tengah 9 minggu. Tapi kehadiran Menteri Kesihatan baru ini , dia kata dia akan meminta dipendekkan supaya second dos kita itu boleh meningkat dengan cepat.

Jadi alhamdulillahlah kita nampak semakin berkurangan kepada penolakan vaksin pada mereka-mereka yang menolak vaksin ini telah ataupun mengeluarkan kenyataan terhadap penolakan vaksin telah di dakwa di mahkamah dan kebetulan doktor juga dia tu dan mungkin dengan adanya kes macam ni tak ramailah yang menolak vaksin sekarang. Kita harap perkara ini akan terus apa bertambahlah mereka-mereka yang mendapat suntikan vaksin daripada pihak apa kesihatan kita. Terima kasih YB. Pengkalan Kundor.

YB. TUAN SPEAKER

Saya bagi YB. Kuala Nerang dulu!

YB. TUAN HJ.MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Speaker. Soalan tambahan saya berhubung dengan apa yang telah diberi penjelasan oleh YB. Tokai dan disebut juga oleh YB. Pengkalan Kundor tadi! Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa peranan kita, peranan pemimpin-pemimpin politik, peranan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat sama ada melibatkan penghulu, JPKK, Tok - Tok Imam, Ketua-Ketua Jabatan dan kerjasama sangat erat antara semua pihak ini perlu dipertingkatkan untuk kita menggiatkan atau merancakkan lagi supaya peratus ini dapat dicapai dengan lebih cepat untuk dos yang pertama dan kedua ini dan saya mengucapkan tahniah kepada yang baru nak pakai Kerana telah dapat berjaya untuk mencapai tahap yang telah disebutkan 80 peratus jadi tuan Saya kira pengalaman di Padang Terap patut menjadi contoh. Kita ucap tahniah kepada Dato' DO dan juga Pegawai Kesihatan Daerah menjadi daerah yang pertama yang sampai 100 % dos pertama. Juga di antara langkah yang mereka lakukan ialah melalui pandu lalu yang dibuat juga yang pertama di Kedah. Jadi, usaha-usaha yang digemblengkan oleh masyarakat setempat, pemimpin tempatan turun kempen, Jabatan Penerangan Japan dan seumpamanya bersama dengan pemimpin-pemimpin politik dan sebagainya. Ini meningkatkan jadi formula kepada tercapainya angka 100% dengan lebih cepat. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa gerakan ini perlu diperkasakan. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bakar Arang, silakan!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih YB. Speaker, terima kasih YB. Tokai. Kita telah pun mendengar penjelasan dari YB. Tokai dan YB. Tokai juga mengaku bahawa vaksin kita lambat dan disebabkan pemberian itu diutamakan dan diberi kepada kes yang serius. Saya nak tanya di Kedah pada bulan Mei hingga September, sebenarnya kita juga amat serius khususnya kita serius di Daerah Kuala Muda. Saya rasa kalau dikira positif kes 100,000 penduduk kita juga tidak kalah kepada Klang Valley, saya rasa sebab Klang Valley itu populasinya besar. Memang mereka banyak orang positif. Disini kita 2,000 new cases setiap hari dan di Kuala Muda penduduknya sebegini, rate kita juga sangat tinggi. Soalan saya ialah nyawa orang Kedah ini tidak senilai dengan orang Klang Valley dan adakah pihak kerajaan negeri dan persekutuan tidak mengambil berat terhadap orang Kedah ini dan kalau pemberian diutamakan kepada Klang Valley tetapi kita tengok pemberian vaksin di negeri selain daripada Klang Valley. Kedah sampai tahap jatuh no.3 daripada belakang. Kalau positif kes kita nombor 3 atau tinggi sekurang-kurangnya selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan, pemberian vaksin kita dapat nombor 3. Tapi kita tercorot belakang nombor 3. Jadi, ini menyebabkan ramai meninggal dunia. Jadi, itulah soalan saya kepada YB. Tokai. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih Tuan Speaker, kepada YB. Bakar Arang, kepada YB. Kuala Nerang. YB. Kuala Nerang tanya saya setuju ataupun tidak setuju. Memang saya setuju lah! 101% saya setuju. Untuk YB. Bakar Arang, adakah nyawa orang Kedah tak penting? Semua penting YB. Bakar Arang sebab itu kita mendesak untuk tubuhkan PIKAS di Kuala Muda iaitu industri sebabbanyak kes pada ketika itu kluster dia dari industri, kita tubuh industri di Kulim sebab orang Kulim,Kuala Muda ini dia berhubung antara satu dengan lain dan juga kita buka Pusat Vaksinasi Mega di Sport Arena di Amanjaya 5,000 suntikan satu hari. Jadi, itulah yang kita telah laksanakan untuk meningkatkan vaksinasi terutamanya di Kuala Muda. Terima kasih YB. Bakar Arang. Terima kasih YB. Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Soalan mungkin satu hari nanti kita akan buat bengkel kaedah bertanya soalan dan bengkel kaedah menjawab soalan. Jadi kadang-kadang tanya tu dia pi kut lain dulu, dia pergi buat cerita dulu, last dia baru tanya. Kalau boleh bangun tanya teruslah. No. 14, silakan!

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, saya mohon jawapan bagi soalan nombor 14.

14. YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE
[ADUN BELANTEK]

Apakah langkah-langkah dan persiapan yang diambil oleh kerajaan negeri dalam memajukan dan mengembangkan industri pertanian selaras dengan program pembangunan ekonomi Kerajaan Pusat dalam sektor pertanian?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Lunas!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih YB. Speaker, Terima kasih YB. Belantek yang bertanyakan soalan. Apakah langkah-langkah dan persiapan yang diambil oleh kerajaan negeri dalam memajukan dan mengembangkan industri pertanian selaras dengan program pembangunan ekonomi Kerajaan Pusat dalam sektor pertanian?

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah mengenalpasti beberapa tumpuan utama yang akan diberikan dibawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021 – 2025.

Bidang fokus tersebut adalah seperti berikut : mempercepatkan aplikasi teknologi moden, yang kedua mengoptimumkan saiz ladang untuk produktiviti, yang ketiga mewujudkan rantaian nilai agro makanan yang lebih efisien, yang keempat memperkukuh spesifik industri termasuk padi dan berask sayur-sayuran dan buah-buahan, ruminan dan perikanan dan yang kelima meningkatkan nilai tambah dalam industri makanan dan asas tani. Bidang fokus tersebut akan disokong oleh pelbagai strategi untuk memacu hala tuju sektor agro-makanan bagi tempoh lima tahun yang akan datang. Sudah tentu perancangan akan melibatkan beberapa projek dalam RMKe-12.

Antara projek-projek yang disenaraikan di bawah RMKe-12. Yang pertama adalah menaik taraf kemudahan latihan teknologi pertanian di Kolej Pertanian Malaysia di Bukit Tangga Kedah. Yang kedua membina dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran serta kerja-kerja lain yang berkaitan di skim-skim pengairan luar Jelapang daerah Kubang Pasu. Yang ketiga membina dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran serta kerja-kerja lain yang berkaitan di skim-skim pengairan luar Jelapang di Daerah Padang Terap Kedah. Yang keempat, membina dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran serta kerja-kerja lain yang berkaitan di skim-skim pengairan di daerah Langkawi Kedah.

Yang ke-5 membina dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran serta kerja-kerja lain yang berkaitan di skim-skim pengairan Daerah Sik. Yang keenam, membina dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran serta kerja-kerja lain yang berkaitan di skim-skim pengairan daerah Kulim. Yang ketujuh, membina dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran serta kerja-kerja yang berkaitan di skim-skim daerah Baling, membina dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran serta kerja-kerja yang berkaitan di skim-skim peran daerah Kuala Muda, membina dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran di skim-skim pengairan di Daerah Bandar Baharu. Yang kesepuluh, projek skim pemindahan Air Jeniang Transfer, Kedah dan projek perintis tanaman padi pulut dan penawaran beras pulut di Langkawi. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Soalan tambahan YB. Tuan Speaker. Terima kasih di atas penjelasan yang diberi tapi dalam pertanian ini saya nak sentuh satu dimana tidak disebut sebelum ini dan mungkin luar jangka. Kita hanya baru selesai musim kelesik ini buah kayu, musim durian, rambutan, dokong, langsat dan sebagainya. Tapi kita tidak jangka bahawa covid ini pun sama, dia telah menutup ruang dan rezeki buah-buahan yang ada di kampung Baling, Padang Terap dan Sik. Kerana buah tahun ini alhamdulillah rambutan, durian, dokong ini lebat. Tapi tak boleh bawa keluar, perih tak boleh ambil, nak jual orang tak beli di sepanjang jalan. Peringkat awal dijual. Bila dijual dia tak boleh nak dapat hasil kerana orang tak boleh keluar. Rupanya covid ini kesan kepada petani. Tauke buah.

YB. TUAN SPEAKER

Belantek nak tanya soalan ka?

YB. USTAZ MOHD ISA BIN SHAFIE

Nak tanya ni.. kena terang dulu. Alhamdulillah saya ucap tahniah kepada Jabatan Pertanian melalui FAMA itulah membuat satu idea yang boleh merumuskan satu kesejahteraan kepada penduduk Sik yang mana FAMA turun untuk dapatkan buah-buahan, dokong dan sebagainya dan MB sendiri turun untuk merasmikan, keluarkan dokong-dokong di Sik ini, pergi ke tempat taman-taman ataupun di kawasan tempat yang tiada buah-buahan untuk dijual. Jadi, di sini beri juga subsidi lagi kepada pekebun-pekebun. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah di atas usaha ini. Soalan saya, adakah tindakan ini hanya sekadar tahun ini ataupun kita berterusan lanjut untuk membantu kaedah bagi petani-petani yang ada sumber-sumber kewangan melalui buah-buahan tadi. Adakah kerajaan bercadang untuk membuka tindakan ataupun projek macam ini di kawasan-kawasan yang lain, Padang Terap ke Baling. Ianya pada peringkat awal bukan pasal mutakhir, habis buah baru nak mari. Soalan saya adakah ianya berterusan dan minta buka di kawasan-kawasan yang selain daerah Sik tadi.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Lunas!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih YB. Tuan Speaker, YB. Belantek. Saya faham apa yang telah dinyatakan tentang pemasaran buah-buah kayu di Negeri Kedah ini. Antara masalah yang kita kenal pasti contohnya seperti saya dapat maklumat saya kaji di bawah, rambutan Deli baling memang antara buah-buahan yang dieksport ke luar negara. Tapi pada musim covid ini, pemasaran dia agak terhad dan tersekat namun begitu FAMA dan Jabatan Pertanian, kita mengusahakan buah dokong untuk dikumpulkan dan dihantar ke Lembah Klang. Antara perkara yang menjadi masalah juga adalah petani-petani kitalah, masa harga mahal dijual terus, dia tak melalui FAMA, bila dia dah tak boleh jual, dah teruk baru di acari FAMA. Jadi, itu perkara-perkara yang menjadi antara masalahlah dan memang pandemik covid memberi kesan dah. Saya turun melihat di kawasan-kawasan kampung, banyak buah-buah rambutan yang merah, hitam di atas pokok, tak dikait dan sebagainya.

Jadi, perancangan kita adalah saya telah mencadangkan kepada Pegawai Kerajaan Negeri supaya ada agensi kerajaan yang boleh dikumpulkan buah-buah ini yang telah dicadangkan sekian lama saya tekan supaya tahun depan ada bajet untuk kita kumpulkan buah-buahan ini khususnya rambutan supaya boleh ditinkan dan di pasarkan. Sekian terima kasih

YB. TUAN SPEAKER

Soalan No. 15.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN MOHD ZAWAWI

YB. Tuan Speaker, soalan tambahan!

YB. TUAN SPEAKER

Soalan 15!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN MOHD ZAWAWI

Soalan tambahan tak kan tak bagi langsung! Baru satu soalan saja!

YB. TUAN SPEAKER

Minta maaf. Silakan YB. Alor Mengkudu.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN MOHD ZAWAWI

Terima kasih. Kita sedia maklum bahawa Kedah ini adalah negeri pertanian walaupun ada industri dan sebagai besar pada rakyat terlibat dengan pertanian. Jadi, saya nak tanya soalan terus tak mau bagi panjang. Adakah pihak kerajaan menyediakan satu roadmap, hala tuju pertanian khusus untuk isu Kedah ini. Nasional saya tahu ada buku tu tapi khususnya adakah ada satu roadmap daripada mula bila, tahun bila mula, bila berakhir satu roadmap itu. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Lunas!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih YB. Alor Mengkudu. Memang kita di Negeri Kedah seperti yang kita maklumi kita ada kluster-kluster mengikut daerah, kawasan-kawasan ataupun daerah-daerah yang menanam ataupun menjadi tumpuan kepada beberapa jenis tanaman. Itu antara kaedah untuk kita mengenal pasti hasil-hasil yang dikeluarkan di Negeri Kedah. Insya-Allah perancangan-perancangan untuk meningkatkan pertanian khususnya kita di Negeri Kedah ini sebagai jelapang padi. Itulah antara perkara-perkara yang menjadi tumpuan untuk kita meningkatkan kadar SSL kita di Malaysia ini Kedah 40%, Malaysia 75%, sebab itu di cadangkan projek-projek SBB, Sawah Berskala Besar untuk meningkatkan hasil padi dengan jumlah keluasan kita yang sama tapi dalam masa yang sama kapasiti pengeluaran itu dapat ditingkatkan.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN MOHD ZAWAWI

YB. Tuan Speaker, soalan tu mudah saja, sebab itu yang nak kena ada kursus tu! Saya tanya ada ke tak ada road map tu?

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Ada, tadi kan saya dah habaq awal!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN MOHD ZAWAWI

Kalau ada tak pa lah!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Ada kluster-klusternya. Saya nak elaborate sikit.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN MOHD ZAWAWI

Pasal nak tanya road map tu nak boleh edar ke dak?

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Insya-Allah!

YB. TUAN SPEAKER

Soalan No. 15.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Speaker, Kota Darul Aman pohon jawapan bagi soalan nombor 15.

15. YB. ENCIK TEH SWEE LEONG
[ADUN KOTA DARUL AMAN]

Pengangguran golongan belia meningkat susulan penutupan sektor-sektor ekonomi yang berpanjangan. Apakah pelan rangsangan ekonomi yang ditawarkan oleh kerajaan negeri untuk membantu golongan ini bagi mendapatkan pekerjaan baru?

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

YB. Tuan Speaker bagi menjawab soalan nombor 15 yang ditanyakan oleh YB. Kota Darul Aman berkenaan dengan Pengangguran golongan belia meningkat susulan penutupan sektor-sektor ekonomi yang berpanjangan dan apakah pelan rangsangan ekonomi yang ditawarkan oleh kerajaan negeri untuk membantu golongan ini bagi mendapatkan pekerjaan baru?

Melalui Kerajaan Negeri telah pun mengambil beberapa langkah bagi mengatasi isu pengangguran dikalangan belia di Negeri Kedah. Antara langkah-langkah tersebut adalah dengan menyediakan Bantuan Kewangan Mikro Kredit Kedah Sejahtera di bawah Unit Pembangunan Usahawan Negeri Kedah (UPUK). Melalui UPUK sejumlah RM2.86 juta pinjaman mikro kredit telah pun disediakan bagi mana-mana usahawan ataupun belia usahawan yang menceburi bidang perniagaan untuk mendapatkan pinjaman sehingga RM5,000.00. Bagi tahun 2021 adalah sebanyak 367 orang telah mendapat manfaat pinjaman ini dan daripada jumlah tersebut seramai 126 orang adalah penganggur.

Selain itu, bagi turut memperkasa bila kita sebut mengenai plan rangsangan yang merangkumi semua aspek. Bukan sahaja pinjaman malahan kerajaan negeri melalui Kedah Digital Center turut membuat kursus merekacipta website dan photoshop serta melalui UPUK juga ditawarkan kursus seperti pengurusan kewangan & pemasaran digital. Bila kita lihat Covid-19 melanda, banyak syarikat-syarikat telah pun menghadapi masalah yang telah berniaga hampir 15 tahun, 20 tahun terpaksa tutup kerana kita dapat masalah dari segi pengurusan kewangan.

Jadi, bila melihat perkara itu, UPUK telah menyediakan kursus-kursus untuk menaikkan balik syarikat ataupun menaikkan balik perniagaan. Berdasarkan Kedah 2035 unjuran peluang pekerjaan khususnya melibatkan graduan lepasan bidang profesional dijangka diwujudkan berdasarkan Projek Impak Tinggi seperti berikut, yang pertama Kedah Science & Technology Park (KSTP) di mana peluang pekerjaan 23,244 dalam tempoh 15 tahun. Yang kedua, Kota Perdana SBEZ dimana peluang pekerjaan 21,000 dalam tempoh 20 tahun. Yang ketiga, Kedah Rubber City (KRC) dimana peluang pekerjaan 15,000 dalam tempoh 15 tahun. Yang keempat, Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) - 18,000 dalam tempoh 30 tahun dan Sidam Logistics, Aerospace & Manufacturing Hub (SLAM) - 24,000 dalam tempoh 30 tahun. Ini yang disediakan oleh para belia dan rakyat Negeri Kedah. Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Tuan Speaker, soalan tambahan saya ialah kenapa kerajaan bagi bantuan kewangan kedah sejahtera melalui pinjaman dan bukannya geran 'one off' kepada golongan belia sedangkan kerajaan mempunyai simpanan tetap RM650 juta. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih YB. Kota Darul Aman. Yang pertamanya kenapa kerajaan bagi bantuan pinjaman dan bukannya geran. Kita kena melihat juga kantung kerajaan kalau kata bagi 'one off' boleh tapi dengan berskala besar kemampuan kerajaan adalah terhad, kita bukan satu negeri yang kaya, kita bukan satu negeri yang mempunyai banyak simpanan. Kalau bukit pun kita tarah habis. Pinjaman adalah kayu ukur untuk usahawan itu buat betul-betul, berniaga betul-betul dan sebab apa dia ada komitmen untuk bayaran balik. Jadi, bukan kata kita bagi 'one off 'kita tinggal terus. Kita bagi pinjaman dan kita 'guide' dia untuk uruskan perniagaannya dengan lebih baik dan ada komitmen untuk bayaran balik untuk dia menguruskan perniagaannya dengan lebih baik dan dia dah ada komitmen untuk bayaran balik. Ini yang kita buat bukan kata bagi pinjaman saja tapi kita bagi kursus, kita bagi segala macam untuk usahawan itu, kalau perniagaan itu tak berjaya mungkin kita boleh lihat dari segi 'angle' yang lain, perniagaan-perniagaan yang lain yang boleh dia buat, janji ada kemahuan dan ada komitmen untuk bayaran balik. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Bandar Baharu. Tanya soalan yang padat.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan kita tahu masalah graduan menganggur, golongan belia yang dikatakan sebagai graduan belia covid meninggi dan meninggi dan meningkat setiap 2019, 5,500 dan sekarang telah mencecah 9,500 bagaimana kerajaan mengambil tindakan untuk 'matching' kan golongan belia yang dikatakan golongan graduan covid yang 'online' belajar 'online', lulus pun secara 'online' dan sebagainya dengan peluang-peluang pekerjaan ini dan dijangkakan akan bertambah-bertambah menganggur golongan belia di Negeri Kedah ini.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Boleh sekalikan!

YB. TUAN SPEAKER

Baik, silakan!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

YB. Speaker, kita melihat kecenderungan beliau sekarang bukan hanya pada makan gaji, ada yang suka untuk berniaga. Jadi, mungkin pihak kerajaan boleh menyediakan satu dana untuk kita panggil kajian yang dilaksanakan oleh mana-mana IPT mengenalpasti perniagaan yang berkos sederhana kemudian kita memberikan peserta-peserta yang berminat untuk perniagaan-perniagaan itu untuk kita memberikan pembiayaan secara pinjaman dan barulah kita berfokus dan kita boleh mencari peserta yang mencukupi bagi setiap perniagaan-perniagaan yang sederhana dia punya modal dia, dan adakah kerani boleh dilaksanakan? Terima kasih .

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih YB. Speaker dan terima kasih YB. Bandar Baharu dan juga YB. Sungai Limau atas soalan tambahan. Yang pertamanya berkenaan dengan belia 'online covid' ini ataupun graduan-graduan yang di masa covid ini, kalau kita tengok sekaranig ni platform online menjadi satu trend yang amat ketara sekali berbanding dengan kita bergerak ke tempat tersebut untuk membeli barang dan kalau kita tengok pembelian-pembelian melalui Shopee, melalui Lazada dan juga jualan-jualan melalui food panda dan juga grab food amat-amat meningkat dengan begitu banyak dan juga rider-rider ini juga turut disertai oleh belia-belia yang yang terkesan sekarang ini. Oleh itu, melalui UPUK juga bukan kata pinjaman depa nak buat perniagaan tetapi pinjaman ini juga disediakan untuk kalau kata depa yang nak buat rider ni dia boleh buat pinjaman dan dia nak kena ada kenderaan untuk buat food panda ini untuk buat grab food ini dia boleh pi beli motor, dia boleh beli motor kerana nak buat kerja dia kena ada barang baru dia boleh buat kerja sampai ke tahap macam tu yang perlukan bantuan-bantuan yang disediakan oleh UPUK.

Berkenaan dengan apa yang ditanyakan oleh YB. Sungai Limau, saya setuju dan Insya-Allah kita boleh lihat apa yang boleh dicadangkan dan saya ingin menambah sedikit lagi melalui kerajaan negeri juga, kita telah sediakan khemah perniagaan, kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat tengok, yang warna hijau kuning tu yang dia tulis Kedah sejahtera itu disediakan oleh kerajaan negeri ke semua Dun dan juga Penyelaras Dun sebanyak 100 unit, bukan kata khemah saja, dia bagi sekali dengan meja dan juga pelapik meja itu untuk berniaga dan sebagainya so inilah antara kerajaan lakukan dalam tempoh covid ini dan Insya-Allah YAB. Jeneri juga akan lihat untuk tahun hadapan. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan soalan nombor 16.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Speaker. Saya mohon jawapan kepada soalan nombor 16 berhubung projek perumahan rakyat di Kuala Nerang.

16. YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA
[ADUN KUALA NERANG]

286 unit rumah PPR di Kuala Nerang telah siap dibina beberapa tahun yang lalu. Sehingga hari ini ia belum diduduki.
Pohon dinyatakan apakah punca yang menyebabkan masalah tersebut berlarutan sekian lama dan bilakah dijangka akan mula diduduki?

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Tuan Speaker, jawapan untuk soalan 16 yang ditanya oleh YB. Kuala Nerang. Punca berlakunya masalah tersebut adalah disebabkan beberapa faktor berikut:

Yang pertamanya ialah penyerahan projek. Berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bertarikh 22 Julai 2020 [Kertas No.7(F)316/2020] telah memutuskan projek tersebut diserahkan kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk pengurusan PPR tersebut.

Yang kedua ialah Urusan Jual Beli PPR. KPKT telah melantik pihak Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) untuk menguruskan jual beli rumah tersebut berdasarkan keputusan Majlis Jemaah Menteri (MJM) bertarikh 14 April 2021 melalui surat daripada pihak KPKT bertarikh 30 April 2021.

Yang ketiga ialah situasi Pandemik Covid-19 yang berlarutan menyebabkan urusan penawaran terpaksa ditangguhkan. Merujuk kepada surat dari JPN, KPKT bertarikh 26 Ogos 2021 memaklumkan pengisian bagi PPR Kuala Nerang dijangka pada awal bulan Oktober 2021 tapi tertakluk kepada kelulusan pinjaman bank.

Jabatan Perumahan Negara (JPN). Jabatan Perumahan Negara JPN, KPKT telah memaparkan senarai nama-nama sekiranya terdapat apa-apa bantahan yang bermula daripada 01 September hingga 14 September 2021.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Soalan tambahan YB. Speaker. Alhamdulilah yang pertama tahniah dan syabas kepada YB. Exco dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah berjaya menyelesaikan isu ini yang telah lama dan berapa kali telah dibangkitkan.

Yang kedua soalan tambahan saya ialah adakah Yang Berhormat setuju, ini adakah salah satu daripada bukti bahawa kesungguhan dan kecekapan tadbir urus kerajaan hari ini menyelesaikan masalah yang telah berlarutan sekian lama. Kemudian, apakah perancangan kerajaan untuk membantu dari segi perumahan kepada rakyat yang terkesan dengan pendemik covid ini serta apakah usaha untuk memastikan supaya tidak berulang isu lewat. Lewat ni apa yang saya masukkan tidak berulang isu dalam Mesyuarat Exco pada 12 Jun 2016, kemudian mula buat 2015 bulan Julai, siap 28 Februari 2018 sepatutnya tetapi lanjutan masa EOT siap pada 28 Oktober 2019. Jadi, apakah jaminan usaha untuk kerajaan memastikan supaya perkara ini tidak berulang dan dapat diselesaikan dengan cepat mungkin pada masa akan datang. Sekian terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ada orang lain nak tambah tak? Silakan YB. Jitra.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih YB. Speaker. Saya mohon penjelasan kerana disebut tadi bahawa kerajaan kita cekap dan boleh segera selesaikan masalah. Saya lihat amalan birokrasi yang melampau kata ‘redtape’ (dengan izin) sehinggakan satu projek perumahan bertujuan untuk membantu rakyat termiskin dalam negeri kita ini. Walaupun siap awal sepertimana kes PPR Ayer Hitam, disiapkan dua bulan lebih awal daripada tarikh sepatutnya oleh pihak BDB anak syarikat kerajaan negeri tetapi proses untuk meluluskan senarai pemohon yang walaupun bermula sewaktu pembangunan tu masih berjalan tetapi setelah di siap pun lebih 1 tahun 4 bulan lebih masih lagi tidak boleh diserahkan kunci dan sehingga kini kita dapati banyak daripada rumah- rumah tersebut rosak akibat daripada pecah masuk dan ianya turut berpunca daripada ketiadaan perkhidmatan keselamatan yang menjaga kawasan itu kerana BDB sudah serahkan kepada pihak kerajaan. Tidakkah boleh sebuah kerajaan itu merancang dengan lebih teliti supaya bila sahaja siap terus diluluskan dan diagihkan kepada pemohon-pemohon yang layak. Itu pertanyaan saya.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Suka Menanti! Ringkas dan padat!

YB. DATO' HJ. ZAMRI BIN YUSOF

Terima kasih YB. Speaker. Bagi saya mudah sahaja penduduk di Kuala Nerang boleh bawa beg bulan Oktober ini masuk ke PPR Kuala Nerang. Tapi YB. Tuan Speaker, yang kita bimbang ialah sekali lagi bila mereka dah dapat tawaran itu nanti, mereka ada masalah untuk berurusan dengan bank. Jadi, saya mohon Bahagian Perumahan ini belajar daripada Jabatan Zakat Negeri Kedah macam mana dia boleh berurusan dengan bank. Asnaf zakat pun mampu dapat pinjaman dari bank.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Sidam!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB. Jitra. Memang tak dapat dinafikan memang banyak birokrasi tapi saya rasa bukan kerajaan sekarang juga tapi kerajaan dahulu pun ada juga birokrasi. Tapi saya rasa kita akan 'do our best' untuk membaiki birokrasi bersama dengan sistem yang macam tidak lengkap. Tak boleh nafikan. So kita akan buat secepat mungkin apa yang kita patut buat. Yang lainnya, saya akan jawab dalam penggulungan.

Untuk YB. Suka Menanti pula, tentang bank kita akan buat 'one stop center' contohnya di Jerlun atau di Kuala Nerang 'one stop center' kita akan bekerjasama dengan pihak bank setakat ini kita sudah serah kepada SPMP untuk menawarkan semua tawaran. Bersama dengan bank kita akan buat 'one stop center' more easy for ok untuk pinjaman. Bank yang sedang kita bincang adalah bank islam dan bank simpanan nasional.

Seterusnya untuk menjawab soalan tambahan dari YB. Kuala Nerang. Saya setuju sangat untuk kita membantu terutamanya semasa covid sekaranglah, buat masa ini kerajaan negeri bekerjasama dengan kerajaan pusat untuk mewujudkan kawasan perumahan baru atau utilize rumah PPR yang masih kosong terutamanya fokus kepada Golongan B40 dan M40 sebagai contoh.

Rumah Ikram KPKT, telah diputuskan pada 15 September 2021 oleh KPKT, telah memperkenalkan rumah Rumah Ikram KPKT. Rumah Ikram KPKT adalah inisiatif kediaman rumah kediaman keluarga Malaysia khusus kepada rakyat Malaysia terkesan akibat Pandemik Covid-19. Inisiatif yang berkonsepkan sewaan kediaman di bawah projek perumahan rakyat iaitu PPR sehingga tempoh maksimum dua tahun pada kadar sewa yang paling minimum iaitu RM124.00. Lokasi Rumah Ikram yang di Kedah adalah di PPR Sinar Intan 3 Sungai Petani, PPR Bandar Amanjaya Sungai Petani, PPR Kota Setar, Kampung Kilat Alor Setar.

Pemohon boleh membuat permohonan terus secara atas talian iaitu online iaitu kpkt.gov.my. Saya juga telah mula berhubung dengan syarikat satu lagi adalah dengan Syarikat Perumahan Negeri Berhad iaitu SPNB bagi membincangkan bagaimana kerjasama kerajaan negeri bersama dengan SPNB bagi mewujudkan Rumah Mesra Rakyat secara lebih meluas Dan memberi peluang kepada rakyat di negeri ini terutama dari golongan yang muda. Bagi menampung permohonan rumah melalui kerajaan negeri yang terlalu banyak terutamanya di beberapa daerah tertentu. Selain itu, SPNB juga menawarkan rebat berjumlah RM20,000 bagi menampung kos setiap pemohon yang telah diluluskan permohonan mereka. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 17!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Salam sejahtera Tuan Speaker, mohon jawapan soalan nombor 17. Terima kasih!

17. YB. ENCIK OOI TZE MIN
[ADUN BAKAR ARANG]

Dalam keadaan pendamik, e-dagang adalah salah satu perniagaan yang berpotensi bagi peniaga tempatan.

Pohon dinyatakan:-

a) Apakah pencapaian e-dagang di Negeri Kedah?

b) Berapakah jumlah peniaga dari Negeri Kedah yang menjual di platform seperti Shopee dan Lazada?

c) Nyatakan 5 jenis jualan yang paling berjaya (dari segi jumlah sales) di e-dagang di Negeri Kedah.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Yang Berhormat Speaker, bagi menjawab soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Adun Bakar Arang berkenaan dengan pandemik covid keadaan sekarangni, e-dagang adalah salah satu perniagaan yang berpotensi tinggi bagi peniaga-peniaga tempatan. Pohon nyatakan, apakah pencapaian e-dagang di negeri kedah. B berapakah jumlah peniaga dari negeri kedah yang menjual di platform seperti shopee dan lazada. Nyatakan 5 jenis jualan yang paling berjaya dari jumlah sales dengan izin di e-dagang di Negeri Kedah.

Yang pertamanya soalan a usahawan di Negeri Kedah telahpun menjalankan perniagaan secara digital ini termasuk e-dagang terutamanya di platform Lazada dan Shoppee. Sejak pelaksanaan PKP semakin ramai usahawan terutamanya peniaga makanan telah menggunakan platform syarikat penghantar makanan termasuk Food Panda, Grab Food, Order Makan dan lain-lain untuk mempromosi dan menghantar makanan mereka kepada pelanggan secara terus dan b, menurut Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) jumlah usahawan Negeri Kedah dalam platform Shoppee dan Lazada dianggarkan sebanyak 12,800 usahawan.

Walau bagaimanapun perincian data tidak dapat dikeluarkan lagi oleh pihak MDEC kerana maklumat ini belum diaudit oleh auditor MDEC dan c, dilihat dari carian di Shoppe dan Lazada didapati produk-produk yang paling berjaya adalah produk pakaian, produk makanan (kopi, rempah, sos kicap, kerepek dan lain-lain), produk kesihatan & kecantikan, produk hasil laut (ikan kering, pekasam, belacan dan lain-lain) dan produk elektronik & elektrik. Itu untuk menjawab soalan. Terima kasih.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih Kuah terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan saya ialah boleh kah Kuah juga senaraikan 10 usahawan e-dagang yang paling berjaya di negeri kedah dan juga adakah kerajaan negeri juga merancang untuk memberi insentif ataupun apa-apa program pengiktirafan kepada mereka yang berjaya untuk sebagai satu galakan dan juga satu galakan kepada lebih ramai pengusaha e-dagang di seluruh kedah ini supaya mereka lebih berusaha untuk mencapai kejayaan dan lebih berdaya saing sebab e-dagang ini bukan sahaja pasaran di negeri kedah seperti kalau you buat gerai ka pasar ka, dia pasaran di tempatan saja. E-dagang ni dia boleh pasaran di seluruh Malaysia mahupun seluruh dunia. So saya rasa pohon soalan itu dan juga apakah sokongan kepada mereka. Terima kasih!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Yang berhormat Tuan Speaker, saya nak bertanya adakah pihak kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu platform digital contohnya, bagi lah nama kedah mall ka yang macam shopee dan juga lazada untuk memudahkan kita supaya memantau dan mengukur berapa pencapaian secara dalam e-dagang kita ini. Terima kasih!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Bakar Arang dan juga Yang Berhormat Bandar Baharu atas dua pertanyaan tambahan berkenaan dengan soalan yang ditanya oleh Bakar Arang. Untuk senaraikan bagi saya bukan setakat 10, tapi hat mana yang meinaga secara online, mereka adalah antara orang yang nak berjaya. Nak berjaya dan akan berjaya.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Maksud saya lebih spesifik ialah sorry maksud saya ialah mungkin daripada shopee, 10 paling top sales punya mungkin untuk tahun ini atau tahun 2020 sampai sekarang, 10 yang paling top ialah siapa? Saya tau semua berjaya tapi saya nak top sales adalah siapa, bagi senarai tu secara umum dan juga diberikan pengiktirafan.

YB. TUAN SPEAKER

Kalau takda sekarang, kita boleh bagi jawapan bertulis sekarang.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Bagi saya jawab habis dulu. Saya jawab tadi bagi saya bukan kata 10, kita nak senaraikan, makna kata semua yang berada dalam platform itu adalah orang yang nak berjaya. Dalam perniagaan dan akan berjaya. Kalau nak spesifik more detail dengan izin, saya takda senarai tu dan juga saya telah pun memohon kepada MDEC seperti saya sudah sebut awal tadi. Pihak MDEC tak dapat bawa keluar lagi perincian sebab bukan kata kita mintak berapa banyak peniaga-peniaga di kedah, kita juga turut mintak untuk maklumat tambahan peniaga yang paling berjaya atau produk-produk yang paling berjaya. Ini yang belum dikeluarkan lagi oleh pihak MDEC kerana belum dibuat audit. Dan sekiranya dah dapat maklumat tersebut saya boleh hantar secara bertulis pada Yang Berhormat. Itu soaaln yang ditanyakan oleh Yang Berhormat. Yang Berhormat Bandar Baharu berkenaan dengan platform. Platform yang boleh kerajaan negeri sediakan. Kita ada sewaktu Kubang Rotan wujudkan Kedah Food Valley dan kita pun meneruskan Kedah Food Valley Cuma perbincangan untuk adakan satu platform sendiri di bawah Kedah Food Valley maasih lagi dihentikan kerana disebabkan pandemik covid ni. Jadi insyaAllah kerana saya lihat Kedah Food Valley adalah satu modul ataupun satu sistem yang baik untuk kita menaikkan lagi produk-produk ataupun peniaga-peniaga daripada kedah yang berniaga di bawah satu platform ataupun di bawah satu bumbung di negeri kedah. insyaAllah kita akan lakukan apa yang telah dirancang. Terima kasih!

YB. TUAN SPEAKER

Nampak macam penting sangat. Silakan Kota Darulaman. Ringkas!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Adakah Kuah sedar bahawa peniaga yang berniaga di shopee dan lazada kebanyakannya disebabkan pesaingan antarbangsa, tutup selepas 3 bulan. Pohon pencerahan.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih yang Berhormat Kota Darul Aman. Benar bila pandemik covid ini hadir, platform online ni menjadi satu platform yang begitu panas, begitu hangat sekali untuk peniaga-peniaga kita dan akan berlakunya beberapa saingan di dalam platform tersebut. Seperti juga sebelum ni kalau kita berniaga kedai sebelah-sebelah, turut akan ada persaingan sekiranya banyak perniagaan yang kita buka. Begitu juga dalam online platform, so apa yang kerajaan lakukan, kita sentiasa memberi kursus-kursus online untuk peniaga-peniaga ni menaikkan syarikat ataupun menaikkan perniagaan mereka dengan menarik atau menambat hati peminat, pembeli untuk membeli di kedai mereka. Kita tidak boleh menghalang saingan-saingan di dalam platform shopee, platform online ini. Apa yang kita boleh buat adalah menawarkan kursus kepada peniaga-peniaga ini bagaimana cara untuk mereka mengambil hati menambat hati pembeli untuk membeli di kedai mereka. Ini adalah saingan yang sihat yang bagi saya untuk peniaga-peniaga online di shopee. Terima kasih!

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 18!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Ome-ome pecah kaca pecah gelas, mohon jawapan soalan 18.

18. YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR
[ADUN BANDAR BAHARU]

Pembangunan Kedah Digital dan ICT Kedah.

Pohon dinyatakan:-

a) Bagaimanakah perkembangan pembangunan Kedah Digital dan ICT Kedah di waktu pandemik Covid-19 ini?

b) Digital ekonomi merupakan platform yang paling baik dalam membantu golongan yang terjejas pendapatan dan cubaan perniagaan baharu, apakah perancangan Kerajaan?

c) Bagaimanakah capaian jalur lebar dan perancangan naik taraf infrastruktur ICT Kedah?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Yang Berhormat Tuan Speaker. Dari Kuala ke DP tidak perlu nak kereta, baik kita sama-sama senang hati untuk menceriakan sidang dewan kita.

YB. TUAN SPEAKER

Ni pakat dah ka yang mula dengan pantun semua ni pakat ka?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Cara dia pantun saya kena pantun!

YB. TUAN SPEAKER

Tak boleh soalan bocor ni!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Ha.. dia jual saya kena beli Yang Berhormat Tuan Speaker!

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih kepada YB. Bandar Baharu. Saya tengok soalan ni sepatutnya saya kena jawab secara bertulis tapi dah tanya mulut saya jawab lah. Situasi semasa di dalam waktu pandemik Covid-19 telah menyebabkan beberapa penyesuaian dengan norma baharu. Permintaan terhadap prasarana dan proses kerja jabatan seperti meningkatkan dan menyokong perlaksanaan norma baharu seperti kerja di rumah dan sebagainya. Kutipan hasil kerajaan negeri amat berkesan tapi walau bagaimanapun kerajaan melaksanakan bagi mengekang penularan ini dengan beberapa inisiatif dari segi inisiatif kerajaan negeri bermula pada tahun 2020 dengan pendigitalan proses Pembayaran Tanpa Tunai (e-cash), melalui portal iBAYAQ, Pendaftaran Tahunan Kontraktor (iDAFTAR), dan banyak lagi inisiatif-inisiatif kerajaan bagi memastikan kutipan hasil dapat meningkat seperti bermula bantuan UPUK Kedah Sejahtera, bermula bajet tahunan, IBAJET seperti Yang Amat Berhormat sebut dalam ucapan beliau, sepertimana perolehan IJANJI dan juga Kedah Care, pendaftaran tanah dan pendaftaran sepertimana kerajaan negeri turut terlibat membantu Jabatan Kesihatan Negeri Kedah untuk menaik taraf seperti HomeCAC yang membolehkan pesakit yang menjalani kuarantin Covid-19 di rumah. Inisiatif-inisiatif ini banyak di Bahagian Teknologi Maklumat seperti BTMK yang memainkan peranan penting bagi menyediakan kemudahan 'Green Studio' bagi membantu penyiaran digital pelbagai jabatan secara maya melalui FBLive.

Aktiviti-aktiviti yang terlibat adalah seperti pelancaran program rasmi Kerajaan Negeri. Digital Kedah 2035 banyak memperkasakan infrastruktur ICT Kerajaan Digital Ekonomi, Digital dan Bakat Digital. Banyak lagi lah kalau nak sebut satu-satu Insya-Allah saya akan tambah dalam ucapan pergulungan saya. Sekian terima kasih!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Bukit Pinang kerana terus menerus membawa aspirasi Kedah Digital untuk pendekatan ekonomi yang baru di zaman pandemik covid ini, tetapi apakah pendekatan lain oleh kerajaan secara digital dalam membantu Makcik Kiah Pekasam di Selama contohnya Ustaz Alias di Sungai Taka menjual roti canai, Kak Mah di Mahang, Syifa menjual cucur. Apakah pendekatan secara digital kepada mereka yang sememangnya terjejas walaupun sedikit tetapi tak ada pendapatan sepanjang Covid-19 ini. Terima kasih!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih kepada YB. Bandar Baharu. Kerajaan negeri banyak inisiatif-inisiatif untuk membantu makcik-makcik ataupun peniaga-peniaga usahawan kita di kampung. Kebanyakannya melalui digital ini, melalui talian tetap dan talian jalur lebar, kita akan sediakan yang sedia ada iaitu internet komuniti desa iaitu 73 yang terdapat di seluruh Kedah, saya berkeyakinan seperti mana saya pergi melihat sendiri banyak makcik-makcik yang terkesan dalam usahawan pandemik ini. Tetapi mereka masih berjaya. Sebab contohnya saya nak sebut satu tempat yang saya pi internet komuniti desa ini, seorang makcik umur dia 64 tahun. Dia jual cuma dia pasarkan dari segi iaitu rojak Mak Bee, kicap-kicap mudim dan banyak lagi. Cuma dia pasarkan. Pendapatan dia iaitu RM6,000.00 hingga RM8,000.00. Mudah sahaja. Satu tempat lagi saya pergi iaitu dia pasarkan iaitu tauhu. Dia pendapatan dia RM4,000.00 hingga RM6,000.00 Umur dia telah pencen. Inilah kelebihan yang ada dari segi digital yang ada. Saya pohonlah, semua YB-YB kita boleh pi lihat dan ziarah internet komuniti yang sedia ada di Kedah. Insya-Allah dapat perkasakan usahawan-usahawan yang terjejas dengan covid. Sekian terima kasih!

YB. TUAN SPEAKER

Soalan Nombor 19!

YB. ENCIK ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Baik terima kasih Yang Berhormat Speaker! Pohon jawapan no 19.

19. YB. ENCIK ASMIRUL ANUAR BIN ARIS
[ADUN KUBANG ROTAN]

Pohon dinyatakan apakah status pembangunan projek Widad @ Langkasuka di Langkawi Gross Development Value (GDV) berjumlah RM40 Billion. Adakah rakan strategik Syarikat Bin Zayed ini mempunyai latar belakang pengurusan projek dan kewangan yang kukuh?

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Kubang Rotan, Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian. No 19, pohon dinyatakan status pembangunan projek Widad @ Langkasuka di Langkawi dari segi yang telah menyatakan GDV bagi projek ini 40 billion. Adakah rakan strategik mereka Syarikat Bin Zayed ini mempunyai latar belakang pengurusan projek dan kewangan yang kukuh?

Pembangunan projek Widad@Langkasuka adalah sebuah projek pembangunan komersial bercampur yang dicadangkan di Langkawi oleh pemaju swasta iaitu Syarikat Widad Business Group Sdn. Bhd. Projek ini dibahagikan kepada dua (2) fasa iaitu Fasa Pertama di atas Lot 651 seluas lebih kurang 222 ekar dan Fasa Kedua di atas Lot 652 seluas lebih kurang 1,700 ekar. Fasa Pertama pembangunan ini terbahagi kepada 7 komponen pembangunan yang akan dijalankan secara berperingkat dalam tempoh 4 tahun sehingga tahun 2025 yang membabitkan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah lebih kurang RM4.5 bilion melibatkan komponen-komponen berikut :-

Fasa Pertama ialah Rumah Kelab dan Padang Golf 18 Lubang, Perumahan Berpagar Banglo dan Rumah Berkembar, Kondominium, Mall dan SOHO, Kompleks Perniagaan dan Bazaar , Kondominium Mewah, Hotel. Pembangunan fasa seterusnya pula akan terbahagi kepada 8 komponen dan akan mula dilaksanakan pada tahun ke 3 Fasa Pertama dan jangkamasa pembangunan dianggarkan selama lebih kurang 15 tahun melibatkan komponen-komponen pembangunan seperti berikut:- Pusat Seni dan Budaya, Kompleks Imigresen dan Pengangkutan, Hotel dan Resort, Pusat Perniagaaan dan Acara, Taman Tema dan Rekreasi, Pusat Perubatan dan Pemulihan, Pusat Pengajian Tinggi dan Aeronautik, Perumahan Mewah. Projek Widad@Langkasuka kini berada dalam Fasa Pertama pembangunan. Syarikat syarikat sedang melakukan kerja-kerja awalan untuk kelulusan projek. Permohonan Kebenaran Merancang secara atas talian telah dikemukakan kepada pihak Majlis Perbandaran Langkawi (MPL) pada 14 Ogos 2021, manakala proses mengemukakan pelan-pelan dan bayaran kepada MPL telah dilaksanakan pada 13 September 2021.

Syarikat ini telah memeterai perjanjian kerjasama dengan Syarikat Bin Zayed International LLC yang berpengkalan di United Arab Emirates (UAE) pada 30 Mac 2021. Menerusi perjanjian ini, kedua-dua pihak akan bekerjasama untuk membangunkan Fasa Pertama. Syarikat Widad Group Business Sdn. Bhd bersama dengan Syarikat Bin Zayed International LLC telah menubuhkan Syarikat Tujuan Khas (SPV) iaitu Widad BZI Sdn. Bhd. sebagai pemaju Fasa Pertama projek.

Pemasaran dan promosi projek akan dilaksanakan bersama-sama oleh kedua-dua entiti ini. Pemilihan BZI sebagai rakan kerjasama strategik adalah disebabkan oleh pengalaman dan reputasi yang sangat baik di UAE dan peringkat antarabangsa melalui pelaburan berimpak tinggi dan berdaya maju di beberapa negara luar lain serta mempunyai kedudukan kewangan yang sangat kukuh. Terima kasih.

YB. ENCIK ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih kepada Yang Berhormat Jeneri. Soalan seterusnya ialah dengan keadaan Covid-19...(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Tuan Speaker!

YB. ENCIK ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Yang Berhormat Tuan Speaker berkenaan dengan soalan 19 ini, selepas berlakunya Covid-19 ini dengan perkembangan status terkini projek, saya nak tanya satu soalan status terkini projek dan keduanya ialah bagaimana pasaran untuk mendapat pasaran untuk menjual semua properties-properties ini kepada local ataupun peringkat international. Sekian terima kasih

YB. TUAN SPEAKER

Soalan lain. Takda? Silakan Jeneri! Eh ada ha sat Jeneri

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Baik speaker. Soalan saya ialah berapakah jumlah fee komitmen yang patut dibayar oleh Widad Group Business ini dan berapa yang belum bayar lagi?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Jeneri!

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Terima kasih Kubang Rotan dan Derga. Syarikat ini, saya tidaklah mewakili syarikat tetapi telah memaklumkan kepada saya bahawa mereka mengunjurkan Covid-19 akan berakhir pada 2026. Selepas itu lah ekomoni kita akan berkembang semula. Para pelancong akan mula bergerak ke seluruh dunia dan kebanyakan projek-projek mereka ini adalah bersabit juga dengan industri pelancongan.

Saya faham bahawa ada kebimbangan di pihak kita termasuklah saya sendiri pun, dengan rancangan yang begitu besar dengan masalah pandemik yang kita sedang hadapi, adakah syarikat ini ada kemampuan? Tapi sebenarnya jika tidak ada Pandemik Covid-19 saya yakin pembangunan fizikal telah pun berlaku di atas tanah tersebut. Kerana komitmen 'fee' yang telah dijelaskan dalam pengetahuan saya adalah RM4.5 juta setakat ini untuk pembangunan fasa 1, komitmen fee ini akan di beri komitmen yang seterusnya berdasarkan projek pembangunan yang akan di jalankan. Saya harap projek ini pun akan menjadi salah satu projek ikonik bagi Negeri Kedah dalam tempoh 15 tahun yang akan datang Insya-Allah.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Saya ni penggembira lah soalan ini boleh sampai ke nombor 19 ni tentang pembangunan di Pulau Langkawi. Jadi YB. Jeneri umum tu macam satu hiburan lah bagi kita. Hiburan ini seronok ianya akan berlaku lah! Urusan seterusnya Setiausaha!

II. SAMBUNGAN PENGGULUNGAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha!

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan Penggulungan di atas Usul Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar oleh pihak kerajaan sehingga selesai.

YB. TUAN SPEAKER

Kelmarin terhenti, ada terhutang 2 minit lagi. Silakan YB. Sidam!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Selamat pagi, Salam Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua. Izinkan saya sambung balik penggulungan saya. Macam ini saya akan menjawab soalan-soalan untuk perumahan.

Saya mengucapkan terima kasih atas ”concern” dengan izin kepada YB. Derga yang membawakankan mengenai isu-isu perumahan di Flat Alor Malai, Flat Tongkang Yard, Flat Setia Jaya.

So YB. nak saya maklumkan di sini atau bagi secara bertulis. Saya rasa ada setengah yang telah selesai macam RPA Flat Alor Malai mengenai air kumbahan yang melimpah dan masuk ke dalam longkang saya rasa sudah selesai. Ia panjang sangat.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tuan Speaker, YB. Sidam boleh bagi secara bertulis tapi dengan bukti kata dah buat lah sebab semalam saya pi najis masih di dalam longkang lagi.

YB. TUAN SPEAKER

Ya..ya! Kalau panjang kita jawab secara bertulis.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Satu yang important punya saya akan maklumkan kat sini untuk isu status PPR Taman Setia Jaya saya rasa. Untuk makluman sidang dewan, bahagian perumahan telah mendapat maklum balas berkenaan status tanah bagi projek di Taman Setia Jaya daripada Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kedah di mana, status keseluruhan tanah ini adalah Tanah Simpanan Melayu. Untuk makluman sidang dewan, tindakan terkini adalah masih dalam peringkat perbincangan mencari solusi terbaik untuk isu ini. YB. Derga pernah bersama-sama kerajaan sebelum ini so saya faham juga ini perkara yang cukup berat juga tentang isu ini. Tapi tak apa saya rasa saya akan cuba. I do my best (dengan izin) dalam tempoh saya sekarang berada dalam portfolio perumahan bagi mencari jalan yang terbaik untuk isu di PPR Taman Setia Jaya ini.

Kerajaan Negeri telah memberi bantuan kepada penduduk-penduduk PPR dan RPA dalam bentuk morotarium pada bulan Jun 2021 selama 1 bulan daripada pembayaran susulan pelaksanaan PKP 3.0 pada bulan Jun yang lalu.

So saya akan jawab sikit mengenai YB. Jitra. YB Jitra ada bertanya mengenai tarikh serahan kunci kepada pemohon yang layak dan berjaya di PPR Jerlun. Untuk makluman YB.. Jitra dan Ahli Dewan, maklumat yang diterima dari Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah proses serahan kunci akan dilakukan selepas pemohon selesai kelulusan pinjaman bank.

Untuk makluman YB. Jitra dan ahli dewan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) akan membaiki kerosakan semua rumah-rumah yang terlibat sebelum diserahkan kepada penghuni yang berjaya.

Seterusnya YB. Bandar Baharu, saya ingin respon kepada saranan oleh YB Bandar Baharu, nanti saya bagi secara bertulis lah!

YB. Tuan Speaker, bagi Portfolio Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah pada tahun Januari 2021 sehingga 15 september 2021 telah menerima aduan sebanyak 364 kes dan daripada itu terdapat 47 kes diluar bidang JAS. So yang tahun 2019 dan tahun 2020 yang menjadi penerimaan aduan tertinggi, namun berkurangan hampir separuh sehingga September pada tahun 2021 ini. Pihak Jabatan Alam Sekitar serta beberapa agensi lain sangat fokus dan bekerja keras dalam membantu menyelesaikan sebanyak mungkin kes yang dilaporkan. Tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Saya juga menyeru kepada rakan rakan di dalam dewan ini, sekiranya benar ada laporan berkaitan Alam Sekitar di sekitar kawasan anda, tolong lapor terus kepada saya untuk kita menyiasat dan selesaikan aduan yang dibawa.

Saya juga ingin maklumkan kepada ahli dewan, isu tapak pelupusan sampah Semeling yang pernah menjadi isu dan terbakar sebanyak 2 kali iaitu pada 20 Januari 2020 dan 1 Mac 2021 telah diselesaikan dengan jayanya dan sekarang telah menjadi macam padang bola, dengan tumbuhnya rumput dan tiada lagi pembuangan sampah di kawasan tersebut. Ini sekaligus menyelesaikan secara total isu aduan asap akibat situasi di tapak pelupusan itu. Kerjasama antara pihak MPSPK, (YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Sidam, dia terlajak banyak dah ni.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

1 minit lagi lah! Kerjasama antara pihak MPSPK, Jabatan Bomba dan lain lain mempermudahkan urusan. Terima kasih banyak banyak saya ucapkan kepada pihak yang terlibat terutama juga kepada YDP MPSPK, Tuan Syed Khairol yang sangat komited dan dedikasi dalam tugasan ini. Memang macam YB. Tanjung Dawai tadi memang sebut, tahniah kepada kerajaan negeri dan kerajaan pusat untuk selesaikan pelupusan sampah di Semeling.

Untuk isu perpaduan, menjunjung titah ucapan Tuanku yang menyentuh kadar vaksinasi di negeri Kedah, suka saya maklumkan bahawa Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perpaduan Negeri Kedah dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) bagi menyokong program imunisasi kebangsaan. Program ini mendapat sokongan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jawatankuasa CITF Pusat.

Objektif Program MOVAK ini adalah menyediakan akses kepada masyarakat luar bandar,pinggir bandar dan ladang serta estet untuk mendapatkan vaksin serta meningkatkan jumlah pendaftaran dan penerimaan vaksin disamping membantu kelancaran dan mengurangkan beban tugas barisan hadapan melalui khidmat sukarela.

YB. TUAN SPEAKER

YB. kalau boleh tak payah lah saya....

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Tak payah! Ok! Ok!

Yang Berhormat Tuan Speaker Dan Ahli Dewan Sekalian, saya mengakhiri ucapan penggulungan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan Jawatankuasa di bawah saya.

Perkara-perkara yang telah dibangkitkan akan menjadi pemangkin untuk saya bekerja dengan lebih keras dan gigih bagi menambah nilai dan memperkukuhkan lagi mutu penyampaian di bawah portfolio saya agar dapat menjayakan aspirasi Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Menteri Besar ke arah "Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua".

Dengan ini, saya menyokong titah ucapan perasmian pembukaan Tuanku Sultan untuk Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-14

Sekian, Terima Kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sidam. Silakan YB. Kuah, 14 minit!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Bismillahirahmanirrahim. Assalamuaalaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Jeneri dan juga Yang Berhormat Rakan-Rakan Exco, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dan seluruh Sidang Dewan yang dihormati. Di dalam Dewan ini, izinkan saya mengambil kesempatan untuk merafak sembah dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Amat Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah Sultan Negeri Kedah Darul Aman yang Ke-29. Semoga Allah SWT mengurniakan kesihatan dan kesejahteraan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah agar dapat bersemayam di atas takhta Kerajaan Negeri Kedah dengan penuh kebesaran dan kedaulatan. KDYMM Tuanku Sultan telah pun bertitah mengenai Negeri Kedah kaya dengan hutan simpan, gunung ganang yang megah dan pulau-pulau yang indah serta langkah-langkah kerajaan yang mendapatkan pengiktirafan Pulau Langkawi sebagai UNESCO Global Geo Park dan kawasan sekeliling Gunung Jerai sebagai Geo Park Kebangsaan adalah satu langkah yang menambah nilai kepada sumber alam. Kerajaan Negeri menjunjung kasih titah ini dan sentiasa memastikan kelestarian khazanah warisan anak cucu ini sentiasa terpelihara dan memberikan perhatian yang khusus dan serius dari segi aspek pembangunan eko pelancongan, warisan terutamanya di Daerah Yan dan Baling.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Ketil, Yang Berhormat Bayu, Yang Berhormat Ayer Hitam, Yang Berhormat Kubang Rotan, Yang Berhormat Derga, Yang Berhormat Kota Siputeh, Yang Berhormat Suka Menanti, Yang Berhormat Gurun dan juga Yang Berhormat Tanjung Dawai yang bertanyakan soalan secara lisan dan berkesempatan untuk saya menjawab dan ada juga yang tak sempat dijawab oleh kerana kekangan masa. InsyaAllah saya cuba akan menghantar jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat -Yang Berhormat sekalian untuk memenuhi permohonan daripada Yang Berhormat. Disentuh berkenaan dengan sektor pelancongan di negeri ini terutamanya mengenai rantaian peruntukan dan juga bantuan kepada pemain industri pelancongan.

YB. Kuala Ketil juga telah membangkitkan mengenai potensi daerah-daerah pelancongan di Negeri Kedah terutamanya Langkawi sebagai 'travel bubble' (dengan izin) sebagai perintis ataupun projek rintis pembukaan sektor pelancongan. Kerajaan Negeri dengan kerjasama anak syarikat kerajaan negeri iaitu Kedah Tourism telah hampir setahun merangka dan merancang strategi dalam usaha untuk merancakkan kembali sektor pelancongan. Namun beberapa pindaan telah pun dilakukan akibat daripada pandemik covid dan juga arahan PKP, PKPD dan sebagainya. Kita hanya menumpukan sepenuhnya terhadap bantuan-bantuan secara konsisten kepada pemain-pemain industri dan juga perancangan kerajaan untuk membuka Langkawi.

Ahamdulillah, pada 16 September 2021 YAB. Jeneri dan juga Menteri Pelancongan, Dato' Seri Nancy telah pun hadir ke Langkawi untuk membuat pembukaan Langkawi secara rasmi dan kita menerima pelancong di kemudian harinya seramai 3,000 orang lebih dan juga pematuhan-pematuhan SOP yang ditetapkan telah pun dipertingkatkan oleh pihak yang berkuasa. Saya melihat pihak polis di lapangan terbang, mereka juga berada di jeti untuk memastikan ke SOP - SOP ini dapat diikuti oleh pengunjung-pengunjung yang akan hadir ke Pulau Langkawi dimana Pulau Langkawi sebagai pusat pelancongan. Namun ada juga yang mengatakan bahawa SOP yang dikenakan ini terlalu ketat menyukarkan pengunjung pengunjung yang nak hadir ke Pulau Langkawi namun dengan SOP yang ditetapkan inilah kita berjaya mengesan 5 orang yang positif di tempat saringan di KLIA. Belum pun sempat mereka sampai ke Pulau Langkawi mereka telah pun dikesan di KLIA dan mereka diarahkan untuk pulang untuk proses seterusnya.

Begitu juga yang hadir ke Langkawi iaitu dua orang yang tak cukup tempoh matang 14 hari juga telah pun diarahkan pulang walaupun mereka telah pun sampai lepas ke pintu daripada pintu Kuala Kedah dan Kuala Perlis dan sampai ke Jeti Langkawi tetapi mereka ditahan di pintu masuk Langkawi dan diarahkan pulang menggunakan Roro.

Ini bermakna SOP yang telah pun ditetapkan ini dikawal rapi dan bukan sewenang-wenangnya mudah untuk lepas ataupun lolos daripada di SOP yang telah diperketatkan. Oleh itu, pihak kesihatan turut membantu menjaga dan juga pihak MKN juga turut memastikan gelembung pelancongan di Langkawi berjaya dengan baik kerana ini adalah salah satu modul ataupun projek rintis untuk kita bawa ke tempat-tempat lain. Kiita berbangga kerana kerajaan memilih Langkawi sebagai satu tempat atau satu produk pelancongan untuk dibuka semula berada di Kedah. Jadi, daripada Kedah ini menunjukkan contoh orang Kedah patuh kepada SOP dan ESOP ini berjaya dan akan dibawa kepada tempat-tempat lain.

YB. Tuan Speaker, kerajaan negeri sentiasa membuka pintu, membuka ruang perbincangan kepada semua ahli-ahli yang berhormat untuk memberikan cadangan-cadangan yang bernas dimana untuk kita menambah baik pelancongan, usahawan, belia dan sukan dan juga kebudayaan untuk kita memastikan bahawa semua yang ada di Kedah ini berjalan dengan lancar tak kiralah di pihak kerajaan mahupun di pihak pembangkang kerana pelancongan kita tidak boleh masukkan 'inject' dengan izin 'the political' punya niat dan juga usahawan kerana kedua-duanya ini berhubungkait. Kita hadapi covid bila pelancong tak boleh masuk ke Kedah dia memberi kesan secara total kepada semua.

Pelancongan terjejas usahawan turut terjejas bila usahawan terjejas, Belia dan Sukan juga turut terjejas. Jadi, makna kata usahawan ataupun pelancongan ini diletakkan nombor satu. Segala idea-idea, pandangan-pandangan yang tidak ada 'milage' politik, kita alu-alukan kepada tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian untuk 'guide' kerajaan bukan kata kerajaan ni 'perfect' segala-galanya tetapi kita mengharapkan bantuan-bantuan, idea idea daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian untuk memberikan pandangan kepada kita.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Kulim. Setengah minit sahaja! sedangkan

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

YB. Tuan Speaker, YB. Kuah, dalam media Wikipedia The Free Encyclopedia dah tertulis menyatakan dengan izinnya 'Mount Bintang is the mountain on the border of The State Kedah and Perak in the Bintang Mountains, Malaysia. This summit is 1,832 meter above sea level. It is the highest mountain in The State of Kedah. Yang Berhormat, soalan saya ialah bilakah kerajaan negeri akan wartakan Gunung Bintang adalah gunung yang tertinggi sekali di Negeri Kedah.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih YB. Kulim, saya akan pergi ke soalan ataupun pertanyaan Yang Berhormat, saya akan habiskan dulu saya punya penggulungan sebab ada 13 minit saja. YB. Tuan Speaker, YB. Gurun telah pun mencadangkan kepada kerajaan untuk mendapatkan data daripada projek rintis di Langkawi, saya menganggapkan itu ada adalah satu cadangan yang baik di mana kita akan ada pertukaran dan juga kongsi maklumat bersama dengan kerajaan dan itulah yang telah pun dilakukan oleh pihak kerajaan negeri untuk berkerjasama dengan lebih erat di peringkat Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri. Dan juga seringkali kita ada sidang Dewan dibangkitkan isu Gunung Baling, Gunung Pulai, tempat-tempat yang paling kerap dibangkitkan adalah di Bukit Kodian. Saya ingat YB. Kota Siputeh pun ada sebut, saya rasa dah sampai masanya bila kita dah kerap kali bersidang ini dan juga soalan-soalan yang sama ditanya…(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuah, masa tinggal 3 minit lagi. Saya takut bedak tak sama sat lagi!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Boleh saya sambung sikit lagi untuk landing sat lagi! Saya cuba tepati masa yang diberikan Jadi, dah sampai masanya di pihak kerajaan saya ingat nanti saya boleh bincang dengan Pegawai Kewangan Negeri untuk kita lihat apa penambahbaikan yang boleh kita lakukan seperti mana yang diutarakan ataupun yang dah dimaklumkan oleh Yang Berhormat – Yang Berhormat sekalian kepada produk-produk pelancongan ini, bila dah kerap kali dibangkitkan mungkin mempunyai salah satu kepentingan di kawasan tersebut.

Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, dan saya mengambil cadangan ini adalah cadangan untuk saya bincang bersama dengan Pegawai Kewangan dan juga pihak kerajaan negeri untuk kita buat yang terbaik pada cadangan Yang Berhormat. Saya ada sedikit lagi masa dan juga kita paling banyak terkesan adalah untuk usahawan. Tadi disentuh berkenaan dengan usahawan online, disebutkan juga berkenaan dengan bantuan-bantuan yang telah pun saya terangkan sebentar tadi di dalam jawapan yang telah pun saya berikan dan pelbagai kursus yang kita telah lakukan. Sebenarnya, saya melihat bila berlakunya Pandemik Covid ini, banyak syarikat-syarikat terkesan dengan begitu teruk walaupun syarikat itu telah pun berniaga 20 tahun, 30 tahun! Bila kita berjumpa dan bertanya dia tidak mempunyai pengetahuan yang baik dalam pengurusan syarikat dan juga pengurusan kewangan. Saya mengambil contoh di Pulau Langkawi kerana ramai 'travel agent' di Pulau Langkawi. Bila berlakunya Pandemik Covid, syarikat yang 20 tahun, 25 tahun terpaksa menutup perniagaan, terpaksa memberhentikan staff. Bila berbincang, bersembang dia hanyalah melakukan 'business' ini adalah sebagai bidang terjun dan tidak mempunyai latar belakang dari segi pelancongan, tidak mempunyai latar belakang dari segi perniagaan dan juga pengurusan kewangan yang baik.

Oleh itu, pihak kerajaan bukan sekadar memberi bantuan kewangan, kita juga memberi bantuan kursus-kursus untuk mereka 'improved' (dengan izin) skill, 'management skill', 'financial skill' 'financial management skill' untuk mereka bersedia sekiranya pandemik ini berakhir dan pintu sempadan dibuka semula, menerima kemasukan pelancong semula dan mereka akan lebih 'sustain' selepas ini dengan ilmu-ilmu yang mereka dapat daripada kursus-kursus yang kita lakukan. Oleh itu, kita juga turut memberi bantuan daripada kelonggaran lesen perniagaan, daripada PBT yang kita tahu bahawa kerajaan negeri telah pun menyediakan sejumlah insentif kepada peniaga seperti Skim Pinjaman Mikro Kredit Sejahtera fasa satu yang berjumlah 1.86 juta kepada 372 orang dan juga apa 50% potongan kadar sewaan ruang niaga di daerah-daerah seluruh Negeri Kedah dan memberikan faedah untuk semua peniaga yang menyewa premis milik kerajaan dan juga pengecualian bayaran denda, lewat pembaharuan lesen sepanjang tempoh pelaksanaan PKP. Ini antara insentif kerajaan yang memberikan banyak manfaat kepada peniaga walaupun kita tidak mampu menyalurkan bantuan 'one off' secara berterusan tetapi dengan inisiatif inisiatif yang dilakukan oleh kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga ini telah pun memberi manfaat kepada mereka. Saya nak tambah sikit lagi berkenaan dengan disentuh berkenaan dengan cukai LHDN, saya terpaksa skip beberapa isu dalam masa yang ditetapkan....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuah, masa sebenar telah habis!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Saya landing sikit nah! Disentuh berkenaan dengan cukai LHDN kepada Kelab Bola Sepak kita, KFA. Sebenarnya, Yang Berhormat Tuan Speaker pada permulaannya kita telah pun menerima satu tuntutan notis daripada pihak LHDN yang berjumlah RM3.4 juta lebih tidak termasuk kompaun di mana bila pengurusan yang baharu memberikan komitmen untuk kita membayar cukai tersebut, pihak LHDN telah pun menerima dan memberi tempoh untuk pembayaran secara berjadual. Namun, apabila pihak LHDN melihat komitmen kita untuk membayar tunggakan cukai tersebut, mereka telah pun melakukan siasatan yang lebih mendalam dan akhirnya kita menerima tuntutan yang kedua daripada tahun 2014 pula. Mula-mulanya dia kira daripada tahun 2016 hingga 2019, sekarang ini dikira daripada 2014 hingga 2019 dan keseluruhan jumlah tunggakan itu berjumlah RM10 juta lebih.

Oleh itu, tunggakan ini meliputi tunggakan potongan cukai pemain-pemain import yang terdahulu makna kata daripada tahun 2014 lagi, tunggakan ini, masalah ini telah pun berlaku dan berlanjutan sampai la tahun 2019. Oleh itu, YB. Tuan Speaker YAB. Jeneri telah pun menyatakan bahawa kita akan berbincang dengan pihak LHDN untuk memberikan komitmen yang sebaik mungkin kerana KFA bukanlah salah satu pasukan yang mempunyai kewangan yang kukuh daripada 2014 lagi. Jadi, perbincangan akan dilakukan untuk mendapatkan keputusan yang baik, yang sama-sama dapat menyelesaikan masalah supaya masalah ini tidak berlanjutan sehingga seterusnya dan akan membebankan pengurusan yang baharu kemudian hari. Terima kasih. Oleh itu, saya ingin menamatkan....(YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Boleh saya respon?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Sebab masa terlalu singkat dan lebih 5 minit dah. Terima kasih YB. Kuah!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Seterusnya, saya persilakan YB. Kupang.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Pembangkang, Pegawai-Pegawai Kerajaan dan sidang penonton jika siaran ini disiarkan.

Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah swt. yang telah memberikan kita satu kekuatan untuk berada di Dewan yang mulia ini bagi membincang dan membahaskan perkara-perkara yang ada kaitan secara langsung atau tidak langsungnya dengan pengurusan dan pentadbiran kerajaan dan permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sepanjang tiga hari perjalanan Dewan ini, banyak perkara-perkara yang ditimbulkan sama ada daripada pihak sebelah sana mahupun daripada pihak sebelah sini yang rata-ratanya menunjukkan keperihatinan masing-masing terhadap permasalahan yang sedang dihadapi oleh rakyat terutamanya dalam menghadapi Covid-19. Bagi kerajaan dalam menghadapi cabaran Covid-19 ini, kita seolah-olah sedang menghadapi satu peperangan konvensional yang sangat dahsyat kerana kita menyaksikan di bilik-bilik mayat di hospital tersusun dengan mayat-mayat yang tidak dapat diuruskan mengikut waktu yang sepatutnya. Memang amat menyayat hati bila kita lihat dan pengalaman saya pergi ke Hospital Sultan Abdul Halim penuh mayat-mayat yang bersusun dalam kontena dan juga bilik mayat yang tak pernah kita lalui sebelum ini dan di luar bilik-bilik mayat itu bersusun van-van jenazah yang menunggu untuk membawa mayat-mayat yang telah diuruskan. Memang amat menyedihkan. Memang perkara ini adalah sesuatu yang luar biasa bagi kita. Cumanya dalam peperangan konvensional mahupun dalam 'insurgency' (dengan izin), semua pihak akan bersatu dan bekerjasama penuh untuk menghadapi musuh yang menceroboh tanpa mengira perbezaan politik mahupun agama, bangsa dan sebagainya. Pengalaman kita menghadapi konfrontasi dengan Indonesia umpamanya, seluruh jentera kerajaan berjalan yang didokong oleh rakyat demi mempertahankan ancaman yang dilakukan oleh Pihak Indonesia pada waktu itu. Namun, berbeza sekali dengan perang Covid-19, dalam keadaan kerajaan berhempas-pulas berusaha mengumpul kekuatan melawan Covid-19 ini, makan waktu inilah lahirnya wira-wira jadian yang kononnya hendak menyelamatkan negara dan juga nyawa rakyat habis tiang-tiang digoncang, bermula daripada tiang Balai Raya, tiang Masjid, tiang Parlimen dan tiang Seri Istana pun cuba digoncang untuk menuntut supaya 'general' yang sedang berperang itu segera diganti kerana kalah dalam peperangan dan kerajaan gagal. Gelagat mereka ini adalah suatu yang kalau boleh dibandingkan macamlah Badwi di Gurun Pasir yang tandus, bila jumpa airm air separas dan ibu jari kaki pun nak berenang juga! Itulah seolah-olah menggunakan apa cara untuk melaksanakan agenda tersendiri. Namun demikian, YB. Tuan Speaker, alhamdulillah berkat ketabahan dan kesungguhan kerajaan disamping mempunyai barisan hadapan yang faham realiti yang sedang dihadapi, yang tabah, yang cekal maka secara umumnya segala langkah yang diambil dapat dilaksanakan secara teratur, tertib. Alhamdulillah walaupun terdapat kekurangan disana sini, memang diakui. (YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih YB. Kupang, terima kasih YB. Timbalan Speaker. Saya bimbang takut habis masa. Jadi, saya nak bangkitkan tentang isu pendidikan sebab saya tidak berpeluang untuk berbahas di dalam Dewan yang mulia ini. Saya nak mohon kepada Exco Pendidikan supaya berilah perantik kepada pelajar-pelajar kita sebab di Negeri Kedah ini tiada sumbangan peranti kepada pelajar-pelajar kita yang sedang menghadapi PDPR. Kalau kita tengok di negeri-negeri lain seperti di Negeri Johor ada bagi 8,000 peranti kepada pelajarnya bagitu juga di Perak, lebih kurang 20,000 handphone yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti PDPR. Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua adalah isu berkaitan dengan Sekolah Kebangsaan Bukit Meriam, para waris berkata Exco Pendidikan tak turun pun berjumpa dengan waris Sekolah Kebangsaan Bukit Meriam sebab ada isu di mana pelajar-pelajar di sekolah tersebut dikehendaki berpindah kerana masalah pokok tumbang dan batu jatuh baru-baru ini di belakang sekolah.

Ok, soalan ketiga mengenai Portal Tvet yang dilancarkan...

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ada tambahan na! Cukup saya bagi dua sebab masa tak mengizinkan untuk menjawab.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Baik, terima kasih YB. Timbalan Speaker!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Soalan tambahan YB. Speaker!

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Sebentar! Sebentrar! Sebab masa terhad sangat lah!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ok, YB. Kupang teruskan dengan yang awal intro tadi tu! Silakan YB. Kupang!

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Saya habiskan dulu sekejap! YB. Tuan Speaker, dalam kesempatan ini juga izinkan saya memberi sikit respon kepada perkara-perkara yang berbangkit yang dibangkitkan oleh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam ucapan terima kasih ke atas ucapan Kebawah Duli Tuanku Sultan.

Dalam ucapan yang dikemukakan oleh yang YB. Alor Mengkudu yang menyebut mengenai dengan SOP sembahyang Jumaat. Di sini saya ingin menyatakan bahawa tiada siapa pun bergembira dengan SOP yang kita hadapi sekarang ini. Bukan setakat merpati- merpati masjid yang hati-hati mereka sentiasa bergantung dengan masjid tetapi para Musafir, pemandu lori yang berulang alik ke selatan dan ke timur turut merasai kepayahan dengan SOP yang dikenakan ini. Akan tetapi bila berhadapan dengan institusi yang begini maka akan terlaksanalah kaedah-kaedah hukum yang memang banyak tersimpan di dalam khazanah-khazanah ilmu Islam itu sendiri. Suatu yang harus kita fahami dan juga difahami oleh semua orang yang bahawa menghadkan kehadiran jemaah di Masjid ini ialah pertama bersifat sementara. Itu harus kita fahami, bersifat sementara!

Yang kedua tidak berlaku apa-apa kecacatan terhadap sifat sebagai ahli To'ah, orang yang taat kepada Allah, tak terjejas kerana dalam masa yang sama kita sedang mematuhi satu perintah yang sah iaitu daripada Ulul Amri dan patuh kepada Ulul Amri, *Juz'un Minal Ibadah,* sebahagian daripada ibadah! Seperti yang kita sedia maklum bahawa tindakan pemerintah itu berasaskan maslahah, berasaskan kepada kepentingan. *"Taasarraful Imam Manutun Bil Maslahah".* Tindakan imam, pemimpin adalah bergantung berasaskan kepada kemaslahatan yang kita terpaksa hadapi kerana boleh menyebabkan kehilangan nyawa dan harta benda. (YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Di Kota Star kita telah empat bulan lebih, nak masuk lima bulan dah dan SOP itu perlu berubah perlu berubah, di mana-mana pun berubah, dalam konteks sembahyang Jumaat contohnya fakta sains. Fakta sains adalah virus ini tidak boleh hidup kepada matahari di luar, dia mati dan dia tidak mendatangkan bahaya yang besar di luar, di *'open air'* terbuka! Jadi, dalam hampir lima bulan ini, sembahyang Jumaat dalam keadaan terkurung itu, dalam keadaan minima itu, maka negara-negara lain telah membuat pembaharuan terhadap terhadap sembahyang Jumaat ni contohnya buat 3 shift contohnya. Itulah kena ada satu usaha daripada polisi memreka untuk diangkat ke atas untuk melakukan perubahan ini. Yang tu pertanyaan kami, bukan kata kita tak mahu akur kepada apa yang telah ditetapkan.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ok, saya faham!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Kupang, masa tinggal 2 minit lagi!

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

2 minit lagi! Allah! Sebagai jawapan, respon yang diberikan, walau bagaimanapun dalam konteks Negeri Kedah ini, perkara ini memang diperhalusi di peringkat tinggi penguasa agama. Insya-Allah dan saya rasa saya optimis akan ada perubahan, Kedah akan ada perubahan apabila Kedah bergerak ke Fasa 2. Ada sikit lagi Insya-Allah!

Jadi, benda ni kita mesti letakkan satu pengharapan yang tinggi di samping berdoa dan semua orang akan merasai apa yang kita rasai semua. YB. Tuan Speaker, dalam perbahasan semalam Yang Berhormat Jitra ada mempersoalkan kewajaran YAB. Jeneri membuat laporan polis ekoran serangan dan fitnah melampau yang tidak langsung melambangkan keperibadian muslim yang ditujukan ke atas tubuh Yang Amat Berhormat Jeneri. Pada saya, itu adalah satu budaya yang tidak sihat dan perlu dikawal. Oleh itu, tindakan yang dilakukan oleh YAB. Jeneri adalah wajar selari dengan sabda Rasulullah '*Man ra'a minkum munkaran Fal Yugayyirhu Biyadihi, Fa In Lam Yastati' Fa Bilisanihi, Wa'in Lam Yastati' Fa Biqalbihi, Wa Dzalika Adh'Aful Iman.* Bila kita melihat suatu kemungkaran, maka kena cegahlah dengan tangan, dengan kuasa, kalau tak mampu dengan lidah, kalau tak mampu dengan hati, itu adalah satu kaedah yang baik. Sebab kita lihat budaya memfitnah melalui talian ini memang sangat berbahaya dan boleh membentuk satu budaya yang tidak sihat.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kupang, masa sebenar dah habis! Saya bagi masa 2 minit lagi na!

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ok, YB. Tuan Speaker, sebagai melangsungkan hujah apa yang ditimbulkan oleh YB. Suka Menanti apakah masalah jawapan AJK Masjid dari segi hukumnya kepada mereka yang tak divaksin, tapi nak datang ke masjid. Jadi, saya rasa perkara ini adalah perkara yang amat penting tetapi bukan di sini jawapanny*a. Minta maaf ya! 'Ha'za amrun muhimmun jiddan wa'la kin laisahuna' jawabun (dengan izin) kata orang Arab.* Jadi, sebab ianya berkaitan dengan hokum. YB. Tuan Speaker, oleh kerana masa dan saya ini orang yang amanah dengan masa. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, jadi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan dan mennyokong usul menjunjung kasih ke atas titah ucapan KDYMM Tuanku Sultan. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kupang atas ucapan dan terima kasih kerana memberikan kerjasama yang baik. Seterusnya saya persilakan YB. Bukit Pinang.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah, Washolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah Waman Tabi'ahum Bi'ihsan Ila'yaumiddin. Qhola' Robbishrohli Sodri Wa'yassirli Amri. Wahlul' Uqdatan Min Lisaani Yaf Qouhu Qouli.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, seterusnya sidang hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian. Pertama sekali, saya mengucapkan penghargaan jutaan terima kasih kepada kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah kerana menyampaikan titah ucapan yang terbaik bagi saya yang merangkumi semua aspek pembanguna, kebajikan, ekonomi, pelancongan, keselamatan, kebersihan dan prihatin juga mengutamakan integriti yang disebut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan juga saya ucapkan jutaan terima kasih dan rakaman kepada semua Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan walaupun tak semua tapi mewakili yang mengemukakan soalan lisan dan bertulis dan juga saya ucapkan penghargaan Yang Berhormat mengemukakan saranan yang bernas dijadikan penambah nilai bagi dasar-dasar negeri jangka masa panjang dan jangka masa pendek yang melibatkan sektor penerangan, komunikasi, multimedia dan juga perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna.

Walaupun tidak disentuh semua dalam portfolio saya tetapi saya respon, ada enam Yang Berhormat, Yang Berhormat Sungai Limau, Yang Berhormat Bandar Baharu, Yang Berhormat Kuala Nerang, Yang Berhormat Derga, Yang Berhormat Suka Menanti dan juga Yang Berhormat Tanjung Dawai yang menyentuh sedikit sebanyak mengenai portfolio komunikasi. Sedikit yang disentuh oleh Yang Berhormat Derga iaitu dari segi penerangan. Kita Jabatan Penerangan memang sedikit sebanyak kita telah menubuhkan satu 'team task force' untuk memastikan yang melibatkan Jabatan Penerangan Negeri, Jabatan Pembangunan ICU, Jabatan MKN, Jabatan Kesihatan dan juga Jabatan Penyiaran untuk memastikan turun ke lokasi untuk menyampaikan mesej kepada rakyat mematuhi dari sudut SOP dan betapa pentingnya mesti rakyat divaksinkan iaitu sehingga 7,786 lokasi yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan Negeri.

Yang Berhormat yang lain ada menyentuh mengenai komunikasi internet yang 'slow'. Saya ucapkan tahniah Yang Berhormat Sungai Limau, saya lihat keseluruhannya dari segi jalur lebar di Negeri Kedah memang tidak dapat dinafikan bahawa yang sedia ada iaitu 1,612 komunikasi ataupun struktur komunikasi yang sedia ada amat lemah liputannya iaitu hanya 2G ke 3G tapi komitmen kerajaan negeri, kita akan pastikan 'upgrade' semua talian-talian ini, iaitu menara-menara ini dan sekarang kita telah capai, kita telah buat sehingga kini iaitu 1,260 menara yang telah di 'upgrade' kepada 4G. Yang saya teliti yang disebutkan oleh YB. Sungai Limau memang liputan di situ amat lemah iaitu hanya 13 mbps saja megabit per second, memang lemah! Hanya 2G tapi Insya-Allah komitmen kerajaan negeri akan pastikan penghujung tahun 2022, akan pastikan 1,612 menara ini akan di 'upgrade' kepada 4G.

Seterusnya, komitmen kerajaan negeri untuk memastikan 76,474 premis di 'upgrade' kan kepada kabel optik. Kalau kita tidak 'upgrade' kan kepada kabel optik, saya pasti internet akan slow dan sekarang kita telah laksanakan iaitu 42,838 premis telah di 'upgrade' kepada kabel optik. (YB. Kota Darul Aman minta laluan)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Pinang, YB. Kota Darul Aman minta laluan!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Ya..silakan YB. Kota Darul Aman!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Tuan Speaker, terima kasih. Tadi, YB. Bukit Pinang kata rangkaian iaitu kebanyakannya 2G tapi ikut yang dilaporkan baru-baru ini dikatakan bahawa rangkaian 3G di Malaysia akan tamat pada akhir tahun ini. Kenapa sampai tahun depan baru ditamatkan dan naiktaraf itu lambat.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Insyaallah 3G akan ditamatkan pada penghujung tahun ini. Insya-Allah kerajaan memberi komitmen semua 3G ditamatkan, Insya-Allah di 'upgrade' kepada 4G. Bila 'upgrade' kepada 4G dengan 1,612 menara komunikasi ini, saya berkeyakinan rakyat Kedah ketika itu bolehlah menggunakan internet. Walaubagaimanapun, saya ucap tahniah kepada Kota Siputeh yang telah memberi komen iaitu SUHAKAM iaitu telah menguji 260% lebih menunjukkan pelajar yang menggunakan PDPR ini, menunjukkan internet ok lah. Ini menunjukkan SUHAKAM yang memberi komitmen 260% pelajar yang guna, kalau pelajar tak dapat guna internet ini tentulah PDPR ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik. (YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR ISMAIL BIN SALLEH

Tambahan Yang Berhormat Bukit Pinang!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Ya..silakan!

YB. DATO' DR ISMAIL BIN SALLEH

5G, 4G tak apa lah! Yang tiada G ni! Itu berkait dengan saya sebut untuk memperkasakan komuniti dalam menghadapi Covid ini. Jadi, sudah tentu yang tak ada G ini, penerangan ini saya rasa perlu diperkasakan sungguh-sungguh lagi turun ke taman-taman, turun ke kampung-kampung untuk memastikan memberi penerangan yang secukupnya sebab kita nak

masuk endemik nanti ini. Kalau masyarakat tidak dididik, bagaimana untuk menangani vaksin itu satu lah, kita masih belum sampai ke tahapnya! Jadi, apa pun sebab apabila saya turun PPV yang tertentu didapati bahawa apabila buka untuk 'walk in' masih tidak ada yang cukup. Jadi, pohon untuk penerangan pastikan bahawa hebahan itu menyeluruh, berulang-ulang supaya mereka yang belum datang itu datang kepada apa yang kita maksudkan tadi. Terima kasih.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih kepada YB. Pengkalan kundur dan saya ucapkan jutaan terima kasih kepada kakitangan Jabatan Penerangan Negeri memang sentiasa turun, tidak pernah jemu walaupun hujan panas tapi sehingga kini menunjukkan 1,300 aktiviti program yang dilaksanakan sehingga 7,784 lokasi seluruh Kedah menunjukkan semua daerah Jabatan Penerangan telah turun tetapi nak sampai kita semua perlu menyampai tapi walaubagaimanapun komitmen kerajaan negeri untuk mencapaikan supaya kita masuk ke Fasa 2 dan Fasa 3.

Yang lainnya, Insya-Allah saya pun tak mahu cakap panjang kerana saya tak mahu ambil masa lebih mengganggukan Speaker dan Insya-Allah yang disebutkan oleh YB. Kuala Nerang iaitu 134 buah struktur komunikasi iaitu Pelan Jendela tapi pelan jendela kita ada 2 fasa iaitu fasa 1 September 2021 hingga September 2022. Fasa 2 iaitu pada tahun 2023 hingga 2025.

Insya-Allah, fasa 1 iaitu 134 menara baru yang telah siap sekarang ini, 40 buah telah siap di 'upgrade' kepada 4G dan hanya tinggal bakinya 94 buah. Insya-Allah, penghujung tahun 2022 akan siap. Itu komitmen kerajaan. Kita ucap tahniahlah kepada SKMM yang sentiasa memberi kerjasama yang baik untuk memastikan sasaran ataupun rancangan kerajaan akan tercapai dan baru-baru ini, saya turun ke Langkawi pada 19 September 2021 sebelum Sidang Dewan Jumpa Menteri Komunikasi Multimedia Dan Juga Menteri Penerangan, Kerajaan pusat memberi komitmen supaya Pelan Jendela yang disasarkan oleh Kerajaan Pusat beri kepada Kerajaan Negeri akan dapat dicapai dan juga beliau memastikan semua internet komuniti ini mesti sekurang-kurangnya satu DUN ada satu internet tapi Kedah alhamdulillah kita ada semua daerah iaitu 36.....(YB. Kuala Ketil minta laluan)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Pinang, YB. Kuala Ketil minta laluan!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Boleh beri laluan Yang Berhormat?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Silakan!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Timbalan Speaker, YB. Bukit Pinang! Di Kuala Ketil ada juga masalah tentang capaian jalur lebar. Jadi, menara banyak Yang Berhormat tapi capaian jalur lebar itu amat lemah! Kita bukan masalah menara tetapi masalah capaian. Adakah Yang Berhormat maksudkan tadi Program Jendela, adakah ini juga termasuk juga dalam salah satu Program Jendela tersebut?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih YB. Kuala Ketil. (YB. Kubang Rotan minta laluan)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Boleh Yang Berhormat?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Ya..sila! Sila!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Bukit Pinang dan YB. Timbalan Speaker, cuma saya nak tanya kawasan-kawasan yang masih lagi menghadapi masalah jalur lebar ini, yang diberitahu 2G dan 3G. Bolehkah Yang Berhormat Bukit Pinang maklumkan berapa peratus capaian 4G, berapa peratus yang masih menggunakan 3G dan berapa peratus yang masih guna 2G dan 3G sebabnya kita tahu bahawa pelajar-pelajar di kampung, sampai ada terpaksa datang ke bandar, terpaksa sewa homestay di atas sebab kadang-kadang nak mengambil peperiksaan. Bila nak ambil periksa mereka terpaksa pergi ke bandar untuk cari line. Terima kasih.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih kepada YB. Kuala Ketil dan YB. Kubang Rotan! Macam saya sebut tad 2G dan 3G akan ditamatkan pada penghujung tahun ini Insya-Allah kita pastikan 100% 1,612 ini akan di 'upgrade' kan kepada 4G. Dan juga saya pastikan di Kuala Ketil, saya melihat semua aduan-aduan daripada semua DUN, kebanyakan aduan-aduan memang didapati kelajuan sangat lemah tapi Insya-Allah kita telah masuk dalam Pelan Jendela ini telah masuk dan senarai-senarai tersebut dan juga mana-mana lokasi yang tidak dapat dilaksana dengan segera, kita akan laksana seperti dengan tidak menafikan memang di sesetegah tempat itu line Celcom laju, kita guna Maxis! Betullah itu jadi kekangan-kekangan bagi kita tapi Insya-Allah dalam Pelan Jendela ini kepada 4G kita akan guna konsep 'sharing', mana-mana tower di seluruh Kedah ini kita guna konsep 'sharing' sepertimana projek pilot kita di Kampung Kongsi 14, Bukit Selambau.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Masa tinggal 2 minit lagi Yang Berhormat!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIN

Kita gunakan konsep 'sharing' ini iaitu Multi-Operator Core Network (MOCN) iaitu konsep sharing di seluruh tower-tower ini seperti yang diadakan di Batu 14, Celcom, Digi, Maxis dan Umobile menggunakan share. Ketika itu, mana-mana customer yang gunakan Celcom, dia akan dapat walaupun dia guna Maxis dia akan dapat! Insya-Allah, saya berkeyakinan dan kerajaan komited untuk pastikan rancangan itu tercapai. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih banyak kepada YB. Bukit. Pinang! Berucap kurang daripada 1minit dari masa yang diperuntukan. Seterusnya, saya mempersilakan YB. Bukit Kayu Hitam.

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua.. Alhamdulillahi Robbil A'lamin Wassolatu Wassalamu A'la Asrofil Am'biya Iwal Mursalin Sayyidina Muhammadin Wa'Ala A'lihi Wa'Sohbihi Ajma'iin.

Yang Berhormat Tuan Speaker, YAB. Jeneri, Yang Berhormat Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (EXCO), Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Ketua-Ketua Jabatan yang dirahmati oleh Allah pada pagi ini.

Pertamanya, izinkan saya mengambil kesempatan untuk merafak sembah Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas perkenan menyampaikan Titah Ucapan Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Negeri Kedah pada kali ini. Keduanya, saya ingin mengambil peluang didalam ucapan penggulungan ini adalah untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua kakitangan awam, petugas barisan hadapan (frontliner) yang sekian lama telah berkorban tenaga, bertungkus lumus, memerah keringat siang dan malam secara langsung mahupun tidak langsung bagi memastikan kesejahteraan, keselamatan dan kesihatan rakyat dijaga, dibantu dan dirawat di sepanjang tempoh pandemik Covid-19 yang telah berlangsung hampir 2 tahun ini.

Saya juga ingin mengucapkan takziah kepada keluarga yang telah kehilangan ibu, bapa, suami, isteri, anak dan sanak saudara terdekat akibat wabak Covid-19 ini. Marilah kita sama-sama tidak berhenti berdoa semoga Allah swt. segera mengangkat Covid-19 ini daripada muka bumi ini agar rakyat kembali hidup seperti sedia kala, ceria dan aman sejahtera, dapat bekerja dan dapat berniaga seperti biasa bagi menambah pendapatan ahli keluarga, tidak lagi bergantung kepada bantuan semata mata.

YB. Tuan Speaker, tanggal 18 ogos 2021, tanpa diduga telah berlaku satu bencana di daerah Yan dan Kuala Muda. Tragedi kepala air hasil daripada tanah runtuh di Gunung Jerai telah mengakibatkan kemusnahan harta benda yang teruk dan juga kehilangan nyawa. Malah suasana trauma masih menyelubungi penduduk yang terlibat sehingga ke hari ini. Sebagai kerajaan yang prihatin kebajikan penduduk yang terlibat tidak sedikit pun diabaikan. Sumbangan dan bantuan khas telah disediakan kepada 1,382 keluarga yang terlibat. Daripada bantuan wang tunai sehinggalah menyediakan kelengkapan rumah dan barangan dapur. Boleh dikatakan penduduk yang terlibat merasa bersyukur kerana bantuan datang hingga melimpah ruah daripada pelbagai pihak terutamanya daripada Kerajaan Negeri Kedah sendiri, Kerajaan Persekutuan, Agensi Kerajaan, GLC, NGO, Parti Politik, Syarikat Swasta, Sukarelawan dan orang perseorangan. Kepada semua yang terlibat mambantu, saya mengucapkan setinggi tinggi penghargaan dan terima kasih.

YB. Tuan Speaker, pada tahun ini Kerajaan Negeri Kedah telah menyediakan bantuan khas pesakit terlantar atau dikenali sebagai BKPT iaitu merupakan bantuan tambahan kepada penerima bantuan pesakit kronik terlantar atau OKU terlantar yang sedia ada. Kadar bantuan bulanan ini terbahagi kepada tiga (3) iaitu RM100 bantuan peralatan sokongan, RM200 kepada bantuan pembelian lampin pakai buang dan RM300 kepaada bantuan pembelian susu.

Bermula 1 Januari 2021 sehingga hari ini, kerajaan telah membayar sebanyak RM898,900.00 kepada 3,822 pemohon yang layak menerimanya. Jumlah peruntukkan untuk BKPT pada tahun ini adalah sebanyak RM2 juta dan BKPT ini diuruskan oleh sebuah jawatankuasa khas yang diselia oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah.

YB. Tuan Speaker, Ahli- Ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, berkenaan dengan soalan yang dilontarkan oleh YB. Pengkalan Kundor dan YB. Derga. Terima kasih kerana bertanya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, warga emas dan golongan OKU yang sakit terlantar tidak akan dipinggirkan daripada menerima suntikkan vaksin Covid-19. Data mereka boleh didapati daripada agensi kerajaan seperti JKM, Zakat, JPKK, Penghulu dan NGO dengan kerjasama daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, kita adakan Program Mobile Outreach Vaksinasi dari rumah ke rumah untuk memberikan suntikan vaksin kepada mereka yang tidak dapat hadir di PPV.

Sementara soalan daripada YB. Kulim dan YB. Pengkalan Kundor juga untuk pengetahuan Dewan, bakul makanan untuk penduduk yang diperintah kuarantin di rumah samada sebagai positif covid ataupun kontek rapat, penduduk yang terlibat kenalah berhubung dengan talian PKOB di daerah masing-masing atau memaklumkan kepada JPKK atau penghulu untuk mendapatkan bantuan bakul makanan.

Untuk pengetahuan Dewan, bantuan Covid-19 ini akan diberikan mengikut permintaan dan permohonan kecuali untuk pesakit yang dikuarantin disebabkan oleh positif covid. Mereka ini juga akan mendapat bantuan secara automatik daripada PKOB setelah menerima maklumbalas daripada KKM, dikuarantin disebabkan kontek rapat atau lain-lain hendaklah menghubungi talian PKOB. (YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Pohon pencelahan!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Ya..silakan!

YB. DATO' DR ISMAIL BIN SALLEH

Terima kasih YB. Tuan Speaker, semalam YB. Sungai Limau menyebut bagaimana pentingnya penyelarasan data-data itu ertinya pihak PKOB ada data yang tepat bagi mereka-mereka yang patut menerima bantuan itu. Saya dapati di Dun saya, saya rasa belum ada penyelarasan itu disebabkan oleh ada yang ramai belum menerima. Saya pohon bersungguh-sungguh supaya penyelarasan itu berlaku dengan segera dan berlaku dengan baik.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Sedikit saja! Terima kasih YB. Tuan Speaker dan YB. Bukit Kayu Hitam, saya ada dua satu berkenaan hotline. Hotline dulu masa PKPD, bila PKPD, saya minta Yang Berhormat semak kembali bila nak buat pergi PKPD tu hotline tu satu, satu lepas tu baru tambahlah sepatutnya bila PKPD itu kena ada hotline orang masuk terlampau ramai dan tak dapat datang balik. Kepada yang tak ada telefon ini memang langsung tak taulah! Sebab itu JKM mestilah memainkan peranan dan perkara yang kedua ialah berkenaan dengan bila kita sampai sekarang pun ada 'confirm' akan dapat dan sampai sekarang pun lepas PKPD pun ada yang tak dapat! So minta semak balik!

Yang keduanya ialah berkenaan dengan bilanya berlakunya PKPD ataupun bila nak buat sesuatu itu satu yang saya sebut selalu ialah 'preparation' sepatutnya biasa saya pergi pada hari yang keempat PKPD di Kuala Kedah itu. Hari keempat PKPD itu, masih tidak ada bakul-bakul saya tanya penghulu masih belum mesyuarat lagi! Tak ada apa tindakan lagi selepas seminggu lebih tu baru dah mula sebabnya bila SOP tak dikeluarkan oleh MKN menyebabkan rakyat, kedai-kedai semua tutup, kedai makan pun tutup semua, yang ada duit nak beli makan pun tak boleh! Jadi, ini menyebabkan menyusahkan rakyat di sana. Saya harap bila kita nak buat satu PKPD tiu sediakan siap-siap SOP! Siapkan 'preparation' untuk barang-barang sebelum kita edarkan. Di situ ada sedikit masalah.

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor dan YB. Kubang Rotan di atas permasalahan yang diberi Insya-Allah ianya akan diambil perhatian dan akan diadakan penambahbaikan di Pusat PKOB selepas ini. Selain daripada PKOB, JKM sendiri ada menyediakan Bantuan Bakul Prihatin Negara (BPN), bakul makanan ini difokuskan khas untuk mana-mana keluarga yang terputus bekalan makanan disebabkan tidak dapat bekerja atau hilang pekerjaan disebabkan Covid-19, mereka bolehlah memohon melalui talian kasih 15999 atau telefon terus ke pejabat

JKM di setiap daerah masing-masing. Insya-Allah, pihak JKM melalui Sukarelawan Prihatin Negara (SPN) akan menghantar bantuan sampai ke pintu rumah.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membuat pertanyaan dan memberikan pandangan kepada saya di dalam sidang dewan kali ini dan saya akan mengambil maklum dan akan memastikan pembangunan wanita, keluarga, masyarakat dan kebajikan Negeri Kedah ini akan sentiasa berada di landasan yang betul dan dapat memberi impak yang baik untuk kemajuan negeri ini.

Bunga Seroja Di Atas Para,
Jatuh Ditimpa Buah Berangan,
Andai Kata Tersilap Bicara,
Beribu Maaf Kak Ton Mohonkan

Negeri Kedah Indah Berseri,
Terbentang Luas Sawah Padi,
Selesai Sudah Sidang Kali Ini,
Sehingga Kita Berjumpa Lagi,
Sekian.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

YB. Tuan Speaker, boleh tanya satu soalan!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

YB. Kota Siputeh, kalau ada masalah yang berkaitan dengan portfolio Kak Ton, kita boleh PM tepi dan juga kita akan hantar laporan bertulis.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Sekarang tak boleh?

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Sebab masa mencumburui kita YB. Kota Siputeh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Kayu Hitam, saya pohon maaf YB. Kota Siputeh sebab laluan yang saya berikan bergantung kepada pembahas. Seterusnya, saya persilakan YB. Merbau Pulas.

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahi Robbil A'lamin Wa'bihi Nas'tain Wala'Udwa Wa'Illa A'la Zalimin. Subhanakala Il'malana I'lla Ma'alamtana In'naka'an Tal'Alimul Hakim. Qhola' Robbishrohli' Sodri Wayarsirli Amri' Wahlul Uqd'atan Millisani' Yafqhohu' Qhauli.

YB. Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Ketua-ketua Jabatan yang dikasihi sekalian. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk Merafak Sembah Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, semoga Allah swt mengurniakan kesihatan dan kesejahteraan kepada KDYMM Tuanku Sultan dan KDYMM Tuanku Sultanah Kedah agar dapat bersemayam di atas takhta Kerajaan Negeri Kedah dengan penuh kebesaran dan kedaulatan. Ucapan terima kasih kepada Ahli-menyampaikan Titah Ucapan Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Negeri Kedah pada kali ini.

Ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan soalan lisan dan bertulis. Selain itu juga, penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, saranan dan cadangan yang bernas demi membantu penambahbaikan berterusan kepada pihak kerajaan negeri. Saya akan memberi jawapan kepada dalam sektor dalam Seksyen Pembangunan Luar Bandar ini. Pertamanya, peranan JPKK yang disebut oleh Adun Pengkalan Kundor yang dibangkitkan iaitu 'empowerment community' oleh Penghulu ataupun JPKK dalam membantu masyarakat setempat yang masih belum mendapat suntikan vaksin. Seperti Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum di peringkat daerah telah ada kerjasama antara pejabat ADUN, Penghulu JPKK dan Ahli Majlis yang sama-sama berganding bahu dan bergerak seiring dalam membantu penduduk setempat di kawasan masing-masing yang masih belum menerima suntikan vaksin.

Yang kedua pelbagai usaha dijalankan oleh pengurusan daerah dengan kerjasama JPKK bagi memastikan lebih ramai rakyat Negeri Kedah mendapat info dan maklumat tepat berkaitan vaksin serta turut serta mengambil vaksin sebagai satu langkah bagi mengurangkan jangkitan Covid-19 secara di dalam komuniti. Memang dah ada tindakan Yang Berhormat Pengkalan Kundor ya! Yang ketiga …(YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sedikit soalan!

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Sekejap tak habis lagi, sekejap lagi saya bagi laluan ya! Yang ketiga antaranya adalah JPKK ditugaskan untuk mendapatkan nama penduduk di kawasan seliaan mereka, yang masih belum mendapat suntikan vaksin dan memanjangkan kepada Pejabat Penghulu Mukim.

Sekiranya senarai nama yang diberikan adalah ramai, pengurusan daerah mungkin mencadangkan Program Outreach yang khusus di lokasi tersebut. JPKK yang berhampiran dengan kawasan PPV juga turut membantu membuat hebahan berkaitan pemberian vaksin secara walk-in ataupun dengan izin di pusat pemberian vaksin di daerah masing-masing. Program Outreach ini turut diadakan di pelbagai tempat dengan kerjasama para JPKK membantu menghebahkan dan memastikan masyarakat setempat termaklum dan hadir menerima vaksin.

Di Langkawi tu Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah mengadakan PPV secara mobile bagi kawasan merah dalam kerjasama jPKK setempat. Untuk makluman, daerah Pendang juga mengadakan hebahan dengan menggunakan dialek Pendang khusus untuk masyarakat Pendang dan tak tahulah Dato' Su cakap Siam ke? Dialek Pendang, ada orang Siam!

Selain itu, Dun Tokai mengadakan Program Outreach khusus dan hadiah menarik! Exco Kesihatan bagi hadiah lagi, turut ditawarkan kepada penerima vaksin tertentu untuk menggalakkan masyarakat setempat hadir menerima vaksin yang disediakan percuma oleh pihak kerajaan. Kalau sekiranya yang disebut oleh Pengkalan Kundor yang tak mau terima vaksin ini, ini satu cadangan yang baik. YB. Pengkalan Kundor boleh bagi hadiah pula kepada sesiapa yang tak mahu cucuk vaksin itu. (YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Pohon pencelahan!

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Silakan!

YB. DATO' DR ISMAIL BIN SALLEH

Saya ucapkan tahniah di atas kerjasama yang diberikan di bawah termasuk JPKK tadi. Isu sekarang adalah JPKK yang saya rasa kerjasama itu baik tapi perlu ditambahbaik. Contoh dalam Dun saya, saya rasa hampir 30 JPKK yang berfungsi, saya ingat tak sampai 30%, yang lain itu kita tak tahu di mana, siapa dan sudah tentu tidak berfungsi dan ini akan melemahkan usaha kita untuk masuk ke era endemik nanti di mana yang saya sebut duk ulang-ulang selalu sebab ini bidang empowerment community.

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Ok, saya faham ya! Masa saya sudah suntuk! Saya faham disebut oleh Pengkalan Kundor ialah 30%, JPKK berfungsi. Saya rasa Pengkalan Kundor tidak terlibat secara langsung sebab JPKK akan berurusan dengan Pejabat Penyelaras Dun dan juga Pejabat Daerah, tidak berurusan dengan YB. Pengkalan Kundor!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya berada dengan Penghulu, saya berada di bawah. Apabila berada dibawah JPKK itu juga memberi maklumat kepada saya. Jadi, tidak tepat kalau kata saya tidak ada maklumat berkaitan itu.

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Saya akan buat siasatan apa yang disebutkan oleh YB. Pengkalan Kundor ini, Insya-Allah. Ok! Ok! Saya akan tengok balik!

YB. TUAN HJ. MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

YB. Exco, minta laluan boleh!

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Silakan!

YB. TUAN HJ. MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Boleh YB. Exco. Terima kasih! Tadi, YB. Exco ada sebut berhubung dengan hadiah kepada orang yang menerima vaksin. Satu tawaran yang lumayan daripada kerajaan negeri saya kira, boleh Yang Berhormat sebut apakah hadiah, adakah sama macam di Padang Terap, bagi motor sebiji, penerima yang ke 50,000 dapat motor sebiji. Kemudian, yang ke 10,000 dapat duit RM1,000.00. Apakah itu yang dimaksudkan ataupun ada lain-lain insentif. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Jadi, yang disebut oleh YB. Tokai, Exco Kesihatan sendiri lah, yang memberi hadiah. Saya tidak dapat maklumat lengkap tentang hadiah, mungkin YB. Tokai akan sebutlah hadiah yang diberikan semasa ucapan penggulungan nanti ya!

Selain itu, JPKK turut membantu mendapatkan nama penduduk setempat yang belum menerima. Insya-Allah pihak kerajaan akan meneruskan penambahbaikan dan meningkatkan usaha untuk memastikan…..(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Merbau Pulas, masa sebenar sudah habis!

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Ya…banyak lagi ni! Dapat memastikan rakyat Negeri Kedah menerima vaksin Covid-19 dan mencapai imunit kelompok. Ada lagi YB. Tuan Speaker, tak kan saya habis dah masa saya! (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ada lagi 2 minit Yang Berhormat!

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Kejap! Kejap! Ok, tidak lupa juga kepada barisan JPKK saya nak ucapkan syabas dan tahniah sama-sama berganding bahu demi membantu masyarakat di kawasan masing-masing dalam suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin dan seterusnya saya akan sebut, nak ringkaskanlah tak boleh dah nak sebut, sebab masa dah singkat. Jadi, saya akan bagi kepada Adun Kuala Ketil. Daripada Kuala Ketil ini yang dibangkitkan ialah projek infra di kawasan Baling, kerajaan sentiasa melihat keprihatian terhadap masyarakat kawasaasn luar bandar dan di Baling sendiri, kerajaan dibawah Pembangunan Luar Bandar telah menaiktaraf 7 jalan hubungan desa, 2 jambatan dan 1 projek pembangunan air luar bandar. Untuk projek di Dun Kuala Ketil sahaja, kita akan naiktaraf 4 projek titi yang berjumlah RM131,905.00 dan pembentung 4 projek untuk Dun Kuala Ketil berjumlah RM78,000.00, perparitan 1 projek berjumlah RM27,900.00. Keseluruhannya untuk projek di Dun Kuala Ketil sahaja ialah RM267,805.00. Ini Dun Kuala Ketil sahaja yang saya sebutkan sebab dibangkitkan oleh YB. Kuala Ketil tapi untuk daerah Baling banyaklah! Seterusnya saya nak bangkitkan mengenai Tanjung Dawai iaitu tentang membaikpuih titi Pengkalan Kakap. Titi Pengkalan Kakap ini dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah oleh Daerah Kuala Muda sudah nak diangkat kepada JKR untuk pembangunan jambatan baru. Yang kedua, iaitu disebut jalan di sini juga Pejabat Daerah yang memulakan tindakan segera dengan mengeluarkan BQ dan dimasukkan semula ke permohonan MARRIS. Yang terakhirnya, dah tiada masa! Saya akan akhiri ucapan terakhir saya ini, kerajaan negeri sentiasa bersedia dalam memberi dan menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dalam isu-isu pembangunan terutama sekali di luar bandar. Berhubung perkara-perkara yang dibangkitkan saya akan mengambil sepenuh perhatian bagi menangani masalah dan mengambil langkah yang terbaik untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Negeri Kedah dibawah kepimpinan YAB. Menteri Besar. Saya dengan ini menyokong penuh Titah Ucapan KDYMM Tuanku Sultan Kedah sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-14. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Merbau Pulas. Seterusnya saya persilakan YB. Sungai Tiang!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar Kedah, Rakan-Rakan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Sahabat-Sahabat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan dan Sidang Hadirin yang dihormati sekalian. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadrat Allah swt di atas kesempatan yang dikurniakan untuk kita sama-sama berada di dalam Dewan yang mulia ini, setelah kali terakhir kita berada di sini pada November 2020 yang lalu.

Yang Berhormat Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Sallehuddin Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah dalam Perasmian Istiadat Pembukaan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri yang Ke-14. Ucapan penghargaan saya juga kepada rakan-rakan Ahl-Ahli Yang Berhormat sekalian khususnya Yang Berhormat Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Pada pandangan saya kita kerajaan, waima barisan pembangkang wajar meneliti dan mengambil kira dalam membina sebuah negeri yang maju berdaya saing berkat dan sejahtera secara bersama tanpa mengira warna bendera kepartian menyokong penuh Titah Tuanku. Saya menggesa agar kita semua berganding bahu membangunkan Negeri Kedah Darul Aman bersama. Seperti yang sedia maklum pada 18 Ogos 2021, satu tragedi yang meruntun hati kejadian hujan yang sangat lebat, banjir lumpur telah melanda Daerah Yan dan Daerah Kuala Muda. Malang sekali dalam kejadian tersebut 6 orang penduduk tempatan Innalillahi Wa'Inna Ilaihiraajiu'un telah terkorban. Infrastruktur seperti rumah penduduk, pejabat kerajaan, masjid, sekolah, jalan raya, jambatan, tiang elektrik, saluran paip air, sistem penapisan air tanah, longkang saliran, pusat peranginan,chalet dan lain-lain harta awam dan persendirian habis musnah.

Rentetan daripada itu, menjawab YB. Dun Jitra, Jabatan Mineral Geosains telah memohon projek pemetaan kawasan bencana geologi di Gunung Jerai kepada KETSA dengan anggaran kos RM4.24 juta. Dengan kajian pemetaan bencana aliran teori tersebut, mengenal pasti kedudukan bahan geologi seperti batuan dasar yang kukuh dan koluvium di kawasan pinggiran tebing sungai laluan aliran debris maka sebarang cadangan pembinaan struktur di atas kawasan ini perlulah merujuk kepada maklumat ini kerana pembinaan struktur yang besar di atas bahan koluvium akan memberikan masalah kestabilan.

Pembinaan Empangan Sabo yang bernilai RM20 juta bagi Fasa 1 di Gunung Jerai bertujuan memastikan pokok - pokok yang tumbang serta batu-batu besar tidak menghilir sekiranya aliran air deras berlaku lagi. Berdasarkan kepada keadaan semasa di tapak pihak NAHRIM telah mencadangkan pembinaan 2 buah Empangan Sabo dilaksanakan di dua-dua lokasi kritikal.

Selain daripada itu, pembangunan pemasangan Sistem Telemetri, Sistem Siren Amaran Awal Banjir bagi memberi amaran awal kepada penduduk sekitar telah pun dimohon kepada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM500,000.00. Siasatan dan analisa tapak sedang dijalankan untuk merekabentuk sistem amaran awal ini bagi mengenal pasti lokasi yang tepat untuk pemantauan tanah runtuh, pemasangan alatan teknologi terkini, Real-time Rain Gauge.

Program ini dijangka akan mengurangkan risiko ancaman bencana geologi '*Disaster Risk Reduction*' dengan izin dan juga memastikan ianya dapat diurus dengan baik '*Disaster Risk Management'* pada masa yang akan datang. Antara penyelesaian menyeluruh lain yang dicadangkan meliputi kerja pembinaan *'floodwall', 'river protection'*, pembinaan 3 buah jambatan, pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai ("TAPS"), pembinaan baharu bagi 1 pintu air dan menaiktaraf 6 pintu air yang kesemuanya dianggarkan berjumlah RM180 juta. Bencana banjir lumpur dan fenomena kepala air ini telah mengakibatkan tebing sungai terhakis dan menyebabkan kelebaran sungai yang bertambah dari Sungai Titi Hayun yang 10 meter bertambah kepada 25 meter serta keadaan tapak semasa menjadikan faktor anggaran kos pembinaan agak tinggi. Pihak Ibu Pejabat JKR juga menjalankan lawatan tapak ke tapak cadangan pembinaan dan semakan kos pembinaan juga dibuat berdasarkan kepada keadaan sebenar sungai dan kemusnahan di tapak yang memerlukan kerja-kerja tambahan seperti 'realignment' jalan sedia ada.

Pelaksanaan projek secara berfasa iaitu Pelan Pemulihan Fasa 1 akan bermula pada tahun 2021 sehingga tahun 2024 dan penyelesaian Projek Secara Total Solution dijangka siap pada tahun 2026. Selepas kajian dapat dibentangkan oleh pakar teknikal, kita akan melaksana dan membentuk *'disaster risk management plan'* ataupun pelan pengurusan risiko bencana Gunung Jerai yang akan dibentuk bagi melindungi 5,000 nyawa orang awam serta melindungi kawasan seluas 600 hektar dari impak bencana banjir kepala air dari kembali berulang pada masa akan datang. Kelangsungan kepada pelaksanaan Gunung Jerai '*disaster risk management plan'* ini amat penting bagi menguruskan risiko dan pelaksanaan operasi bencana di kawasan sekitar Gunung Jerai secara efektif bagi memastikan keselamatan nyawa orang awam dan harta benda dapat diselamatkan.

Dari kesempatan ini, saya bagi pihak kerajaan negeri ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Tuan Pegawai Daerah Yan dan Kuala Muda, Pengarah JKR Kedah, Pengarah JPS Kedah, NAHRIM, Jabatan Mineral dan Galian Negeri Kdah (JMG), Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Syarikat Air Darulaman, Lembaga Sumber Air Negeri Kedah dan semua yang telah memungkinkan bukan sahaja gerakkan manusia malah pindahan aset dari seluruh Negeri Kedah ke tempat kejadian daripada hari pertama sehinggalah selesai kerja-kerja mereka. Mereka dalam kerja yang asas masih dapat menyumbang tenaga di tempat kejadian dengan arahan-arahan oleh ketua-ketua jabatan mereka. Bagi pihak kerajaan negeri kita ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada mereka semua.

Seterusnya, YB. Tuan Speaker, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan telah bertitah bahawa rumput di sepanjang jalan di bawah selenggaraan kerajaan pusat supaya diselenggara dengan lebih kerap. Dukacita ingin saya maklumkan bahawa skop selenggara yang bermula September 2020 telah dikurangkan daripada 12 kali setahun kepada 9 pusingan setahun sebagaimana arahan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Walaubagaimanapun, Pihak JKR Negeri Kedah telah memohon kepada Pihak Kementerian Kerja Raya supaya mempertimbangkan semula skop pemotongan selenggaraan tersebut mengembalikan kepada skop asal 12 pusingan setahun supaya konsisten berada pada tahap yang terbaik dengan status Alor Setar Bandaraya dan Ibu Negeri. Namun begitu permohonan ini masih peringkat Kementerian Kerja Raya manakala bagi dalam protokol ia masih kekal dengan skop selenggaraan sebulan sekali dan Pihak JKR Negeri Kedah juga telah mengambil inisiatif berusaha untuk menambah 12 lagi pusingan agar pusingannya adalah 15 hari setiap memotong rumput setiap 15 hari, dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, Setiausaha Bahagian Kementerian akan datang bagi membincangkan perkara ini untuk tujuan jalan-jalan protokol sahaja.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Kerajaan negeri melalui JKR Negeri Kedah sedang melaksanakan beberapa projek menaiktaraf infrastruktur jalan raya Negeri Kedah dan antara jalan-jalan besar yang sedang dijalankan adalah menaiktaraf Jalan Alor Setar-Kangar yang dipanggil Persimpangan Simpang Tiga Kemboja dan keseluruhan kos projek-projek yang sedang dijalankan adalah RM511 juta. Selain dari itu, Pihak JKR juga sedang merancang untuk melaksanakan 14 projek-projek infrastruktur jalan yang telah diluluskan projek-projek kerajaan negeri, projek-projek KKR dan juga projek-projek daripada KPLB yang keseluruhannya bernilai sekitar RM1.03 billion.

Bagi aspek perancangan jalan yang komprehensif dan holistik, Pihak Kementerian Kerja Raya telah merintis Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2030 ataupun Highway Network Development Plan 2030 ataupun singkatannya adalah HNDP 2030. Pelan ini memformulasikan pelaksanaan pembangunan rangkaian jalan raya yang turut mengambil kira pembangunan yang sedang dibangunkan dan yang akan dirancang untuk pembangunan bagi tempoh 2021 sehingga 2030 yang akhirnya selari dengan Pelan Pembangunan Negeri Kedah 2035. (YB. Kota Siputeh bangun untuk mencelah)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Pohon pencelahan YB?

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Saya memang tak ada masa YB, kena tunggu kejap YB. Sebab ini nak kena inform Dewan yang mulia ini berkenaan satu perancangan yang sungguh besar dan akan memberi impak ekonomi kepada Negeri Kedah. Selain membawa limpahan pembangunan daripada zon industri dan pusat katalis ekonomi terus ke kampung dan desa, objektif utama Plan HNDP ini memastikan jalan-jalan baharu yang dibina oleh kementerian dan negeri supaya saling melengkapi sesama sendiri dan bertindak menghubungkan kampung dan desa kepada bandar-bandar besar, zon industri serta pusat-pusat katalis ekonomi Negeri Kedah.

Ia mewujudkan rangkaian jalan raya yang menyokong pelan ekonomi dan Pembangunan Wilayah Negeri Kedah. Strategi utama HNDP adalah untuk memperkukuhkan jalan raya Kedah dan koridor jalan raya pantai barat serta menghubungkan jalan raya sedia ada di Negeri Kedah dengan koridor Lebuhraya Timur-Barat. paling penting yang paling penting secara langsung ….(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat, masa ada lagi dua minit!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Ok, saya akan habiskan dengan 2 minit. Paling penting, HNDP secara langsung menghubungkan Lingkaran perhubungan ke Konurbasi, zon promosi pembangunan dan pusat katalis ekonomi. Saya bagi contoh YB. Kuala Nerang, HNDP menggariskan projek pembesaran jalan yang menghubungkan Kg. Perik dengan Bandar Jitra, sejauh 14 km dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Pembesaran jalan yang menghubungkan Singkir Laut, Yan dengan bandar Butterworth yang berukuran sepanjang 18.9 kilometer di dalam Rancangan Malaysia Ke-13. Ia juga akan menghubungkan Kedah Special Border Economic Zone di Bukit Kayu Hitam di Utara Semenanjung dengan K12 Jalan Baharu KXP, ke Jalan Changkat Jering ke Kuala Ketil dan Jalan Baharu, Serdang ke Jambatan Pulau Pinang. Antara cadangan HNDP 2030 Negeri Kedah untuk Rancangan Malaysia Ke-12, RM10.64 billion akan dibelanjakan. Untuk Rancangan Malaysia Ke-13, 7 projek RM6.65 billion akan dibelanjakan dan melangkaui 2030, beberapa billion lagi akan dibelanjakan. Jadi, saya percaya apa yang dirancangkan menepati kehendak pembangunan untuk Negeri Kedah menerusi Pelan Pembangunan Negeri Kedah 2030.

YB. Tuan Speaker, lain-lainnya saya akan menjawab melalui jawapan secara bertulis cuma saya nak sebut adalah perkara last sekali mengenai dalam tempoh kritikal kita menghadapi krisis kesihatan dan ekonomi ini, saya rasa ini adalah masa yang paling sesuai untuk kita semua pemimpin untuk bersama-sama. Cabaran untuk pengurusan negeri, saya rasa saya pernah menjadi wakil rakyat selama 4 penggal sama lama dengan Alor Mengkudu, cukup berbeza dalam musim Pandemik Covid ini. Tugas dan peranan wakil rakyat berada di lapangan sebenarnya tetapi dengan Pandemik Covid-19, kita bersandarkan sepenuhnya kepada media sosial. Ini memungkinkan fakta-fakta yang diterima tidak benar. Tajuk-tajuk berita yang membawa kepada fitnah semata-mata. Sebagai pemimpin-pemimpin masyarakat, kita perlu istiqamah kembali, urusan kerja kita banyak terhad kerana kita terpaksa bergantung kepada berita-berita parti ketiga yang memungkinkan kita membaca satu keadaan yang agak salah.

Contohnya pembukaan Langkawi, orang cerita beli tiket 200,000, 200,000 itu beli tiket untuk masa setahun bukan nak masuk 200,000 itu terus ke Langkawi. Kalau pi lah Langkawi tahun ini kosong saja, tetapi kita mengucapkan syukur kerana akhirnya ia memberi harapan bahawa pandemik ini boleh diatasi bersama.

Kita ingin melihat semua yang berada dalam Dewan ini bersama dan bersatu hati menyokong program-program yang akan memberi kestabilan ekonomi kepada rakyat kita. Tidak mungkin kita dapat terus membantu mereka tetapi kita boleh memberi semangat dan harapan kepada rakyat. Insya-Allah.

Jadi dengan itu, seperit-perit Kerajaan Negeri, perit lagi rakyat dibawah sana. Justeru itu, Menjunjung Kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, saya memohon menyokong penuh usul Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sungai Tiang. Seterusnya silakan YB. Lunas!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Auzubillahiminshaitanirrajim. Bismillahirahmanirrahim. Allazii khalaqal' Mawta'wal Haya'ata Li'yabluwakum 'Ayyukum 'Ahsanu 'Amalaa: Wa'huwal 'Aziizul-Gafuur. Yang menjadikan mati dan hidup supaya dia menguji kamu siapa diantara kamu yang lebih baik daripada amalnya dan dia maha berkuasa lagi maha pengampun.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Speaker, pengajaran daripada ayat di atas yang saya ingin sebutkan dalam ucapan saya pada pagi ini. Ujian pandemik ini yang terjadi sekarang memerlukan sikap pemimpin yang perlukan kesabaran, kuatkan semangat, tidak menyalahkan satu sama lain sebaiknya terus bekerjasama, berusaha gigih untuk melakukan islah penambahbaikan yang membina, yang memberikan manafaat buat semua dan setiap lapisan masyarakat.

YB. Speaker saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker atas ruang diberikan kepada saya untuk saya mengambil kesempatan ini untuk Merafak Sembah Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan keprihatinan yang diberikan oleh Tuanku Sultan kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Insya-Allah, saya akan menggulungkan sedikit berkaitan dengan portfolio yang di bawah bidang tanggungjawab saya.

YB. Speaker, pandemik covid ini menjadi satu cabaran kepada semua sektor ekonomi, sosial dan lain-lain. Sektor industri makanan tidak terkecuali, namun begitu oleh kerana sektor industri makanan ini adalah sektor *'essential'* maka operasinya dibenarkan.

Saya ingin memberikan jumlah surat-surat kebenaran operasi yang diberikan oleh agensi-agensi di bawah MAFI, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Jabatan Pertanian 5,100 surat ini adalah semenjak Mei 2021, MADA 11,04, Lembaga Pertubuhan Peladang 5,598 surat kebenaran, Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia 153, Jabatan Perkhidmatan

Veterinar 786, FAMA 2,412 , LKIM 94 dan Jabatan Perikanan serta semua nelayan-nelayan yang ada lesen menangkap dan permit menangkap ikan dibenarkan.

Kemudiannya tentang pemasaran. Dalam situasi covid-19 ini, pemasaran bagi sector-sektor industri makanan setelah kita melalui hampir dua tahun Covid-19 ini, Alhamdulillah dalam PKP 3.0 ini, ianya berjalan dengan lancar, agensi-agensi di bawah MAFI seperti FAMA telah mewujudkan pasar-pasar segar terkawal kemudian kebenaran menjaja oleh PBT di tepi-tepi jalan dan sebagainya membolehkan barangan-barangan hasil pertanian dan keluaran untuk makanan dapat dipasarkan dengan lebih baik. Kemudian, pasaran-pasaran melalui online dan juga penghantaran COD kepada para pelanggan.

Namun begitu, ada disebutkan oleh YB. Kubang Rotan kelmarin tentang PKPD di Kuala Kedah, memang awalnya ada sedikit, saya dapatkan penjelasan daripada Persatuan Nelayan Kuala Kedah semuanya dapat diselesaikan dalam masa selepas SOP diumumkan pada 8hb. Untuk YB. Pengkalan Kundor, roadmap pertanian saya akan edarkan dalam Group Adun kita tadi. Insya-Allah sedang diusahakan, dah ada dah cuma nak edarkan saja! Pengkalan Kundor, Alor Mengkudu sorry! sorry Alor Mengkudu.

Kemudian, portfolio saya juga iaitu perladangan dan komoditi, alhamdulillah bermula daripada hujung tahun lepas dan awal tahun ini, harga sawit mentah, minyak mentah sawit dan getah dapat harganya bertambah baik berdasarkan kepada pasaran dunia dan permintaan yang tinggi. Insya-Allah kita doakan moga-moga harga ini dapat bertahan sepanjang yang mungkin, selama yang mungkin dengan harga komoditi sawit dan getah ini, moga-moga pendapatan para pekebun-pekebun kecil sawit dan getah ini dapat berterusan dan dapat terus bertahan.

Kemudian, di bawah portfolio pengangkutan. Insya-Allah kita di Negeri Kedah ini jalan untuk ke travel bubble di Langkawi adalah melalui Jeti Kuala Kedah melalui pintu udara di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi telah pun berjalan sebanyak 16 September dan Insya Allah hari ini kita akan buat pelancaran pembukaan 'travel bubble' jeti melalui Jeti Kuala Kedah dengan kerjasama dengan semua agensi, Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Daerah Kota Setar, APM, RELA dan lain-lain agensi yang akan bekerjasama bagi memastikan 'travel bubble' ini dapat berjalan dengan lancar dan menjadi contoh kepada pembukaan sektor-sektor pelancongan yang lain.

Yang keempat adalah tentang Hal Ehwal Masyarakat India. Sejak tahun lalu, ada beberapa isu yang telah dikemukakan, kuil dan sebagainya semampu mungkin saya turun untuk berbincang dengan pihak-pihak yang berkaitan, dengan pihak-pihak agensi PBT dan sebagainya untuk kita selesaikan isu-isu masalah kuil ini sebaik mungkin.

Kemudian, permohonan-permohonan yang dihantar oleh semua NGO-NGO yang berkaitan masyarakat India, kita luluskan dan dengan kadar yang wajar berdasarkan bajet yang disediakan. Insya-Allah untuk YB. Shumugam, kita akan salurkan tahun ini, mungkin dalam RM100,000.00 untuk perayaan Deepavali yang akan berlangsung pada 5 Disember ini. Jadi, ada perkara yang disebutkan oleh YB. Kuala Ketil, saya kalau nak sebut panjang, saya akan bagi jawapan bertulis pada YB. Kuala Ketil! Boleh ka? Boleh na!

Tentang tambah baik usaha-usaha dalam sektor pertanian, penternakan, perikanan dan yang berkaitannya. Jadi, YB. Tuan Speaker, saya pun tidak mahu memanjangkan ucapan, saya dalam ucapan ini ingin mengucapkan dengan ikhlas dan tulus hati tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar daripada Jeneri yang saya lihat sepanjang lebih kurang 1 tahun 10 bulan ini berada di bawah kepimpinan beliau yang begitu komited, begitu bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas beliau sebagai Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam memastikan pembangunan kelestarian ekonomi kita terus bertahan Insyaallah kita sama-sama memberikan sokongan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk terus memimpin kerajaan ini sehingga habis penggal dan Insyaallah akan bersambung pada penggal yang akan datang.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua 'frontliners' Kementerian Kesihatan, Polis, Tentera, APM dan semua yang bertugas daripada awal pandemik sehinggalah hari ini, tak berhenti-henti. Jasa tuan-tuan dan puan-puan hanya Allah sahaja yang dapat balas dari pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ada beberapa insentif yang telah pun diberikan. Untuk itu, Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon menyokong Titah Ucapan KDYMM Tuanku dalam perbahasan. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Lunas yang mengambil masa kurang 5 minit daripada masa yang diperuntukan. Seterusnya, saya persilakan YB. Tokai!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh . Alhamdulillah, Washolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah Waman Tabi'ahu Wanasarahu' Wawa'lah. Robbishrohli Sodri Wa'yassirli Amri Wahlul' Uqdatan Min Lisaani Yaf Qouhu Qouli. Auzubillahiminashaitanirrajim. Wata'awanu 'Alal Birri; Wat Taqwa Walaa Ta'awanu'alal Itsmi Wal Udwan. Bertolong-tolonglah kita ke arah ketakwaan dan jangan bertolong-tolong ke arah permusuhan.

YB. Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi kesempatan ini. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kedah, Sahabat-Sahabat Exco dan juga Sahabat-Sahabat Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah dan Pegawai-Pegawai Kerajaan Persekutuan dan juga Negeri, Ketua-Ketua Jabatan seterusnya para-para pemberita media bertulis, media cetak, dan juga media sosial.

Alhamdulilah syukur kepada Allah swt. kerana memberi kesempatan kepada saya untuk bersama-sama lagi sama dengan kita di dalam Dewan yang mulia ini setelah alhamdulillah dah sihat lebih kurang hari ini, 29 hari saya berkurung kerana dijangkiti oleh Covid-19. Orang kata betapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Saya dan YB. Lunas pernah berada di dalam senarai pesakit ni jadi stigma ini masih ada! Kita pergi beli ikan pun orang lari jauh.

Walaupun sekarang ini sudah negatif! Saya nak pi masjid pun tak berani lagi kalau YB. Kupang bagi kebenaran pun saya tak berani pasal sedikit-sedikit ada batuk. Jadi, kesan batuk ini Ahli-Ahli Yang Berhormat, Doktor kata boleh menjangkau sehingga ke 3 bulan. Jadi, tuan-tuan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, saya juga mengambil kesempatan untuk Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Tuanku Sultan Kedah semasa merasmikan sidang kita pada kali ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada mereka-mereka yang telah dijemput oleh Allah swt. dengan bencana Covid-19 ini dan juga saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pengarah kesihatan yang ada bersama kita di dalam Dewan ini yang telah banyak memberi panduan, memberi pertolongan, memberi insentif dan juga apa juga pertolongan yang telah diberikan kepada staf-staf di Jabatan Kesihatan Negeri Kedah sehingga Alhamdulillah kita dapat mencapai tahap vaksinasi yang boleh membanggakan iaitu 80% lebih untuk dos pertama dan dan juga 60% lebih untuk dos yang kedua dan Insya-Allah kita akan mencapai mungkin dalam dua minggu lagi untuk dos yang kedua pun boleh mencapai 80% lebih. Pada 20hb yang lepas kita telah pun memulakan vaksinasi untuk remaja dan budak-budak sekolah iaitu daripada enrolmen Sekolah di Negeri Kedah yang kita ada data 1802,452 kita telah memberikan suntikan di PPV biasa 15,324 dan juga di Special PPV mereka yang mempunyai masalah comorbid ini ialah 8,867 orang menjadikan 24,191 orang remaja yang telah diberikan pada 20 September 2021. Jadi, kemungkinan data pada hari ini, dia berubah kerana pertambahan setiap hari data-data tersebut.

YB. Tuan Speaker yang dihormati sekalian, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab beberapa isu yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tak mahu sentuh setiap Ahli tetapi saya nak sentuh kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang pertamanya, tentang masalah vaksinasi yang lambat, vaksinasi yang lemah, vaksinasi yang dikatakan ‘slow’ dan juga ada yang mengatakan kerajaan gagal untuk menghadapi Covid-19. Kalau kita lihat kepada *worldometer*, hari ini pun kita boleh lihat, kita tengok daripada graf-graf yang ditunjukkan, kita tengok setiap negara di dunia ini daripada bulan Februari tahun 2020, itulah startnya kes-kes yang menyebabkan covid ini bertambah di USA, di Afrika, di negara-negara Asia bahkan Cambodia, Vietnam yang kita katakan negeri yang tidak banyak kes pun, kes covid-19 ini bermula pada Februari 2020.

Jadi, kalau kita nak katakan kita ini sebuah negara yang gagal untuk menghadapi Covid saya rasa ini tidak bertepatanlah dengan graf yang ditunjukkan oleh senarai negara-negara yang terpaksa juga menghadapi covid ini maknanya outbreak ataupun wabak yang berlaku ini seluruh dunia dan fasa yang kedua iaitu pada bulan Julai, bulan Ogos, dan bulan September. Apabila mutasi virus Covid-19 ini kepada Varian Delta. Ini yang menyebabkan seluruh dunia terpaksa menghadapi kenaikan kes-kes di dalam dunia pada hari ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dihormati (YB. Suka Menanti mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Tokai, boleh celah sikit

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Jangan lama sangat na! Saya masa Pengkalan Kundor bahas, saya tak kacau pun.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sila! Sila! Cuma sat lagi bagi satu ruang!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Boleh! Boleh! Sila! Sila!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tak apa! On dulu! Belakang sat lagi, lagi satu soalan. Sebab nak tanya tu macam lama sikit!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Tentang empowerment di peringkat bawah, sebenarnya kita mengambil inisiatif ataupun kerja buat untuk menyedarkan masyarakat tentang perlunya vaksinasi ini sampai ke peringkat bawah. Di masjid-masjid pun, kita telah memainkan peranan untuk tok imam – tok imam, ahli jawatankuasa masjid, kutip nama beri kepada pusat-pusat kesihatan dan alhamdulilah di tempat saya sendiri di tempat tuan-tuan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, wallahualam saya tak mengkaji sampai ke bawah lah! Kita ambil, kutip nama, suruh tok imam kutip nama ahli ahli kariah serahkan kepada Pusat Kesihatan dan alhamdulilah berlakulah pertambahan kepada mereka-mereka yang boleh divaksinasikan. Ituu yang disebutkan oleh YB. Merbau Pulas tadi, kita beri insentif taklah sampai bagi motor macam YB. Kuala Nerang. Kita bagi duit, kita bagi hamper, kepada mereka yang genap complete dua dos yang ke 5,000 yang ke 10,000 yang ke 15,000, yang ke 20,000, yang ke 25,000 maknanya inilah insentif yang kita boleh bagi sebab kita di peringkat ini, ini duit kita sendiri bukan duit daripada kerajaan negeri.

YAB. Menteri Besar jangan duk sebut duit negeri. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, itu yang kita buat daripada bawah dan alhamdulillah dengan adanya gerakan yang kita ambil untuk ahli-ahli masyarakat dan sampai ke peringkat kampung ke peringkat bawah peratusan boleh naiklah!

Antara isu yang dibangkitkan adalah tentang kematian, ini maklumat daripada pihak Jabatan Kesihatan untuk kita menambahbaik ataupun mengurangkan kes-kes kematian di hospital. Yang pertamanya, tentang infrastruktur *bed availability*, kewujudan katil-katil di hospital. Pihak Kesihatan akan menambah sebanyak 1,127 katil, 274 katil di kecemasan dan juga katil-katil tempat lain yang memerlukan bekalan oksigen iaitu kategori 4 dan juga 5.

Kemudian ambulans, kita akan menambah perkhidmatan ambulans dan alhamdulillah Menteri Kesihatan yang datang baru ini pun dia berjanji untuk menambah jumlah ambulans di Negeri Kedah ini,

Kemudian, Pusat Kuarantin Rawatan Covid (PKRC), penambahan katil sebanyak 826 katil di PKRC melibatkan 3 pusat iaitu ILKKM Kulim, Dewan Al – Farabi dan Dewan Wawasan, menaikkan taraf PKRC bagi menampung pesakit kategori 3 dan 4. Kategori 5 kita kena bawa pergi hospitallah! Kemudian, mewujudkan PKRC Community di setiap daerah mengikut Team PKOB, Insya-Allah kalau sekiranya di peringkat pusat ramai, di peringkat daerah kita akan wujudkan untuk menghadapi kes-kes covid ini. Kemudian untuk meningkatkan walaupun kita dah mencapai 80% vaksinasi tapi ada juga Program Taskforce dalam menaikkan peratusan pendaftaran di dalam MySejahtera ini, mewujudkan lebih banyak ataupun meningkatkan kemampuan pusat vaksin sepertimana yang disebutkan oleh YB. Derga. YB. Derga mengatakan pusat vaksin setengah-setengahnya perlu ditutup disebabkan oleh jumlah peserta ataupun rakyat yang nak pergi vaksin itu berkurangan! Memang idea itu kita ada pusat-pusat yang besar ya! Mungkin memerlukan perbelanjaan yang tinggi, adanya kurang peserta ataupun rakyat pergi vaksin, kita akan buat penutupan mungkin kita tengoklah dalam bulan 10 ini. Ini juga kita sampaikan nasihat ini kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan baru-baru ini.

Kemudian, isu yang lain berhubung dengan PBT yang disuarakan oleh tuan-tuan juga dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain. Memang kita tidak menghapuskan cukai, kedai-kedai yang disewa ini, barang-barang masih di dalam kedai. Jadi, Pihak PBT kena jaga juga keselamatan barang di dalam kedai. (YB. Pengkalan Kundor bangun mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Yang Berhormat, mohon pencelahan!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Ya..silakan YB. Pengkalan Kundor.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Nak masuk topik lain dah tu. Kesihatan tadi, soalan tadi saya batallah sebab tu kita bincang di luar nanti. Lama tak dengar itu Hospital Pendang ini, dimaklumi dan diketahui bawa salah salah satu kluster adalah kluster Site Hospital Pendang. Jadi, apakah status terkini Hospital Pendang? Itu saja!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Yang ini penting nak tanya. Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Tokai. Saya nak tanya YB. Tokai sebab baru-baru ini terima banyak aduan sejak tamat darurat dan sekarang ni ramai yang kena kompaun sebab ingkar SOP.

Kompaun yang dibuka ialah RM5,000, RM10,000 dan ada yang beribu-ribu. Jadi, adakah kerajaan kata tidak perlu bayar ataupun diskaun untuk ingkar SOP sebab yang ini membebankan rakyat jelata di bawah. Terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor dan juga YB. Kota Darul Aman, Hospital Pendang sepatutnya YB. Sungai Tiang jawab ini tetapi Alhamdulillah belakang rumah saya, saya tahulah, ia sedang dalam proses dan alhamdulillah kita nampak bumbung dah naik, cat pun dah ada dah, cuma jalan saja dalam proses apa, 11 April siap, YB. Sungai Tiang Kedah sebab di bawah bidang portfolio dia.

Kemudian tentang kompaun tadi ya kita telah berbincang dengan pihak kesihatan kesihatan mengatakan Kalau ia melibatkan Kesihatan boleh minta rayuan nak diteruskan ka, nak bagi diskaun ka, Kesihatan kata boleh. Cukuplah, Speaker duk jeling kat saya tu! memang kita tidak mengecualikan cukai tetapi kita bagi diskaun 50% dan juga kita membenarkan mereka berniaga.

Awal dulu, kita bagi kawasan bebas berniaga, mereka boleh ambil lesen secara percuma di PBT-PBT, kita benarkan mereka berniaga sebab itu kita tengok di jalan depan hospital tu penuh dengan gerai-gerai sebab itu kita tak ambil tindakan maknanya kalau sedikit kesilapan kesalahan itu, kita tak ambil tindakan, kita benarkan mereka berniaga.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Tokai, tinggal satu minit lagi, saya tambah satu minit lagi! Jadi, 2 minit lagi!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Ok. Thank you. Kemudian, laporan berkenaan dengan Tanjung Dawai yang tanya tentang Semeling iaitu Pusat Pelupusan Sampah. Memang kita berada di tahap akhir perbincangan, Pihak Semula Resources telah masuk kepada perbincangan dan Insya-Allah kita berbincang dengan pihak JPSPN Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara setelah Semula Resources tinggalkan tempat itu, kita bincang untuk mengadakan pusat 'waste to energy' di tempat yang sama ini bergantung kepada perbincangan selepas ini lah!

Isu milikan strata bangunan UTC YB. Derga, permohonan strata bagi bangunan UTC dan Ct Plaza dalam tindakan peringkat penilaian sebutharga juruukur yang dilantik oleh pihak MBAS. Isu monyet, untuk makluman pihak MBAS tidak menerima sebarang aduan berkaitan monyet di taman awam tetapi mereka menerima maklumat di Gunung Keriang, Gunung Keriang ni memang tempat dia kut no! Kemudian, YB. Jitra menyebut tentang masalah psikologi, masalah ekonomi…(YB. Derga mencelah)

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Yang Berhormat, pohon mencelah. YB. Tuan Speaker, sat saja! Taman Sultan Abdu Halim memang ada aduan mengenai monyet.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Ok, kalau ada maklumat, bagi maklumat dan kita akan bawa ke Pihak MBAS. Tentang masalah psikologi pesakit, memang saya pun ada kesan juga, dia mudah lupa, kurang 'concentration', kemudian pukul 12.00 malam tak lena lagi, pukul 4.00 pagi bangun dah!

Ini masalah-masalah yang terpaksa kita hadapi tetapi Alhamdulillah di peringkat negeri dan peringkat kesihatan kita telah ada data-data ini dan didapati 7.125 orang awam bergejala sederhana, teruk dan juga sangat teruk. Sederhana-152, teruk – 207, sangat teruk – 152. Ini di Negeri Kedah 59.8%, kesan kemurungan. 65.5% keresahan, 54.4% stress. Jadi, kalau saya straight lepas ni mungkin kesan daripada 'long covid' tak ada speaker yang stress lepas ini, mungkin ini adalah kesan Covid-19. Harap-harap tak dak lah!

YB. TUAN SPEAKER

Lani, Speaker yang stress ini.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Ok..Ok..Tuan Speaker, Yang lain mungkin saya boleh jawab dengan cara bertulis dan satu kuiz kepada speaker, siapa manusia yang paling kuat sekali dalam dunia ini selain speaker dalam dewan ini? 30 saat! Tukang gunting rambut dengan tukang mandi mayat, siapa pun yang paling kuat dalam dunia ni pergi kat tukang mandi mayat, dia tekan sana, dia gosok sini,dia pulas. Tukang Gunting Rambut pun macam tu juga. Menteri Besar pun gunting rambut, dia pulas sana dia pula ini, kalau tak percaya tanya Menteri Besar. Jadi, saya mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Tuanku Sultan pada hari isnin yang lepas. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam. Satu cara nak hilang stress tu kena buat lawak banyak macam tu, kita kurang stress. Jadi, kita sambung dengan Jeneri. YAB. Jeneri nak bagi usul.

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

YB. Tuan Speaker, untuk mengelak kejadian kelmarin, kita terlajak waktu. YB. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan dibawah Peraturan 12(1) (a) dibaca bersama usul di bawah peraturan 12 1 (b) Peraturan - Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pada tengah hari ini diteruskan selepas jam 1 sehingga selesai aturcara Dewan pada hari ini.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Speaker, saya mohon menyokong usul tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

YAB. Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersetuju dengan usul yang dibuat oleh YAB. Menteri Besar. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Guar Chempedak!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABDUL RAHMAN BIN KU ISMAIL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Jeneri, Menteri Besar Kedah, Yang Berhormat rakan-rakan sejawat Exco, YB. Adun-Adun di sebelah sini dan juga di sebelah sana, YB. Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri, YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah, YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan khususnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian setinggi penghargaan dan ucapan berbanyak terima kasih kepada semua Adun-Adun termasuklah Adun Pengkalan Kundur, Alor Mengkudu, Bandar Baharu, Bukit Lada, Kuala Ketil dan lain-lain yang menyentuh tentang portfolio saya terutamanya dalam industri dan pelaburan.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil ruang dan kesempatan ini untuk menyatakan terima kasih yang tak terhingga kepada semua yang berkampung di Yan untuk membantu mangsa-mangsa banjir akibat fenomena aliran debris ataupun kepala air bencana alam seperti yang kita lihat pada 18 Ogos yang lalu tidak pernah berlaku sepanjang hayat saya yang lahir di situ dan dibesarkan di situ.

Pertamanya, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang datang pada 23 Ogos hari pertama, beliau secara rasmi masuk ke pejabat dan kepada Yang Berhormat Menteri Besar Kedah yang cukup prihatin yang banyak kali turun dan berada di Yan untuk memberikan sokongan dan bantuan. Yang Berhormat Menteri-Menteri, Kementerian Luar Bandar Wanita Keluarga Masyarakat Di Dalam Negeri, Pendidikan, Belia dan Sukan termasuk juga Timbalan Perdana Menteri Dalam Negeri. Hari Sabtu ini pun akan berada di situ Menteri Pengajian Tinggi dan kepada sahabat-sahabat, rakan-rakan Exco Kerajaan Negeri dan semuanya turun membantu dan saya nak nyatakan terima kasih istimewa kepada YB. Halimatun yang jaga mengenai bab kebajikan, yang turun 8 kali ke Yan. Terima kasih banyak-banyak, ini bukan jek apa saya tak dapat apa pun! Kepada semua NGO-NGO seluruh negara, saya lihat saya tak terfikir sampai macam tu nak jadi, orang turun ramai sampai traffic jam lebih dari seminggu di Yan, macam Kuala Lumpur!

Semua turun nak bantu! Ini keistimewaan, kelebihan rakyat Malaysia, bab politik mereka nak lawan habis-habisan! Bab tolong, bab kebajikan mereka turun tanpa berfikir tentang politik dan sebagainya. Itu satu kelebihan rakyat Malaysia sebenarnya, parti-parti politik tak lupa kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, semua lah! Pengurusan tertinggi kerajaan negeri, pegawai kewangan dan lain-lain pegawai dan saya tengok NGO ni banyak yang terlibat termasuk dari Kuala Lumpur seluruh negara daripada Johor pun ada tapi saya selalu terserempak dengan NGO Jabatan Amal. Kadang-kadang sampai tengah malam depa cuci rumah yang penuh dengan selut. Sekali saya jumpa mereka datang daripada Pahang yang membantu di kawasan Salak Denai, itu pun mengambil masa berjam-jam dan saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan sanjungan yang tinggi kepada semua yang membantu. Saya percaya tanpa sokongan dan bantuan semua pihak tak mungkin keadaan di Yan dapat dipulih secepat itu sungguh pun ada lagi yang perlu kita lakukan.

Saya juga nak mengucapkan banyak terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah meluluskan sejumlah peruntukan untuk menyediakan 'sensor' bagi memberi amaran awal tapi ada jugalah kita kena bantu lagi chalet-chalet yang terlibat belum lagi masuk dalam senarai. YB. Tuan Speaker, mengenai portfolio saya ada beberapa perkara yang saya nak sentuh seringkas mungkin dalam ruang waktu yang terhad ini. Pertamanya, mengenai Kedah Rubber City di Padang Terap, banyak kali disebut YB. Alor Mengkudu pun kata lama dah dengar berita ni tapi beliau bersetuju dengan saya bahawa rancangan ini mengambil masa yang lama tapi bila datang kepada pelaksanaan dia akan berlaku cepat. Insya-Allah, kita akan lihat hasilnya kemudian. Fasa 1, 500 ekar 50% dah siap infra sepatutnya Mac 2022 siap tapi oleh kerana PKP, Covid-19, dia akan siap target kita kali ini ialah pada Disember 2020. Dia macam kerbau dengan bangau, kita salahkan Covid-19, kita salah PKP memang tu sebenarnya pun kita tidak boleh nafikan. Kemudian, komitmen pelaburan RM1.55 billion, ini depa dah bayar dah duit permulaannya. Satunya Hong Sing Industries RM1.5 billion buat glove, satu lagi LTS Logistics yang akan melabur RM55 juta.

Mengenai bekalan air, bekalan elektrik, kita menjangkakan bahawa bekalan elektrik telah dibuat cepat, secepatnya-cepatnya. Tenaga Nasional dapat buat dalam masa 18 bulan, kita akan siap dalam Jun 2023 dan jalan raya pula kita ada tersedia daripada Padang Senai dalam 10 mld dan Insyaallah bila lubang siap, dia akan dapat memenuhi keperluan kapasiti keseluruhan.

Keduanya, berhubung dengan pelaburan Negeri Kedah 2021, khususnya bidang perkilangan ataupun 'manufacturing'. Seperti mana yang kita sedia maklum iaitu Januari hingga Mac, suku tahun pertama pelaburan kita ialah RM42.3 billion, ini tertinggi tapi nombor satu dalam Malaysia. Saya tak fikir dia akan berlaku lagi di masa-masa akan datang. Jadi, bertuahlah kami-kami di sini yang menjadi kerajaan ketika ini, dia tak mai dah Insya-Allah, sampai RM42 bilion negeri mana pun tak akan capai lagi. Jadi, ini satu tuah kepada kita dan seluruh rakyat Malaysia. 99.6% daripada pelaburan itu datangnya daripada Lison Energy. Untuk Januari hingga Jun 2021 yang ini, dia punya tu dah keluar daripada MIDA. Kenaikan untuk Januari hingga Jun 6 bulan ialah RM42.55 billion. Yang ini dia hanya naik RM169 juta berbanding dengan suku tahun pertama. Namun, banyak lagi pelaburan yang dijangka dibuat pada tahun ini sehingga Disember 2021 yang belum lagi dimasukkan.

Pertamanya syarikat ATNS yang kita semua dengar banyak kali, ini bukan main-main bulan Oktober ini akan pecah tanah Insya-Allah dan pelaburan mereka ialah RM8.5 billion dan satu-satunya syarikat di dalam Asia Tenggara internet ini dipilih bukan sahaja Malaysia tapi pilih Kedah Kulim Hi-Tech Technolgy Park. Mereka ini syarikat daripada Austria yang mengeluarkan high end printed **circuit board assembly** (**PCB**) dan **integrated circuit** (**IC**), kita menjangkakan bagi tahun 2021, Kedah mampu mencapai lebih RM50 bilion nilai pelaburan. Insya-Allah. Lagi satu kilang yang syarikat yang akan melabur tahun ini ialah Manycorn, Syarikat Jepun. Sejumlah RM1.6 billion dan perlu diingatkan pencapaian ini diperolehi dalam suasana Pandemik Covid 19. Kenapa kita berjaya sedemikian rupa, pertamanya kita bekerja sebagai pasukan yang padu, kalau tak ada pasukan ini dia tak boleh berjaya *no man is an Island* dengan izin Yang amat Berhormat Menteri Besar tidak boleh buat seorang, kita kena semua sekali terlibat! siapa mereka? Kerajaan Negeri, Invest Kedah, KTPC, BPEN, Kerajaan Tempatan, PTG, Pejabat Tanah dan Daerah, Kepimpinan KCS Setiausaha Kerajaan Negeri, SFO, Timbalan Pembangunan dan lain-lain lagi termasuklah Exco Pelaburan dan semua ahli pasukan yang tersebut ini, tapi semua yang saya sebut dalam pasukan ini dia satu kepala bukan YB. Tuan Speaker, YB. Tuan Speaker hanya berkuasa di sini, tapi kita buat kerja juga! Minta maaf Tuan Speaker! Siapa dia yang kepala ini, Yang kepala ini ialah YAB. Menteri Besar. Kalau Malaysia berjaya, kita kata Perdana Menteri, Menteri pun buat kerja tapi kita sebut Perdana Menteri. Tapi kalau Kedah berjaya, khususnya pelaburan ini, sungguhpun Exco buat kerja SS buat kerja, SFO buat kerja, KTPC buat kerja tapi kepalanya ialah Menteri Besar sendiri. It's all about relationship (dengan izin).

Dalam masa yang sama kita jangan lupa semua ini daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala kita pun nasib kita baik, 'the timing is important' (dengan izin). Kita juga perlu menyatakan penghargaan kepada MIDA, MITI yang banyak membantu, saya bersama Invest Kedah menyemai dan menanam hubungan yang rapat dengan mereka kerana ia berupa merupakan 'window' kepada pelabur-pelabur terutamanya luar negara.

Saya juga ingin menyebutkan di sini bahawa baru-baru ini, kita mendapat surat kelulusan peruntukan MIDA untuk kawasan - kawasan industri di Negeri Kedah terutamanya untuk infra. Jumlah yang kita terima daripada MIDA, peruntukan daripada MIDA kerana hubungan yang baik ini kita ada 'personal touch', 'engagement' dengan pengurusan tertinggi MIDA dan juga pengurus-pengurus yang lain.

Kita dapat RM6.617 juta, tahun sudah kita RM4 juta untuk infra, kita minta RM4 juta kita dapat RM4 juta, tahun ini kita minta RM 6 juta dapat RM6 juta. Jadi, bukan semua negeri yang akan dapat 100% tapi Kedah dapat kerana kita menyemaikan hubungan yang rapat. Pertamanya di Kulim RM450,675.00 yang ini di bawah Kumpulan Wang Amanah Covid-19 Kawasan Perindustrian Kulim. Kawasan Perindustrian Kulim, perparitan ini juga dibawah Wang Amanah Covid, RM1.999 juta kira RM2 juta, dan MPSP kita nak bangunkan infra di Bukit Selambau, kata kita nak bawa semua kilang-kilang plastik di situ dan juga kita nak membangunkan banyak lagi kilang-kilang di Bukit Selambau maka MIDA membantu dan menyokong usaha kita dengan memberikan RM4.2 juta bagi infra itu. Saya ucapkan terima kasih kepada MIDA.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Tuan Speaker, masa sebenar telah tamat.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

15 minit tak kan sebenar kut. YB. Speaker ni pakai jam apa?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Boleh tanya sikit tak Yang Berhormat?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Jam kita kata ada lagi 10 minit.

YB. TUAN SPEAKER

Nak minta extra lagi ka?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Extra.. ni cerita duit nak masuk!

YB. TUAN SPEAKER

Ok, kita bagi 2 minit lagi! Silakan!

YB. TUAN SPEAKER

Saya minta 5 minit! Speaker macam ni kita tak leh jumpa dah! YB. Sungai Limau minta laluan!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Ya.. silakan! Campur masa tu!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Nak tanya sikit YB. Guar Chempedak, kami dengar hujung-hujung telinga lah, porche nak ada di Kulim bila tu? Kalau betul?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Sungai Limau nak beli porche ka? Memang nak jadi, di Kulim itu kita ada BMW, semua series termasuk 7 series. Kalau Yang Berhormat Tuan Speaker nak beli, saya boleh tolong booking tapi bayar sendiri lah!

YB. TUAN SPEAKER

Ada diskaun tak?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Tak tau kena tanya mereka! Kemudian, dia buat engine BMW. Bukan semua kilang negara-negara lain yang buat engine tapi di Kulim buat. Insya-Allah dalam masa terdekat, tahun hadapan, kilang tengah buat, kita akan keluarkan porche. Saya nak tambah sikit potensi pelaburan dalam masa terdekat ini. YB. Speaker nak dengar ka dak? Tengok jam apa, jam duk lama lagi! Kita dah minta tangguh tadi!

Pertamanya, kawasan perindustrian Kulim, tapak Kilang Naza itu, sebuah syarikat namanya Stelatiz, syarikat kereta keempat terbesar di dunia akan buat di situ. Syarikat ini beroperasi di 30 buah negara dan mengeluarkan 16 jenama termasuk Peugeot, Jip, Viat, Rem dan pelbagai lagi. Hebat Negeri Kedah ini.

Kemudian, saya nak sebut sikit mengenai Kulim Hi Tech Park, KTPC ya! KTPC dan KHTP. KTPC ini adalah pemaju dan pengurus KHTP. Pengurusan yang terbaik yang pernah kita lihat setakat ini. Pengerusinya ialah YAB. Menteri Besar Kedah. Lepas ini naik pangkat apa tak tau lah! Exco mana boleh naik pangkat dah! Salah satu sebab kenapa pelaburan KHTP begitu melonjak KTPC mempunyai prestasi yang terbia, dari segi kewangan terbaik pada tahun lepas. Saya tak tahulah masuk YAB. Jeneri ini, berkat kut no! Keuntungan yang tertinggi dalam sejarah RM100 juta lebih, saya tak pernah lihat lagi. Saya duk di KTPC Board lama juga lah ini yang tertinggi. Insya-Allah tahun ini kita akan dapat keuntungan yang lebih tinggi daripada tahun lepas. Ini pencapaian yang perlu kita terima. Saya tulis banyak, tu nak kira masa tu, saya nak cerita benda yang penting.

Saya nak cerita KTPC, KXTP ini kita dah habis tanah sebab RMK-11, YB-YB kena tau cerita ini sebab kita dah habis tanah! Sebab RMK-11, kita minta peruntukan tak dapat, jadi 5 tahun kita tertinggal! Habis tanah! Yang kita duk pakai lani sikit-sikit, kita ambik tanah yang luka, dalam Bahasa Inggeris 'injured land' (dengan izin). Jadi, 'injured land' ni kita cari sikit-sikit, 10 ekar, 5 ekar kita buat tapi kita juga buat langkah tindakan yang berkesan untuk menangani isu ini.

Kita sedang buat fasa 4 A, 250 ekar pakai duit sendiri, kita ambil kerajaan persekutuan lambat! Kemudian, untuk fasa 5, tengah duk buat 445 ekar, pengambilan tanah RM190 juta dan kita dapat pinjaman daripada kerajaan pusat. Sudah lulus dan infra RM134 juta dan jumlah semua sekali ialah RM324 juta. Banyak saya nak kena langkau.

Seterusnya PIKAS. PIKAS ini kalau kita tak buat, kerja kilang tak boleh kerja! Nasib baik 'timing' betul kita buat PIKAS. Jadi, kebanyakan kilang 90% kilang dan pekerja dia sudah dapat 100% vaksinasi. Kalau dia dapat 40% sampai 59%, hanya 60% saja boleh pi kerja. Kalau dapat sampai 80%, ia hanya boleh pergi kerja dalam 80% tapi kilang kalau dapat 80% ke atas vaksinasi dia, dia boleh masuk kerja 100% .

Alhamdulillah semua syarikat ini dah masuk dalam dan suruhan pekerja kilang di Kedah dalam 100 ribu orang lebih dan kita vaksinasi yang kita buat ialah dalam 80 ribu dan yang lain-lain itu datangnya daripada tempat-tempat lain, mereka pi buat di PPV tempat lain, Itu saja!

YB. TUAN SPEAKER

Ok, YB. Guar Chempedak, sila landing!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Sila landing no! Dah landing nak kata apa lagi! Ok, satu perkara lagi nak landing, saya juga jaga portfolio sains teknologi dan inovasi, YB. Bandar Baharu ada sebut mengenai low-carbon island Langkawi. Sebenarnya projek ini sedang berjalan Yang Berhormat dan mereka sudah mencapai banyak anugerah dan target kita sekarang tahun 2030 nanti kita dapat mengurangkan karbon ini 40%.

Satu lagi mengenai Pengajian Tinggi apa usaha yang saya buat sekarang ialah kita tak boleh buat banyak program aktiviti sebab PKP. Tahun ini saya akan buat Ekspo Pendidikan melalui maya yang akan dikendalikan oleh UUM pada bulan Oktober yang akan datang untuk seluruh negara. Seterusnya saya juga sedang berusaha YB. Speaker, walau macam mana pun kita nak dapatkan sebuah universiti teknikal di Negeri Kedah. Kita dah cakap banyak kali kita tiada Universiti Teknikal di Negeri Kedah, university kita hanya mengeluarkan 'many years accountant'. UUM – pengurusan, UITM Merbok – pengurusan tapi teknikal tak dak! Teknikal pi ke Perlis, UNIMAP di Perlis, UITM di Perlis pun buat technical subject, engineering dan sebagainya.

Jadi, saya sedang berusaha adalah cara-cara yang tertentu dengan sokongan YAB. Metnteri Besar kita akan dapatkan juga sebuah Universiti Teknikal di Negeri Kedah kerana ini penting sebagai sebab Negeri Kedah bukan sahaja sebagai negeri pertanian tapi kita nak jadikan sebagai sebuah negeri yang tinggi dari segi perindustriannya yang akan membantu penduduk di Negeri Kedah untuk mendapatkan pekerjaan yang pendapatan tinggi. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Itu saja Yang Berhormat!

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Guar Chempedak! Sekarang kita jemput YB. Jeneri.

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Asslamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Barisan Exco, Ketua Pembangkang, Rakan-Rakan Ahli Dewan, Yang Dikasih YB. Dato' Paduka SUK dan seluruh team pentadbiran Negeri Kedah Darul Aman, Ketua-Ketua Jabatan Pegawai-Pegawai Tinggi Kerajaan.

Saya mulakan dengan surah yang selalu kita semua baca bersabit dengan pentadbiran negeri. *Walau Anna Ahlal-Qurā Āmanụ Wattaqau Lafataḥnā 'Alaihim Barakātim Minas-Samā `I Wal-Arḍi Wa Lāking Każżabụ Fa Akhażnāhum Bimā Kānụ Yaksibụn. Sekiranya penduduk Penduduk negeri itu beriman dan bertakwa Tentulah kami membuka kepada mereka pintu pengurniaan yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan Rasul kami, lalu kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang telah mereka usahakan*.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan sekalian, hari ini hari yang ke berapa ratus, dalam 1 tahun 4 bulan lebih kurang saya menjadi Menteri Besar. Saya masuk pejabat pada 17 Mei 2020 dalam keadaan kita sedang dilanda Pandemik Covid-19. Suasana berlaku perubahan dan Allah takdirkan dalam sebuah kerajaan baru di negeri ini dibentuk. Katalah apa depa nak kata apa-apa pun tapi prosesnya telah berlaku dan kita jalani apa yang sedang ada di depan kita termasuk menjadi Menteri Besar Kedah Darul Aman dengan realiti yang ada pada ketika itu. Saya juga menoleh ke belakang apa yang telah kita lalui sepanjang sejarah penubuhan Kerajaan Negeri Kedah sejak ribuan tahun dulu.

Pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu telah berusia lebih pada 100 tahun sejak tahun 1909, kita ada gerabak yang panjang. Saya ada soldadu-soldadu dan juga pegawai tinggi yang disebut oleh YB.Gurun tadi, yang ada kemahiran masing-masing dan YB. Gurun puji KCS kelmarin, saya ucap terima kasih di atas penghargaan YB. Gurun terhadap pegawai- pegawai kerajaan negeri. Saya harap ikhlas lah, Ikhlas lah no! Jangan menanam tebu di bibir! Saya memandang ke depan ke mana yang kita nak bawa pergi rakyat dan negeri kita ini. Jauh di depan saya tengok jentera Kerajaan telah menyusun begitu lama contohnya Plan Kedah sejahtera 2035. Kedah 2035 ini adalah garapan daripada perancangan-perancangan yang begitu lama sejak tahun 1990, disusun semula pembentukan Kedah 2035 untuk membawa negeri ini dan rakyatnya di laksanakan dengan kerjasama BPEN Kedah dengan Economic And Financial Institute,UUM berasaskan kepada penyelarasan dan semak silang ke atas teras strategi dan inisiatif yang telah dicadangkan sebelum ini dalam pelan - pelan pembangunan yang telah dirancang sebelum ini.

Pelan Perancangan Pembangunan Kedah telah dibentuk sejak tahun 1990 lagi. Bermula dengan Pelan Tindakan Pembangunan Kedah 9099 diikuti dengan pelan tindakan Kedah Maju 2010, Pelan Strategik Kedah Sejahtera 2010, 2015 ini YB. Pengkalan kundur dan YB. Alor Mengkudu terlibat masa itu, masa itu jadi kerajaan. Pelan Transformasi Kedah 2013, 2018 Jitra mengepalai kerajaan. Pada tahun 2018, Pelan Pembangunan Kedah 2019, 2035 telah dilancarkan.

Walaubagaimanapun, pada tahun 2019 pelan ini disemak semula dan ditambah baik serta diselaraskan bersama-sama dengan Pelan Transformasi Kedah 2013-2018 Perancangan Struktur Kedah 2035 dan Rancangan Tempatan Daerah-Daerah bagi membentuk sebuah Pelan Pembangunan Kedah 2035. Saya minta BPEN bekalkan kepada semua Adun-Adun di dalam Dewan ini supaya ini menjadi panduan dan pedoman kepada kita untuk menuju Kedah 2035 dan saya yakin tuan-tuan semua Ahli Yang Berhormat menyokong pelan yang telah dimuktamadkan ini.

Mekanisma ini dilaksanakan bagi menyeragamkan perancangan pembangunan di negeri ini selain kelangsungan inisiatif-inisiatif yang telah dirancang dan masih kekal relevan serta berpotensi untuk direalisasikan. Sebagai contoh Pelan Transformasi Kedah 2013-2018 telah melaksanakan beberapa inisiatif yang dirancang. Namun begitu ,masih terdapat beberapa inisiatif yang belum dapat dilaksanakan tapi kekal releven untuk diteruskan seperti Projek Pengindahan Sungai Kedah dan Pembangunan Semula Pekan Melayu, Pekan Cina. Projek ini ditambah baik perancangannya untuk dibangunkan. Sebuah projek Integrasi Pembangunan Sungai Kedah sebagai warisan pelancongan. Selain itu, projek-projek berimpak tinggi seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim walaupun telah melalui beberapa fasa namun masih tetap akan dilaksanakan di dalam Kedah 2035. Begitu juga dengan lain-lain inisiatif. Saya yakin semua Ahli Yang Berhormat di dalam dewan ini menyokong penuh pembangunan KXP yang sedang kita usahakan.

Kesimpulannya, Kedah 2035 telah dibangunkan secara holistik dengan mengenal pasti kekuatan setiap daerah melalui sesi libat urus yang telah diadakan sepanjang tahun 2019 dan 2020. Mekanisma bottom-up melalui **Kolaborasi Twin Triple Helix, k**erajaan, industri pendidikan, komuniti, alam sekitar telah menjadi tulang belakang kepada perancangan pembangunan negeri yang lebih mampan agar dapat memanfaatkan setiap rakyat yang menghuni di negeri ini, Kedah 2035 diselarikan dengan 3 rancangan Malaysia bersekali prinsip Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk berkongsi kemakmuran secara bersama tanpa sesiapa pun tertinggal di belakang. Seperti kata YB. Bandar Baharu semalam ‘no one is left behind’. Itu rancangan yang kita nak pi tahun 2035.

Banyak orang dalam perjalanan kita yang panjang ini dengan gerabak kita yang besar, melakukan pelbagai, saya nak kata halangan pun boleh jadi usikan-usikan, gurauan-gurauan cubit-cubitan untuk kita lari pada focus, untuk kita beri perhatian kepada perkara yang tidak perlu. Saya terpaksa menjawab persoalan yang timbul daripada persepsi akibat daripada gurauan, ini sangat membuang masa! Tak betul mereka kata betul! Nak habaq kata tak betul tu pun ambil masa. Jadi, benda-benda ini Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, semua ini tidak diperlukan.

Semuanya dalam perjalanan kita yang panjang, matlamat kita yang lebih besar seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan bahawa kita sebagai pemimpin haruslah menjadi ahli politik yang bersikap negarawan. Negarawan memikirkan untuk generasi akan dating.

Maka, Pelan Kedah 2035 ini patut menjadi dasar ataupun teras yang akan memandu perjalanan kita. Masuk menjadi Menteri Besar apa yang saya ada? Ada masalah ada? Saya ada GLC-GLC yang menjadi beban. Ada GLC yang kononnya mendapat kuota tiap-tiap tahun tentang pembalakan. Kota tahun tu habis dah, tahun depan pun dia pun perahabis dah, tahun depan lagipun perhabis dah. Ada kuota dia siap jual dah, ada satu GLC yang bawah dagu saya, berhutang premium dengan Jabatan Perhutanan 38 juta, dia dijual dah!

Kuota tahun depan tak tahulah berapa puluh tahun punya kuota atas alasan ladang hutan. Ahli-Ahli Yang Berhormat semua, ada 22,000 hektar ladang hutan telah diluluskan dan telah ada kerjasama dengan syarikat-syarikat, yang telah berlaku transaksi-transaksi yang telah mengikat kita, kaki dan tangan! Nak buat apa boleh! Tapi bayar balik! Nak bayar banyak, tak mahu bayar, batal pi mahkamah. Dalam dasar ladang ganti perhutanan, kita dibenarkan 15% daripada jumlah keluasan hutan kita dibuat ladang hutan ganti tetapi kita telah melepasi kadar itu yang dibenarkan kepada kita dengan keluasan yang kita ada 100,6000 lebih kurang kita dibenarkan 15 ribu hektar tetapi sewaktu saya menjejakkan kaki masuk ke pejabat kita sudah ada kelulusan 22,000 rancangan ladang hutan ganti. Nak buat macam mana? Dalam keadaan itu pula, ladang hutan ganti ini ada spesies yang dibenarkan. Ada 7 jenis tanaman yang dibenarkan oleh Jabatan Perhutanan Malaysia sebagai ladang hutan ganti atas dasar untuk bekalan kayu negara.

Dalam kelulusan ini juga ditanam tanaman yang bukan spesies yang dibenarkan Durian Musang King. Durian lah! Durian ini tuan-tuan, mereka ambil buah, mereka tak ambil kayu, kalau tanam lepas 7 hingga 10 tahun tebang pokok itu rugi lah! Durian boleh produktif 50 hingga 60 tahun. Jadi, benda yang sudah ada ketika saya masuk yang telah mengikat kita begitu ketat, saya boleh kelepiaq boleh! Yang kelepiaq tak lepas nak buat macam mana? Kena buat pemutihan maka usaha yang saya sedang lakukan ialah bagaimana nak selesaikan beban yang ada di depan saya ketika saya masuk? Bagaimana untuk mengheret gerabak saya yang besar untuk menuju sasaran yang kita tetapkan? Bagaimana untuk pastikan rakyat kita dapat hidup dengan selesa dan sempurna dalam negeri ini? Saya gagaskan Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua, mengambil gagasanyang telah dibuat pada satu ketika dulu dan saya berharap negeri ini dengan cita-cita dan matlamat yang sedang kita usahakan dapatlah menjadi tempat berteduh orang miskin dan tempat orang kaya menabur bakti. Saya yakin penuh gagasan ini akan disokong daripada kerajaan mahupun pihak pembangkan. Saya akan bagi kepada YB. Alor Mengkudu, tapi sat lagi na! Saya bagi. Saya ni bukan kedekut sangat!

Dalam perjalanan yang panjang negarawan boleh melayan sikit sebanyak perkara-perkara yang dating, semua daripada netizen, daripada media sosial yang meletakkan halangan, yang membina persepsi macam-macam, saya boleh tak peduli saja semua tapi ada juga perkara yang patut diperbetulkan takut menimbulkan salah faham. Saya perbetulkan kalau tak diterima apa saya nak buat.

Tuan-Tuan sekalian, saya dapat sokongan padu daripada jentera kerajaan alhamdulillah terima kasih YB. Dato' Paduka SUK dan seluruh jentera kerajaan negeri. Dasar yang kita buat sangat difahami dasar kita mudah saja, belanja perkara yang perlu, yang merapu-rapu tak payah belanja! Jadi, kita ada simpanan tetapi bukan saja kita ada simpanan kita juga ada tanggungan dan kita ada hutang. Saya nak memperjelaskan tentang beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tentang kewangan.

RM635 juta. Saya harap tuan-tuan tidak berfikiran orang-orang yang tidak faham tentang pentadbiran, nak kata orang kampung sat gi orang marah no! Depa duit ada banyak awat tak belanja? Simpan buat apa orang susah ramai! Dalam Dewan ini pun ada orang bercakap juga, tapi saya ingat bercakap itu tidak berdasarkan rungutan-rungutan di media sosial. Kita taruh duit banyak, orang tengah susah, hampa kira duk simpan duit.

Tuan-tuan sekalian, sejak mengambil kerajaan 2020, kita mengamalkan pengurusan kewangan yang akauntibiliti dimana perbelanjaan dibuat berdasarkan bajet yang diluluskan mengikut maksud dana yang sebenar. Sebagai contoh, belanja mengurus akan dibelanjakan berdasarkan terimaan hasil yang dipungut di negeri ini. Dana yang diterima bagi maksud akaun amanah dan akaun deposit hanya akan dibelanjakan bagi maksud tersebut sahaja. Bagi akaun amanah dan akaun deposit yang belum sampai masa untuk dibuat pembayaran tak sampai lagi 'due for payment' dengan izin, kerajaan negeri yang akan membuat pelaburan dalam bentuk simpanan tetap di bank-bank tempatan yang memberikan pulangan yang lebih baik.

Sehingga 22 September 2021, dua hari yang lepas, daripada strategi pengurusan kewangan ini Kerajaan telah berjaya membuat pelaburan simpanan tetap berjumlah RM660 juta dengan keuntungan pelaburan berjumlah RM5.18 juta berbanding dengan apa yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang sebut RM635 juta, dekat-dekat dah tu tapi sikit atas RM660 juta. Sumber dana bagi simpanan tetap ini yang berjumlah RMN660 itu merangkumi lebihan daripada akaun hasil disatukan negeri berjumlah RM60 juta. Akaun amanah projek Program Khas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berjumlah RM128 juta, Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan Projek berjumlah RM150 Juta, Deposit Urusan Tanah Kerajaan berjumlah RM180 juta dan Akaun Amanah Maris berjumlah RM142 juta. Yang Berhormat Speaker, minta izin minum sat. Kenapa bantuan covid hanya RM32 juta berbanding negeri-negeri lain. YB. Jitra ada sebut Melaka, Perak, Pulau Pinang dan ada rakan-rakan kita sebut lagi negeri lain belanja banyak.

Sejak bermula Pendamik Covid-19, kerajaan memang mengambil berat kesukaran dan kesusahan rakyat, bantuan telah diberikan dalam bentuk tunai, peralatan bantuan tenaga dan kemudahan aset kerajaan. Sehingga September 2021, kerajaan memang telah belanja RM32.4 juta ke atas 13 program bantuan kepada golongan terkesan Covid 19 antaranya bakul makanan, bantuan lampin pakai buang dan susu, bantuan peralatan kepada penjaja, swab test untuk pekerja-pekerja di hospital swasta khususnya pekerja-pekerja penghantaran makanan, bantuan barangan perubatan dan bantuan tunai.

Kerajaan turut menyediakan bantuan sokongan kepada rakyat dengan menyediakan kemudahan program vaksinasi di PKR dan PKRC. Bantuan sokongan yang diberikan dalam bentuk tenaga kerja, peralatan seperti khemah, kenderaan jabatan dan kemudahan dewan milik kerajaan negeri, pengoperasian pusat ini tidak dapat berfungsi dengan sempurna tanpa kerjasama dan tenaga kerja daripada kerajaan negeri.

Semua ini melibatkan peruntukan yang besar atas dasar Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua, kerajaan telah memberikan pemberian seperti berikut iaitu pengecualian lesen perniagaan, pengecualian sewaan kantin bagi tahun 2020 dan 2021, penangguhan bayaran sewa perumahan selama 1 bulan melibatkan 5,200 unit bagi skim RPA serta 2,076 bagi skim PPR, pengecualian bayaran sewa rumah kedai bahagian perumahan selama 1 bulan melibatkan 83 unit kedai, pemberian diskaun bayaran sewa premis oleh badan berkanun seperti PKNK, Perbadanan Stadium Negeri Kedah, Majlis Agama Islam Negeri Kedah, Yayasan Islam Negeri Kedah dan semua Pihak Berkuasa Tempatan.
Program Bantuan Lembaga Zakat Negeri Kedah berjumlah RM49.82 juta, saya rakamkan jutaan terima kasih kepada Pengerusi Lembaga Zakat Negeri Kedah, Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan CEO nya yang ada di sini Tuan Syed Zakaria Othman yang kita panggil Pakya Sidam. (YB. Jitra mencelah)

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Silakan YB. Jitra.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, YAB. Jeneri! Saya mulai faham apa yang disebutkan oleh YAB. Jeneri, mengenai kenapa tak boleh dibelanjakan lebih untuk tujuan covid ini kerana terdapat daripada apa yang dijelaskan YAB. Jeneri berkaitan dengan RM635 juta ataupun RM660 juta tadi, bahawa ini adalah jumlah yang telah pun diperuntukkan untuk tujuan yang tertentu, contohnya wang deposit untuk MARIS dan macam-macam lagi. Jadi, sebenarnya ini bukanlah simpanan yang boleh dibelanjakan atas keputusan kerajaan negeri untuk apa-apa tujuan sekalipun termasuklah untuk bantuan covid. Itu benar ya! Saya nak minta pengesahan YAB. Jeneri!

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Selain itu, bagi merancakkan kegiatan ekonomi dalam bentuk situasi pandemik Covid-19, Kerajaan telah melaksanakan cabutan kerja undi bagi pelbagai projek kerajaan tahun 2021 melibatkan 3 fasa berjumlah 1,406 projek dengan nilai RM127.37 juta yang memberi faedah kepada 1,406 kontraktor. Untuk tempoh berbaki 4 bulan lagi, bagi tahun 2021 kerajaan negeri telah memutuskan beberapa program, yang pertama bersetuju untuk menambahkan peruntukan sebanyak RM1 juta dalam bentuk pinjaman mudah yang akan dimanfaatkan oleh sekurang-kurangnya 300 usahawan.

Yang kedua kerajaan negeri akan akan membuat pemberian secara one-off berjumlah RM500,000 kepada 1,000 penerima yang terdiri daripada peniaga kecil wanita untuk memulakan perniagaan atau dibuat pusingan modal. Pembayaran akan dibuat ke akaun penerima pada bulan Oktober ini.

Yang ketiga, selaras dengan usaha membangunkan semula ekonomi setempat kerajaan akan meneruskan polisi zon bebas niaga di semua pihak berkuasa tempatan bagi memberi peluang kepada peniaga dan penjaja kecil boleh berniaga tanpa perlu khuatir akan tindakan penguatkuasaan. Terdapat beberapa Adun yang membangkitkan permohonan kepada pihak kerajaan untuk melaksanakan kemudahan projek kemudahan awam di bahagian kawasan masing-masing. Kerajaan mengambil maklum akan kesulitan yang dihadapi oleh masyarakat setempat. Untuk makluman semua ahli Dewan, kerajaan negeri telah melaksanakan projek penyelenggaraan jalan kampung bagi tahun 2020 berjumlah 431 projek bernilai RM38.57 juta, bagi tahun 2021 pula 529 projek bernilai RM51.19 juta. Permohonan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam dewan yang mulia ini akan dilaksanakan secara berperingkat Insya-Allah.

Isu kuari di Tupah. YB.Tanjung Dawai kata air berkarat kerana ada kuari di Sungai Tupah itu. Satu pemeriksaan tapak Kuari di sekitar Tupah dijalankan pada 23 Ogos 2021, bersama-sama Pihak Pejabat Tanah dan Galian Negeri serta agensi-agensi lain iaitu Lembaga Sumber Air, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains serta Jabatan Alam Sekitar. Di Tupah terdapat dua permit kuari iaitu Bestagold Resources Sdn. Bhd. yang aktif beroperasi. Sejak kini, satu permit Kuari Tanah Merah yang telah pun berhenti beroperasi pada April 2021. Kuari Bestagold masih lagi mempunyai permit melombong sehingga 24.2.2022, manakala permit Tanah Merah telah dihentikan pada April 2021 sebab itu lawatan tapak dijalankan didapati kuari berada selepas daripada kawasan loji rawatan air tumpah di mana air yang mengalir dari Gunung Jerai terus ke loji rawatan sebelum mengalir ke Sungai Tupah. Di dalam kuari bestagold, terdapat kolam-kolam yang memproses semula air dari kawasan kuari ini. Walaubagaimanapun pemantauan yang lebih ketat perlu dijalankan bagi memastikan kualiti ini tidak mencemarkan sumber air di Tupah. Ahli – Ahli Yang Berrhormat sekalian, saya ucapkan terima kasih…(YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN MOHD ZAWAWI

Yang Berhormat, minta laluan!

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Ya..silakan! Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Jeneri. Saya nak balik yang awal tadi lah berkenaan Rancangan 2035, mengikut dalam perancangan ini selalu di Malaysia ini bukan nak cakap mengenai Kedah saja. Di Malaysia ini, kalau perancangan buku ini memang cukup cantic. Ini masalah kita! Boleh perancangan macam kita ada di kerajaan ini pun, kita nak buat perancangan pertanian semuanya elok tapi masalah pelaksanaan, perlaksanaan dan ukuran pelaksanaan adalah keberhasilan.

Itu antara yang penting, perancangan penting, tapi keberhasilan itu macam saya katakan di sini kronologi yang disebut ini, kita dah ada daripada 1975, kajian perancangan sampai ke sekarang, satu, dua, tiga, empat, lima, enam, saya nak bagi contoh tahun 2000 sampai 2010, tindakan Kedah Maju 2010 saya duk ada di Dewan ini dah, MB pada masa ini cukup 'ambitious' 2010 nak maju dah ni, berapa pertumbuhan ekonomi, 15%! Tak munasabah YB, kita kata! 15% pertumbuhan KDNK. Jadi, oleh kerana itu kalau tengok ini payah kita nak analisis tu, jadi saya ingat banyak 'shortfall' dalam melaksanakan satu perancangan. Adakah Yang Amat Berhormat bersetuju supaya satu perbincangan yang jemput kita, kita minta kepada pegawai kerajaan tak boleh, yang akan membenarkan adalah YAB. Menteri Besar, ketua kerajaan. Mari kita lihat satu perbincangan yang agak terperinci, kita pun nak tengok juga dia punya sebab selalunya tak berjaya kalau kita tengok perancangan sekarang (YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Kalau kita nak celah ini tanya dengan ringkas lah!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN MOHD ZAWAWI

Ok! Ok! Tak apa! Kalau kita tengok kalau kita tengok hasilnya, Kedah, kata kalau tengok perancangan perkapita Malaysia duk ada dulu 46 sekarang ini 43, Kedah ini separuh 22 ribu per kapita. Kalau nak cakap perancangan ini, kita patut sama dengan Malaysia dah! That's mean, pelaksanaan perancangan selalunya bermasalah tapi saya tanya adakah Yang Amat Bershormat bersetuju supaya satu taklimat diberikan pada kita sama secara 'detail' ertinya tidak dirahsiahkan, supaya kita juga boleh melihat. Bolehkah berikan kepada kita nak tengok perancangan ini satu taklimat. Kami pun nak fikir juga peracangan itu praktikal atau tidak?

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Terima kasih YB. Alor Mengkudu! Argument yang dibangkitkan oleh YB. Alor Mengkudu dan saya tau sebab apa? Tiap-tiap kali kerajaan berubah, kerajan akan mengubah ikut dasar kerajaan politik masa itu lah! Bila kerajaan bertukar 2008, mai kedah sejahtera ikut Kedah Sejahtera, mai lepas itu BN menang ikut balik, ladang nanas hat tanam tu biar macam tu, biaq rumput lalang tumbuh, tinggi pada kita pasal apa? Pasal kita mengamalkan politik selepas bertukar satu kerajaan, kita mengamalkan dasar 'skrap of', kita buat skrap semua, ha lepas tu kita buat benda baru, pasal kalau kita sambung orang lama dapat nama. Kalau sambung Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua, katalah YB. Alor Mengkudu menang, mai duk tang ini, dia kata, kalau ak buat itu, YB. Jeneri boleh nama! Kita buat benda baru Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Saya, contoh! Jadi, itu 'skrap of', saya kata politik 'skrap of' kena buang jauh-jauh! Sebab itu saya tak ada masalah sambung yang YB. Jira buat dulu, sambung yang BN buat dulu, sambung tak apa pasal kita dah habis begitu banyak masa, banyak sumber, berpuluh-puluh kali seminar, berpuluh-puluh kali bengkel, jenter- jentera kerajaan ini, pegawai-pegawai kerajaan ini, saya ingat kalau habaq mereka boleh hafal dah, suruh buat apa!

Tiap-tiap kali mai kerajaan berubah, tauk buang boh dalam tong, saya rasa ini sangat merugikan sumber dan betul dengan titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, ahli politik kena menjadi ahli politik negarawan, jangan fikir pasal parti, nak menang naik election! Insya-Allah, kalau nilai kita baik, pilihanraya akan datang, rakyat akan sambung.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN MOHD ZAWAWI

YB. Tuan Speaker, YB. Jeneri, adakah bersetuju untuk bagi taklimat kepada kita semua.

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Nak jawab lani, itu itu intro dulu! Ok, YB. Jitra nak tanya apa?

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, YAB. Jeneri, apa yang dicadangkan oleh YB. Alor Mengkudu sangat penting sepertimana yang kita tahu di Parlimen sekarang ini, kerajaan persekutuan mula membentangkan RMK-Ke12.
Jadi, dalam taklimat tersebut bolehkah kerajaan negeri maklum kepada kami apa sebenarnya projek-projek Kerajaan Negeri Kedah yang dipohon daripada kerajaan pusat supaya kami Ahli Parlimen, YB. Gurun dan YB. Anak Bukit pun ada sini dan Ahli Parlimen daripada PAS pun ramai di dewan tu, boleh kami perjuangkan bersama dengan kerajaan negeri.

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Terima kasihlah Jitra dan YB. Gurun. Saya harap Ahli-Ahli Parlimen yang turut menjadi Adun dan terima kasih kepada Jitra dan Gurun begitu komited memberi masa kepada Dewan ini walaupun ada urusan di parlimen. YB. Anak Bukit tak hadir ya!

YB. TUAN SPEAKER

YAB. Jeneri, sila landing kita ada…(YB Suke Menanti mencelah)

YB. DATO' HJ. ZAMRI BIN YUSOF

Sikit YAB. Jeneri!

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Nak cadang lagi? Kelmarin cadang bagi duit, masa jadi kerajaan tak buat pun! Ni nak marah ni! Dia tau cadang saja masa dia jadi Exco kita tanya soalan dia tak jawab pun Kelmarin dia jadi Adun, dia cadang macam-macam! Bagi duit kat kawan ni, bagi duit kat kawan nu, masa dia dulu, dia tak buat pun!

YB. DATO' HJ. ZAMRI BIN YUSOF

Bagi ka tak bagi ni?

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Tak bagi! Agak-agak munasabah tak? Dia kahwin dengan orang tu, dia tau had dia tau had dia tera mana? Dia cerai-cerai dia kata macam-macam! Masa kawan tu jadi bini dia, dia tau dah tera mana? Jadi janda, dia suruh kawan tu buat macam-macam. Janganlah macam tu! Bukan marah ini nasihat! Tindakan skrap of yang dilaksanakan oleh tiap-tiap kerajaan yang berubah Ini digelar 'Political Vendetta' yang dilakukan oleh kerajaan yang sedia ada di banyak tempat lah kerana hal ini merugikan sumber sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan telah diperingatkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Sifat tidak berdendam dan berfikir secara matang serta mengutamakan kepentingan negeri daripada salah satu contoh sebagaimana ahli politik boleh berjiwa negarawan. Diharapkan selepas ini contoh dan sifat yang matang ini diteruskan oleh sesiapa pun yang diamanahkan sebagai kerajaan dan yang saya sedang usahakan ialah satu Presiden dan legasi yang cuba Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua diterapkan untuk generasi politik, generasi yang akan datang Insya-Allah.
Dalam plan yang dibangkitkan oleh YB. Alor Mengkudu dan YB. Jitra tadi, Insya-Allah saya akan usahakan supaya satu taklimat tentang rancangan pembangunan kerajaan negeri turut difahami oleh Ahli-Ahli Dewan daripada pembangkang. Nabi saw. bersabda hendaklah berbuat sesuatu yang tepat …(YB. Jitra mencelah)

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Ohh..ada lagi! SIlakan!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Sikit lagi! YB. Tuan Speaker dan YAB. Jeneri, bila saya mendengar tadi bahawa projek-projek kerajaan sebelumnya akan diteruskan tidak 'scrap of' katanya. Jadi, salah satu projek adalah 99 east di Langkawi. Jadi sepertimana YAB. Jeneri sedia maklum, pelbagai perkara telah dilakukan untuk selesaikan masalah yang membelenggu kerajaan negeri. Adakah kerajaan negeri berhasrat untuk meneruskan projek tersebut?

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Terima kasih YB. Jitra, saya tak pasti 99 east itu satu projek ataupun sebuah skrap, kalau dia skrap , kita tak boleh nak buat apa, dia kena of lah! Kalau dia skrap. Saya pun tau, YB. Alor Mengkudu pun tau dari zaman dahulu lagi bincang 99 east ini! Kalau 99 east merugikan kerajaan….(YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Dah selesai dan ada formula yang baik dah Yang Berhormat?

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Mai habaq kat saya! Tu saya kata telefonlah saya! YB. Jitra tak mau telefon langsung, sunyi sepi. Berbuat sesuatu yang tepat dan benarlah kalian dan amal yang paling dicintai Allah adalah amalan yang terus menerus meskipun sedikit. Hadis Riwayat Al-Bukhari kata Ibrahim Licoln. Sekiranya diberi 6 jam untuk menebang pokok, 4 jam akan digunakan untuk mengasah tapk. Saya harap time untuk mengasah kapak telah berlalu dan Insya-Allah kita akan tebang dan terbalikkan pokok itu! Telefonlah YB. Jira! Telefon saya Insya-Allah saya ok!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Minta maaf, saya dengar macam YAB. Jeneri nak landing dah! Di Dewan yang mulia ini, saya nak nyatakan, sepertimana yang kita sedia maklum pada 2 hari yang lepas, ada dakwaan yang sangat serius, yang saya anggap berat sewaktu saya menjadi Menteri Besar! Saya harap YAB. Jeneri boleh bertanggungjawab di atas kenyataan tersebut dan beri penjelasan kalau tidak dalam Dewan ini pun kurang-kurang di luar Dewan supaya tindakan susulan boleh kita ambil!

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Ok, YAB. Jitra saya buat kenyataan itu di dalam Sidang Akhbar di luar dan saya akan menjawab di sidang akhbar, Insya-Allah kerana perkara itu tidak dibangkitkan di dalam Dewan kerana perkara itu tidak dibangkitkan di Dewan dan saya tidak akan menjawab di dalam Dewan ini. Tapi nak bagi penjelasan juga sikitlah, peristiwa itu berlaku pada tahun 2014, berlaku 4 transaksi dana dari MBI, sertiap satu transaksi bernilai RM3.2 juta, RM3.3 juta kepada satu company yang menggunakan Barclays Bank, 2014. Ini saya jawab dah!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Di Kanada atau di mana tu? Sebab agak keliru! Sat kata Kanada lepas tu kata bukan Kanada, jadi saya tak pasti!

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Barclays Bank. Barclays Bank, saya pun tak tau, duit luar negeri. Dalam negeri pun tak dak duit! Saya amat berharap dalam gagasan yang telah kita gariskan untuk menjadikan negeri, tempat orang miskin dapat berteduh, orang kaya dapat berbakti, dapat sama-sama didokong oleh Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Untuk tidak melupakan matlamat yang lebih jauh yang kita gagaskan ialah bagaimana yang akhir-akhir ini jarang di sebut lagi dapat hidup di bandar-bandar besar dalam kepesatan yang telah dibawa oleh pembangunan, pelaburan, industri dan sebagainya yang akan datang mencurah-curah di Negeri Kedah ini,

di mana kedudukan orang-orang melayu di Kedah. Ini pun akan diberi perhatian oleh semua pegawai-pegawai daerah yang telah saya cakap secara personal kepada setiap pegawai daerah untuk mula merancang bagaimana di daerah masing-masing orang-orang melayu wajar dan wajib dibantu untuk diberi tempat dalam proses pembangunan dan permodenan yang sedang kita alami ini. Struktur-struktur bandar, kita nak bandar kita teratur, tak mau bandar kita tumbuh pesat membangun tapi bandar kita berselerak tabak, jangan ada ahli-ahli politik menjadi hero kepada mempertahankan struktur-struktur yang tidak sah. Ini dalam politik sangat popular untuk menjadi hero pi pertahan satu struktur yang tidak sah, orang situ akan undi dia! Kalau dia tak pertahan orang situ tak undi dia! Kalau dia tak pertahan orang situ tak undi dia. Dalam politik ini jadi 'begining power'. (dengan izin).

Saya berharap perkara ini dapat dihentikan. Kalau PBT mendapati bangunan itu tidak sah, aturan yang dikuatkuasakan oleh PBT, kita tak payahlah pi sua tangan di situ. Jemput pula orang-orang luar mai, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, mai duk kacau di Kedah ini. Negeri dia pun tak selesai, jagalah negeri hang duk mai kacau tempat kita buat apa? Tidak sah adalah tidak sah lah! Kita beri izin kelancaran pengurusan dan pentadbiran di PBT supaya kedudukan letak bandar kita menjadi teratur dan kemas untuk kita maju ke depan. Alam sekitar dan hutan akan kita jaga Insya-Allah untuk generasi akan datang. Masyarakat B40, N40 yang telah bercampur baur sekarang ini tak tau lah sekarang ini, tak tau lah sapa N40, sapa B40 dengan pandemik covid yang telah panjang dihuraikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.
Saya harap akan menjadi fokus kepada kerajaan negeri dalam proses kemajuan dan pembangunan untuk kita semua bangun bersama-sama. Ada yang susah ktia paut dia, kita bawa dia, kita tolong dia, tok sah kira warna apa. Politik warn aini dah lepas dah, sudah berlalu. Asalkan dia rakyat Negeri Kedah, rakyat Malaysia, berada di kawasan kita, kita tengok dia, kita tolong dia. Insya-Allah, dengan usaha yang baik, dengan niat yang ikhlas, Allah akan bantu kita, tang mana kita lemah, tang mana kita kuat Allah akan jayakan hasrat dan matlamat kita.

Berdayung mudik ke Kuala Sepat.
Kolek bocor dikayuh juga,
Kalau menimbang sama berat,
Kalau mengukur sama tepat.

Hijau menguning padi di sawah,
Tunduk berisi bagai nak rebah,
Pendirian kukuh tidak goyah,
Menghadap cabaran tidak gelabah.

Saya turut menyokong Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah ketika merasmikan Sidang Dewan pada kali ini. Saya mohon maaf dan ampun sekiranya ada ucapan-ucapan saya yang mengguris mana-mana pihak. Saya rakamkan jutaan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah sini atau sebelah sana yang telah memberi cadangan, kritikan dan pandangan untuk memperbaiki perjalan kerajaan kita. Insya-Allah.

Semoga jasa-jasa para pemimpin terdahulu yang telah mendahulu kita, telah berusaha bersusah payah, bersungguh-sungguh untuk memajukan rakyat dan negeri ini dianugerahkan pahala yang melimpah ruah oleh Allah swt. dan Allah memberkati dan merahmati kita semua, untuk kita menggalas gerabak kita yang panjang ini 2.1 juta rakyat Kedah bersama-sama bangsa lain di dunia ini berdiri sama tinggi duduk sama rendah. Insya-Allah.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakuh

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan sekarang ialah suatu usul yang berbunyi :-

> "Patek-Patek sekalian, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman di dalam Persidangan ini dengan penuh hormat dan takzimnya Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas perkenannya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyampaikan Titah Ucapan Sempena Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Keempat Belas".

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini minta kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.

III. MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG PENGAWALAN SEKOLAH AGAMA ISLAM (KEDAH DARUL AMAN) 2021

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Menarik Balik Rang Undang-Undang Pengawalan Sekolah Agama Islam (Kedah Darul Aman) 2021.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menarik balik Rang Undang-Undang Pengawalan Sekolah Agama Islam (Kedah Darul Aman) 2021 daripada dicadangkan dalam Sidang Dewan Undangan Negeri yang bertarikh 20 - 23 September 2021 seperti yang tercatat dalam Atur Cara Dewan Negeri bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Keempat Belas, mengikut Peraturan 62, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman. Sekian, terima kasih.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HJ. NAJMI BIN AHMAD

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan usul berkenaan.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan usul di bawah Peraturan 62, Peraturan Mesyuarat Dewan tidak boleh dipinda atau dibahas, maka saya bersetuju dengan usul tersebut. Dan dengan ini, saya mengesahkan bahawa Rang Undang-Undang Pengawalan Sekolah Agama Islam (Kedah Darul Aman) 2021 ditarik balik oleh pihak Kerajaan.
Sekian.

IV. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN SARAAN KERABAT DIRAJA (PINDAAN) 2021

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang Enakmen Saraan Kerabat DiRaja (Pindaan) 2021.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang Enakmen Saraan Kerabat DiRaja (Pindaan) 2021 dibacakan bagi kali yang pertama.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk bacaan kali pertama.

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan Rang Undang-Undang tersebut, sukacita dimaklumkan ianya telah diwartakan di dalam Warta Kerajaan menurut Perkara 59, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang bernama “Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Saraan Kerabat Diraja 1981”.

YB. DATO’ SURAYA BINTI YAACOB

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Saraan Kerabat Diraja 1981”.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menerangkan Rang Undang-Undang tersebut.

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon untuk mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Kedua di dalam Persidangan Dewan ini juga.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Kedua dan dengan ini sukacita saya memberi sedikit penjelasan mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Saraan Kerabat DiRaja (Pindaan) 2021 seperti berikut :-

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Saraan Kerabat Diraja 1981 (Enakmen 12) yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 8 September 1981 dan berkuatkuasa pada 1 Julai 1981.

Enakmen Saraan Kerabat Diraja 1981 (Enakmen 12) telah memperuntukkan peruntukan-peruntukan bagi pembayaran saraan kepada putera, puteri dan cucunda Sultan Kedah.

Rang Undang-Undang ini mengandungi 9 fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen cadangan.

Fasal 2 bertujuan untuk menggantikan Seksyen 2 Enakmen 12 bagi memperkenalkan tafsiran baharu ‘ahli Kerabat Diraja’.

Fasal 3 bertujuan untuk menggantikan seksyen 3 Enakmen 12 bagi mengadakan peruntukan saraan ahli Kerabat Diraja sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

Fasal 4 bertujuan untuk memperkenalkan seksyen baharu 4A dalam Enakmen 12 bagi mengadakan peruntukan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh mengecualikan saraan yang diberikan di bawah Enakmen 12 daripada dibayar atau untuk mengurangkan jumlah pembayaran itu kepada mana-mana ahli Kerabat Diraja berdasarkan keadaan yang dinyatakan dalam seksyen baharu 4A.

Seterusnya Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 5 Enakmen 12 bagi memperuntukkan umur ahli Kerabat Diraja yang lebih rendah daripada lima belas tahun kepada dua belas tahun untuk mula menerima pembayaran saraan yang diberikan di bawah Enakmen 12.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 6 Enakmen 12 dalam teks Bahasa Inggeris bagi memotong perkataan “forthwith”.

Fasal 7 pula bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 10A dalam Enakmen 12 bagi mengadakan peruntukan yang membolehkan Raja dalam Mesyuarat meminda Jadual yang diperkenalkan dalam seksyen 3.

Fasal 8 bertujuan untuk memperkenalkan Jadual baharu dalam Enakmen 12 yang mengandungi kategori dan amaun saraan ahli Kerabat Diraja.

Seterusnya yang terakhir adalah fasal 9 bertujuan untuk memasukkan kecualian dan peralihan.

Yang Berhormat Speaker, dengan ini saya mohon mencadangkan agar Rang Undang-Undang ini diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini.

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN MOHD ZAWAWI

Ada buka perbahasan ka? YB. Speaker boleh?

YB. TUAN SPEAKER

Ya..boleh!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN MOHD ZAWAWI

Terima kasih YB. Speaker! Pertama saya ingin menyatakan bagi pihak adun-adun pembangkang, yakin bahawa rang undang-undang ini telah dibawa dan telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sudah tentulah atas keyakinan memberi kebaikan dan atas kehendak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan tidak perlu ada apa-apa perbahasan lagi yang panjang dan saya ingin turut serta menyokong usul pindaan sepertimana yang telah dibentangkan oleh YAB. Jeneri. Sekian terima kasih.

YB. DATO’ SURAYA BINTI YAACOB

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah Rang Undang-Undang yang berbunyi “Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Saraan Kerabat Diraja 1981”

YB. TUAN SPEAKER

Tuan-Tuan yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipertsetujui)

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

"Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Saraan Kerabat Diraja 1981"

YB. TUAN SPEAKER

Dewan sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 1

YB. TUAN PENGERUSI

Tuan-Tuan yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 1 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 2

YB. TUAN PENGERUSI

Tuan-Tuan yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 2 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 3

YB. TUAN PENGERUSI

Tuan-Tuan yang bersetuju Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 3 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 4

YB. TUAN PENGERUSI

Tuan-Tuan yang bersetuju Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 4 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 5

YB. TUAN PENGERUSI

Tuan-Tuan yang bersetuju Fasal 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 5 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 6

YB. TUAN PENGERUSI

Tuan-Tuan yang bersetuju Fasal 6 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 6 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 7

YB. TUAN PENGERUSI

Tuan-Tuan yang bersetuju Fasal 7 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 7 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 8

YB. TUAN PENGERUSI

Tuan -Tuan yang bersetuju Fasal 8 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 8 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 9

YB. TUAN PENGERUSI

Tuan-Tuan yang bersetuju Fasal 9 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 9 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan.

YB. TUAN PENGERUSI

Sekarang Dewan kembali kepada persidangannya.

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbangkan oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang Ketiga dan sekarang diluluskan

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

"Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Saraan Kerabat Diraja (Pindaan) 2021. Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti tersebut. Bacaan Kali yang Ketiga.

V. PEMBENTANGAN LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pembentangan Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Darul Aman.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Darul Aman untuk membentangkan laporan tersebut.

YB. PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI KEDAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya mencadangkan usul ini, terlebih dahulu saya ingin memberikan sedikit penjelasan mengenai Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Darul Aman.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih terhadap kepercayaan yang diberikan kepada saya dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri untuk membuat pemeriksaan dan mengemukakan syor terhadap Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2017.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhomat Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan/Agensi Negeri, Pengarah Audit Negeri Kedah Darul Aman serta pegawai-pegawai yang terlibat dalam memastikan kelancaran pihak Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri dalam melaksanakan tugas.

Pada keseluruhannya, daripada maklum balas yang diterima dalam mesyuarat taklimat yang diberikan oleh jabatan/agensi kerajaan negeri/persekutuan, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Darul Aman berpuas hati dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh jabatan-jabatan yang terbabit. Isu-isu ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program telah berkurangan. Namun begitu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan.

Jabatan/agensi kerajaan yang menerima teguran Audit bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenalpasti. Pegawai Pengawal perlu lebih proaktif menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh bagi menentukan samada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan suatu usul yang berbunyi:-

> "Bahawa Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Darul Aman mengenai Laporan Ketua Audit Negara untuk Negeri Kedah Darul Aman Bagi Tahun 2017 Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Siri 2 seperti yang terkandung dalam Kertas Dewan Bil. 8 Tahun 2021 adalah dibentangkan".

Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan ini.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan sekarang ialah satu usul yang berbunyi :-

> "Bahawa Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Darul Aman mengenai Laporan Ketua Audit Negara untuk Negeri Kedah Darul Aman Bagi Tahun 2017 Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Siri 2 seperti yang terkandung dalam Kertas Dewan Bil. 8 Tahun 2021 adalah dibentangkan".

YB. TUAN SPEAKER

Tuan-Tuan yang bersetuju dengan cadangan ini pinta kata "setuju", yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.

VI. TANGGUHAN SIDANG DEWAN

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Tangguhan Sidang Dewan.

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Yang Berhormat Tuan Speaker, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Oleh kerana perkara-perkara di dalam Agenda Persidangan Dewan pada kali ini telah pun selesai dibincangkan, maka saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 16(3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya persidangan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABDUL RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sehingga perjalanan urusan mesyuarat dapat berjalan dengan sempurna dan teratur. Kerjasama yang sebegini diharap dapat diteruskan dengan baik lagi pada masa akan datang.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Sidang Dewan kali ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan diberitahu kelak.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari]